



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 13

Selasa

25 Mac 2025

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 (Halaman 37)

Rang Undang-undang Pemerangkapan,
Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 (Halaman 89)

Rang Undang-undang
Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 (Halaman 140)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Yang di-Pertua]
3. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Puan Dr. Hajah Fuziah bint Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
5. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
6. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
7. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
8. “ Tuan Manolan bin Mohamad
9. “ Puan Susan Chemerai Anding
10. “ Dato’ Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
11. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
12. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
13. “ Datin Hajah Ros Suryati binti Alang
14. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
15. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan
16. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah
17. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
18. “ Dato’ Sivaraj a/l Chandran
19. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
20. “ Tuan Abun Sui Anyit
21. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
22. “ Datuk Nelson W Angang
23. “ Puan Noorita binti Sual
24. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
25. “ Tuan Pele Peter Tinggom
26. “ Dato’ Setia Salehuddin bin Saidin
27. “ Datuk Rosni binti Sohar
28. “ Dato’ Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
29. “ Tuan Che Alias bin Hamid (Terengganu)
30. “ Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad (Perlis)
31. “ Tuan Azahar bin Hassan (Perlis)
32. “ Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mohammad Redzuan bin Othman. (Selangor)
33. “ Dato’ Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 34. | Yang Berhormat | Puan Tiew Way Keng. (Selangor) |
| 35. | " | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 36. | " | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 37. | " | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 38. | " | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 39. | " | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 40. | " | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor) |
| 41. | " | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 42. | " | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 43. | " | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 44. | " | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 45. | " | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 46. | " | Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 47. | " | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 48. | " | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 49. | " | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 50. | " | Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah) |
| 51. | " | Datuk Edward Linggu Bukut (Sabah) |
| 52. | " | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | " | Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II] |
| 3. | " | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |

AHLI TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 2. | " | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi] |

Hadir Bersama

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Tuan Loke Siew Fook [Menteri Pengangkutan]
(Seremban) |
| 2. | “ | Dato’ Seri Mohd Rafizi bin Ramli [Menteri Ekonomi]
(Pandan) |
| 3. | “ | Dato Sri Alexander Nanta Linggi [Menteri Kerja Raya]
(Kapit) |
| 4. | “ | Dato Sri Tiong King Sing [Menteri Pelancongan, Seni
dan Budaya] (Bintulu) |
| 5. | “ | Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)] (Sekijang) |
| 6. | “ | Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Menteri Sumber Asli
dan Kelestarian Alam] (Setiawangsa) |
| 7. | “ | Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi]
(Kulai) |
| 8. | “ | Tuan Adam Adli bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia
dan Sukan] (Hang Tuah Jaya) |
| 9. | “ | Datuk Ts. Mustapha Sakmud [Timbalan Menteri
Pendidikan Tinggi] (Sepanggar) |
| 10. | “ | Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri
Kesihatan] (Sibuti) |
| 11. | “ | Datuk Ugak anak Kumbong [Timbalan Menteri Digital]
(Hulu Rajang) |
| 12. | “ | Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan]
(Taiping) |
| 13. | “ | Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan
Menteri Kerja Raya] (Pontian) |
| 14. | “ | Dato’ Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Timbalan
Menteri Sumber Manusia] (Lipis) |
| 15. | “ | Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri
Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan) |
| 16. | “ | Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu [Timbalan Menteri
Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Sepang) |

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI
(HANSARD TEAM)**

Monarita binti Mohd Hassan
 Azhari bin Hamzah
 Rosna binti Bujairi @Bijirani
 Alzian binti Baharudin
 Rosmawati binti Mat Nor

Noraidah binti Manaf
 Siti Norlina binti Ahmad
 Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
 Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
 Hafilah binti Hamid
 Nor Faraliza binti Murad @Nordin Alli
 Herdawati binti Mohd Amir Abbu
 Noor Sheila binti Razali
 Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
 Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
 Yoogeswari a/p Muniandy
 Nor Aizafasya binti Zainal
 Nur Aliya binti Mustaz
 Adele Beatrice anak Rabeng
 Syaqira binti Abd. Razak
 Noor Azimah binti Ahmad @Abu Bakar
 Mohamad Saidi bin Daud

Nik Muhammad Ismail bin Karim

Azmir bin Mohd Salleh	Maryam binti Azinuddin
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Nor Kamsiah binti Asmad	Nurul Syakirah binti Ibharim
Aifarina binti Azaman	Suhaila binti Sariffuddin
Noorfazilah binti Talib	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Julia binti Mohd. Johari	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Ismalinda binti Ismail	Anisah Sahirah binti Hamzah
Amir Arshad bin Ab Samad	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Shazryn bin Mohd Faizal
Izzul Syazwan bin Abdul Halim	Sharon Eugena Jack Aman

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Selasa, 25 Mac 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

**USUL OLEH YANG BERTAMBAH HORMAT MENTERI
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 11**

10.03 pg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni

binti Sabu]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan hari ini tidak akan ditempokkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai semua urusan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak akan ditetapkan.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Datuk Seri Dr. Zaliha

binti Mustafa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya adalah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

1. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah bangunan yang terbiar di sekitar ibu kota dan daripada jumlah tersebut, apa usaha kerajaan dalam menyelesaikan isu bangunan terbiar ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, takrif bangunan terbiar atau usang adalah berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 74 dan 75 Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171 iaitu mana-mana bangunan atau bahagiannya yang berada dalam keadaan kotor tidak diselenggarakan, diliputi tumbuhan-tumbuhan liar dan boleh mendatangkan kemudaratan kepada persekitaran serta keselamatan awam.

Ini bermakna, tidak semua bangunan kosong secara automatiknya dikategorikan sebagai bangunan yang terbiar. Sesebuah premis hanya dianggap terbiar sekiranya ia memenuhi ciri-ciri fizikal tertentu yang menyakitkan mata memandang dan juga berbahaya. DBKL menjalankan penilaian terlebih dahulu sebelum mentakrifkan sesuatu bangunan sebagai terbiar. Sesetengah bangunan terbiar ditinggalkan terus oleh pemilik dan tidak dipedulikan. Namun, terdapat juga bangunan terbiar yang pemiliknya masih mengambil cakna dengan meletakkan mungkin papan tanda seperti untuk dijual dan sebagainya dan cuba mendapatkan pembeli.

Walau bagaimanapun, disebabkan keadaan fizikalnya yang daif, bangunan tersebut tetap ditakrifkan sebagai terbiar. Berdasarkan rekod terkini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga 20 Februari 2025, sebanyak 48 buah premis dan bangunan telah dikenal pasti sebagai bangunan yang terbiar di sekitar ibu kota dan daripada jumlah ini, 25 adalah bangunan kediaman, manakala 23 adalah bangunan komersial.

Analisis terhadap data ini menunjukkan bilangan bangunan terbiar di beberapa buah kawasan, antaranya di Jinjang Utara sekurang-kurangnya kita ada tujuh buah premis majoritinya kediaman dan ini mungkin disebabkan isu-isu setempat yang berpunca daripada perumahan

lama. Kemudian di Jalan Sultan Azlan Shah atau Jalan Ipoh mempunyai beberapa unit bangunan kediaman dan komersial yang ditinggalkan yang mencerminkan kemerosotan bandar atau *urban decay* atau pembangunan yang terbantut dan ketiganya, Tiong Nam. Beberapa buah premis di Lorong Tiong Nam disenaraikan, kebanyakannya terletak di deretan kedai lama atau bangunan pra merdeka yang usang.

Beberapa buah kawasan strategik yang lain juga seperti Jalan Bukit Bintang, Jalan Pudu dan Jalan Gombak turut tersenarai. Manakala- menandakan isu ini bukan sahaja berlaku di kawasan-kawasan pinggir bandar tetapi juga di lokasi utama komersial yang berpotensi tinggi.

Selain itu, turut mengejutkan apabila beberapa buah kawasan kejiranan yang secara umumnya dianggap matang dan stabil serta mempunyai permintaan hartanah yang konsisten seperti di Kepong Baru, di Taman Tun Dr. Ismail, di Setapak, di Cheras dan Kampung Pandan turut mempunyai bangunan terbiar. Ini berkemungkinan berpunca daripada isu pemilikan berlapis, perancangan warisan yang terbantut atau kegagalan pelaburan hartanah yang menyebabkan premis dibiarkan kosong dalam jangka masa yang lama.

Jadi, bagi menangani isu ini Yang Berhormat, DBKL telah mengambil beberapa langkah proaktif termasuklah mengeluarkan, pertama, dengan mengeluarkan surat pemberitahuan dan notis di bawah seksyen 74 dan 75 Akta 171 kepada semua pemilik premis yang terlibat.

Seksyen 74 memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengarahkan pemilik memperbaiki atau membersihkan bangunan yang kotor dan menyakitkan mata ini. Manakala seksyen 75 membolehkan tindakan diambil sekiranya pemilik gagal mematuhi arahan tersebut dan sehingga kini, hanya sembilan sahaja pemilik bangunan yang telah pun mengambil tindakan selepas menerima notis tersebut.

Menguatkuasakan peruntukan di bawah seksyen 83(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, ini Akta 133 yang membolehkan pihak berkuasa tempatan memerintahkan pembaikan pengubahsuaian atau perobohan mana-mana bangunan yang dianggap membahayakan keselamatan awam atau merosakkan nilai estetika persekitaran. Ketiganya, menganjurkan sesi libat urus bersama pemilik dan pertubuhan NGO juga, juga dengan persatuan penduduk bagi mencari penyelesaian bersama.

Jadi sebagai kesimpulan, bangunan terbiar di Kuala Lumpur mendatangkan kos kepada bandar sebenarnya termasuklah risiko keselamatan, kerosakan visual bandar dan juga kehilangan potensi ekonomi. Jadi DBKL sedang meneliti juga strategi guna semula ataupun *repurpose* dengan rakan strategik yang sesuai agar bangunan terbiar ini dapat dipulihkan dan masuk semula ke dalam kitaran pasaran.

Jadi, strategi pembangunan semula atau *redevelopment* pula sedang kita teliti untuk mengaktifkan semula kawasan yang usang secara yang lebih holistik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, terima kasih YB Menteri, soalan yang cukup mantap dan konklusif. Namun demikian masih ada soalan tambahan... [Ketawa]

■1010

Saya teliti jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Masalah bangunan terbiar ini, ia akan mendatangkan mengikut Menteri, kos kepada bandar, risiko keselamatan, kerosakan visual dan juga hilang potensi ekonomi. Ini perkara-perkara yang amat besar, yang boleh merugikan negara dan juga kerajaan. Apakah tindakan secara lebih *affirmative*? Lebih proaktif? Yang boleh dibuat oleh kerajaan, terutamanya DBKL ataupun mana-mana perbandaran. Kerana adakah boleh kerajaan mengambil alih terus bangunan-bangunan ini dan *refurbish* dan juga jual balik ataupun sewa? Maknanya, mesti ada satu *task force*, satu- organisasi yang khusus untuk melihat kepada perkara- permasalahan ini. Terima kasih Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan ini pun menarik kerana Yang Berhormat Menteri kan nak bentang undang-undang pembangunan semula bandar, kan?

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Itu Menteri KPKT, Yang di-Pertua. Baik. Bagi saya, saya bersetuju untuk kita mengadakan mungkin *task force* untuk kita melihat lebih terperinci tentang isu ini. Kalau kita lihat sebenarnya, Akta 171 Yang Berhormat Senator, seksyen 147. Contohnya, bagi bangunan yang mungkin cukai taksirannya tidak dibayar.

Jadi yang ini, seksyen 148 membolehkan PBT mengeluarkan notis menuntut bayaran dalam masa 15 hari. Jadi, kalau dalam masa 15 hari mereka tak juga melaksanakan pembayaran, maka apa yang PBT boleh buat ialah dengan menyita kan harta alih dalam bangunan melalui seksyen 149 dan 150. Ini membolehkan barang yang disita itu, dijual ya. Melalui mungkin lelongan awam ataupun jualan yang digunakan untuk membayar balik tunggakan yang ada lah.

Ini antara ruang kuasa ataupun bidang kuasa PBT. Untuk kita mengambil alih bangunan itu, seperti saya sebut tadi, kita ada akta-akta yang membenarkan kita untuk melaksanakannya. Saya bersetuju sebab sebenarnya menjadi trend di peringkat global untuk *repurpose of* bangunan ini seperti yang saya sebut tadi dan juga *redevelopment* supaya kita

mendapat balik nilai-nilai yang tinggi dari sudut ekonomi kepada PBT mahupun di peringkat negara. Terima kasih.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan, Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Tuan Manolan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Saya belum bagi kebenaran lagi. Fasal apa, soalan YB Manolan lepas ini.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tapi soalan ini penting jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Penting juga. Baik, tak apalah. Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey. Terima kasih Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di mana kita tahu kebanyakan bangunan ini yang *abandoned* ataupun terbengkalai atau pun tak digunakan disebabkan tidak ada urusan niaga jual beli di tempat tersebut. Salah satu faktornya adalah disebabkan mereka atau pembeli baharu ini tak boleh membuat pinjaman baharu disebabkan oleh geran tanah tersebut masih di dalam geran besar- *master title* dengan izin, dan tidak boleh dipindah milik disebabkan oleh pemaju awal tadi mungkin bankrap dan diserahkan kepada *liquidator* yang baharu. Maka, itu berlaku, saya fikir. Jadi soalan saya, apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi isu ini supaya urusan niaga *property* di situ boleh berlaku? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Jadi, terima kasih Yang Berhormat Senator. Bagi saya, urusan urusan niaga ini kita kena tengok lebih telitilah, sebab dia bukan hanya melibatkan PBT, tetapi banyak lagi *stakeholders* yang lain. So, saya kira apa yang boleh kita lakukan di peringkat PBT ialah kita menjadi pihak yang bertanggungjawab untuk menyelia dan kita boleh juga panggil *all the stakeholders* dan kita bincang dengan baik perkara ini dan melihat ke depan, apakah caranya yang boleh kita laksanakan untuk membantu? Contohnya. Sama ada di pihak pemaju mahupun di pihak pembeli. Terima kasih.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Boleh, Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua: Datin Ros nak juga?

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Nak, nak.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, okeylah.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan saya, selain daripada mencatatkan pemandangan dan keindahan suatu tempat disebabkan bangunan terbiar, adakah kerajaan merancang untuk membawa undang-undang atau penguatkuasaan peruntukan sedia ada untuk

memindah alih pemilikan bangunan terbiar itu kepada kerajaan? Selain bangunan terbiar itu juga menjadi sarang kegiatan jenayah dan juga maksiat. Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi perkara ini? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini yang tadi kita sebut, maksudnya dalam kita menangani isu-isu seperti ini, memang kita kenal pasti banyak bangunan-bangunan usang yang terbiar khususnya. Contohnya, flat-flat yang terbengkalai dan sebagainya dan menjadi sarang maksiat, tempat orang mengambil dadah dan sebagainya. Jadi, sebab itu kita hadirkan, *insya-Allah* dengan satu- akan datangnya, Akta Pembangunan Semula untuk memastikan bahawa perkara ini kita dapat atasi dengan baik dan mengikut keperluan perundangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Tuan Manolan bin Mohamad.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

2. Tuan Manolan bin Mohamad minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, perancangan kementerian untuk memajukan Tasik Bera dan Tasik Chini yang merupakan tasik semula jadi terbesar dan kedua terbesar di Malaysia bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato Sri Tiong King Sing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan agensi *Tourism Malaysia* sentiasa komited dan berusaha mempromosikan, tarik pelancong di seluruh Malaysia. Untuk Ahli Yang Berhormat, sebarang cadangan ataupun perancangan untuk memajukan lokasi pelancongan perlu diperbincangkan terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri dan UPEN masing-masing.

Setakat ini, MOTAC masih belum menerima sebarang cadangan baharu bagi memajukan Tasik Bera dan Tasik Chini. Sehubungan dengan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan projek baharu, asalkan ia adalah selaras dengan hala tuju MOTAC, dengan keutamaan Kerajaan Negeri Pahang melalui bahagian pelancongan- UPEN Pahang bagi membantu menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Tasik Bera dan Tasik Chini, khususnya di negeri Pahang.

Kementerian MOTAC memang menyokong cadangan-cadangan daripada Kerajaan Negeri Pahang dan UPEN. Jadi, saya memohon kalau boleh Yang Berhormat Senator berbincang sama-sama Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tambahan Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan yang sangat baik dan bagi cadangan. Di Pahang ini, di Malaysia, kita ada tempat pelancongan yang selalu menjadi tumpuan pelancong. Kalau di Utara, ada Pulau Pinang. Kalau di sebelah Barat, ada Melaka. Di Selatan, ada Johor, tetapi di Pantai Timur ini nampaknya dia kurang menjadi tumpuan ataupun kurang promosi saya fikir. Sedangkan di Pahang ini kita ada tempat yang dingin seperti Genting Highlands, Cameron Highlands dan pulau bebas cukai iaitu Pulau Tioman.

Jadi, soalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan, program yang akan dilaksanakan oleh MOTAC pada tahun ini? Khusus pada tahun ini, bagi menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa boleh berkunjung ke negeri Pahang? Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat Menteri. Soalan ini sebenarnya spesifik pada Tasik Bera dan Tasik Chini. Soalan Yang Berhormat Manolan itu lebih luas skopnya. Jadi, terpulang pada Yang Berhormat Menteri untuk memberi, untuk menjawab.

Tuan Manolan bin Mohamad: Nak tarik pelancong.

Dato Sri Tiong King Sing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas bantu dan peringatkan kepada saya. Memang soalan ini sudah keluar asal. Walau bagaimanapun, saya bagi maklumat sikit bagi sama semua kita Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita dalam tahun ini, kita menjalankan promosi bersama-sama ataupun kita kerja sama kerajaan negeri ataupun itu majlis- itu pelancong di Johor. *Sorry*, di Pahang. Ini kita ada penganjuran sesi libat urus dengan penggiat industri pelancongan di Pahang pada 16 April 2025.

■1020

Dua, penyertaan *Tourism Malaysia* di dalam *MATTA Fair* Pahang 2025 pada 16-18 Mei 2025. Penganjuran *Industrial Network Golf Tournament* di Pahang pada bulan Jun 2025. Penganjuran Karnival Cuti-cuti Malaysia di *East-Coast Mall*, Kuantan pada 11 ke-13 Julai 2025. Lain-lain itu, paling mustahak Kerajaan Negeri, Majlis Pelancongan mestilah mahu agresif, keluar pakej-pakej ataupun produk-produk untuk orang datang melancong. Itu paling mustahak dan lain-lain kalau mahu detil, nanti saya akan jawab bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Tan Sri Low Kian Chuan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

3. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah pihak kementerian akan mempertimbangkan untuk melaksanakan cukai caj kesesakan sekarang memandangkan isu sambungan *first mile* dan *last mile* telah diselesaikan melalui perkhidmatan van transit atas permintaan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 13(1) di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 memberikan kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk menetapkan caj kesesakan di mana-mana kawasan yang ditentukan dengan persetujuan pihak berkuasa berkenaan di mana kawasan yang hendak dikenakan caj kesesakan. Perkara ini telah dibincangkan secara mendalam melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesesakan Jalan Raya dan Kementerian Pengangkutan berpandangan fokus utama sekarang adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam. Oleh itu, Kementerian Pengangkutan tidak dan belum bercadang lagi untuk melaksanakan caj kesesakan ke atas kenderaan persendirian buat masa ini.

Dalam perkembangan yang berkaitan, MOT juga sedang melaksanakan kajian Pelan Strategik Pengangkutan Awam Lembah Klang yang turut merangkumi Kajian *Origin-Destination*, manakala MIROS melalui kerjasama dengan *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* sedang melaksanakan kajian mengenai pelaksanaan caj kesesakan yang merangkumi pelbagai aspek termasuk mekanisme pelaksanaan, unjuran penurunan jumlah trafik serta kadar peningkatan penggunaan pengangkutan awam sekiranya caj ini diperkenalkan. Kajian ini antara lain bertujuan untuk mengkaji kesesakan jalan raya semasa dan akan datang dalam menentukan waktu-waktu puncak kesesakan berlaku dan mengukur tahap kesesakan serta faktor penyebabnya.

Selain itu, ia juga adalah bertujuan untuk mengkaji dan menyemak garis panduan, peraturan serta akta semasa yang merangkumi sistem dan corak perjalanan, analisis ciri perjalanan termasuk koridor-koridor yang berkaitan sebagai laluan utama masuk dan keluar dari kawasan terancang. Dalam hubungan ini, MOT berhasrat agar kajian PSPA Lembah Klang dijadikan sebagai penanda aras untuk mempertingkatkan mutu pengangkutan awam di negeri-negeri lain juga.

Kesimpulannya, negara-negara maju hanya melaksanakan caj kesesakan setelah mempunyai sistem pengangkutan awam yang baik dan mampan selain disokong oleh *first and*

last mile connectivity yang menghubungkan stesen pengangkutan awam dengan kawasan tumpuan serta pembangunan guna tanah mampan diintegrasikan dengan konsep *Transit-Oriented Development* (TOD).

Untuk menjawab soalan daripada Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan, walaupun betul perkhidmatan *miles transit* telah pun bermula, ini berasaskan kepada konsep *Demand Responsive Transit* (DRT), namun begitu ia hanyalah permulaan sahaja. Setakat ini, van transit ini hanya terhad di kawasan-kawasan tertentu. Walaupun ada perancangan untuk menambah van-van ini dalam masa beberapa bulan akan datang, namun skalanya belum cukup besar untuk merangkumi keseluruhan kawasan Lembah Klang. Setakat ini kita belum lagi berpuas hati bahawa ia menyelesaikan isu *last and first mile connectivity* ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Tan Sri Low.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang cukup baik dan komprehensif. Soalan tambahan saya telah dijawab... *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Wah!

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Robert.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Adakah caj yang dicadangkan akan membantu mengurangkan kesesakan jalan di bandar? Bukanlah lebih baik untuk melabur dalam sistem bas untuk sambungan *last mile connectivity*? Kajian telah dilakukan menunjukkan bahawa perkhidmatan bas adalah sangat penting jika tidak lebih untuk pengangkutan bandar.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, memang itu yang saya katakan. Kita belum lagi bercadang untuk mengenakan caj kesesakan. Itu hanya satu kajian dan cadangan yang dilontarkan oleh pelbagai pihak sebagai *solution* kepada isu kesesakan jalan raya khususnya di Lembah Klang. Saya nak tegaskan bahawa tak adapun kajian di luar Lembah Klang. Mungkin ada yang keliru bahawa sebab ada laporan kata nak Johor Bahru nak, Pulau Pinang nak caj kesesakan dan lain-lain tempat, tak ada.

Saya nak tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, tak ada pernah ada apa-apa cadangan ataupun kajian terhadap caj kesesakan ini di luar Lembah Klang. Memang di Lembah Klang perkara ini bukan perkara baharu. Topik caj kesesakan ini saya rasa sejak 20 tahun lalu sudah pernah dibincangkan pun.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mengangguk. Dia pun tahu. Beliau pun tahu di Dewan Rakyat semasa beliau jadi Ahli Parlimen pun dah lama dibincangkan, dibahaskan perkara

ini, tetapi tak pernah kita laksanakan sebab saya rasa bagi pihak kerajaan, ia belum matang lagi. Ia belum sesuai lagi kerana keadaan pengangkutan awam dalam negara kita, walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak 10 hingga 15 tahun lalu daripada perancangan LRT, selepas itu pembinaan dua- laluan MRT. Sampai hari ini walaupun kita sudah ada pelbagai mod, sekarang ini ada LRT, ada MRT, ada BRT, ada monorel tetapi Lembah Klang punya kerangkuman ini belum lagi keseluruhan.

Jadi, memang belum kita ada apa-apa perancangan nak dikenakan caj. Setakat ini hanya ada kajian. Kajian pun lihat sejauh mana ia berkesan. Kalau nak laksanakan di Kuala Lumpur ini bagaimana? Sebab nak masuk Kuala Lumpur ini pelbagai laluan. Dia tak macam Singapura. Singapura mungkin dia punya CBD dua, tiga- jalan sahaja di kawasan dia, kecil, tetapi kawasan Kuala Lumpur ini nak masuk Kuala Lumpur dan kawasan yang sesak bukan sahaja di CBD. Nak masuk Kuala Lumpur, Sungai Besi pun jem. Dari Jalan Genting Klang pun jem. Dari Puchong lagi jem. Jadi, nak kena mana? Itu banyak perancangan, banyak kajian perlu dibuat. Jadi, belum ada.

Jadi, saya rasa yang penting apabila soalan ini ditimbulkan sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, kita sentiasa berhati-hati untuk menjawab kerana kita tak nak *create* panik kepada rakyat. Apabila saya jawab ada kemungkinan, nanti berita akan tulis ada kerajaan bercadang nak dikenakan caj kesesakan, riuh-rendah di kalangan rakyat. Jadi, saya nak tegaskan dan jelaskan dengan sejelas-jelasnya bahawa memang ada kajian lihat sejauh mana ia boleh dilaksanakan tetapi belum ada perancangan. Itu jawapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Dato' Kesavadas nak tanya juga?

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya, boleh. Ya, terima kasih Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sementara perkhidmatan van transit atas permintaan telah menambah baik ketersambungan batu pertama dan batu terakhir, adakah kementerian mempunyai garis masa yang konkrit untuk menilai keberkesanan perkhidmatan ini sebelum melaksanakan cukai caj kesesakan jika diadakan? Selain itu, apakah langkah yang diambil untuk memastikan perkhidmatan ini kekal mampu milik dan cekap untuk orang ramai terutamanya penumpang yang berpendapatan rendah? Sekian, terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Datuk Yang di-Pertua, saya nak jawab ini untuk juga menyentuh sedikit apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Robert Lau tadi, berkenaan dengan bas. Van transit ini dia bukannya mod terakhir atau satu-satunya mod. Dia adalah pelengkap ataupun *complimentary* kepada sistem bas kita. Jadi di Kuala Lumpur ini, kita ada pelbagai mod. Di Lembah Klang ini pelbagai mod. Modnya ialah seperti yang saya

katakan, kita perkenalkan My50. Satu- pas perjalanan tanpa had yang di mana semua perkhidmatan Prasarana digunakan oleh rakyat.

Dengan RM50 sahaja satu bulan tanpa had, 30 hari dia boleh pakai LRT, MRT, monorel, BRT dan juga bas Rapid Kuala Lumpur, tetapi itu pun belum mencukupi lagi sebab dari rumah nak pergi ke stesen MRT, stesen LRT, dia punya *last mile, first mile*. Itu sebabnya perkhidmatan terbaharu kita, kita perkenalkan transit, van transit yang dikatakan konsep sebagai *Demand-Responsive Transit* (DRT). Kita pakai van sahaja. Van itu sekarang ini caj RM1 sahaja. Dia punya kadar pun dalam RM1 hingga RM2 sahaja.

■1030

Selangor pun ada. Kerajaan Negeri Selangor pun ada buat perkhidmatan ini, dia pun dikenakan caj RM2 sahaja. Jadi, kalau nak tanya mampu milik atau tidak mampu milik, memang mampu lah. Kalau RM1, RM2, itu saya rasa tak boleh dapatlah sebab kalau *you* pakai *e-hailing* pun paling murah pun, paling minimum pun RM5 hingga RM7 walaupun jarak dekat. Jadi, ini memang sesuatu yang saya rasa amat berpatutan kepada rakyat untuk gunakan. Berapa van yang kita nak gunakan?

Prasarana ada perancangan untuk beli 300 buah van. Menjelang bulan Jun ini akan ada 300 buah van di seluruh Lembah Klang. Jadi, ini akan kita lihat sejauh mana dia berkesan. Dia berkesan pun bukannya setakat kita tengok dua atau tiga bulan, *at least* kena mungkin satu atau dua tahun untuk lihat keberkesanannya. Kalau ada keberkesanannya, sudah tentu kita akan tambah.

Sama ada dia *sustain* atau tidak? Memang kita kerajaan akan melaburlah sebab Prasarana ini syarikat milik kerajaan dan kalau syarikat swasta terlibat, Kerajaan Negeri Selangor pun ada memberikan sokongan. Mereka pun ada bagi dana kepada syarikat swasta untuk melaksanakan perkara ini. Jadi, sama-sama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dalam isu ini untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan kepada rakyat daripada segi *first and last mile* ini.

Jadi, ini lah pelengkap kepada sistem bas, Yang Berhormat Robert Lau tanya. Memang kita menyokong bas. Kita tambah lagi bas dekat Lembah Klang. Bukan sahaja Lembah Klang, di seluruh negara. Semua ibu negeri sekarang ini kita perkenalkan Program Transformasi Bas Berhenti-henti termasuk di Kuching. Baru-baru ini ada BAS.MY Kuching yang kita telah perkenalkan.

Di Johor Bahru umpamanya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua amat tahu dan saya nak ambil kesempatan ini untuk juga jawab sebab BAS.MY Johor Bahru ini sepatutnya dia punya kontrak tamat bulan ini. Jadi baharu semalam kita telah sambungkan dua tahun lagi untuk

BAS.MY Johor Bahru ini ataupun myBAS Johor Bahru dua tahun lagi supaya dia boleh tambah lagi banyak laluan dan kita akan kaji balik kontrak itu untuk satu jangka masa yang lebih panjang selepas dua tahun kontrak jangka masa pendek ini.

Jadi, saya harap usaha-usaha ini dapat membantu rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Kesavadas bahawa van ini akan kita teruskan sebagai satu usaha pelengkap kepada sistem pengangkutan awam negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB. Menteri. Satu jawapan yang betul-betul komprehensif. Saya pun tak tahu kenapa orang nak tanya soalan tambahan lagi... *[Ketawa]*

Datuk Rosni binti Sohar: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Itu menunjukkan bahawa YB. Menteri memang amat memahami skop kementerian dan juga masalah yang dihadapi.

Sekarang ini saya jemput Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

4. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Pendidikan menyatakan, keberkesanan dan kejayaan program-program yang dilaksanakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar sekolah meminati subjek aliran STEM.

Timbalan Yang di-Pertua: YB. Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina berkenaan dengan isu STEM. KPM sentiasa komited untuk memupuk minat dan memperkukuhkan penguasaan dalam bidang STEM dalam kalangan murid. Melalui *task force* pendidikan STEM bagi memperkasakan haluan pendidikan STEM negara, pelbagai inisiatif dan program telah pun digerakkan untuk menyemarakkan minat murid STEM sekolah rendah dan sekolah menengah terhadap bidang STEM.

Sehingga Jun 2024, ratusan enrolmen murid STEM telah menunjukkan peningkatan daripada 40.95 peratus pada tahun 2021 kepada 50.83 peratus pada tahun 2024. Ini mencerminkan keberkesanan inisiatif program yang dilaksanakan. KPM telah memperkenalkan pelbagai aktiviti kokurikulum untuk memupuk minat STEM. Program-program seperti Karnival STEM, Pertandingan Inovasi STEM, teknologi kejuruteraan serta Pertandingan Robotik Kebangsaan telah dianjurkan bermula di peringkat sekolah, memberi peluang kepada murid dari pelbagai latar belakang untuk menunjukkan bakat masing-masing.

Pelbagai kejayaan telah pun dirangkul oleh murid Malaysia termasuk pingat emas dan perak dalam *World Robot Olympiad Open Championship 2024* di Brescia, Itali; Pingat Perak dan Gangsa dalam pertandingan Olimpiad Matematik Antarabangsa 2024 di *United Kingdom*; *Third Grand Award in Chemistry* dalam *Regeneration International Science and Engineering Fair 2024* di LA, Amerika Syarikat dan pada masa yang sama pada bulan Januari ini, tiga orang murid Orang Asli dari Sekolah Kebangsaan Sri Permai Gua Musang, Kelantan telah melakar sejarah tersendiri apabila berjaya mewakili Malaysia dalam *International Robot Olympiad* ke-26 di Busan, Korea.

Dalam penyediaan ruang pembelajaran STEM yang lebih inklusif, pada tahun 2024 KPM telah menyelenggara dan menaik taraf sebanyak 506 buah Makmal Sains dan 525 buah Makmal Komputer dengan peruntukan RM90 juta. Pada masa yang sama, KPM telah membekalkan bahan dan juga peralatan sains baharu kepada 1,265 buah sekolah rendah dengan peruntukan RM6.9 juta dan 1,050 buah sekolah menengah yang melibatkan kos sebanyak RM18.9 juta di seluruh Malaysia. KPM juga merupakan ahli dalam Jawatankuasa Rangkaian Kolaboratif Pusat Sains Malaysia (MySains) yang diterajui oleh MOSTI.

Program yang memberikan fokus kepada komunikasi sains antaranya termasuk Program Sains, Teknologi dan Inovasi (STI 100³), Kembara Sains Borneo, Malaysia Techlympic dan STEM Camp telah berjaya dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran minat murid, ibu bapa dan masyarakat tentang STEM. Pada tahun 2024, Minggu Sains Negara anjuran MOSTI telah berjaya menarik lebih daripada 80,000 orang pengunjung di seluruh negara yang mana majoritinya terdiri daripada anak-anak sekolah di bawah KPM. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, YB Dr. Martina.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti kita- semua sedar bahawa cabaran untuk menarik minat pelajar-pelajar memasuki bidang STEM ini adalah amat besar bagi kerajaan kita. Jadi, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa 50.8 peratus pelajar mendaftar aliran STEM. Satu peningkatan yang baik.

Namun begitu, sasaran dasar dahulu adalah 60 peratus sains, 40 peratus sastera. Jadi soalan saya, selaras dengan cadangan Pelan Pendidikan Masa Depan Malaysia 2026-2036, adakah KPM bercadang untuk mengkaji dan menyemak semula dasar ini kerana ia masih belum dapat mencapai sasaran 60 peratus. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, YB.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang diajukan. Seperti yang dimaklumkan,

seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum, Dasar 60:40 ini telah pun ditetapkan sekian lama dan sehingga kini, statistik yang terkini adalah sebanyak 50.83 peratus. Walaupun ia masih belum lagi mencapai 60 peratus tetapi daripada trend setiap tahun mulai tahun 2021, kita boleh nampak ia memaparkan satu trend peningkatan.

Saya bagi contoh 2021, 40.95; 2022, 40.94; 2023, dengan usaha daripada KPM dan juga kesemua pihak, ia telah pun meningkat kepada 45.73 peratus dan ia ditingkatkan untuk lebih kurang lima peratus lagi dalam masa satu tahun dari tahun 2023 sehingga 2024 iaitu sebanyak 50.83 peratus.

Kami yakin bahawa sasaran 60 peratus itu dapat kita capai dan sekiranya kita meneliti pencapaian enrolmen STEM bagi setiap negeri pun, ia memaparkan satu trend yang meningkat. Usaha untuk membudayakan dan juga menarik minat murid-murid kita berkenaan dengan mata pelajaran STEM ini akan diteruskan termasuklah apa yang telah pun saya sebut tadi dan kami berharap dengan kesemua usaha ini, sasaran 60 peratus tersebut dapat dicapai. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Rosni binti Sohar: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri peluang kepada Prof. Dato' Dr. Redzuan.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: *[Bangun]*

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: Berilah. Saya jarang-jarang bercakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Kali pertama ya?

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: Kali kedua, eh kali keempat.

Timbalan Yang di-Pertua: Kali keempat dah? Okey, dah selalu.

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya mengemukakan beberapa pandangan dan juga cadangan kepada Yang Berhormat Menteri.

Pertama, saya ucapkan tahniah kepada KPM kerana telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan minat pelajar-pelajar kepada STEM, tetapi mahu tidak mahu kita harus menyedari bahawa masalah kekurangan minat pelajar pada STEM ini ialah masalah global. Termasuklah dalam kalangan negara maju. Oleh itu, inisiatif yang diambil oleh KPM ini merupakan suatu yang sudah sampai masanya kerana bagi negara yang ingin menuju kepada negara maju, keperluan kepada STEM ini merupakan suatu yang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat pada hari ini antara faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar kurang minat kepada STEM ialah kerana perkembangan ilmu pengetahuan yang semakin meningkat. Wujudnya multidisiplin, interdisiplin dan sebagainya yang tidak semata-mata mengkhususkan kepada aliran STEM. Ini merupakan satu perkara yang tidak dapat kita elakkan dengan perkembangan yang berlaku pada waktu ini, tetapi pada pengamatan saya, apa yang berlaku sebagai seorang pendidik, kekurangan minat pelajar pada STEM di Malaysia tidaklah sampai kepada peringkat yang teramat serius kerana di Malaysia kita mempunyai sekolah-sekolah yang mengkhususkan kepada STEM. MRSM, SBP, sekolah agama.

Timbalan Yang di-Pertua: Prof., soalan Prof... *[Ketawa]*

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohamad Redzuan bin Othman: Boleh saya minta Tuan Yang di-Pertua berikan sedikit masa sebab saya pun- yang lain itu saya tidak mahu campur sebab ini bidang saya, saya boleh. Boleh, Tuan Yang di-Pertua? Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Saya takut nanti Timbalan Menteri hilang dia punya apa ini...

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohamad Redzuan bin Othman: Tidak apa. Okey, saya terus kepada cadangan. Cadangan. Okey, saya hormati Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohamad Redzuan bin Othman: Apa yang berlaku pada hari ini, saya sebutkan tadi soal interdisiplin dan multidisiplin sebab tidak semestinya pelajar aliran STEM ini, mereka akan terus menjadi mereka yang kepakaran dan juga daripada segi kariernya dalam STEM. Maksudnya, kalau dahulu mereka boleh menjadi doktor, *engineer* dan sebagainya, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya berjumpa dengan pelajar yang dapat 9A, tetapi kemudiannya mereka membuat bahasa Mandarin, mereka mendapat 7A.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya faham Prof., tetapi ini sesi soal jawapan-jawapan lisan... *[Ketawa]*

Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohamad Redzuan bin Othman: Okey. Cadangan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada tidak kemungkinan kita membuka STEM ini kepada yang lebih luas? Maksud saya, kalau pada waktu ini aliran STEM mereka dibenarkan mengambil sama ada terkecuali mengambil biologi, tetapi membuat *accounting*.

Ada kemungkinan tidak kita perkenalkan lebih banyak mata pelajaran yang memberi ruang kepada mereka untuk melanjutkan pengajian ke pelbagai bidang sebagai contoh sudah tentu Yang Berhormat Senator Profesor Emeritus Awang Sariyan setuju, kita perkenalkan pengajian sastera sebagai contoh. Geografi ataupun mata pelajaran lain yang juga memberikan ruang yang lebih luas kepada pelajar STEM ini untuk meluaskan karier mereka setelah

menamatkan SPM khususnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih atas pencelahan dan juga cadangan diberikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Profesor, sememangnya pihak KPM menawarkan pelbagai pakej STEM dalam sistem pendidikan kita. Kita ada pakej STEM A, STEM B, STEM C. Kita juga termasuk mereka yang mengambil mata pelajaran Matematik tetapi tidak mengambil Pakej A atau B atau pada masa yang sama juga, termasuk pakej ditawarkan juga termasuk mengambil mana-mana satu pelajaran elektif STEM dan dengan mata pelajaran yang lain dan sebagainya. So, secara ringkas pakej STEM- pelbagai pakej STEM ada disediakan oleh pihak KPM untuk membolehkan anak-anak kita membuat pilihan yang terbaik mengikut minat masing-masing.

Apabila kita berbincang berkenaan dengan usaha untuk menarik minat anak-anak kita untuk pembelajaran STEM, maka ia juga merangkumi beberapa segmen ataupun bidang termasuklah latihan daripada segi latihan guru, bukan minat di kalangan murid dan pada masa yang sama juga peningkatan infrastruktur yang seperti saya jawab tadi dan juga kerjasama dengan rakan-rakan strategik dan juga usaha-usaha merentasi kementerian seperti kerjasama kita dengan pihak MOSTI.

Kita mengambil iktibar, mungkin ada anak-anak sains STEM yang selepas ini tidak kerja atau memilih kerjaya di bidang STEM. Maka, pihak KPM juga ada kolaborasi dengan rakan-rakan strategik untuk membawa industri masuk memberikan kesedaran kepada anak-anak kita bagaimana keperluan industri di luar. Usaha ini sedang hendak dilakukan oleh pihak KPM melalui kolaborasi kita dengan *Penang Science Centre* dan ini merupakan satu usaha yang sedang dilaksanakan pada masa kini. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, sekarang saya jemput Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 5.

5. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menyatakan, apakah tindakan kerajaan untuk menangani masalah *e-waste* yang membimbangkan di mana berdasarkan kajian bahawa jumlah *e-waste* akan terus meningkat dan dijangka akan mencecah sebanyak 24.504 juta unit menjelang tahun 2025 ketimbang 17.065 juta unit pada tahun 2020.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Menjawab tentang soalan sisa elektronik ataupun *e-waste* yang ditanya. Trend penghasilan *e-waste* dijangka mencecah 24.5 juta unit bersamaan dengan 284,941.2 metrik tan menjelang tahun ini. Jumlah pengumpulan *e-waste* yang berjaya dikumpul semenjak tahun 2014 hingga 2023 hanyalah sebanyak 147 metrik tan pada 2014 dan yang terbaharu ialah 2,657 metrik tan.

Jadi, kalau kita lihat angka ini, ini hanya mewakili satu peratus daripada jumlah *e-waste* yang dihasilkan. Ini menunjukkan kesedaran pengurusan *e-waste* sama ada di kalangan rakyat ataupun daripada sistem menguruskan *e-waste* masih lagi pada tahap yang rendah. Justeru, bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dalam perkara ini, kementerian menerusi Jabatan Alam Sekitar kita telah merangka pelan *Communication, Education and Public Awareness*, dengan izin CEPA, dengan objektif untuk menyebarkan luas kepentingan pengurusan *e-waste*, meningkatkan lagi kesedaran orang awam berkaitan *e-waste* dan merencanakan aktiviti pengumpulan *e-waste* secara mesra alam.

Ada pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh JAS untuk memastikan pengurusan *e-waste* ini dapat dibuat dengan baik. Antaranya hari pengumpulan *e-waste* pada setiap hari Sabtu terakhir setiap bulan, penubuhan pusat-pusat pengumpulan yang baharu di seluruh negara, pembangunan aplikasi mudah alih *MyEwaste* yang boleh dimuat turun di *Apple App Store*, pembangunan laman sesawang *e-waste* di laman web Jabatan Alam Sekitar, program-program kesedaran dengan menggunakan platform media sosial dan sebagainya.

Jadi ini ialah untuk memberi pengetahuan dan maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat mengenai kepentingan pengurusan *e-waste* yang ada. Buat masa ini, ada enam item *e-waste* kita dapat kawal menerusi sistem *Extended Producer Responsibility* (EPR) di mana pembuat-pembuat peranti atau peralatan ini mereka ada tanggungjawab untuk pengurusan secara lestari peralatan tersebut. Ini enam item dalam fasa pertama ini ialah televisyen, komputer dan *laptop*, mesin basuh, pendingin hawa, telefon bimbit dan juga peti sejuk. Ini adalah prioriti kita kerana ini merupakan barangan *household items*, dengan izin yang agak biasa dan banyak dipergunakan secara meluas.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya gembira mendengar bahawa salah satu inisiatif adalah untuk menambahkan pusat pengumpulan *e-waste* di seluruh negara sebab di Sarawak saya perhatikan pusat pengumpulan adalah tertumpu di bahagian Kuching sedangkan Bintulu merupakan pusat ataupun kota tenaga dan ramai penduduk termasuk *expat* yang duduk di Bintulu.

Soalan tambahan saya adalah Bagaimanakah kedudukan Malaysia berbanding dengan negara lain dalam pengurusan *e-waste* dan apakah langkah tegas kerajaan untuk mencegah pembuangan sisa elektronik di Malaysia secara haram oleh negara-negara lain? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Saya setuju, sememangnya kita perlu lebih banyak lagi pusat-pusat pelupusan terutamanya seperti di negeri-negeri yang besar seperti Sarawak. Tentang soal bagaimana kedudukan kita, sebenarnya isu *e-waste* ini ialah isu menyeluruh yang ada di seluruh dunia kerana peningkatan penggunaan barangan elektronik yang begitu meluas.

Sekarang semua perkara melibatkan barangan elektronik termasuk seperti kereta misalnya. Kalau dahulu kereta itu tidak ada elemen elektronik, tetapi sekarang sudah ada elemen-elemen elektronik yang ada di dalam kereta misalnya. Begitu juga peti sejuk dan sebagainya. Jadi, sebab itu ini merupakan satu masalah antarabangsa. Cuma, yang menjadi tambahan isu pada Malaysia ialah- dan ini bukan hanya dilalui oleh Malaysia. Antara negara-negara lain yang turut berdepan dengan masalah kemasukan *e-waste* secara haram termasuklah Indonesia, Filipina dan ini berlaku secara serius dalam- sejak pertengahan dekad yang lepas apabila negara China mengetatkan kemasukan *e-waste* ke negara mereka.

■1050

Kalau sebelum ini, negara China yang banyak memproses *e-waste*, sebab kita tahu dalam *e-waste* ini dia ada logam-logam yang berharga, emas, ada platinum dan banyak lagi. Jadi atas dasar itu bila negara China mengetatkan kemasukan maka ia masuk secara haram ke dalam beberapa nuah negara termasuklah negara Malaysia. Kita adalah *signatory* kepada *Basel Convention*, satu perjanjian di peringkat antarabangsa yang mengawalkan kemasukan sisa kepada negara-negara. Prinsip asas dia *e-waste* atau plastik dan sebagainya hanya boleh dihantar daripada negara maju ke negara membangun dengan adanya *Free, Prior, and Informed Consent* daripada negara-negara penerima.

Kita tidak memberikan FPIC ini ia tetap masuk dengan pelbagai helahlah, banyaknya menerusi pelabuhan-pelabuhan yang di negara kita. Jadi kita sedang meningkatkan penguatkuasaan tetapi kita merasakan kena ada pendekatan yang lebih menyeluruh. Tahun ini, dia setiap dua tahun *Basel Convention* akan berlangsung, kita akan menghantarkan perwakilan yang tertinggi dan untuk melihat bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini sebaik mungkin.

Sedikit sahaja lagi. Antara masalah besar cabaran kita ialah antara negara besar pengeluar *e-waste* ini iaitu Amerika Syarikat tidak merupakan *signatory* kepada *Basel Convention*. Kita bekerjasama dengan NGO seperti *Basel Action Network* yang memberikan

maklumat tentang kapal-kapal daripada Amerika yang datang ke sini, tetapi ia merupakan satu cabaran bila dia dah keluar daripada Amerika menuju ke pelabuhan kita untuk kita menyekat kemasukan e-waste ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tan Sri Prof...

Tuan Che Alias bin Hamid: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah.

Tuan Che Alias bin Hamid: Soalan tambahan se lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak, Menteri ada soalan lagi lepas ini nombor 8 jadi bagi peluang kepada orang lain pula... *[Ketawa]*

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

6. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) tindakan yang diambil oleh kementerian untuk membendung kehilangan bakat dan modal yang kritikal untuk pertumbuhan ekonomi masa hadapan dengan memperkenalkan insentif fiskal yang lebih menarik, memperbaiki struktur gaji dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih dinamik bagi memastikan fenomena *brain drain* yang semakin membimbangkan dapat dikawal; dan
- (b) apakah strategi konkrit kementerian bagi membendung aliran keluar modal insan di samping defisit akaun modal dan kewangan negara yang mencecah sebanyak RM7.5 bilion pada suku ketiga 2024.

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad]:

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Talent Corporation Malaysia Berhad *TalentCorp* telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha menangani fenomena *brain drain* serta memperkukuh mengenai modal insan yang berkualiti untuk pertumbuhan ekonomi di negara.

Daripada aspek insentif fiskal, Program Kepulangan Pakar (REP) yang dilaksanakan menawarkan pelbagai insentif menarik kepada diaspora Malaysia yang berada di luar negara untuk kembali berkhidmat di tanah air. Antaranya kadar cukai rata sebanyak 15 peratus ke atas

pendapatan pekerjaan selama lima tahun. Pengecualian cukai bagi barangan peribadi kecuali kenderaan bermotor serta penjualan duti eksais sehingga RM100,000 untuk kenderaan, kereta pemasangan tempatan.

Sejak pelaksanaan REP dari tahun 2011 sehingga 2024, *TalentCorp* telah menerima sebanyak 11,402 permohonan daripada bakat profesional Malaysia yang menetap di luar negara. Daripada jumlah tersebut 7,241 permohonan telah diluluskan dan 4,730 orang individu telah kembali berkhidmat di negara kita Malaysia. Selain itu penyertaan diaspora dalam pasaran kerja Malaysia khususnya dalam sektor kemahiran tinggi juga digalakkan di bawah inisiatif *Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ)*.

Bagi diaspora Malaysia yang berada di Singapura, melalui program *knowledge worker* yang menawarkan kadar cukai rata 15 peratus ke atas pendapatan pekerjaan yang boleh dikenakan cukai untuk tempoh 10 tahun. Bagi memperbaiki struktur gaji KESUMA melalui Majlis Perundingan Gaji Negara dan *TalentCorp* telah menjalankan kajian mengenai projek rintis Dasar Gaji Progresif.

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan dasar tersebut dalam meningkatkan kesejahteraan pekerja dengan mengambil kira bukan sahaja pengalaman dan senioriti tetapi juga kelayakan akademi serta tahap kemahiran yang dimiliki.

Manakala inisiatif seperti Aturan Kerja Fleksibel (AKF) turut dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih dinamik seiring dengan perkembangan landskap pekerjaan global. Program *FWA@Workplace* bertujuan untuk membantu organisasi bagi memahami, pelaksanaan dan mengoptimumkan manfaat dalam pelaksanaan AKF. Menerusi inisiatif ini *TalentCorp* menyediakan alat rujukan dan *toolkit* yang komprehensif serta menganjurkan bengkel dan sesi konsultasi bagi memastikan majikan dapat melaksanakan AKF dengan berkesan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, fenomena migrasi bakat ini telah beralih daripada *brain drain* kepada *brain circulation* di mana diaspora Malaysia yang berada di luar negara masih boleh terlibat dalam menyumbang kepada pembangunan negara secara aktif menerusi inisiatif *MyHeart*. Inisiatif *MyHeart* dijalankan bagi menghubungkan diaspora Malaysia dengan peluang ekonomi, sosial dan budaya tanah air bagi jalinan hubungan berterusan yang lebih kukuh dan bermakna dengan diaspora Malaysia serta mewujudkan ekosistem kolaborasi yang produktif dan berimpak tinggi.

Dengan memanfaatkan jaringan sedia ada, melalui inisiatif *MyHeart* kerajaan dapat memanfaatkan kepakaran jaringan dan sumbangan diaspora secara optimum untuk pembangunan negara. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Tan Sri Haniffa.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya, bagaimana strategi kementerian dalam mengawal defisit akaun, modal dan kewangan negara yang meningkatkan kepada RM7.5 bilion pada suku ketiga 2024. Adakah terdapat langkah khusus untuk memastikan pelaburan modal insan dapat membantu memastikan ekonomi negara dalam jangka panjang?

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Dalam persoalan pengeluaran wang kewangan negara saya pun sendiri tidak pasti Yang Berhormat Tan Sri dari manakah angka RM7.6 bilion tersebut. Sebenarnya penglibatan pengeluaran negara ini, banyak pihak yang terpaksa mengawalinya khususnya daripada segi Kementerian Kewangan sendiri, Bank Negara dan daripada Menteri Ekonomi. Kita daripada segi sumber, Kementerian Sumber Manusia kita tidak dapat mengawal daripada segi kewangan yang melibatkan pengeluaran sehingga mencecah RM7.6 bilion yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri sebentar tadi.

Oleh itu sebenarnya, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi bahawa kita masukkan dalam Program Kepulangan Pakar yang kita anjurkan. Bermaksudnya supaya mengelak daripada pengeluaran kewangan begitu besar jadi kita menggalakkan daripada segi KESUMA di bawah *TalentCorp* kita menganjurkan Program Kepulangan Pakar.

Maknanya kita- supaya kita dapat mengambil mereka kembali dalam program ini, supaya mereka dapat berada bersama dengan program tersebut. Maka kita dari segi keperluan ekonomi mungkin kita dapat menambah kebaikan supaya kalau kita melihat dalam belanjawan pada tahun 2024, REP telah menunjukkan kempennya sehingga 2027.

Bagi objektif ini sebenarnya kita membantu membentuk tenaga kerja yang bertaraf dunia juga di Malaysia ini. Menyediakan insentif kewangan dan kemudahan hidup yang menarik bagi mencepatkan proses kepulangan bakat Malaysia kita ini. Daripada segi tersebut kita telah juga dapat menjana pendapatan yang lebih baik daripada segi apabila kita melaksanakan program tersebut Yang Berhormat Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Kesavadas, saya tak bagi peluang tadi dah, tadi dah tanya. Okey, kalau tak ada soalan tambahan, saya jemput Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Datuk Timbalan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.

7. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Komunikasi menyatakan, jumlah syarikat yang telah memohon lesen platform media sosial dan berapakah permohonan yang telah diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan YB Menteri.

Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Datuk Yang di-Pertua, kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia iaitu MCMC telah melaksanakan keperluan perlesenan bagi penyedia perkhidmatan pesanan Internet dan juga penyedia perkhidmatan media sosial ataupun kita panggil penyedia perkhidmatan bermula 1 Januari 2025 ke atas penyedia perkhidmatan yang memenuhi keperluan perlesenan.

■1100

MCMC telah menerima permohonan daripada tiga buah syarikat pemberi perkhidmatan untuk berdaftar sebagai pemegang Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (ASP (C)) di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]

Setelah proses penilaian ke atas permohonan tersebut dibuat, setakat 24 Mac 2025, tiga pemberi perkhidmatan telah didaftarkan sebagai pemegang lesen di bawah Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (ASP (C)) bagi perkhidmatan pesanan Internet dan media sosial iaitu *WeChat International Pte. Ltd. (WeChat)*, *TikTok Pte. Ltd.* dan juga *Telegram messenger incorporates*.

Bagi penyedia perkhidmatan yang belum dilesenkan, MCMC sedang menjalankan penelitian yang lebih mendalam bagi memastikan segala isu berkenaan diselesaikan dengan lebih berkesan. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan.

Puan Tiew Way Keng: Soalan tambahan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Penanya asal dahulu... [Ketawa]

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan pertama ialah ada kementerian kasi satu *dateline* untuk syarikat yang layak untuk *apply license* dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan sekiranya syarikat yang layak gagal memohon atau mematuhi syarat *license*.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. MCMC sedang buat *engagement* sesi libat urus dengan tiga buah syarikat lagi iaitu seperti X. X mereka menyatakan bahawa pengguna Malaysia di platform mereka kurang daripada 8 juta orang. Oleh sebab itu, dalam pandangan mereka, mereka tidak memenuhi keperluan untuk memohon untuk *license* daripada MCMC.

Oleh sebab itu, MCMC sedang menjalankan *survey* untuk memastikan bahawa sama ada ikut data kami, dalam pandangan kami sama ada X mempunyai pengguna yang lebih daripada 8 juta. Proses untuk buat *survey* ini dijangka akan siap dalam *quarter* ke-tiga tahun ini.

Selain itu, MCMC juga buat *engaged* dengan lah META dan juga Google. Tiada satu *dateline* untuk mereka untuk dapatkan *license* kerana apabila kita nyatakan *dateline* itu, kami memang akan melaksanakan dan beberapa tindakan boleh diambil oleh MCMC sekiranya mereka masih tidak mendapatkan lesen.

Sebagai contohnya di bawah seksyen 126, selepas pindaan dan juga penguatkuasaan pindaan Akta 588 pada 11 Februari untuk sekiranya penyedia perkhidmatan ini disabitkan kesalahan, mereka bolehlah kena denda yang tidak melebihi RM1 juta atau tempoh penjara yang tidak melebihi 10 tahun serta jumlah denda harian yang sebanyak RM100,000 atau sebahagian dari hari kesalahan itu berterusan selepas pensa,bitan.

Selain itu, kami juga boleh ambil tindakan di bawah seksyen 243 di mana kita bolehlah buat tindakan mengenakan kompaun yang jumlahnya tidak melebihi 50 peratus daripada amaun denda maksimum ataupun kami juga boleh mengambil tindakan di bawah seksyen 46A iaitu ini adalah seksyen baharu yang di bawah pindaan terkini di bawah Akta 588 di mana Menteri boleh mengetepikan formaliti pendaftaran di bawah suatu lesen kelas ataupun lesen kelas itu hendaklah disifatkan sebagai telah didaftarkan di bawah lesen (ASP (C)) kerangka pelesenan.

Saya harap bahawa sekiranya platform-platform ini memang tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh MCMC dan memaksa MCMC perlu ambil sebarang tindakan undang-undang, saya harap yang paling penting ialah kita dapat sokongan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tidak mahu ada satu situasi di mana MCMC- di sini YB-YB Senator tanya saya kenapa tidak ada *dateline*? Bila hendak ambil tindakan, tetapi apabila MCMC ambil tindakan, kami dimarahi lagi? Jadi saya memang harap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bolehlah sokong sebarang tindakan yang diambil oleh MCMC. Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Syarikat X ini memang nakal, tetapi saya faham YB Menteri pun ada masalah dengan legasi media yang *freedom of speech*... [Ketawa] Sekarang saya jemput YB Tiew.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Memang kami mengutamakan *freedom of speech*, tetapi apabila kita dapati ada banyak kes penipuan *scam* dan juga pornografi kanak-kanak, macam mana langkah-langkah yang akan pihak kementerian ambil khususnya kita mendapati daripada Timbalan Menteri bahawa Meta dan Google iaitu *search engine* yang kebiasaan kita gunakan belum mendaftarkan lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tiew atas soalan tambahan tersebut. Memang kalau saya hendak- biarlah saya kongsi sedikit data dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau kita nampak kandungan yang telah diturunkan dari platform *Facebook*, angka ini telah meningkat setiap tahun. Tahun 2022, kandungan yang telah diturunkan adalah sebanyak 334. Angka ini meningkat ke-23,846 pada tahun 2023. Tahun yang lalu, angka ini sekali lagi meningkat kepada 257,433 dan tahun ini setakat 15 Mac sahaja kita telah minta *Meta* untuk turunkan 46,929 kandungan daripada *Facebook*.

Saya, ini bukan isu tentang kebebasan bersuara, tetapi dari kandungan yang kami minta mereka turunkan, saya boleh nyatakan di sini bahawa pertama, 23 hampir 24 peratus adalah tentang penipuan ataupun *scam* dan 70 peratus kandungan yang kami minta *Meta* turunkan daripada *Facebook* adalah berunsur perjudian dalam talian, tetapi berapa banyak permohonan yang perlu dihantar oleh MCMC kepada *Meta* untuk menangani isu seperti ini kerana ini bukan satu pendekatan yang berkesan dan juga efektif.

Seperti yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang *child pornography*. Ini setiap tahun juga turut meningkat. Tahun 2022, 34 kandungan yang bersifat kanak-kanak yang kandungan jelik melibatkan kanak-kanak meningkat kepada 578 pada tahun 2023 dan tahun yang lalu meningkat lagi kepada 815 kandungan.

Jadi, oleh sebab itu saya hendak nyatakan di sini bahawa kebebasan bersuara ini memang akan dipertahankan oleh kerajaan ini juga, oleh kementerian saya juga, tetapi masalah yang kami hadapi adalah terlalu banyak kandungan yang berunsur lucah, berunsur penipuan, berunsur perjudian dalam talian yang wujud dalam platform-platform seperti *Facebook*.

Jadi, oleh sebab itu, kita perlu ambil tindakan yang lebih tegas sekiranya *Meta* masih enggan untuk memberi kerjasama yang lebih baik. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Edward Linggu Bukut: Datuk Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Minta satu lagi, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, Tan Sri Fatmi... *[Ketawa]*

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Bukan Datuk Yang di-Pertua, isu ini ialah permasalahan besar kalau kita salah tangani. Kalau kita dengar daripada jawapan tadi, tiga

terbesar platform yang tidak ada lesen dan tidak *apply* pun lesen. *Facebook* ataupun *Meta*, *X* and *Google*. *This are big one and also* banyak *subscriber* dia.

Soalan saya, adakah kerajaan berupaya untuk mengambil tindakan seperti *block them* supaya benda-benda yang disebut oleh YB Tiew tadi iaitu yang salah guna komunikasi itu tidak merebak kepada rakyat kita? Sudah tentu perkara ini bukan senang kerana ramai pengguna di Malaysia ini pun ramai juga. Rakyat pun akan marah kita juga kalau kita *block them*, *but on the other hand*, ia nya membahayakan keseluruhan rakyat kita ini. *What can we do?*

Timbalan Yang di-Pertua: Pemilik platform ini pun rapat dengan Presiden Amerika Syarikat... *[Ketawa]*

Puan Teo Nie Ching: *[Ketawa]* Kalau daripada segi teknikal, kami memang boleh *block* tetapi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi juga, apabila kami *block* sama ada kerajaan juga akan dimarahi bukan sahaja oleh rakyat jelata, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebab itu saya harap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat lebih memahami isu ini dan kita juga perlu mendidik masyarakat kita.

Saya percaya masih ada ruang untuk platform penyedia perkhidmatan ini untuk *improve* mereka punya perkhidmatan. Seperti *Meta* sekarang telah cakap bahawa untuk seseorang yang hendak buat iklan ataupun kita cakap hendak *boost their content* dekat *Singapore*. *Advertising* itu perlulah *verify* identiti mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Hemm...

■1110

Puan Teo Nie Ching: Soal di sini, kenapakah mereka hanya *offer screening* yang telah diketatkan ini pada Singapura dan bukan kepada seluruh dunia? Itulah soalan yang kita perlu kemukakan kepada *Meta*. Memang saya nak cakapkan, saya nak nyatakan di sini bahawa kita Kerajaan Malaysia dan juga MCMC akan minta *Meta* untuk *provide screening* yang serupa itu di Malaysia juga.

Saya harap bahawa sekiranya mereka enggan dan apabila MCMC terpaksa untuk ambil tindakan, saya harap kami boleh dapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana cukup jelas kalau mereka boleh *tightened their screening procedure* untuk *advertisement* di *Singapore*, kenapa tak boleh buat di Malaysia, di Indonesia, di Thailand dan negara-negara yang lain? Kenapakah hanya buat untuk Singapura?

Ini lah satu perkara yang bagus. *You* nak kutip duit daripada *advertiser* itu, *you* perlulah *verify* identiti mereka. *You* tak boleh benarkan mereka untuklah *impersonate* PMX, *impersonate* Ahli-ahli Yang Berhormat, *impersonate* tokoh-tokoh yang terkenal di Malaysia. Itu tidak adil untuk tokoh-tokoh yang terkenal di Malaysia juga.

Jadi, yang paling penting, saya harap kami bolehlah memastikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga masyarakat kita memahami isu ini dan menyokonglah usaha yang diambil oleh MCMC dan juga Kerajaan MADANI. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, YB Menteri.

Datuk Edward Linggu Bukut: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sesungguhnya isu ini memang memberikan *stress* kepada Menteri dan Timbalan Menteri kerana sifat- platform ini pilih kawan, pilih kasih. Saya faham.

Sekarang ini saya jemput Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: *[Berpantun]*

*Semasa jawab pandang hadapan;
Soalan saya nombor lapan.*

8. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menyatakan, apa kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam projek penanaman 100 juta batang pokok dan bagaimanakah kerjasama rentas kementerian dilaksanakan bagi memastikan kejayaan program ini.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: Hadapan itu tak pasti ke Speaker ataupun ke- terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Lebih ke sini... *[Ketawa]*

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri yang bertanya tentang Program Penanaman 100 Juta Pokok.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok telah mencapai sasaran penanaman sebanyak 100 juta- pokok setahun lebih awal.

Penanaman simbolik pokok ke-100 juta telah pun disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Disember 2024 di perkarangan Parlimen Malaysia. Ini dapat dicapai dengan penglibatan dan kolaborasi pelbagai agensi kerajaan dan juga pihak swasta, tapi kita masih lagi teruskan program ini kerana kalau ikut jadual, dia sepatutnya berakhir pada hujung tahun 2025. Jadi, setakat 24 Mac 2025, jumlah penanaman adalah sebanyak 112,589,912 batang pokok. Kita akan teruskan program ini sehingga ke akhir tahun 2025.

Gerak kerja kempen ini turut kita bentangkan dalam beberapa mesyuarat utama yang bukan hanya melibatkan Kerajaan Persekutuan, malah Kerajaan Negeri, contohnya Majlis Tanah Negara Ke-78, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-81 dan Mesyuarat Menteri Alam Sekitar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam

Sekitar (MEXCOE) bagi menggalakkan penglibatan kementerian, kerajaan negeri, jabatan dan agensi-agensi yang lain.

Ada lima buah agensi pelaksana utama iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Yayasan Hijau Malaysia (YHM), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang terus mempergiatkan pelaksanaan program ini menerusi kerjasama strategik kerajaan dan swasta.

Terdapat 109 buah agensi kerajaan dan pihak swasta yang telah terlibat dalam menjayakan program ini. Ini termasuklah program-program rentas kementerian yang diadakan seperti penanaman pokok sempena *Le Tour de Langkawi* yang dianjurkan oleh KBS dan juga penanaman pokok bersama pelajar universiti awam dan swasta termasuklah UPSI, UMS, UTAR dan juga UTP.

Untuk makluman, ada beberapa buah syarikat yang telah bekerjasama, misalnya dengan Yayasan Hijau, untuk mendapat faedah pengecualian cukai, antaranya AmBank, Telekom Malaysia, Majlis Kayu-kayan Malaysia, Mitsubishi Motors, Yayasan Axiata dan juga Malaysia Airports Holdings Berhad.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Soalan tambahan saya berkenaan dengan jenis-jenis pokok. Tadi disebut mungkin pokok secara umum, tapi apa pandangan Menteri- pertama, saya ucap syabaslah, tahniah kerana telah capai lebih daripada had dia dan juga telah lebih setahun lebih awal.

Persoalan saya ialah pokok kayu bakau yang kita tahu juga adalah penampan kepada tsunami dan sebagainya. Apakah 100 juta itu termasuk pokok bakau? Atau kah pokok bakau ini ada pula hutan-hutan bakau yang hari ini semakin terhakis, adakah itu juga termasuk di dalam yang dikatakan pokok itu? Sebab, di tempat saya memang ada projek untuk kita tanam pokok bakau itu sebagai penampan kepada isu tsunami yang pernah kita alami dulu.

Mohon pencerahan, kalau ada maklumat. Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Ya, terima kasih. Untuk makluman, pokok bakau ialah antara jenis pokok yang turut termasuklah dalam kategori pokok yang kita senaraikan di bawah penanaman 100 juta- pokok ini. Memang betul, sejak tsunami Aceh berlaku tahun 2004, tak silap saya, maka kita telah timbul kesedaran bahawa kita tengok apabila adanya kayu ataupun hutan bakau ini, dia merupakan satu penampan ataupun *buffer*, dengan izin, yang penting di dalam memelihara tebing-tebing pantai kita.

Jadi, banyak- program-program ini dilaksanakan. Negeri Perak, kalau di Kuala Sepetang itu antara yang tersohorlah, malah dia dari zaman sebelum merdeka lagi, yang mana penanaman

dibuat secara lestari bukan hanya untuk konservasi, tetapi juga untuk menyokong industri *charcoal* yang ada di kawasan tersebut. Maka dibuat kawasan yang tidak disentuh langsung dan kawasan yang dipotong selepas beberapa dekad ditanam. Itu menjadi satu contoh kepada dunia.

Cuma, bergerak ke depan, kita juga nak melihat bagaimana kesinambungan program ini selepas tahun 2025. Sebab, buat masa ini, kita hanya *track* penanaman. Kita tahu *survival* penanaman pokok ini, dia bukan sama rata dan kadang-kadang boleh agak rendah kalau tempat itu tidak sesuai dan sebagainya. Jadi, kita nak tengok supaya ia betul-betul bermanfaat dan dapat menyumbang kepada, misalnya dapat memperbaiki kawasan hutan rosot dan sebagainya supaya ia lebih *meaningful*, dengan izin. Jadi, ini kita sedang rancang tentang kesinambungan program ini untuk tahun 2026 dan ke hadapan. Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan.

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: Boleh saya? Sikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Senator- masa dah nak habis, Prof.

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 9.

9. Datuk Haji Mustafa bin Musa minta Menteri Digital menyatakan, perkembangan terkini mengenai kerangka Program AI untuk rakyat serta penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam penyampaian Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2025.

Timbalan Menteri Digital [Datuk Ugak anak Kumbong]: Terima kasih, Datuk Senator Haji Mustafa bin Musa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Digital komited untuk menyokong aspirasi Malaysia MADANI dalam pengadaptasian AI di sektor awam. Antara bidang fokus utama AI dalam perkhidmatan awam bagi tahun 2025 adalah pembangunan bakat AI, penyediaan garis panduan AI sektor awam, penyediaan infrastruktur yang menyokong pengadaptasian AI di sektor awam serta pembangunan sistem AI.

Antara usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Digital melalui Jabatan Digital Negara (JDN) adalah pembangunan Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam yang telah dilancarkan pada 27 Februari 2025 untuk memastikan kecekapan dan penggunaan AI yang bertanggungjawab dan beretika. Pada masa ini, sesi libat urus bersama pemegang taruh- *stakeholders* berhubung dengan penerangan mengenai garis panduan ini sedang giat dijalankan oleh pihak JDN.

Bagi pembangunan bakat, program *Innovate AI* dan *Data Solutions for Future Sector Professional* di India telah dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan lebih ramai Penjawat Awam yang mahir dalam bidang AI.

■1120

Kohort 1 telah diadakan pada 24 April 2024 hingga 23 Oktober 2024 dengan seramai 18 orang peserta manakala, Kohort 2 bermula pada 24 November 2024 hingga 25 Mei 2024 dengan penyertaan seramai 18 orang pegawai. Peserta akan bermain peranan sebagai *AI Champion* di agensi masing-masing.

Kementerian Digital melalui Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) juga telah merancang dan melaksanakan langkah-langkah proaktif melalui beberapa inisiatif seperti pelaksanaan program berimpak tinggi iaitu latihan kemahiran AI libat urus dan kerjasama strategik lintas sektor. Antara program *AI at Work 2.0* yang telah dilancarkan pada 5 Februari 2025 adalah kerjasama antara Kementerian Digital bersama *Google Cloud* yang bertujuan merevolusikan produktiviti Penjawat Awam dengan mengintegrasikan alat *AI Generative* ke dalam tugas harian mereka.

Program ini membolehkan kira-kira 445,000 Penjawat Awam yang menggunakan MyGovUC dapat mengakses *actuary Gemini* dalam *Google Workspace* secara percuma sehingga 2028. Pada peringkat permulaan ini, bengkel *Train for the Trainer* telah diadakan bermula pada 3 hingga 7 Mac yang lalu yang melibatkan seramai 250 pentadbir IT MyGovUC dari pelbagai kementerian dan agensi. Inisiatif ini akan terus diperluaskan ke setiap kementerian bagi memastikan realisasi sektor awam dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Pendekatan ini dijangka membolehkan Penjawat Awam menumpukan kepada lebih banyak masa kepada tugas strategik serta memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Bagi Program AI Untuk Rakyat yang sedang ditanyakan oleh Yang Berhormat pula, sehingga 19 Mac 2025, jumlah keseluruhan penyertaan bagi program ini adalah sebanyak 1,391,455 orang peserta setakat ini.

Lanjutan kepada AI Untuk Rakyat, portal Rakyat Digital telah diperkenalkan pada 12 Disember 2024. Rakyat Digital ialah satu program pembelajaran digital yang direka untuk meningkatkan literasi digital di kalangan rakyat Malaysia. Program ini menyediakan platform untuk mempelajari kemahiran digital asas dan lanjutan agar peserta dapat menyesuaikan diri dengan cabaran dan peluang demi era digital yang baharu. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Soalan tambahan, Datuk Mustafa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan tahniah kepada Kementerian Digital atas usaha yang berterusan untuk memperkasakan kerangka AI inilah.

Cumanya, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana bilangan keupayaan dan ketersediaan sistem digital dan infrastruktur jabatan kerajaan, badan berkanun dan akses penyampaian kepada rakyat agar pelan strategik kerajaan digital pada era MADANI memanfaatkan rakyat dan memberi reformasi ketara dalam keberkesanan standard piawaian kerja penyampaian kerajaan kepada rakyat? Terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya kata tadi, portal Rakyat Digital, saya telah mendaftar dan mendapatkan kursus.

Jadi, Yang Berhormat, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang Senator ini, kalau belum daftar kerana portal Rakyat Digital ini di bawah www.rakyatdigital.gov.my merupakan sebuah platform Yang Berhormat. Pembelajaran dia dibangunkan oleh MyDIGITAL Corporation untuk menyediakan rakyat dengan pengetahuan asasnya. Kita bercakap kepada rakyat kita. Jadi, sebagai Ahli Yang Berhormat, kita mesti faham dan fasih juga Yang Berhormat.

Untuk yang kedua, saya ingat Yang Berhormat, garis panduan adaptasikan sektor awam berperanan penting dalam mempercepatkan dan memperluaskan penggunaan teknologi AI secara beretika dia cakap, selamat dan juga berkesan dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan. Ia menyediakan kerangka kerja yang jelas kepada agensi awam untuk mengenal pasti peluang dan juga membangunkan keupayaan dan melaksanakan projek AI dengan memastikan perlindungan data kita dan juga ketelusan serta kebertanggungjawaban

Melalui garis panduan ini, sektor awam juga Yang Berhormat meningkatkan kecekapan operasi membuat keputusan berasaskan data yang lebih cepat serta menyampaikan perkhidmatan yang lebih responsif dan bersifat peribadi kepada rakyat dan sekali gus meningkatkan kepercayaan dan juga kesejahteraan masyarakat kita, Yang Berhormat.

Tuan Pele Peter Tinggom: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa dah kurang. Jadi, saya terus kepada soalan nombor 10, Datuk Wira Koh Nai Kwong.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

10. Datuk Wira Koh Nai Kwong minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, penjelasan kekurangan bekalan kelapa dalam negara yang merekodkan penurunan ketara sejak 30 tahun lalu dan apakah persediaan yang sedang dilaksanakan oleh kementerian bagi memastikan negara tidak mengalami krisis bekalan kelapa pada masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih

Yang Berhormat Senator. Terlebih dahulu, memandangkan ini adalah hari terakhir untuk persidangan, izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kelapa merupakan antara komoditi yang penting bagi negara kita bukan sahaja menyumbang kepada keterjaminan makanan, malah mempunyai pelbagai kegunaan industri dan nilai tambah yang tinggi. Dari isi dan airnya yang digunakan dalam makanan dan minuman sehinggalah kepada sabut, tempurung dan daunnya yang dimanfaatkan dalam pelbagai sektor. Kelapa sememangnya sebahagian daripada ekosistem pertanian yang lestari dan berpotensi untuk terus berkembang.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan kelestarian rantai bekalan kelapa di negara ini, kita perlu mengambil maklum akan cabaran semasa yang memberi kesan kepada pengeluaran kelapa tempatan. Negara berhadapan dengan isu kekurangan bekalan kelapa sejak akhir-akhir ini. Ia disebabkan berlakunya fenomena melawas iaitu pertumbuhan pokok kelapa menjadi kurang produktif atau tidak *optimal* disebabkan gangguan dalam proses percambahan atau penghasilan buah kelapa akibat perubahan cuaca yang ekstrem atau tidak menentu yang boleh mempengaruhi kesuburan serta penghasilan kelapa termasuk kelembapan yang tinggi atau kekeringan berpanjangan yang mempengaruhi kesihatan pokok.

Oleh itu, bagi menangani isu kekurangan bekalan kelapa, Kementerian Pertanian telah mengambil tindakan intervensi yang seimbang antara pengurusan bekalan, penyelidikan dan pembangunan serta sokongan kerajaan bagi jangka pendek dan panjang. Melalui pelan jangka masa pendek, kementerian sedang melaksanakan tiga langkah intervensi iaitu:

- (i) meningkatkan jumlah import bekalan tua dari Indonesia;
- (ii) mencari dan mendapatkan bekalan kelapa tua dari Sabah dan Sarawak;
dan
- (iii) inisiatif FAMA dan LPP untuk mendapatkan bekalan kelapa tua daripada peladang dan pekebun kecil seluruh negara.

Sehingga 23 Mac 2025, kementerian melalui FAMA telah berjaya mengimport dan mengedarkan sejumlah 1,053,011 biji kelapa tua bersamaan 1,053 tan metrik dengan nilai keseluruhan RM2.42 juta. Bekalan ini akan disalurkan melalui 42 buah pusat operasi FAMA di seluruh negara dan dipasarkan ke *outlet* peruncitan FAMA serta pemborong utama bagi memastikan ketersediaan bekalan di pasaran.

Manakala untuk pelan jangka panjang pula, kementerian amat menggalakkan penanaman kelapa secara meluas bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada import. Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah

melaksanakan program “Sumber Kekayaan Baharu Pembangunan Industri Kelapa” pada tahun 2018 hingga 2020 dengan peruntukan sebanyak RM23.09 juta.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri, panjang lagi?

Datuk Arthur Joseph Kurup: Agak panjang lagi, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh, bagi jawapan bertulislah.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Sekiranya diizinkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pun tak tahu banyak fasal kelapa, tapi...

Datuk Arthur Joseph Kurup: Kebetulan...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh dihantar secara bertulislah jawapan itu... *[Ketawa]*

■1130

Datuk Arthur Joseph Kurup: Kebetulan menjelang bulan Syawal, Yang di-Pertua. Jadi kelapa ini agak penting.

Timbalan Yang di-Pertua: Tahu, tapi Menteri lain sedang menunggu itu.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Boleh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik... *[Ketawa]* Datuk, nak tanya soalan tambahan juga fasal kelapa?

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Kalau boleh, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Fasal kelapa, ya. Bukan fasal lain.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Okey. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik... *[Ketawa]*

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah, berapakah jumlah keluasan penanaman kelapa di Malaysia dan adakah kebanyakannya ditanam di ladang-ladang atau kebun-kebun kecil? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Saya akan cuba jawab dengan ringkas-ringkasnya.

Pada tahun 2023, keluasan penanaman kelapa adalah 79,412 hektar. Kebanyakan ini adalah daripada pekebun-pekebun kecil sebanyak 93 peratus daripada pekebun kecil dan hanya 45 peratus- empat- maaf. 6.5 peratus adalah dari estet yang besar dan 0.5 peratus adalah pusat-pusat pertanian di bawah Jabatan Pertanian. Tanaman kelapa merupakan tanaman yang banyak diusahakan majoritinya datang daripada pekebun-pekebun kecil secara berkelompok di negara kita. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Dato' Sivaraj a/l Chandran.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 11.

11. Dato' Sivaraj a/l Chandran minta Menteri Kesihatan menyatakan, rancangan holistik kerajaan untuk menangani cabaran kesihatan awam seperti penyakit tidak berjangkit yang semakin meningkat, tekanan terhadap sistem penjagaan kesihatan dan kos ubat-ubatan yang kian melambung.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Bagi menangani cabaran penyakit tidak berjangkit yang semakin meningkat di KKM, KKM melalui pendekatan keseluruhan- *whole of nation approach* telah melaksanakan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang bertujuan menjadikan rakyat Malaysia sihat sejahtera.

Berdasarkan Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertajuk, "*Prevention and Control of Noncommunicable Diseases in Malaysia: The Case for Investment*." Setiap RM1 yang dilaburkan dalam intervensi pencegahan penyakit tidak berjangkit yang disebabkan oleh pengambilan garam berlebihan akan memberikan pulangan ekonomi sehingga RM60 kepada ekonomi negara dalam 15 tahun. Kajian ini juga mendapati bahawa pelaksanaan strategi pencegahan NCD yang komprehensif berpotensi menyelamatkan 186,000 nyawa di Malaysia dalam tempoh 15 tahun.

KKM juga menggunakan pendekatan kesihatan dalam semua dasar iaitu *Health in All Policies* untuk menangani penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetik, darah tinggi dan penyakit jantung melalui pendekatan perundangan dan polisi kesihatan awam seperti Akta Kawalan Merokok Demi Kesihatan Awam, kenaikan cukai duti eksais ke atas minuman bergula kepada 90 sen seliter pada tahun ini dan sistem pelabelan *Nutri-Grade* dan juga memperkasakan program promosi dan pendidikan kesihatan melalui program literasi kesihatan, pemerkasaan penglibatan komuniti melalui program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dan KOSPEN WOW.

Sistem penjagaan kesihatan kini menghadapi pelbagai tekanan akibat peningkatan beban pesakit dan permintaan terhadap rawatan yang lebih kompleks. Untuk mengatasi cabaran kedua ini, KKM sedang melaksanakan transformasi penjagaan kesihatan primer dengan menambah baik dan memperluaskan program peningkatan penjagaan kesihatan primer.

Kedua, mengoptimumkan perkhidmatan kesihatan awam melalui pendekatan “*spending better*” iaitu pengagihan sumber manusia dan peralatan serta penggunaan sistem pendigitalan kesihatan.

Ketiga, pengurangan kesesakan di hospital kerajaan melalui *Hospital Services Outsourcing Programme* dan Inisiatif Hospital Kluster.

Bagi cabaran kos ubat-ubatan yang kian melambung, KKM telah melaksanakan Inisiatif *Pooled Procurement* bersama hospital pengajar universiti di bawah KPT dan Hospital Angkatan Tentera Malaysia (HATM) di bawah Kementerian Pertahanan bermula pada tahun 2019. Berdasarkan Laporan Eksekutif Impak Harga Ubatan yang Dibeli Secara Perolehan di Sektor Awam melibatkan penjimatan dianggarkan RM179.6 juta ataupun 17.7 berbanding tawaran pembekal. Sehingga kini, keseluruhan item ubat yang terlibat di bawah Inisiatif *Pooled Procurement* sebanyak 170 item produk farmaseutikal.

KKM juga bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk mempergiatkan usaha meningkatkan sistem ketelusan harga. Juga KKM sedang giat memupuk dan juga mempromosikan *no sugar* dalam minuman. Satu- gula baik, tiada gula lebih baik. Terima kasih, Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih jawapan daripada YB Menteri yang ala gaya ribut... [Ketawa]

Dato’ Sivaraj a/l Chandran: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato’ Sivaraj a/l Chandran: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kos perubatan untuk membeli ubat untuk penyakit-penyakit tidak berjangkit ini amat mahal, adakah pihak kementerian bercadang untuk membeli terus daripada *manufacturer* dari luar negara secara terus?

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Berkenaan tentang perolehan perubatan yang sedang kita jalankan, ketika ini kita giat melaksanakan penyumberluaran pembekalan dan pelaburan ubatan ke Malaysia. Kita telah pun menghantar pegawai-pegawai farmaseutikal kita ke luar negara terutama di India, di China dan juga negara-negara seperti India, Turkiye, Mesir dan Brazil untuk mendapatkan sumber yang lebih baik dan lebih mendapat tawaran yang lebih kompetitif.

Kita melaksanakan juga untuk mengusahakan kerjasama di peringkat ASEAN dengan kerjasama dengan Indonesia dan juga Thailand untuk mendapatkan bekalan ubat-ubatan mengikut semangat ASEAN ini. Mungkin ada harga ubat di Thailand lebih murah dan ditawarkan harga yang lebih tinggi pada Malaysia. Dengan ini, dengan adanya semangat Asia ini, kita memohon dan juga bekerjasama mendapatkan bekalan tersebut.

Sudah pasti syarikat-syarikat dan industri farmaseutikal melihat kepada *scale of economy-economy of scale* dalam melaksanakan pelaburan mereka ke negara-negara ini. Walaupun demikian, kita merasakan terdapat banyak potensi yang boleh kita peroleh melalui ubat-ubat generik pada masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Menteri. Jawapan yang begitu mampan dan juga tepat.

Baik, kita pergi kepada soalan terakhir kita pada hari ini. Saya jemput Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 12.

12. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apa dasar-dasar utama yang dipegang teguh oleh kementerian dalam penyediaan infrastruktur fizikal negara dan apakah inisiatif baharu yang telah diperkenalkan oleh kementerian untuk meningkatkan keberkesanan dan efisiensi dalam pelaksanaan projek-projek.

Menteri Kerja Raya [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya agak bertuah sedikit. Minggu lepas saya tak sempat untuk menjawab...
[Ketawa] Okey.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator, dasar utama dipegang oleh Kementerian Kerja Raya pada masa ini dalam penyediaan infrastruktur negara adalah Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030).

Dasar ini merangkumi enam-teras utama dengan 78 Pelan Strategik dalam mentransformasikan sektor pembinaan ke arah era pendigitalan NCP 2030. Berfungsi sebagai panduan komprehensif bagi semua pihak berkepentingan sama ada daripada sektor awam mahupun swasta dalam merealisasikan pembangunan infrastruktur yang inklusif, mampan dan berdaya saing sepanjang tempoh 10 tahun menjelang tahun 2030.

Di bawah Dasar Pembinaan Negara 2030, Kementerian Kerja Raya telah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu untuk meningkatkan keberkesanan dan *efficiency* dalam pelaksanaan projek, antaranya seperti berikut.

Pertama iaitu pelaksanaan projek bangunan secara integrasi, *Industrialised Building System (IBS)* dan *Building Information Modelling (BIM)* yang dapat meningkatkan kualiti dan kelajuan pembinaan serta mengurangkan pembaziran bahan dan kos. Sebanyak 159 projek dikenal pasti dilaksanakan secara BIM dan IBS bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas, *Rolling Plan 4* yang terdiri daripada projek klinik kesihatan, kuarters kerajaan, sekolah dan pejabat-pejabat kementerian.

Kedua iaitu penggunaan sistem E-Tender JKR (JET). Sistem JET yang telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2023 merupakan satu sistem yang melaksanakan proses perolehan secara atas talian daripada peringkat pengiklanan ke peringkat pembukaan dokumen tender. Sehingga Februari 2025, sebanyak 1,163 bilangan projek konvensional telah ditender melalui sistem JET di JKR.

■1140

Ketiga, penggunaan sistem *National BIM e-Submission* (NBeS). NBeS merupakan sistem *auto checker* bagi semakan dan kelulusan pelan pembangunan di peringkat kelulusan PBT. Modul 3D *Building Information Modeling* (BIM) digunakan untuk semakan pemantauan atau pematuhan *Uniform Building By-Laws* (UBBL) dan lain-lain peraturan berkaitan.

Proses ini akan mempercepatkan semakan pelan bangunan di peringkat PBT serta meningkatkan pematuhan undang-undang dan peraturan reka bentuk. Projek *Quran Village*, Presint 14, Putrajaya merupakan projek rintis bersama Perbadanan Putrajaya telah dilaksanakan melalui NBeS.

Keempat, penggunaan teknologi dron dan pemantauan digital. Kementerian ini juga telah mula menggunakan teknologi dron dan sistem pemantauan digital untuk memantau kemajuan projek secara *real-time*. Dron digunakan untuk merakamkan gambar atau video secara udara bagi memantau perkembangan tapak projek ini. Ini membolehkan pemantauan lebih mudah, efisien dan tepat. Teknologi dron juga telah banyak diguna pakai untuk pengurusan cerun di sepanjang jalan Persekutuan dan premis kerajaan milikan KKR.

Kelima, penyediaan program latihan dan peningkatan kemahiran. Program Kolaborasi Strategik Kerja Raya Malaysia 2025 bertujuan meningkatkan kompetensi tenaga kerja teknikal selaras dengan keperluan industri pembinaan. Inisiatif utama termasuk pembangunan *training roadmap* ya untuk pegawai teknikal jabatan kerajaan dan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE) JKR, berperanan menyediakan latihan penyelidikan dan inovasi kejuruteraan bagi melahirkan pakar profesional teknikal tempatan...

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri, panjang lagi?

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Dato' Dr. Ahmad Azam...

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Manakala...

Timbalan Yang di-Pertua: Kejap, kejap YB. Dato' Dr. Ahmad Azam ada soalan tambahan...? Tak perlu...? Okey, baik. Sila habiskan.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Baik, terima kasih. Manakala Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) menawarkan pelbagai program latihan seperti Latihan Kompetensi

Kemahiran (LKK), Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK), Program *Customized* dan Kursus *Building Information Modeling* (BIM), Kursus *Industrialized Building System* (IBS) dan *Skilled Technopreneur* bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan.

Selain itu, KKR dan agensinya sedang giat melaksanakan Program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) bertujuan untuk memastikan pentadbiran yang lebih cekap bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan beban peraturan yang tidak wajar kepada rakyat dan industri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah sesi pertanyaan bagi jawab lisan. Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh ya. Nak beri peluang, tetapi masa kurang. Hari ini ada tiga *bill* yang kita perlu habiskan. Jadi, saya anggap sesi ini boleh ditamatkan ya.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan Tamat]

Timbalan Yang di-Pertua: Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

11.44 pg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]: *Bismillahi Rahmani Rahim...* *[Berselawat]* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited mendukung hasrat Kerajaan MADANI untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Hal ini juga adalah selaras dengan hasrat asal penggubalan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341] iaitu bagi menyediakan suatu kerangka perundangan yang memberikan punca kuasa kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk berfungsi dengan berkesan dan cekap bagi melindungi manusia dan harta daripada risiko kebakaran ataupun kecemasan dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya.

Bagi meningkatkan perkhidmatan pemadaman kebakaran, penyelamatan dan pemulihan bencana oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Akta 341 ini telah dipinda sebanyak tiga kali dan terakhirnya adalah pada tahun 2018. Pindaan-pindaan pada ketika itu antara lainnya adalah untuk memasukkan peruntukan khusus berkaitan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) bagi menyokong operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di seluruh negara.

Di samping itu, peruntukan-peruntukan lama turut diperkemas agar lebih relevan dengan peredaran zaman iaitu antaranya meletakkan tanggungjawab kepada pemilik dan pengurus premis untuk menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran agar usaha pencegahan-*preventive measures* dapat diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas tujuh tahun setelah pindaan terakhir, kini sudah tiba masanya Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 ini diberikan perhatian dan diangkat untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini. Tujuan utamanya sudah pasti untuk memperkemas dan memperbaiki kelompangan dalam peruntukan-peruntukan perundangan sedia ada supaya dapat memperkukuhkan perkhidmatan penyelamatan serta menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat dengan lebih baik.

Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 ini adalah bagi mengadakan peruntukan bagi, pertama, pengurusan Pasukan Bomba Sukarela dan perkara lain yang berkaitan bagi memperkasakan Persatuan Bomba Sukarela.

Kedua, terkait dengan pendaftaran perunding keselamatan kebakaran, firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran, penyedia latihan dan pengajar, kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran serta penubuhan pasukan bomba persendirian bagi memastikan keseragaman serta penyelarasan aktiviti pencegahan dan penyelamatan yang lebih efektif oleh pihak-pihak berkaitan.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 21 fasal. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 1 yang menyatakan “tajuk ringkas” dan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam akta yang dicadangkan.

Kedua, fasal 2 pula adalah berkaitan dengan pindaan seksyen 2, Akta 341 untuk memasukkan beberapa takrifan baharu. Antaranya ialah laporan analisis risiko kebakaran, Pegawai Bomba Sukarela dan juga pengawal.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 4B bagi membolehkan Pegawai Bomba Sukarela memohon untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela serta Kuasa Pendaftar untuk

mendaftarkan dan mengeluarkan perakuan pendaftaran selain menentukan kawasan jagaan. Pasukan Bomba Sukarela juga tertakluk kepada kawalan dan arahan langsung daripada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Fasal 4 bertujuan menambah seksyen baharu iaitu 4BA hingga 4BH berhubung pengurusan Pasukan Bomba Sukarela yang merangkumi perkara berkaitan kewajipan pasukan untuk mengadakan Perlembagaan Kuasa Pendaftar untuk meminta maklumat serta peruntukan yang terpakai dan sumber kewangan pasukan tersebut.

Selain itu, fasal ini juga menetapkan kewajipan untuk mengemukakan maklumat selepas mesyuarat agung. Ia juga untuk memperkenalkan tatacara penyelesaian pertikaian antara anggota hak untuk merayu serta Kuasa Pendaftar untuk membatalkan pendaftaran pasukan dan akibat daripada pembatalan tersebut.

Seterusnya, fasal 5 digubal untuk memasukkan seksyen baharu 4DA, 4DB dan 4DC di mana seksyen 4DA dan 4DB memberi kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan Pasukan Kadet Bomba Malaysia dan peruntukan berhubung dengan orang yang boleh didaftarkan ke dalam Pasukan Kadet Bomba Malaysia.

Kedua, seksyen 4DC bertujuan pula memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk membenarkan penubuhan Pasukan Bomba Persendirian melalui permohonan dan kuasa Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mengarahkan pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas mana-mana premis untuk menubuhkan suatu Pasukan Bomba Persendirian jika penubuhan itu difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kerana wujudnya potensi bahaya atau risiko khas kebakaran kepada premis tersebut berdasarkan kepada suatu laporan analisis risiko kebakaran.

Seterusnya, fasal 6 digubal untuk meminda subseksyen 5(1) berkaitan dengan tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berhubung kewajipan untuk menentukan pengadaaan, pemasangan, penyelenggaraan dan pengawalseliaan yang mencukupi bagi kelengkapan menentang kebakaran atau sistem keselamatan kebakaran di premis.

■1150

Selain itu, fasal ini juga menambah tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk mengadakan program-program latihan berhubung dengan perkara yang berkaitan dengan tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, fasal 7 digubal bertujuan untuk meminda seksyen 7B bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mengeluarkan perintah tetap bagi kawalan, arahan dan maklumat am Pasukan Bomba Sukarela.

Manakala, fasal 8 digubal bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berhubung pengeluaran garis panduan bagi maksud melaksanakan peruntukan di bawah Akta 341.

Fasal 9 pula digubal bertujuan meminda seksyen 21 berhubung kerugian akibat kebakaran yang turut memperuntukkan bahawa sebarang kerosakan atau kerugian yang ditanggung akibat tindakan Pegawai Bomba Sukarela dalam melaksanakan tugasnya semasa kebakaran hendaklah dianggap sebagai kerugian disebabkan kebakaran.

Fasal 10 pula bertujuan meminda seksyen 31 dengan memberi kuasa kepada Menteri berhubung penetapan fi bagi pengeluaran perakuan bomba.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya fasal 11 dipinda bertujuan untuk memasukkan bahagian baharu VA dan VB di mana bahagian baharu 5A iaitu seksyen 36A hingga 36J antara lain memperuntukkan berhubung pelantikan dan fungsi pengawal serta peruntukan untuk pendaftaran dan hal-hal yang berkaitan dengannya ke atas perunding keselamatan kebakaran, firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran, penyedia latihan dan pengajar. Keduanya bahagian baharu 5B iaitu seksyen 36K hingga 36O mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kelengkapan menentang kebakaran ataupun pasangan keselamatan kebakaran.

Seksyen 36K pula memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan senarai kelengkapan menentang kebakaran ataupun pemasangan keselamatan kebakaran yang perlu didaftarkan.

Sementara seksyen 36L hingga seksyen 36O antara lainnya memperuntukkan mengenai proses pendaftaran dan perakuan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran.

Fasal 12 dibuat bagi menggantikan seksyen 44 untuk memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta 341 boleh dimulakan kecuali atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Fasal 13 pula bertujuan meminda seksyen 49 dengan membolehkan Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba digunakan untuk memberi pampasan dan faedah lain kepada pegawai bomba bantuan dan mengehendkan pemberian pinjaman wang daripada Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba hanya kepada pegawai bomba.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, fasal 14 bertujuan memasukkan seksyen baharu 50A yang mengadakan peruntukan bagi kesalahan penyamaran sebagai pegawai bomba, pegawai bomba bantuan dan juga Pegawai Bomba Sukarela.

Manakala, fasal 15 adalah untuk meminda seksyen 53 bagi memperuntukkan kesalahan berhubung pemakaian pakaian seragam ataupun pakaian bertanda khas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia oleh mana-mana orang yang bukan pun Pegawai Bomba Sukarela.

Fasal 16 bertujuan menambah seksyen baharu 58A yang memperuntukkan bahawa majistret kelas pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa penuh untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta 341.

Seterusnya, fasal 17 yang bertujuan meminda subseksyen 59(1) dengan memperuntukkan bahawa kuasa Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau pegawai bomba yang diberi kuasa olehnya untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun hendaklah dibuat dengan keizinan bertulis pendakwa raya. Fasal ini juga dipinda dengan menaikkan kompaun maksimum daripada RM500 kepada RM1,000.

Fasal 18 pula adalah pindaan kepada seksyen 60 berhubung kuasa untuk memakai akta bagi vesel dan struktur boleh alih yang turut terpakai bagi kenderaan.

Fasal 19 bertujuan meminda seksyen 62 berhubung kuasa untuk membuat peraturan berkaitan menetapkan kelengkapan menentang kebakaran dan pemasangan keselamatan kebakaran yang hendak didaftarkan, mengawal selia pasukan bomba persendirian, perunding keselamatan kebakaran, firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran, penyedia latihan dan pengajar serta menetapkan kategori bagi orang kompeten dan memperluaskan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengawal selia Pasukan Bomba Sukarela.

Seterusnya fasal 20 bertujuan memasukkan jadual baharu ketiga yang berkaitan dengan latihan yang boleh dijalankan oleh penyedia latihan dan pengajar.

Akhir sekali, fasal 21 iaitu mengadakan peruntukan bagi kecualian dan peralihan bagi Pasukan Bomba Sukarela, Perunding Keselamatan Kebakaran, firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran dan penyedia latihan dan juga pengajar.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah sekalian, saya telah pun membentangkan sebentar tadi yang bertujuan untuk membolehkan Jabatan Bomba

dan Penyelamat Malaysia berfungsi dengan cekap dan berkesan bagi melindungi nyawa dan harta daripada risiko kebakaran, kecemasan dan juga tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Dr. Hajah Fuziah binti Salleh]: Dato Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ada 17 orang Ahli yang nak membahas dan kita tetapkan 6 minit seorang- 17- 6 minit.

Jadi, dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran.

11.57 pg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025. Saya berdiri di sini untuk menyatakan sokongan penuh saya terhadap pindaan ini yang bertujuan untuk memperkukuhkan keselamatan kebakaran di negara kita.

Perkhidmatan bomba bukan sekadar soal memadam kebakaran, ia adalah soal keselamatan rakyat, perlindungan harta benda dan memastikan sistem pencegahan bencana yang cekap. Pindaan ini membawa pelbagai penambahbaikan, namun ada beberapa perkara yang saya ingin tekankan agar pelaksanaannya lebih efektif.

Dato Yang di-Pertua, salah satu pindaan utama dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kepada seksyen 4 yang melibatkan pelbagai aspek kawal selia Pasukan Bomba Sukarela (PBS). Ini langkah baik untuk memastikan penyelarasan operasi dan meningkatkan profesionalisme dalam pasukan ini. Saya difahamkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) turut memperuntukkan caruman insurans sebanyak RM550,000 pada tahun 2024 kepada setiap anggota PBS yang mana perlindungan insurans kelompok secara percuma sepanjang tahun melibatkan kecederaan, kemalangan atau kematian kepada anggota.

Jadi, adalah wajar untuk kita mewajibkan pendaftaran Pasukan Bomba Sukarela untuk memastikan semua sukarelawan kita mendapat perlindungan yang sewajarnya. Saya ingin bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apakah statistik kemalangan yang menimpa anggota PBS semasa mereka menjalankan tugas untuk lima tahun ke belakang ini dan berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar untuk tempoh yang masa tersebut?. Apakah

angka pampasan yang paling tinggi yang diterima oleh mangsa atau keluarga mangsa untuk tempoh tersebut?.

■1200

Isu kebajikan anggota PBS amat dekat dengan hati saya kerana baru-baru ini pada 16 Mac 2025, dua orang anggota PBS telah dilaporkan tercedera semasa terlibat dalam operasi memadamkan kebakaran yang melibatkan dua buah kilang di negeri Pulau Pinang. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua ahli Pasukan Bomba Sukarela dan juga menyeru agar rakan Ahli Dewan Negara untuk sentiasa menyokong inisiatif dan usaha Pasukan Bomba Sukarela.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia turut meletakkan sasaran sebanyak 500 PBS menjelang tahun 2023. Jadi, RUU ini memang bertepatan pada masanya. Saya ingin bertanya, setakat ini, berapa bilangan PBS yang telah berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat? Berapa pula PBS yang dianggarkan masih belum didaftarkan? Apakah strategi kementerian untuk memastikan kita dapat mencapai sasaran 500 PBS menjelang tahun 2030?

Dato' Yang di-Pertua, RUU ini juga melibatkan pindaan yang memasukkan pendaftaran ke dalam Pasukan Kadet Bomba Malaysia dalam seksyen 4. Kalau saya tak silap, sebelum ini Pasukan Kadet Bomba Malaysia hanya melibatkan pelajar sekolah menengah. Dengan pindaan ini, kini wajar pelajar universiti dan institusi pengajian tinggi juga boleh menyertai Pasukan Kadet Bomba Malaysia.

Namun, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut, apakah perancangan kerajaan untuk memastikan program ini benar-benar menarik minat generasi muda, khususnya di IPTA dan IPTS? Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan inisiatif seperti sijil, peluang kerjaya kepada pelajar yang menyertai program ini? Saya berpandangan jika program ini dirancang dengan baik, ia bukan sahaja boleh meningkatkan kesedaran keselamatan tetapi juga membuka peluang pekerjaan dalam sektor keselamatan dan juga kecemasan.

Dato' Yang di-Pertua, satu lagi pindaan yang penting adalah keperluan untuk mendaftarkan peralatan keselamatan kebakaran sebelum ia boleh dipasang atau dijual di pasaran. Ini merupakan langkah yang baik untuk memastikan hanya peralatan berkualiti tinggi digunakan, sekali gus mengurangkan risiko kegagalan sistem keselamatan kebakaran. Namun, kita juga perlu memastikan bahawa langkah ini tidak membebankan pemilik premis dan pengusaha perniagaan, terutamanya pengusaha kecil dan sederhana.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan, bagaimanakah kerajaan memastikan kelulusan peralatan keselamatan kebakaran ini tidak akan melambatkan projek pembinaan atau meningkatkan kos kepada pengguna? Adakah kerajaan akan memperkenalkan insentif bagi

membantu syarikat mematuhi standard ini tanpa mengganggu beban kewangan yang tinggi? Kita mahu keselamatan kebakaran yang terjamin, tetapi pada masa yang sama, kita tidak mahu membebankan ekonomi rakyat dan sektor perniagaan.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga menyokong usaha kerajaan untuk memperketat undang-undang dengan mengenakan hukuman lebih berat bagi mana-mana orang yang melanggar peraturan keselamatan kebakaran, khususnya daripada segi pemasangan kelengkapan menentang kebakaran atau per pasangan keselamatan yang tidak didaftarkan. Hukuman denda sehingga RM500,000 atau penjara lima tahun adalah langkah yang tegas untuk memastikan pematuhan terhadap piawaian keselamatan.

Namun, kita perlu memastikan pendekatan yang diambil dengan program kesedaran dan pendidikan yang mencukupi. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan akan memberikan tempoh peralihan yang mencukupi sebelum hukuman yang berat dikuatkuasakan? Adakah akan ada program sokongan atau bimbingan bagi membantu pemilik premis dan syarikat memahami serta mematuhi peraturan baharu ini? Pendekatan tegas memang perlu, tetapi ia harus dilaksanakan dengan cara yang adil dan pragmatik agar tidak membebankan pihak yang terlibat.

Secara kesimpulan Dato' Seri, Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 adalah satu langkah besar ke hadapan dalam memperkukuhkan keselamatan kebakaran di Malaysia.

*Api marak membakar kota,
Asap tebal menutup pandang;
Bomba datang pantas belaka,
Menyelamatkan nyawa tanpa hilang.*

*Banjir melanda arus menggila,
Tanpa ragu mereka mara;
Jasa-mu bomba tiada tara,
Pengorbanan-mu kami hargai sentiasa.*

Terima kasih kepada Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan dan Pegawai Bomba Sukarela. Anda semua wira, berani berkorban demi menyelamatkan nyawa serta menjamin keselamatan dan kesejahteraan. Saya dengan ini menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

12.05 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. RUU ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Bomba 1988 [Akta 341] yang kali terakhir dipinda pada tahun 2018 bagi memperkasakan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, sesuai dengan cabaran dan keperluan semasa kini. Isu pertama ialah pindaan Akta 341 dan seksyen 4B. Baik, saya terus kepada pertanyaan.

Pindaan Akta 341 tidak menyatakan secara spesifik mengenai syarat kelayakan atau kompetensi Pegawai Bomba Sukarela dalam kemahiran memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran.

Persoalan saya, apa inisiatif Jabatan Bomba bagi memastikan Pasukan Bomba Sukarela mempunyai kemahiran akses secukupnya supaya boleh bertindak sebagai *first responder*, dengan izin, jika berlaku kejadian bencana mahupun kecemasan di kawasan masing-masing?

Pindaan seksyen 4B juga memperuntukkan tatacara baharu penubuhan Pasukan Bomba Sukarela.

Persoalan saya, apakah status Pasukan Bomba Sukarela yang sedia ada sekarang? Adakah mereka perlu mendaftar semua?

Seterusnya, berapakah sasaran Pasukan Bomba Sukarela (PBS) baharu yang akan ditubuhkan apabila RUU ini diluluskan dan berkuat kuasa kelak?

Isu yang ketiga, kebajikan Bomba. Sememangnya kita tidak menafikan dengan peranan Pasukan Bomba Sukarela sangat penting, khususnya kalau di kawasan-kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Walaupun dalam KPI, Bomba boleh sampai dalam masa 14 minit, tapi bila di luar bandar itu, kadang-kadang rumah dah habis terbakar, baharulah pihak Bomba sampai.

Begitulah penting peranan mereka. Cuma dalam pindaan ini tidak dinyatakan dengan jelas, apakah perlindungan atau kebajikan yang kerajaan sediakan untuk mereka ini? Mereka menjadi *first liner*, tetapi tidak ada suatu penjelasan tentang kebajikan untuk mereka.

Isu yang ketiga ialah pindaan seksyen 4D(c) dan 5A. Pindaan seterusnya, berhubung dengan pasukan bomba persendirian. Pindaan seksyen 4D(c) memperuntukkan ketua pengarah boleh membenarkan atau mengarahkan penubuhan satu pasukan bomba persendirian sekiranya wujud risiko atau potensi khas kebakaran di sesuatu premis. Ini merupakan suatu langkah yang baik.

Namun persoalan saya, adakah kos penubuhan Bomba Persendirian ini akan ditanggung oleh kerajaan atau pemunya premis? Ini kerana terdapat elemen penalti sekiranya arahan ini tidak dipatuhi dan sudah tentu akan membebankan kewangan pemunya premis sekiranya tiada bantuan daripada pihak kerajaan.

Seterusnya, pindaan Bahagian 5A. Pindaan RUU ini juga memperkenalkan Bahagian 5A iaitu berkenaan perunding dan firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran, penyedia latihan dan pengajar. Berkenaan pemantau, perunding dan firma perunding keselamatan kebakaran, saya melihat pindaan ini penting agar jabatan bomba dapat memastikan laporan analisa risiko kebakaran disediakan oleh individu atau firma yang bertauliah dan benar-benar berkemahiran bagi mengurangkan risiko kebakaran dan keabsahan laporan atau tidak kompeten dapat dikawal.

Isu seterusnya ialah seksyen 36. Selain itu, seksyen 36F menyatakan permohonan pendaftaran dibolehkan jika memenuhi syarat yang ditetapkan. Saya mohon pencerahan, apakah syarat-syarat tersebut? Seksyen 36D menyatakan kadar hukuman bagi kesalahan berkaitan orang kompeten dan kontraktor keselamatan kebakaran. Manakala, seksyen 36E, memasukkan kadar hukuman bagi kesalahan berkaitan penyediaan latihan dan pengajar iaitu denda tidak melebihi RM10,000.

■1210

Namun, seksyen 36(c) tidak menyatakan kadar hukuman sekiranya terdapat kesalahan melibatkan perunding keselamatan kebakaran dan firma perunding keselamatan kebakaran.

Soalan saya, mengapakah seksyen 36(c) ini tidak dimasukkan berkaitan kesalahan dan kadar hukuman sedangkan mereka bertanggungjawab dalam menyediakan laporan analisis risiko kebakaran di mana dokumen ini sangat penting sebagai rujukan dalam beberapa perkara?

Isu seterusnya ialah pemeriksaan *wiring*. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu keselamatan pendawaian elektrik ini sebagai pencegahan di rumah-rumah kediaman khususnya bagi golongan B40 yang berisiko tinggi. Rakyat, terutamanya dalam kelompok B40 tidak mampu menanggung kos pendawaian semula- *rewiring* dengan izin, bagi rumah lama yang berisiko tinggi mengalami litar pintas dan kebakaran. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan bantuan khas bagi kerja-kerja *rewiring* rumah B40 sebagai langkah pencegahan kebakaran dan melindungi nyawa serta harta benda rakyat? Juga, adakah kerajaan akan menetapkan apa-apa syarat dan juga latihan kepada Bomba sukarela daripada aspek pemeriksaan keselamatan pendawaian dan pemeriksaan percuma oleh Bomba sukarela ini untuk golongan B40? Mohon pencerahan daripada pihak kerajaan.

Akhir kata, semoga RUU ini menjadi titik permulaan kepada transformasi institusi bomba untuk terus menyediakan khidmat terbaik untuk masyarakat dan negara. Dengan ini, saya menyokong RUU Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

12.12 tgh.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 pada hari ini. Pertamanya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah menghadiahkan alat pemadam api kepada kami, kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang baru-baru ini. Semoga bermanfaat.

Saya menyokong peruntukan dalam kertas pindaan ini yang bertujuan antaranya mengawal setiap pendaftaran Pasukan Bomba Sukarela bagi memastikan kelancaran urus tadbir serta pentadbiran pengurusan kewangan yang lebih cekap. Cuma dalam hal ini, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada kementerian berhubung beberapa perkara yang terdapat dalam pindaan berkenaan Pasukan Bomba Sukarela ini.

Pertama, apakah kriteria utama yang diletakkan dalam tatacara serta syarat bagi penubuhan Pasukan Bomba Sukarela tertakluk kepada pindaan dalam seksyen 48- seksyen 4B(1) ini? Apakah kementerian bercadang untuk menambah jumlah Pasukan Bomba Sukarela di kawasan-kawasan pedalaman bagi memastikan pencapaian perkhidmatan yang lebih menyeluruh? Apakah ada usaha ke arah pemetaan geografi supaya peranan Jabatan Bomba itu lebih menyeluruh?

Kedua, ketika ini kita sudah pun mempunyai Pasukan Bomba Sukarela yang berdaftar. Persoalan saya, apakah mereka juga akan tertakluk kepada pindaan ini atau kekal beroperasi seperti sedia kala? Apakah elemen kawalan selia urus tadbir yang ingin diterapkan dalam Pasukan Bomba Sukarela sedia ada bagi memastikan mereka kekal aktif? Tambahan lagi, apakah langkah kementerian untuk mengatasi ketidakaktifan sesetengah pihak Pasukan Bomba Sukarela yang ada pada hari ini?

Ketiga, kita mempunyai beberapa NGO yang banyak membantu ketika negara berhadapan dengan bencana. Antaranya Khidmat Malaysia, Jabatan Amal Malaysia dan sebagainya.

Saya ingin tahu, apakah kementerian berhasrat menubuhkan satu pasukan bersekutu Jabatan Bomba dan Penyelamat bertujuan untuk membantu Pasukan Bomba khususnya ketika berhadapan dengan bencana yang berskala besar seperti banjir tempoh hari? Pasukan bersekutu ini bukanlah satu Pasukan Bomba Sukarela walaupun mereka juga adalah dalam kalangan sukarelawan, tetapi fokus utama pasukan bersekutu ini membantu ketika berhadapan dengan bencana yang besar serta penyediaan latihan menyelamat yang secukupnya supaya mereka boleh dipanggil untuk membantu pihak bomba ketika diperlukan.

Saya berpandangan, sayang sekali kalau NGO-NGO seperti ini yang sememangnya banyak turun ke lapangan Malaysia- sukarelawan tidak diberikan pendedahan yang secukupnya supaya mereka juga dapat membantu memberikan khidmat bakti ketika operasi penyelamatan daripada bencana sedang dilaksanakan. Saya juga ingin mengetahui jumlah Pasukan Bomba Sukarela yang sedia ada khusus di negeri Kedah ketika ini serta kawasan-kawasan jagaan masing-masing.

Dato Yang di-Pertua, seterusnya mengenai pasukan Kadet Bomba Malaysia. Saya ingin mengetahui senarai universiti awam yang telah mempunyai Kor Siswa Bomba di pusat pengajian tinggi masing-masing. Apakah kementerian mempunyai cadangan untuk memastikan penerusan keterlibatan para mahasiswa ini dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat selepas mereka bergraduasi dari pusat pengajian masing-masing? Bagi penubuhan kadet bomba sekolah, apakah kementerian juga menyediakan geran kepada pihak sekolah untuk mewujudkan Kadet Bomba di sekolah-sekolah?

Dato Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai penyediaan laporan analisa risiko kebakaran oleh individu mahupun firma yang berkecualan. Saya tertanya-tanya memandangkan kerja-kerja memadamkan kebakaran serta lesen pendudukan sesuatu tempat juga memerlukan kelulusan pihak Bomba. Justeru, mengapakah kita tidak melatih Anggota Bomba sendiri untuk mereka menjadi perunding untuk keselamatan kebakaran? Mengapakah perlu kita melibatkan firma luar yang sudah tentu akan memakankan kos tambahan pada Jabatan Bomba itu sendiri sedangkan kita boleh sahaja menyediakan latihan dan program yang berkesan kepada anggota sedia ada?

Soal pengawalseliaan risiko kebakaran dan keabsahan laporan boleh ditambah baik dengan penyediaan suatu manual yang standard terhadap perkara tersebut. Persoalan lagi adalah- berapa kos yang akan ditanggung oleh kementerian untuk mendapatkan rundingan dengan firma luaran tersebut? Saya kira perkara ini sudah pun dijelaskan dalam pindaan subseksyen 5(1)(a)(b) akta ini. Saya kira itu sahaja dan mohon penjelasan daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Michael Muih Lihan.

12.17 tgh.

Tuan Michael Muih Lihan: Terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas di dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas atas komitmen kementerian

dalam merakyatkan perkhidmatan kebombaam menerusi pindaan yang dibuat sejak akta ini diperkenalkan pada tahun 1988.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berhubung beberapa perkara khususnya berkaitan Pasukan Bomba Sukarela di bawah subseksyen 3(a). Dinyatakan bahawa PBS boleh didaftarkan mengikut syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah JBPM, manakala penubuhan dan pembatalannya ditentukan oleh Menteri. Sedia maklum sebelum ini kebanyakan PBS didaftarkan sebagai pertubuhan tidak berasaskan keuntungan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan dimiliki sijil pendaftaran daripada ROS.

Namun, melalui pindaan ini seperti yang dinyatakan dalam seksyen 21(1), semua PBS yang berdaftar di bawah akta tersebut akan dianggap terhenti dan disifatkan telah didaftar di bawah akta bomba yang dipinda ini. Maka, pertanyaan saya ialah, adakah PBS yang telah berdaftar di bawah ROS sebelum ini akan dianggap secara automatik berdaftar di bawah pindaan akta ini atau mereka perlu mengemukakan semula permohonan pendaftaran baharu? Selain itu, apakah kriteria yang ditetapkan bagi pendaftaran bagi PBS?

■1220

Apa pula perbezaan pendaftaran PBS ini di bawah kelolaan JBPM berbanding pendaftaran di bawah ROS melalui Akta Pertubuhan 1966.

Seterusnya berkenaan PBS ini juga saya mendapati bilangan PBS di Sarawak setakat dilaporkan pada Mei 2024 adalah sebanyak 58 yang berdaftar dengan ROS. Namun, daripada jumlah tersebut hanya 38 yang kekal aktif manakala yang 20 lagi sudah lagi tidak aktif disebabkan beberapa faktor seperti pengerusi mereka berhenti atau berpindah ke tempat lain, kekurangan minat selain penghijrahan golongan muda dari kampung ke bandar. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan kementerian berhubung perkara-perkara berikut berkaitan pasukan bomba sukarela (PBS) di Sarawak khususnya di kawasan pedalaman.

- (i) adakah bilangan PBS sedia ada mencukupi untuk membantu JBPM bertindak awal di kawasan jauh dari balai bomba;
- (ii) berapa jumlah PBS yang telah ditubuhkan di kawasan rumah panjang yang hanya boleh diakses melalui sungai? Adakah ia mencukupi untuk respons kecemasan yang berkesan;
- (iii) apakah pelan kementerian untuk menambah bilangan PBS di Sarawak khususnya di kawasan pedalaman;
- (iv) apakah langkah kerajaan untuk membekalkan peralatan kebombaam kepada PBS di rumah panjang yang tiada jalan darat dan pili bomba; dan

- (v) adakah kerajaan bercadang menyediakan elaun atau insentif kepada anggota PBS?

Dalam pada itu sehingga Disember 2024, sebanyak 313 buah premis di Sarawak telah mendapat Sijil Perakuan Bomba daripada sebanyak 493 buah premis yang ditetapkan dan jumlah itu menjadi peratusannya adalah sebanyak 63.5 peratus. Melihat kepada peratusan yang kurang memberangsangkan, sejauh mana dengan pindaan ini kelak akan dapat meningkatkan kesedaran para pemilik premis dan bangunan untuk mematuhi peraturan keselamatan kebakaran termasuk keperluan mendapatkan perakuan bomba untuk memastikan premis mereka selamat daripada risiko kebakaran.

Saya juga ingin mencadangkan agar kementerian mewujudkan satu inisiatif khas bagi membantu kesemua PBS di seluruh negara, meningkatkan literasi serta kefahaman mereka terhadap pengurusan organisasi sama ada melibatkan kewangan, sumber manusia dan sebagainya.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh berkenaan peruntukan penubuhan dan pendaftaran Pasukan Kadet Bomba Malaysia di bawah seksyen 4(d), satu inisiatif yang sangat baik dalam memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai tugas seseorang anggota bomba yang kurang diberikan perhatian. Menyarung uniform bomba mungkin tidak segak menjadi seorang anggota badan beruniform seperti Polis, Tentera Darat, Tentera Udara mahupun Tentera Laut, tetapi menerusi pendedahan di peringkat akar umbi seperti ini, saya yakin ia nya mampu membuka mata terutama ibu bapa untuk membenarkan anak-anak mereka memilih bidang kerjaya sebagai ahli anggota bomba satu hari nanti.

Oleh yang demikian, sejauh mana perancangan kementerian untuk memberi tumpuan bagi menubuhkan lebih banyak Pasukan Kadet Bomba Malaysia di kawasan-kawasan pedalaman di seluruh Malaysia.

Akhir kata, saya mengharapkan agar RUU ini menjadi titik permulaan kepada transformasi institusi kebombaan negara untuk terus menyediakan khidmat terbaik demi masyarakat dan negara. Bomba dan rakyat berpisah tiada, wira merah dijulung sentiasa. Dengan ini saya menyokong Rang undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Noorita.

12.25 tgh.

Puan Noorita binti Sual: *Kaansayan* dan salam sejahtera. Datuk Speaker, saya menyokong pindaan rang undang-undang di dalam sub fasal 3A dan fasal 5 iaitu berkenaan

penambahan seksyen baru 4DA dan 4DC yang akan mengiktiraf penubuhan Pasukan Bomba Sukarela, Pasukan Kadet Bomba Malaysia dan juga penubuhan pasukan bomba persendirian kerana saya percaya kewujudan pasukan-pasukan ini akan dapat membantu meningkatkan lagi kecekapan pengoperasian pasukan bomba kita terutamanya bagi kawasan yang tidak mempunyai balai bomba rasmi seperti di kawasan-kawasan luar bandar atau kawasan terpencil.

Saya turut difahamkan sebelum ini Pasukan Bomba Sukarela hanya berperanan sebagai unit sokongan di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam menangani kebakaran, bencana dan kecemasan terutama di kawasan yang jauh dari balai bomba rasmi. Perbahasan saya kali ini lebih tertumpu kepada Pasukan Bomba Sukarela. Mungkin ada di antara kita di sini tidak tahu tentang kewujudan Pasukan Bomba Sukarela ini.

Untuk makluman kita semua, sejak sekian lama Pasukan Bomba Sukarela telah memainkan peranan yang amat penting dalam memberi bantuan awal terhadap kes-kes kebakaran, menyelamatkan mangsa bencana, kemalangan dan meningkatkan kesedaran keselamatan kebakaran kepada penduduk terutamanya di kawasan luar bandar yang jauh dari balai bomba rasmi.

Di kawasan kampung saya sendiri di Tenom Sabah sudah wujud Satu Pasukan Bomba Sukarela dari dulu lagi, namun realitinya dan saya percaya banyak Pasukan Bomba Sukarela beroperasi dengan sumber yang sangat terhad tanpa peralatan mencukupi dan dengan struktur pengurusan aset yang tidak tersusun. Ada juga kes di mana aset mereka seperti jentera dan peralatan bomba sudah uzur, tidak diurus dan diselenggarakan dengan baik atau tidak dapat digunakan kerana ketiadaan sistem pemantauan yang jelas.

Oleh sebab itu rang undang-undang ini amat penting kerana ia bukan hanya sekadar mengemas kini undang-undang sedia ada tetapi juga menambah baik Akta Perkhidmatan Bomba ini agar selari dengan keperluan semasa serta memastikan struktur pengurusan bomba sukarela lebih tersusun, aset diurus dengan cekap, dana yang diperuntukkan digunakan secara lebih telus dan kebajikan pasukan akan lebih terjaga. Pindaan ini juga melibatkan banyak perubahan penting termasuklah pengukuhan struktur, sistem dan pengurusan organisasi Pasukan Bomba Sukarela, pendaftaran peralatan keselamatan kebakaran serta kawalan ke atas pemilikan dan pengurusan aset mereka.

Saya menyokong pindaan ini kerana ia juga bertujuan meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan bomba dan demi memastikan keselamatan rakyat kita lebih terjamin. Selain itu, saya juga sangat bersetuju dengan penambahan seksyen baharu 4BC(1)(a) dan (b) berkenaan dengan peruntukan yang terpakai bagi Pasukan Bomba Sukarela yang antara pindaan penting ialah penstrukturan semula pemilikan dan pengurusan aset Pasukan Bomba Sukarela bagi

memastikan aset yang diperoleh melalui sumbangan awam atau peruntukan kerajaan digunakan secara cekap dan telus.

Ia juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengawal selia aset Pasukan Bomba Sukarela bagi mengelakkan penyalahgunaan dan memastikan Pasukan Bomba Sukarela beroperasi secara telus dan lebih profesional. Dengan pindaan ini pasukan bomba sukarelawan bukan sahaja lebih bersedia dalam menghadapi kecemasan, tetapi juga berfungsi dalam sistem yang lebih tersusun dan berkesan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada isu harta tak alih bagi fasal 4BC(1)(b) yang memperuntukkan pemilikan harta tak alih oleh Pasukan Bomba Sukarela. Saya berpendapat perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia melibatkan pertindihan kuasa antara perundangan Persekutuan dan undang-undang kerajaan negeri khususnya dalam soal pemilikan tanah. Seperti yang kita sedia maklum, Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa khas dalam hal ehwal tanah dan pentadbiran negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Sabah dan Sarawak mempunyai sistem tanah yang unik di bawah Ordinan Tanah Sabah iaitu *Sabah Lands Ordinance 1930* dan Kanun Tanah Sarawak. Kedua-dua undang-undang ini menetapkan bahawa tanah di Sabah dan Sarawak mesti didaftarkan dan dikawal selia oleh kerajaan negeri. Dalam hal ini sebarang pindaan undang-undang Persekutuan yang berkaitan dengan pemilikan atau pendaftaran harta tak alih mesti mengambil kira kuasa kerajaan negeri dan undang-undang tempatan sedia ada.

Pindaan ini yang memperuntukkan bahawa harta tak alih suatu Pasukan Bomba Sukarela boleh didaftarkan atas nama Jawatankuasa Pasukan Bomba Sukarela tersebut. Jika tidak melalui pemegang amanah boleh menimbulkan persoalan sekiranya harta tak alih yang terlibat merupakan geran NT atau *Native Title* dan penama di dalam jawatankuasa tersebut yang biasanya melibatkan pengerusi, setiausaha dan bendahari melibatkan orang yang bukan berstatus anak negeri.

■1230

Implikasi timbul di mana jika harta tak alih itu tidak dapat didaftarkan atas nama jawatankuasa atau pemegang amanah dan jika bertahun-tahun dibiarkan pewaris kepada pemilik asal tanah atau harta tak alih itu cuba pula untuk menuntut tanah ataupun harta tak alih tersebut. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah solusi jika situasi ini berlaku agar ia nya tidak menimbulkan kekeliruan dalam pemilikan dan pengurusan harta tak alih oleh Pasukan Bomba Sukarela ini kelak.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah kriteria-kriteria yang diperlukan bagi kelulusan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela ini? Apakah mekanisme kawalan yang akan memastikan bahawa jumlah Pasukan Bomba Sukarela ini tidak tumbuh seperti cendawan dan penubuhannya benar-benar atas dasar sebagai sokongan kepada pasukan bomba rasmi negara? Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

12.31 tgh.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas pembentangan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025. RUU ini bertujuan untuk memperkasakan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekali gus mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan mereka untuk menjamin keselamatan rakyat kita.

Fokus utama pindaan akta adalah bagi menambah baik pengawasan peraturan terhadap Pasukan Bomba Sukarela, perunding keselamatan kebakaran dan perkhidmatan berkaitan seiring cabaran dan keperluan semasa. Namun begitu, saya ingin menyuarakan beberapa persoalan berkenaan dengan pindaan-pindaan tersebut.

Pertama, saya menyambut baik pindaan untuk memasuki seksyen 4BA iaitu Pentadbiran Pasukan Bomba Sukarela yang bertujuan untuk menyelaraskan operasi Pasukan Bomba Sukarela untuk memaksimumkan kecekapan dan koordinasi untuk meningkatkan keselamatan serta keberkesanannya. Namun, apa yang tidak di tertera dalam pindaan tersebut adalah syarat-syarat kelayakan atau tahap kompetensi yang diperlukan sebelum menjadi ahli Pasukan Bomba Sukarela memandangkan Akta Ibu juga tidak ada peruntukan ini.

Kedua, berkaitan dengan meletakkan tanggungjawab kepada pemilik atau pengurus premis untuk menubuhkan suatu pasukan bomba persendirian. Saya menyambut baik pindaan seksyen 4DC kerana usaha pencegahan- *preventive measure* dapat diperkukuhkan. Dato Yang di-Pertua, persoalannya, sejauh manakah tahap kesiapsiagaan pasukan bomba persendirian? Apakah kelayakan dan kriteria untuk memastikan kepiawaian perkhidmatan mereka? Apakah skop operasi mereka? Adakah terhad di premis mereka sahaja atau dibenarkan membantu di premis berhampiran sekiranya berlaku pertolongan kecemasan?

Tambahan pula, adakah kerajaan akan memberi bantuan kewangan atau insentif cukai memandangkan kos menubuhkan Pasukan Bomba Persendirian melibatkan kos latihan, peralatan dan pengurusan yang tinggi. Tanggungan kos pengurusan pasukan bomba

persendirian sudah pasti akan membebankan pemilik premis, perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Ketiga, bahagian baharu VA yang merangkumi seksyen baharu 60A sehingga – 36A sehingga 36J yang memperuntukkan bahawa pendaftaran diperlukan untuk profesion perundingan keselamatan kebakaran, firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran, penyedia latihan dan pengajar di Jabatan Bomba. Walaupun kemasukan bahagian ini adalah untuk memastikan kualiti perkhidmatan keselamatan, saya ingin tahu berapa *fees* pendaftaran dan syarat-syarat pendaftaran kerana ini akan membebankan sektor perniagaan terutamanya sektor PMKS.

Akhir sekali, seksyen 36C tidak ada peruntukan kadar penalti sekiranya terdapat kesalahan yang melibatkan perundingan keselamatan kebakaran dan firma perunding keselamatan. Kedua-dua jabatan tersebut berperanan untuk menyediakan laporan analisis risiko. Maka, ia adalah dokumen yang agak penting untuk memastikan langkah-langkah telah diambil untuk mencegah bahaya kebakaran dan seterusnya akan membantu perniagaan, mengelakkan kerugian besar dalam jangka panjang.

Akhir kata, Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 adalah penting untuk memperkasakan Jabatan Bomba bagi melaksanakan tanggungjawab dengan lebih cekap dan berkesan dalam melindungi nyawa dan harta benda rakyat daripada ancaman kebakaran. Dato Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dipersilakan Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad.

12.37 tgh.

Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca selawat]* Terima kasih Dato Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama dalam sesi perbahasan rang undang-undang yang dinamakan sebagai Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Bomba dan Penyelamat merupakan perkhidmatan yang sangat penting kepada negara pada masa kini. Perkhidmatan Bomba yang bermula dengan tugas memadam kebakaran sahaja telah mengalami evolusi mengikut keperluan masa dan kini dikenali sebagai pasukan bomba dan penyelamat yang mana tugas pasukan bomba dan penyelamat ini bukan sahaja memadam kebakaran, tetapi meliputi kerja-kerja menyelamatkan pelbagai jenis kemalangan, menyelamatkan bangsa banjir dan lain-lain bencana, kerja-kerja menjejaki mangsa yang sesat di hutan dan pergunungan juga menangkap hidupan liar berbisa

seperti ular dan sebagainya serta tugas kemasyarakatan seperti menyiram air untuk kanak-kanak berkhata beramai-ramai.

Pendek kata, pasukan bomba dan penyelamat sekarang ini adalah sebahagian daripada kehidupan harian masyarakat negara ini. Oleh itu, RUU Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 ini kena dan tepat pada masanya dan merupakan penambahbaikan kepada perkhidmatan bomba itu sendiri. Pada pandangan saya, ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan ekoran daripada pindaan akta ini.

Pertama sekali, kebimbangan terhadap peningkatan kos atau perbelanjaan serta denda terhadap pemilik premis terutamanya pemilik premis kecil dan sederhana. Untuk menubuhkan sebuah pasukan bomba atau satu pasukan bomba persendirian, sudah tentulah akan melibatkan penambahan kos kepada bajet tahunan kepada pemilik premis atau pemilik bangunan sama ada yang besar, sederhana mahupun yang kecil. Ini semua sudah tentunya akan membebankan pemilik-pemilik premis atau bangunan terutamanya kepada pemilik-pemilik bersaiz kecil dan sederhana.

Kos atau perbelanjaan tambahan ini melibatkan pembiayaan untuk keperluan-keperluan tertentu seperti tenaga kerja, sumber manusia, peralatan-peralatan mencegah dan memadam kebakaran dan lain-lain yang berkaitan. Ini tidak termasuk lagi kos untuk latihan, persijilan serta lain-lain kos yang di luar jangka.

■1240

Semua peningkatan- seterusnya peningkatan penalti yang agak tinggi ke atas pemilik bangunan yang gagal mematuhi peraturan keselamatan kebakaran mungkin membebankan pemilik premis terutamanya yang kecil dan sederhana, SME ini. Cuma ini akan membebankan pemilik-pemilik premis berkenaan dan kenaikan kos ini sudah tentunya akan diserap kepada pelanggan atau penyewa premis berkenaan. Seterusnya akan menyumbang kepada kenaikan harga barangan atau perkhidmatan kepada para pelanggan secara amnya. Saya berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan peruntukan ini supaya dapat meringankan beban kepada pihak yang berkenaan.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan sekiranya boleh dapat mempertimbangkan bentuk-bentuk bantuan sama ada bantuan kewangan atau peralatan serta perkhidmatan latihan atau setidak-tidaknya insentif tertentu diberikan kepada peniaga kecil untuk menaik taraf sistem keselamatan kebakaran mereka. Begitu juga dengan denda yang bakal dikenakan kepada pemilik premis yang didapati bersalah atau yang gagal mematuhi peraturan berkaitan keselamatan dan penjagaan kebakaran agak berat pada pandangan saya dan denda

yang dikenakan itu bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian tetapi sebaliknya saya bimbang akan menjadi sesuatu yang membebankan kepada pemilik premis.

Yang kedua, peruntukan bajet untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya berpendapat bahawa pindaan ini tidak akan berkesan jika kerajaan tidak menyediakan peruntukan bajet tambahan pada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Adalah dicadangkan agar lebih banyak dana diperuntukkan kepada JBPM untuk pembelian peralatan moden, kenderaan baharu serta meningkatkan jumlah anggota bomba itu sendiri. Persoalannya pindaan ini akan lebih berkesan sekiranya disertai dengan pelan strategik jangka panjang untuk JBPM agar penambah perubahan yang dibuat lebih menyeluruh dan lebih berkesan.

Seterusnya kebajikan Anggota Bomba juga perlu diberi perhatian. Walaupun pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan Bomba, Jabatan Bomba, saya ingin menekankan isu berkaitan bahawa gaji dan emolumen Anggota Bomba yang pada hemat saya masih rendah berbanding risiko yang mereka hadapi dalam menjalankan tugas-tugas menyelamatkan dari semua aspek. Tugas anggota bomba dan penyelamat ini bukan sahaja memerlukan pengorbanan keringat dan air mata, tetapi juga mempertaruhkan nyawa demi menyelamatkan mangsa yang memerlukan bantuan kecemasan. Emolumen khas untuk tugas berisiko tinggi dan skim perlindungan insurans yang lebih baik perlu diperkenalkan bagi memastikan kebajikan Anggota Bomba terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara 36A iaitu pelantikan pengawal di mana Ketua Pengarah boleh melantik seorang dalam kalangan pegawai kanan bomba sebagai pengawal yang dalam pandangan saya yang mempunyai kuasa penuh yang mutlak seperti subseksyen 36A. Pada pandangan saya perkara ini perlu diberi perhatian untuk menjamin ketelusan dan bebas daripada elemen-elemen yang tidak diingini. Saya juga ingin menekankan bahawa kuasa penguatkuasaan Bomba perlu dikawal dengan baik agar tidak disalahgunakan.

Oleh itu, saya mencadangkan agar satu badan pemantau khas dapat ditubuhkan untuk menyemak dan mengawal tindakan penguatkuasaan bagi memastikan apa sahaja keputusan yang dibuat adalah adil dan saksama kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sama ada Jabatan Bomba dan Penyelamat mempunyai sumber manusia yang mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan seperti contohnya pemeriksaan berkala ke atas bangunan atau premis seperti yang dicadangkan di dalam pindaan ini. Sekiranya gagal dari sudut pemeriksaan dan penguatkuasaan, maka saya bimbang pindaan akta ini tidak sampai ke mana-mana dan kurang berkesan.

Pendidikan. Saya juga berpendapat bahawa kerajaan harus lebih menekankan pendidikan keselamatan kebakaran di sekolah, universiti dan juga tempat kerja. Saya mencadangkan agar kursus keselamatan kebakaran diwajibkan dalam latihan pekerja di sektor tertentu seperti industri minyak dan gas, kilang serta bangunan-bangunan tinggi.

Untuk pasukan Kadet Bomba Malaysia saya juga ingin mencadangkan di sini supaya pasukan Kadet Bomba Malaysia juga diberi peluang kepada sekolah-sekolah persendirian dan juga sekolah agama rakyat untuk menubuhkan pasukan Kadet Bomba Malaysia di sekolah masing-masing dan bukannya hanya tertumpu kepada sekolah menengah bantuan penuh kerajaan sahaja. Selain itu, penglibatan lebih besar daripada masyarakat melalui Pasukan Bomba Sukarela juga perlu digalakkan di kalangan masyarakat.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta 341 secara prinsipnya, tetapi menggesa pihak kerajaan dapat menghalusi cadangan ini sebelum pindaan Akta 341 ini dikuatkuasakan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias.

12.45 tgh.

Tuan Che Alias bin Hamid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Dato Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama-sama mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025.

Dato Yang di-Pertua, terdapat beberapa isu yang ingin saya ketengahkan dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertama, berhubung dengan pindaan seksyen 4B yang memindahkan pendaftaran PBS daripada Pendaftar Pertubuhan- ROS pada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dilihat sebagai satu langkah yang boleh menjejaskan autonomi pihak PBS itu sendiri.

Selama ini PBS beroperasi secara sukarela dengan pentadbiran sendiri, mengumpul dana sendiri dan juga menjalankan aktiviti berdasarkan kepada keperluan setempat. Dengan meletakkan mereka di bawah Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia, adakah ini bermakna mereka perlu mematuhi prosedur birokrasi yang lebih ketat seperti laporan tahunan yang terperinci dan kawalan operasi secara langsung? Jika ini berlaku, saya bimbang ia boleh menyukarkan operasi mereka terutama di kawasan luar bandar yang bergantung kepada PBS kerana ketiadaan balai bomba yang berhampiran.

Selain itu, persoalan besar yang perlu dijelaskan ialah sama ada Jabatan Bomba mempunyai kapasiti untuk mengurus pendaftaran dan pemantauan semua PBS dengan cekap.

Adakah Jabatan Bomba telah melakukan kajian impak terhadap beban kerja tambahan yang mungkin akan berlaku?

Dato Yang di-Pertua, seterusnya pindaan seksyen 4DC membenarkan Ketua Pengarah Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia untuk mengarahkan syarikat menubuhkan pasukan bomba persendirian di premis tertentu yang berisiko tinggi terhadap kebakaran. Namun, setakat ini Menteri hanya menyebut sektor minyak dan gas sahaja sebagai sasaran utama seperti di Pengerang, di Gebeng dan juga di Kerteh. Ini menimbulkan persoalan mengapa hanya sektor ini yang diberi perhatian. Bagaimana pula dengan hospital swasta, sekolah berasrama penuh- yang berhubung dengan bahan kimia, pusat membeli belah dan tempat awam lain yang turut mempunyai risiko kebakaran yang tinggi.

Tambahan pula, tidak ada penjelasan mengenai tanggungjawab pihak syarikat dalam memastikan pasukan bomba persendirian ini mempunyai standard keselamatan jabatan Bomba Penyelamat Malaysia. Jika tidak ada pemantauan yang ketat, wujud risiko bahawa syarikat hanya menubuhkan pasukan ini sekadar memenuhi keperluan undang-undang tanpa memastikan latihan dan juga peralatan yang mencukupi.

Lebih membimbangkan juga jika sesuatu insiden berlaku, adakah pasukan bomba persendirian ini akan beroperasi secara efektif atau masih perlu bergantung pada Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menangani kebakaran yang besar? Oleh itu, sejauh mana komitmen kerajaan bagi mewujudkan satu garis panduan bagi memastikan pasukan bomba persendirian ini bukan sekadar pemerhati tetapi ia benar-benar berfungsi sebagai satu pasukan penyelamat yang efektif?

Dato Yang di-Pertua, seterusnya bagi pindaan Bahagian VA, seksyen 36C hingga 36J meletakkan bahawa perunding keselamatan kebakaran dan firma mereka perlu berdaftar dengan Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia sebelum menyediakan laporan analisis risiko kebakaran. Menteri menyebut bahawa setakat 2024 hanya 20 buah- perunding dan sembilan buah firma telah berdaftar. Ini menunjukkan kadar pendaftaran yang rendah. Adakah ia disebabkan prosedur-prosedur yang kompleks dan kekangan tertentu dalam proses kelulusan?

■1250

Satu persoalan yang timbul ialah sama ada peraturan baru ini akan menyulitkan syarikat tempatan yang kecil untuk beroperasi jika proses pendaftaran terlalu ketat atau mengambil masa yang terlalu lama. Ini akan menyebabkan perunding keselamatan kebakaran kecil-kecilan sukar bersaing dan akhirnya hanya firma besar yang boleh memenuhi syarat pendaftaran.

Ini tidak adil bagi perunding kecil yang selama ini telah pun memberikan perkhidmatan mereka yang penting kepada industri dan juga masyarakat. Oleh itu, apakah mekanisme

cadangan oleh pihak Jabatan Bomba Penyelamat bagi memastikan sistem pendaftaran ini tidak menjadi satu bentuk monopoli yang boleh menyekat peluang syarikat kecil untuk terus bersaing?

Dato Yang di-Pertua, pindaan seksyen 36K hingga 36O menetapkan bahawa semua peralatan kebombaian perlu diuji di makmal yang diiktiraf. Walaupun ini satu langkah yang baik untuk memastikan piawaian keselamatan yang tinggi, hakikatnya kebanyakan makmal yang disebut oleh Menteri adalah makmal luar negara atau agensi tertentu seperti SIRIM dan FRIM. Ini menimbulkan beberapa persoalan.

Pertama, adakah kos ujian akan meningkat kerana keperluan menggunakan makmal luar negara? Yang kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan lebih banyak makmal tempatan agar proses ujian menjadi lebih cepat dan kos lebih rendah? Jika kita terlalu bergantung kepada makmal luar, maka syarikat tempatan yang menghasilkan peralatan kebombaian mungkin menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kelulusan dalam tempoh masa yang munasabah.

Oleh itu, sejauh manakah komitmen pihak kerajaan untuk mempercepatkan penubuhan lebih banyak lagi makmal pengujian tempatan yang diiktiraf bagi memastikan syarikat tempatan ini tidak terkesan dengan peraturan yang kita wujudkan ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

12.52 tgh.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Dato Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas di dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025.

Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan menyatakan bahawa pindaan akta ini adalah satu manifestasi pengiktirafan serta penghargaan kerajaan kepada pasukan bomba kita yang mungkin tidak segah pasukan beruniform lain, tetapi memainkan peranan yang sangat penting kepada masyarakat dan negara kita.

Bomba ini unik. Bukan sahaja apabila kebakaran, kita panggil mereka, tetapi situasi seperti haiwan masuk rumah, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Baharuddin tadi, tersepit pintu ketika berlaku banjir dan pelbagai lagi, semuanya kita panggil Bomba datang membantu. Merekalah wira kita.

Baiklah, saya terus kepada pandangan saya berhubung beberapa pindaan dalam akta ini. Pertamanya, pindaan seksyen 4B berkaitan Pasukan Bomba Sukarela (PBS). Saya ingin mendapatkan perincian lanjut. Apakah kriteria yang ditetapkan bagi pendaftaran baharu PBS dan apakah justifikasi syarat penubuhan dan pembatalan hanya boleh ditetapkan oleh Menteri dan bukannya Ketua Pengarah?

JBPM memandangkan ia hanya sebuah pasukan sukarela, apakah syarat penubuhan berbeza berbanding syarikat penubuhan pertubuhan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)? Jika ia nya berbeza, apakah faedah yang boleh diterima oleh PBS selepas ini di bawah kelolaan kementerian? Selain itu, apakah juga bentuk-bentuk kesalahan yang boleh menyebabkan pembatalan pendaftaran sesuatu PBS itu?

Saya berharap, PBS sedia ada yang telah aktif tidak perlu lagi membuat pendaftaran baru di bawah syarat terbaru dan terus diserapkan secara automatik sebagai PBS berdaftar di bawah kementerian. Ini bagi melicinkan tadbir urus dan pengurusan PBS tersebut berbanding PBS yang baru ingin diwujudkan.

Seterusnya, di bawah seksyen baru 4B(d) yang dicadangkan berkenaan sumber kewangan PBS. Saya didapati, PBS sering kali menghadapi isu kebatasan sumber kewangan dan infrastruktur yang akhirnya mempengaruhi keberkesanan operasi mereka. Sebagai contoh, kekurangan sumber dana menyebabkan PBS kurang jentera dan peralatan yang sesuai untuk tugas penyelamatan mereka.

Saya melihat menerusi pindaan seksyen 4BD ini adalah satu pemangkin ke arah perolehan serta pengurusan kewangan yang lebih baik untuk memantapkan perkhidmatan PBS ini. Biarpun begitu, adalah dengan pindaan ini bermakna PBS bebas atau dibenarkan untuk mengadakan aktiviti seperti jamuan makan malam bagi mengutip sumbangan daripada orang ramai?

Persoalan kedua, adakah PBS dibenarkan mendapatkan sumber kewangan dari syarikat atau NGO-NGO tertentu dan apakah terdapat had sumbangan yang ditetapkan oleh kementerian bagi memastikan entiti PBS ini tidak dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu sebagai salah satu cara pengubahan wang? Bagaimanakah pula kawalan oleh kementerian dalam perkara ini bagi memastikan tidak berlaku elemen penyelewengan dalam pengurusan kewangan berkenaan?

Dato Yang di-Pertua, selain itu, saya turut ingin menyentuh mengenai kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan kesedaran keselamatan kebakaran di bawah subseksyen 6A. Saya yakin, masih ramai dalam kalangan pemilik premis dan bangunan yang mengambil mudah akan kepentingan menyediakan kelengkapan menghadapi kebakaran.

Saya ingin menyarankan agar kerajaan untuk menyediakan satu insentif khusus seperti rebat tunai atau pengecualian cukai bagi menggalakkan lebih ramai pemilik premis dan bangunan untuk menyediakan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran yang digunakan di premis-premis adalah berkualiti dan mematuhi standard keselamatan yang ditetapkan.

Dato Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkenaan pasukan bomba persendirian di premis. Saya difahamkan menerusi pindaan ini, Ketua Pengarah JBPM boleh mengarahkan pemilik premis untuk menubuhkan Pasukan Bomba Persendirian sekiranya terdapat risiko kebakaran tinggi berdasarkan laporan analisis risiko. Apakah kriteria yang ditetapkan untuk seseorang pemilik premis itu untuk menubuhkan pasukan bomba persendirian?

Adakah penubuhan Pasukan Bomba Persendirian ini bersifat *ad hoc* atau JBPM perlu melantik mereka untuk beberapa tempoh tertentu? Bagaimana pula dengan keperluan mereka untuk menjalankan operasi dan sekiranya berlaku sesuatu di luar jangkaan, adakah terdapat jaminan keselamatan seperti perlindungan insurans oleh JBPM terhadap Pasukan Bomba Persendirian itu?

Saya juga memohon untuk mendapatkan pencerahan. Sejauh manakah bidang kuasa yang boleh diturunkan oleh Ketua Pengarah JBPM kepada pasukan bomba persendirian ini dan jenis-jenis perkhidmatan yang dibenarkan oleh Pasukan Bomba Persendirian untuk beroperasi? Sikit lagi Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pindaan yang dibuat berkaitan perenggan keselamatan kebakaran dan firma perunding keselamatan kebakaran dalam memastikan pengurusan risiko kebakaran oleh pemilik premis dapat diuruskan dengan sempurna. Namun begitu setakat pindaan ini dibuat, berapakah jumlah perunding keselamatan kebakaran yang berdaftar sehingga ini? Apakah jumlah perunding dan firma di Malaysia pada masa ini mencukupi dan sejauh manakah pemantauan semasa kementerian terhadap kualiti laporan analisis risiko yang disediakan oleh perunding berdaftar ini?

Selain itu, adakah wujud satu had siling bagi caj yang dikenakan oleh perunding keselamatan kebakaran dan firma perunding keselamatan kebakaran, terutamanya kepada premis milik PBS? Bagaimanakah kementerian dapat memastikan perunding ini tidak menetapkan caj yang tidak munasabah sehingga membebankan PBS ini pada akhirnya? Saya mohon dijelaskan.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang, dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie.

12.59 tgh.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari. Terima kasih Dato Yang di-Pertua atas peluang untuk turut sama membahaskan RUU ini.

■1300

Tidak dinafikan keupayaan Pasukan Bomba Sukarela dalam memberikan khidmat terbaik dalam membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada masyarakat setempat apabila diperlukan adalah sangat mengagumkan.

Kewujudan PBS ini penting. Kalau kita melihat dari sudut angka, sekitar 337 buah Balai Bomba yang ada di seluruh negara untuk menjaga lebih kurang 600 DUN. Maknanya, satu Balai Bomba nisbahnya dua DUN. Satu Balai Bomba jaga dua DUN, tetapi kalau kita tengok yang lebih kecil, lebih mendasar, 337 Balai Bomba ini perlu menjaga 28,303 buah kampung di seluruh Malaysia. Maknanya, satu Balai Bomba perlu jaga lebih kurang 84 buah kampung. Biasa kita tengok kedudukan Balai Bomba ini ia lebih dekat dengan kawasan industri menyebabkan jarak ataupun tempoh masa untuk sampai ke rumah di kampung yang terbakar itu agak lambat berbanding dengan kilang kerana kedudukan itu.

Dengan jumlah 15,000 Anggota Bomba seluruh negara juga, walaupun saya difahamkan ada pengambilan baharu dalam masa setahun ini tetapi jumlah ini masih belum mencukupi untuk kita menguruskan 34 juta orang rakyat Malaysia. Walaupun PBS ini hanyalah pasukan bantuan, tetapi mereka tetap bertungkus-lumus seperti Bomba sepenuh masa membantu setiap kali bencana dan keadaan kecemasan. Mereka juga komited memberikan bantuan bersama-sama anggota JBPM yang lain.

Namun begitu, di sebalik khidmat yang cemerlang itu, persoalan yang sering timbul ialah sejauh mana pihak kerajaan memberi perhatian terhadap keperluan, kemudahan serta kebajikan pasukan ini. PBS sentiasa bersedia berkhidmat tanpa mengira masa dan keadaan, sama ada bencana kecemasan atau sebagainya, dan mereka juga memainkan peranan penting sebagai barisan hadapan di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sukar diakses oleh Jabatan Bomba.

Oleh itu, adalah wajar untuk kerajaan meneliti semula keperluan dan kebajikan PBS termasuk daripada segi penyediaan fasiliti yang lengkap, kelengkapan operasi dan juga latihan yang mencukupi. Keprihatinan kerajaan terhadap perkara ini pastinya akan memberikan suntikan semangat kepada hampir 8,000 PBS seluruh negara dan mungkin bakal-bakal PBS yang berminat untuk terus berbakti menyertai PBS dan terus berbakti kepada masyarakat dan negara.

Soalan saya, sejauh mana kementerian melihat keperluan untuk mewujudkan bomba persendirian di premis-premis persendirian terutama bagi bangunan-bangunan berisiko tinggi seperti kilang, loji industri, pusat beli-belah, hotel bertingkat dan premis-premis yang mempunyai jumlah penghuni dan pengunjung yang ramai?

Kehadiran bomba persendirian di premis-premis ini dilihat sebagai satu keperluan tambahan yang mampu mempercepatkan tindakan awal dalam situasi kecemerlangan sebelum ketibaan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Selain itu, bomba persendirian juga boleh berperanan sebagai barisan hadapan dalam melaksanakan pencegahan kebakaran secara dalaman dan memastikan sistem keselamatan kebakaran sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Oleh itu, adalah wajar KPKT mengkaji semula dasar dan keperluan mewajibkan penubuhan bomba persendirian di premis-premis tertentu sebagai langkah proaktif demi menjamin keselamatan nyawa dan harta benda.

Merujuk kepada pindaan ini, terdapat penambahan peruntukan berkaitan pelantikan orang kompeten dan kontraktor keselamatan kebakaran yang bertanggungjawab dalam memastikan sistem keselamatan kebakaran di sesebuah premis sentiasa berada dalam keadaan yang baik, berfungsi dengan sempurna serta mematuhi standard dan peraturan yang ditetapkan.

Persoalan yang timbul, bagaimanakah KPKT menetapkan kriteria dan syarat kelayakan bagi seseorang individu ataupun syarikat untuk diiktiraf sebagai orang kompeten atau kontraktor keselamatan kebakaran yang sah?

Penetapan kriteria ini amat penting bagi memastikan hanya individu yang benar-benar berkelayakan, berpengalaman dan memiliki sijil kompetensi yang diiktiraf sahaja dibenarkan menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan keselamatan kebakaran. Ini termasuk menghadiri kursus-kursus berkaitan, lulus peperiksaan kompetensi dan pendaftaran dengan badan berwibawa yang diiktiraf oleh kementerian. Langkah ini penting bagi menjamin mutu kerja dan keselamatan awam sentiasa terpelihara serta mengurangkan risiko kegagalan sistem keselamatan kebakaran di premis-premis.

Yang terakhir, Dato Yang di-Pertua, saya mungkin sedikit tertanya-tanya, kenapa nama untuk pasukan sukarela ini hanya “Pasukan Bomba Sukarela”, ia bukan “pasukan bomba dan penyelamat sukarela”? Kalau kita merujuk daripada segi istilah asal “bomba” itu, ia berasal daripada perkataan Portugis “bombero”, bermaksud *firefighter*. Adakah aspek menyelamatkan nyawa daripada soal kecemasan yang lain, soal umpamanya keperluan mereka yang perlu CPR, umpamanya tidak dalam ruang lingkup tugas PBS ataupun memang hanya memfokuskan kepada kebakaran semata-mata?

Itu sahaja persoalan dan pandangan saya, Dato Yang di-Pertua. Saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir.
1.05 tgh.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato Yang di-Pertua, pertamanya, terima kasih kerana memberikan kesempatan untuk saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 pada tengah hari ini.

Dato Yang di-Pertua, RUU yang dicadangkan ini, yang dikatakan, adalah antara usaha kita untuk menambah baik Pasukan Bomba terutamanya pasukan bomba sukarela. Dato Yang di-Pertua, saya terus kepada pindaan seksyen 4DB(4) yang menyatakan bahawa ahli Pasukan Kadet Bomba tidak berhak menerima elaun atau saraan. Adakah ini boleh menjadi sebab ia boleh menjejaskan minat golongan remaja ataupun belia untuk menyertai pasukan bomba sukarela kita?

Dato Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 34B(3) yang menetapkan Pasukan Bomba Sukarela tidak berhak menerima sebarang pampasan sekiranya pasukan mereka dibubarkan. Adakah ia akan seolah-olah menunjukkan bahawa kerajaan kita tidak menghargai sumbangan mereka sebelum ini yang banyak berkorban kepada negara, kepada rakyat seluruhnya?

Dato Yang di-Pertua, kepada seksyen 4D(5) iaitu memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mewajibkan pemilik premis menubuhkan Pasukan Bomba Persendirian sekiranya terdapat risiko kebakaran. Dato Yang di-Pertua, walaupun langkah ini baik dari segi keselamatan, ia boleh membebankan sektor swasta terutamanya di kalangan perusahaan kecil dan sederhana. Kos untuk menubuhkan pasukan bomba persendirian ini bukan sedikit terutamanya melibatkan latihan, melibatkan peralatan dan juga pengurusan yang tinggi. Namun, tiada insentif ataupun bantuan kewangan yang ditawarkan dalam pindaan ini.

Dato Yang di-Pertua, begitu juga garis panduan operasi Pasukan Bomba Persendirian tidak dimasukkan termasuk keperluan latihan berkala, pemilihan peralatan tertentu, ketiadaan standard yang jelas yang boleh menjejaskan keberkesanan pasukan ini dalam menangani waktu kecemasan.

Dato Yang di-Pertua, kepada seksyen 36K, mewajibkan pendaftaran kepada semua peralatan pemadam kebakaran. Pihak yang menjual ataupun memasang peralatan tanpa pendaftaran boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau penjara lima tahun. Walaupun niatnya baik untuk meningkatkan keselamatan, kos tambahan akibat proses pendaftaran boleh

menyebabkan pengguna, pemilik premis perniagaan, kediaman penduduk- apakah jaminan kerajaan ataupun mekanisme pendaftaran ini tidak membebankan industri dan juga pengguna?

■1310

Sehubungan dengan itu, selain itu dicadangkan insentif seperti pengecualian cukai, diberikan geran atau subsidi, diperkenalkan bagi perniagaan dan pemilik bangunan yang melabur dalam sistem keselamatan dan kebakaran yang berkualiti tinggi ini.

Dato Yang di-Pertua, kes kebakaran kediaman terutamanya golongan B40 ini berpunca daripada pendawaian elektrik yang terlalu lama, yang usang. Golongan ini tidak mampu untuk membuat pendawaian semula untuk mengelak. Jadi untuk mengelakkan berlaku kebakaran disebabkan oleh litar pintas umpamanya, adakah kerajaan tidak bercadang, tidak berhasrat untuk menyediakan bantuan khas kepada kumpulan ini. Dicadangkan juga agar bomba sukarela kita diberikan latihan khas dalam kes-kes pemeriksaan keselamatan pendawaian termasuk menawarkan pemeriksaan percuma terutamanya kepada golongan- rumah-rumah golongan B40.

Dato Yang di-Pertua, yang terakhirnya suka saya sebutkan di sini ialah bila berlaku bencana ataupun kebakaran seperti yang disebutkan KPI, jumlah tempoh masa yang diberikan 40 minit untuk sampai ke tempat kebakaran, tetapi apa yang berlaku terutamanya di kawasan luar bandar, tempoh masa yang untuk sampai ke tempat yang berlaku kebakaran tadi, bencana itu lebih daripada itu. Kadang-kadang rumah dah hilang, rumah dah terbakar habis, bomba baru sampai.

Ini mungkin disebabkan beberapa faktor, mungkin daripada segi laluan kereta bomba itu sendiri yang menyebabkan kereta bomba sampai lambat ataupun mungkin perhubungan di antara daripada bomba itu dengan tempat yang terbakar. Jadi kadang-kadang itu juga berlaku disebabkan tekanan air yang rendah untuk memadamkan kebakaran tersebut. Jadi kita harapkan biar perkara ini dapat diperbaiki supaya tempoh masa ataupun kebakaran yang sedang merebak itu dapat dikawal dengan secepat mungkin. Jadi saya rasa setakat itu dulu, saya pohon menyokong. Sekian. *Wabillahi taufik, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Azahar bin Hassan.

1.13 tgh.

Tuan Azahar bin Hassan: Terima kasih Yang di-Pertua. Bomba Malaysia mengalami revolusi yang sangat besar sejak ditubuhkan pada tahun 1883 iaitu 142 tahun yang lalu. Dijadikan Pasukan Bomba Malaysia pada tahun 1976 dan dijadikan Pasukan Bomba dan Penyelamat pada tahun 1997.

Jadi terima kasih diucapkan kepada Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang (RUU) Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga pada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan seluruh warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah bertungkus-lumus menyediakan cadangan RUU ini.

Saya percaya bahawa dengan wujudnya beberapa peruntukan kuasa baharu yang diperkenalkan dalam RUU ini khususnya berkaitan Pasukan Bomba Sukarela dan kuasa-kuasa anggota, ia membuka ruang kepada pelbagai penambahbaikan dalam sistem kebombaian.

Namun begitu, saya juga berpandangan bahawa rang undang-undang ini turut berpotensi disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya individu atau kumpulan yang mungkin mengambil kesempatan untuk menyamar sebagai Pegawai Bomba atau anggota PBS sama ada dengan untuk tujuan penipuan, memperdayakan orang awam atau mencemarkan nama baik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Penyamaran sedemikian bukan sahaja mengancam kredibiliti jabatan, malah boleh menyebabkan gangguan terhadap operasi atau mengelirukan masyarakat ketika berlakunya kecemasan. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya, bagaimanakah pihak JBPM menilai dan mengesahkan satu kes penyamaran sebagai pegawai bomba sukarela?

Jika Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator merujuk kepada data yang diperoleh daripada *Human Resources Development Corporation* (HRDC) bagi tahun 2021, terdapat lebih 5,000 *training provider* yang aktif berdaftar dan 17 persen daripada jumlah tersebut merupakan *training provider* berkaitan latihan kepada *safety and health*.

Oleh yang demikian, mohon Jabatan Bomba memberi penjelasan berhubung kelayakan untuk pendaftar sebagai penyedia latihan serta pengajar. Adakah kesemua *training provider* ini selepas RUU ini diluluskan perlu berdaftar dengan pihak Jabatan Bomba? Selain itu, saya juga mohon sedikit maklumat berhubung senarai *training provider* yang dikenal pasti perlu berdaftar dengan Jabatan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memperkukuhkan sistem keselamatan kebakaran negara, saya ingin mengangkat satu persoalan berkaitan penubuhan pasukan bomba persendirian di premis-premis swasta. Seiring dengan perkembangan sektor pembangunan industri dan perkhidmatan di negara ini, kita dapat melihat semakin banyak premis yang tergolong dalam kategori berisiko tinggi termasuk kilang-kilang besar, loji industri, pusat membeli belah bertingkat, hotel serta bangunan yang menempatkan sejumlah besar penghuni atau pengunjung pada satu-satu masa.

Soalan saya ialah sejauh manakah kementerian melihat keperluan untuk mewujudkan pasukan bomba persendirian di premis-premis swasta seperti ini demi memastikan tindak balas awal dapat dilaksanakan secara dalaman sebelum bantuan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat tiba. Saya percaya perlaksanaan dasar ini jika diperkasakan secara berfasa dan berasaskan penilaian risiko yang komprehensif mampu menjadi pelengkap kepada kecekapan sistem kebombaan negara.

Umum mengetahui bahawa pembangunan merupakan salah satu sektor terpenting bagi memacu kemajuan negara disebabkan oleh taraf hidup masyarakat yang dinilai dan diukur berdasarkan kepada pembangunan sesebuah kawasan. Pembangunan perbandaran menerusi projek mega yang berlaku secara pesat ini telah memberikan kesan limpahan dalam bentuk perubahan tanah serta aspek sosioekonomi, persekitaran fizikal dan sosiobudaya penduduk yang turut terkesan akibat kesan berlakunya proses itu tadi.

Oleh yang demikian, pembangunan kawasan yang melibatkan pembinaan struktur kekal ini hendaklah dikawal pembinaannya, antaranya menerusi kawalan ke atas produk-produk yang dipasang pada bangunan bagi menjamin keselamatan kepada penghuni serta pemunya bangunan tersebut. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kategori ataupun senarai Kelengkapan Menentang kebakaran (KMK) atau Pepasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia? Serta bagaimanakah aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan bagi membendung, mengawal serta memastikan kategori atas dipatuhi?

Sebelum mengakhiri, sekali lagi saya ingin mengambil keselamatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seluruh anggota pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang bertungkus-lumus menjalankan tugas tanpa mengira penah lelah terutamanya pada bulan Ramadan yang mulia ini dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat terus terjamin.

Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya kepada seluruh anggota bomba di seluruh negara dan juga semua warga Malaysia yang akan menyambutnya, tak beberapa hari lagi sambutan Syawal. Semoga bomba kita terus kuat dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dan pindaan ini akan memastikan- RUU ini akan memastikan Perkhidmatan Bomba terus cemerlang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Edward Linggu.

1.09 tgh.

Datuk Edward Linggu Bukut: Terima kasih Yang Berhormat Dato Speaker kerana memberi peluang kepada saya turut membahis Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan syabas dan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada kesemua Anggota Bomba kita. Apa jua pangkat, daripada pangkat bawah hinggalah pangkat-pangkat atas di seluruh negara atas khidmat bakti dan kerja keras mereka memastikan menjaga keselamatan kita sama ada harta ataupun nyawa.

■1320

Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ada beberapa akta ataupun peruntukan yang akan diubah. Semestinya kesemua ini bertujuan untuk memastikan perkhidmatan Bomba itu lebih baik, memperkasakan Bomba itu khususnya demi kesejahteraan dan kepentingan rakyat jelata khususnya di luar bandar.

Dato Speaker, saya ambil contoh sebagai di Sabah. Sabah dengan keluasan lebih daripada 73,000 *square kilometre* dan dengan Bomba yang begitu terhad sekali. Saya difahamkan cuma mempunyai 27 buah Balai Bomba sahaja dan Pasukan Bomba Komuniti sekadar 180, sementara Pasukan Bomba Sukarela sekadar 30 sahaja dan tiada rekod untuk pondok Bomba.

Saya juga difahamkan pada tahun 2019, ada usaha daripada Bomba Sabah untuk menambah balai bomba di Sabah sehingga ke-40 buah untuk memastikan supaya jarak masa untuk sampai ke tempat kemalangan itu kurang daripada 10 minit. Jadi harap-harap ini dapat ditunaikan, dapat dilaksanakan bersesuaian dengan pindaan Akta Bomba 2025 ini.

Dato Speaker, saya cuma ingin memberi beberapa pandangan macam mana kita memperbaiki perkhidmatan bomba ini. Antaranya ialah kita mahu supaya Bomba ataupun menambahkan pili bomba ataupun *fire hydrant* di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi ini sebab agak kurang khususnya di luar bandar.

Begitu juga tadi Timbalan Menteri ada menyatakan untuk pewujudan beberapa lagi Skwad Bomba, Bomba Persendirian, Kadet Bomba dan sebagainya supaya ia dapat dilaksanakan, dapat diwujudkan dengan kadar yang seberapa segera. Pada masa yang sama, apabila diwujudkan, hendaklah disamakan dengan segala kelengkapan, insentif untuk melatih mereka ini.

Ketiga ialah untuk bekerjasama- Bomba biarlah bekerjasama dengan Jabatan Air Negeri ataupun wilayah mendapatkan bekalan kepastian semasa mendapat masalah.

Dato di-Pertua, dengan masa yang singkat ini, saya ingin mengambil perhatian kita keadaan perkhidmatan bomba yang begitu perlu sekali khususnya di peringkat kampung.

Kenapa...? Pertama, di sana kurang agak jauh dari Balai Bomba yang utama; kedua, dia punya perhubungan infra jalan raya mungkin ke kampung itu agak tidak begitu baik sekali dan mungkin perjalanan Bomba itu akan terganggu; ketiga, rumah-rumah kalau di peringkat kampung ini lebih kepada yang *temporary structure* ataupun mudah terbakar dan keempat Dato' Speaker ialah kebanyakan rumah-rumah di kampung ini tidak dilindungi oleh *fire insurance* dan sudah pasti akhirnya akan merugikan kepada mangsa apabila rumah mereka terbakar.

Dalam konteks ini Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan supaya pihak bomba ini melakukan seberapa banyak kerap libat urus dengan masyarakat di kampung, memberi penerangan kepada mereka cara mana sebagai permulaan menyelamatkan rumah mereka sekiranya ada berlaku bomba dan memberi latihan-latihan yang bersesuaian, diberi peralatan-peralatan yang bersesuaian seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Timbalan Menteri tadi untuk mewujudkan Kadet Bomba dan sebagainya.

Saya tahu kalau kita di peringkat kampung ini, banyak belia beliawanis yang badan mereka besar-besar, tegap dan *fit*. Sudah pasti mereka bolehlah dibawa bersama dalam Bomba Sukarela dan sebagainya. *After all*, di peringkat kampung ini kita ada yang kita namakan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Ada perkataan "keselamatan" di sana. Mungkin bomba boleh diserapkan dalam struktur ini seperti mana yang mereka lakukan dengan perkhidmatan-perkhidmatan RELA dan sebagainya.

So, sudah pasti Dato' Speaker, ini akan lebih mempercepat ataupun membantu sekiranya ada masalah ataupun kebakaran di peringkat kampung khususnya. Lagipun, saya kira kalau masyarakat di sana dilibat urus secara terus, mereka akan lebih senang untuk menjaga kesejahteraan kampung mereka. Apa yang selalu kita katakan "Kampung kita, kita jaga".

Dato' Speaker, saya fikir itu yang begitu penting sekali dan perlulah diberi mereka panduan dan bimbingan macam mana untuk mengawal ataupun memadam api pada peringkat yang permulaan ini.

Dato Speaker, mungkin yang terakhir ini, kesempatan ini saya juga mohon supaya lebih ramai lagi belia dan beliawanis di Sabah ini diberi peluang, diambil berkhidmat dalam perkhidmatan bomba dan juga mana-mana yang berkeupayaan, mana yang mampu dan mana yang okey itu bolehlah dipertimbangkan kenaikan pangkat bukan sahaja di peringkat daerah, di peringkat negeri, malah di peringkat pusat begitu.

Dengan itu Yang Berhormat Dato Speaker, saya menyokong RUU Perkhidmatan Bomba 2025 dengan harapan kerajaan bertindak segera dalam memperbaiki kelemahan ini demi kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Rosni.

1.26 tgh.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih Tuan Speaker, bagi laluan kat saya untuk berbahas kali ini untuk RUU Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025. Pindaan Akta Bomba 2025 ini merupakan satu langkah penting dalam usaha mempertingkatkan sistem keselamatan kebakaran negara kita. Namun, adalah wajar untuk kita meneliti amalan-amalan terbaik di negara-negara lain agar segala pindaan yang dicadangkan dalam RUU ini berkesan, relevan dan sejajar dengan perkembangan global dalam aspek keselamatan kebakaran.

Dato Yang di-Pertua, pindaan ini mencadangkan agar Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di Malaysia diperkukuhkan dan diselaraskan dengan baik. Persoalannya, di Malaysia, PBS sering mengalami cabaran daripada segi latihan yang tidak konsisten, kekurangan peralatan serta penyelarasan yang lemah jika dibandingkan dengan bomba profesional. Saya bagi contoh PBS di Jerman, diberikan latihan yang intensif, peralatan yang moden serta sokongan kewangan yang berterusan untuk memastikan kesiapsiagaan tinggi. Kerjasama antara Pasukan Bomba Sukarela dan pasukan bomba profesional adalah sangat erat yang menjamin respons kebakaran dengan cepat dan berkesan.

Oleh itu, saya mencadangkan agar pindaan ini turut memperkenalkan aspek program latihan berterusan, insentif kewangan yang lebih baik serta penyelarasan lebih komprehensif antara PBS dan pasukan bomba profesional seperti yang diamalkan di Jerman dan di negara maju yang lain bagi memastikan Pasukan Bomba Sukarela lebih terlatih.

Namun hari ini, saya ingin menyebutkan contoh ya. Satu contoh PBS antara yang terbaik di DUN Hulu Bernam yang mana merupakan pasukan PBS yang cukup rajin, berinovasi dan cukup mengambil berat hal-hal keadaan di DUN Hulu Bernam. Namun, walau bagaimanapun aktifnya mereka, mereka perlu juga sokongan daripada latihan, bukan setakat latihan sahaja, kewangan dan juga peralatan yang terkini bagi meneruskan kecemerlangan.

Dato Yang di-Pertua, pindaan ini turut mencadangkan penambahbaikan terhadap pengawalan peranan perunding dan firma perunding keselamatan kebakaran. Persoalannya, adakah kita perlu melihat kepada amalan negara-negara lain untuk memastikan kualiti perkhidmatan ini terjamin?

Di United Kingdom, perunding keselamatan kebakaran mesti didaftarkan dengan badan pengawal selia profesional yang diiktiraf seperti *Fire Industry Association* (FIA), dengan izin. Di Australia pula, dia dipanggil *Fire Protection Association Australia* (FPA). Selain itu, mereka diwajibkan untuk memiliki kelayakan dan sijil kejuruteraan keselamatan kebakaran. Perunding juga mesti menjalani penilaian berkala untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam teknologi dan piawaian keselamatan kebakaran.

Sebagai perbandingan di Malaysia, perunding keselamatan kebakaran tidak diwajibkan untuk mengikuti sistem akreditasi yang ketat seperti ini.

■1330

Oleh itu, saya mencadangkan agar pindaan ini memperkenalkan badan pengawal selia yang jelas serta kriteria pensijilan yang ketat bagi memastikan perunding keselamatan kebakaran di Malaysia memenuhi piawaian antarabangsa seperti yang dilakukan di UK dan Australia.

Dato Yang di-Pertua, fasal 4DC memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mewajibkan pemilik premis menubuhkan pasukan bomba persendirian sekiranya terdapat risiko kebakaran telah menimbulkan beberapa kebimbangan dan isu.

Persoalannya, apakah kriteria dan takrifan dan serta garis panduan yang akan diguna pakai JBPM ini dalam mentakrif tahap risiko kebakaran yang memerlukan pasukan bomba persendirian? Saya khuatir ketiadaan garis panduan yang jelas akan menyebabkan kekeliruan.

Persoalan kedua, siapakah yang akan bertanggungjawab untuk pembiayaan dan pengoperasian pasukan bomba persendirian? Implikasinya boleh membebankan kepada pemilik perniagaan kecil dan sederhana. Memaksa semua pemilik premis tanpa mengira jenis premis dan tahap risikonya untuk menubuhkan pasukan bomba persendirian mungkin tidak relevan atau efektif untuk semua jenis premis.

Misalnya, premis kecil atau premis dengan risiko kebakaran yang rendah tidak memerlukan pasukan bomba persendirian, tetapi masih tertakluk kepada peruntukan ini. Dato Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar sebuah mekanisme penilaian risiko kebakaran yang komprehensif dijalankan sebelum mewajibkan pemilik premis menubuhkan pasukan bomba persendirian.

Cadangan saya KPKT perlu menetapkan kriteria yang lebih terperinci tentang jenis premis yang perlu dimiliki pasukan bomba persendirian. Sebagai contoh, premis berisiko tinggi seperti kilang-kilang berbahaya atau bangunan yang lebih daripada sejumlah tertentu lapisan tingkat atau kepadatan penghuni tertentu.

Saya cuba mencadangkan agar penguatkuasaan berperingkat dijalankan supaya dapat memberi pemilik premis masa yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan ini. Misalnya premis yang baru disasarkan untuk menubuhkan pasukan bomba persendirian boleh diberikan tempoh satu hingga dua tahun untuk melaksanakan kewajipan tersebut dengan bimbingan dan sokongan kerajaan untuk membantu mereka dalam proses ini.

Dato Yang di-Pertua, kesimpulannya, pindaan ini adalah peluang terbesar untuk memperbaiki sistem keselamatan kebakaran di Malaysia. Namun, saya menggesa aspek-aspek

penambahbaikan yang dicadangkan diberikan pertimbangan agar kita dapat melaksanakan sistem keselamatan kebakaran yang lebih efisien, cekap dan berkesan seperti amalan-amalan di negara-negara maju. Dengan ini, sekian saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin.

1.33 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Pertama, saya nak ambil kesempatan hari terakhir sidang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya, lagi beberapa hari kepada seluruh warga Senator dan Dewan Negara, pegawai yang hadir juga kepada seluruh warga Bomba.

Saya- satu kelompok manusia yang hebat. Bertarung nyawa untuk menyelamatkan nyawa dan harta orang lain. Bomba bantuan mahupun persendirian mahupun sukarelawan punya fungsi yang sama. Salut kita kepada Bomba, tetapi lagi hebat kepada yang sukarelawan kerana mereka berkhidmat tanpa bayaran. Dato Yang di-Pertua, Bomba yang bergelut daripada menyelamatkan bangunan paling tinggi pencakar langit sampai di lautan mahupun di sungai mahupun di gunung, tetapi khidmat mereka harus diberikan satu penghormatan yang lebih hebat dan peruntukan yang lebih bagus.

Saya ambil ruang ini untuk kalau kita tengok antara kelompok dalam masyarakat yang paling glamor, 'abang bomba'. Tak ada nama yang seglamor itu pada pasukan beruniform yang lain. Menepatilah apa yang disebutkan oleh Rasulullah SAW... *[Berucap dalam bahasa Arab]* "Yang sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain". Ini menjadi sebahagian daripada milik ahli bomba mahupun sukarelawan bomba.

Saya ingin memberi sedikit ruang untuk tumpu kepada seksyen 4DC(3). *"Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat bagi penubuhan pasukan bomba persendirian dan memberikan apa-apa arahan berhubung dengan pelaksanaan tugas pasukan bomba persendirian"*. Saya rasa ayat ini bagus tegas, tetapi macam tak *welcoming*.

Walhal bomba persendirian mahupun sukarelawan bomba, mereka berkhidmat hanya semata-mata sukarela. Tanpa bayaran. Jadi saya fikir biarlah kita lebih *welcoming*. Bagaimanakah? Bomba itu sendiri harus *welcome*-kan atau pun mewujudkan suasana untuk membolehkan pasukan sukarelawan bomba ini diperkasakan mahupun ditambah nilai mahupun kuantitinya. Kualiti dan kuantiti.

Saya juga ambil kesempatan ini Dato Yang di-Pertua, tentang pengiktirafan. Saya nak fokus kepada Bomba Sukarela. Pengiktirafan yang ada terhadap pasukan bomba. Fungsi dia sama. Masa berlaku kebakaran, mereka bergelut dan nyawa bertarung nyawa, tetapi

pengiktirafan ini kadang-kadang nampak macam berlaku konflik atau pun *miscommunication* di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan bomba persendirian terutamanya pada waktu berlakunya kecemasan kebakaran mahupun lain-lain.

Ketiganya, apakah tidak mungkin Yang Berhormat Menteri untuk mengambil kira wujudnya suatu gerakan bersepadu di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan bomba-bomba sukarela dan persendirian ini? Saya sebutkan ini contoh. Kalau di US, Bomba awam dianggap Bomba persendirian sebagai liabiliti kerana berlaku pertemuan semasa kebakaran. Saya harap perkara ini tidak jadikan bahan di negara kita sehingga niat baik tim sukarelawan ini tidak begitu diberi penghormatan yang lebih tinggi.

Perkara yang ketiganya ialah jaminan undang-undang terhadap pasukan bomba. Kadang-kadang mungkin juga mereka melakukan kesilapan sebab mereka bukan profesional, tetapi mereka menyediakan diri untuk menyelamatkan kebakaran mahupun bidang-bidang yang lain. Pasukan sukarelawan Bomba dia tidak terlibat dalam pasukan penyelamat. Hebat Bomba sebab Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dia duduk di semua lokasi bila dia diperlukan. Oleh sebab itu, saya mengharapkan kalau-kalau pasukan bomba sukarelawan ini di-*upgrade*-kan juga menjadi Jabatan Sukarelawan Bomba dan Penyelamat.

*[YB Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ketiganya, kebajikan terhadap pasukan bomba khususnya pasukan bomba persendirian. Bila berlaku kebakaran, bila mereka turun untuk berkhidmat di lapangan tentu juga mereka terancam dengan kemungkinan kemalangan pada diri malahan nyawa. Apakah peruntukan yang boleh diberi kepada sukarelawan bomba mahupun bomba-bomba persendirian ini?

Keempat- saya pergi cepat-cepat. Masa dah habis. Keempat ialah had bidang khidmat. Setakat mana bidang khidmat bomba persendirian mahupun bomba sukarelawan ini ditentukan? Sebab apakah mereka termasuk dalam peruntukan undang-undang yang disebut sebagai *Good Samaritan Law* yang melindungi mereka? Saya faham *Samaritan Law* ini perlindungan undang-undang kepada pihak yang memberi bantuan dalam situasi kecemasan.

Tujuannya supaya masyarakat tidak teragak-agak untuk membantu dalam situasi kecemasan kerana takut disaman atau diambil tindakan undang-undang jika berlaku kesilapan yang tidak disengajakan oleh mereka.

Keempat, saya ingin ambil sedikit ruang ini juga untuk Terengganu. Isu Jabatan Bomba dan Penyelamat di Terengganu. Walaupun *Regional Forward Base* (RFB) ada di Terengganu sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut, ia masih bergantung kepada pesawat dari

pangkalan udara Wilayah Tengah ataupun pangkalan udara Wilayah Utara apabila diaktifkan semasa bencana.

Jarak antara dua buah lokasi ini 400 kilometer. Bagaimana kerajaan memastikan tidak timbul isu masa tindak balas kecemasan- *emergency response time* dengan izin, ekoran jarak yang terlalu jauh? Sebelum ini, Jabatan Bomba sudah pernah meminta. Saya difahamkan begitu untuk Zon Timur, tetapi sehingga hari ini belum lagi berlaku.

■1340

Cadangan saya supaya sebaik-baiknya *regional forward base* (RFB) ini diwujudkan sebagai penyelesaian jangka pendek sebelum digantikan dengan pembinaan sebuah pangkalan udara Wilayah Pantai Timur yang akan mengambil tanggungjawab ini akan supaya lebih efisien dalam memenuhi keperluan operasi semasa bencana dan akhirnya, saya ingin sikit sahaja yang terakhir Dato' Yang di-Pertua ialah tentang perunding kebakaran.

Saya sangat mengalu-alukan perunding kebakaran yang profesional, tetapi satu perkara yang saya hendak sebut, satu lagi bidang Bomba ialah turut juga memastikan bangunan diiktiraf CCC. Dulu CF, sekarang CCC. Tanpa Bomba, tanpa CF, tanpa CCC. Saya diberi rungutan oleh satu NGO yang merunding untuk menubuhkan pusat menjaga anak-anak yang sangat tidak bernasib baik, yang didera oleh keluarga dan lain-lain, tetapi memohon untuk mendapat kelulusan Bomba, sudah masuk empat tahun, sampai sekarang tak lulus.

Ruang ini saya ambil sedikitlah. Saya tidak mempersoalkan, tetapi saya tak persoalkan daripada segi lain-lain. Saya cuma dari sudut *governance* sahaja. Kenapa dari tempoh empat tahun itu, saya diberitahu daripada satu, selesai satu, masuk yang kedua. Selesai yang kedua, tak selesai juga. Masuk yang ketiga, tangga belakang, masuk tangga depan, baiki dinding, naik sampai ke atas, hendak tentukan pintu keselamatan. Empat tahun sudah, sampai hari ini, belum selesai.

Saya mohonlah supaya isu-isu *governance*- saya duduk dalam jawatankuasa JKPP TIA yang terkait dengan *governance*, tolong ambil kira. Jangan sampai kita juga dalam bomba yang dipandang hebat, tetapi ada orang persoalkan, adakah mungkin juga Bomba dikaitkan pula dengan yang negatif, rasuah dan lain-lain.

Bukan saya sebut, bukan saya tuduh, tetapi saya minta supaya itu tidak berlaku dan permudah carakan usaha-saha terbaik. *Why not* berikan *all the list- full fill*, semua *list* yang ada. *Then*, datang luluskan. Ini khidmat kebajikan, tetapi kalau satu demi satu, demi satu, demi satu, sampai empat tahun tak lulus, menurut laporan ini, tetapi kalau hendak ditanya nanti, saya boleh jawab sebab dia- saya tak nak sebut dalam Dewan ini nama-namanya dan lain-lain. Supaya perkara ini di-*upgrade*-kan selain- ini mungkin termasuk dalam peruntukan. *Please, please*, kita

harap mudah-mudahan di samping kehebatan namanya di luar yang lain, tetapi perkasakanlah juga daripada segi *governance*-nya. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okey, terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Wabilahitaufik. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

1.43 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Jadi, saya akan menumpukan khas tentang keperluan di Sarawak. Mencegah dan menangani kebakaran yang kerap berlaku di rumah panjang di seluruh Sarawak. Jadi, saya menggesa supaya Jabatan Bomba secara proaktif membuat perancangan yang khusus bagi perkara tersebut. Saya bertanya, apakah perancangan kementerian untuk menubuhkan lebih banyak Pasukan Bomba Sukarela di kawasan pedalaman seperti di Sarawak yang berada jauh dari balai bomba dan terdapat penempatan yang hanya boleh di akses melalui jalan balak dan sungai? Rumah panjang dan perkampungan terpencil memerlukan kehadiran Pasukan Bomba Sukarela sebagai pasukan tindakan balas awal dalam situasi kebakaran.

Yang keduanya, tentang kelengkapan kebombaannya dalam kalangan Persatuan Bomba Sukarela. Saya mohon penjelasan, apakah usaha kerajaan dalam memperkasa Pasukan Bomba Sukarela daripada segi penyediaan kelengkapan kebombaannya yang sesuai dengan keperluan kawasan sukar akses seperti pedalaman dan luar bandar? Dalam masa yang sama, kebajikan Anggota Bomba juga perlu diberi perhatian sewajarnya. Mereka berkhidmat secara sukarela, tetapi turut menanggung risiko semasa operasi.

Jadi soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan elaun tetap, insentif khas atau perlindungan insurans kepada Anggota Bomba? Seterusnya, saya- berkaitan dengan penilaian sesuatu premis untuk menubuhkan Pasukan Bomba Persendirian. Ia dilihat diperlukan, terutamanya dengan pembinaan banyak premis yang canggih, yang tinggi, boleh- amat-amat memerlukan Pasukan Bomba Persendirian. Jadi soalan saya, apakah garis panduan atau kriteria yang diguna pakai dalam menentukan kewajipan penubuhan pasukan tersebut?

Yang terakhir, berkaitan dengan peruntukan baharu mengenai pendaftaran perunding keselamatan kebakaran- firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran, penyedia latihan dan pengajar. Jadi, mereka perlu membuat

permohonan dan permohonan tersebut hanya dipertimbangkan oleh seorang Pegawai Kanan Bomba yang dinyatakan sebagai pengawal.

Jadi, soalan saya kepada kementerian adalah mengapa kuasa meluluskan pendaftaran ini diberikan sepenuhnya kepada pengawal tanpa sebarang peruntukan untuk menubuhkan jawatankuasa teknikal atau badan penasihat bebas yang dapat memastikan proses ini dilaksanakan secara profesional, telus dan adil? Semasa sesi libat urus bersama dengan Jabatan Bomba tempoh hari, mereka mengatakan bahawa mereka ada mekanisme dalaman. Memang ada jawatankuasa yang akan memberi khidmat nasihat kepada pengawal tersebut, tetapi tidak dinyatakan secara nyata dalam peruntukan RUU. Jadi, saya menggesalah supaya Jabatan Bomba melihat kembali peruntukan tersebut dan sekiranya perlu- saya rasa perlu untuk mengadakan- memberi- mendapatkan punca kuasa untuk membuat perundangan subsidiari bagi perkara yang amat penting seperti tersebut.

Kedua, saya maklum, tidak mungkinlah untuk menyenaraikan dalam rang undang-undang, perkara-perkara terperinci berkenaan dengan syarat-syarat dan sebagainya yang ditetapkan bagi pendaftaran, kelas-kelas juru perunding tersebut.

Namun demikian, haruslah dinyatakan dengan nyata bahawa perkara-perkara ini memang ada proses ataupun prosedur dalaman untuk menanganinya supaya ia tidak menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai, khususnya mereka yang berminat untuk memberi perkhidmatan dalam bidang ini. Jadi, dengan itu Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini dan saya mengucapkan terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

1.48 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu]: *Bismillah, alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mendengar dan mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 yang telah berlangsung di dalam Dewan yang mulia ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membahaskan isu-isu yang menyentuh mengenai pindaan-pindaan yang telah dibuat ke atas Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341] berkaitan tugas

dan fungsi Pasukan Bomba Sukarela, pendaftaran perunding keselamatan kebakaran, firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran, penyedia latihan dan pengajar, kelengkapan menentang kebakaran ataupun pemasangan keselamatan kebakaran dan penubuhan pasukan bomba persendirian.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian adalah sepertimana berikut: Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam; Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair- Speaker; Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad; Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan; Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad; Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias bin Hamid; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris; Yang Berhormat Senator Tuan Azahar bin Hassan; Yang Berhormat Senator Datuk Edward Linggu Bukut; Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail; dan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

■1350

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia senantiasa fokus dan komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaanan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat di seluruh negara kita ini terus terjamin sebagaimana yang telah digariskan dalam kerangka strategik MADANI, teras strategik tiga.

Dalam hubungan ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia membuat pindaan ke atas Akta 341 ini agar perkhidmatan kebombaanan dapat dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, saya akan memulakan sesi penggulungan ini dengan menjawab kepada beberapa isu yang telah pun dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam telah membangkitkan hal berhubung statistik kemalangan yang menimpa Anggota Pasukan Bomba, PBS, Bomba Sukarela semasa mereka menjalankan tugas untuk lima tahun kebelakangan ini dan jumlah pampasan yang telah pun dibayar untuk tempoh masa tersebut. Selain itu turut ditanyakan tentang angka pampasan yang paling tinggi yang diterima oleh mangsa atau keluarga mangsa untuk tempoh tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia, jumlah statistik keseluruhan kemalangan yang menimpa Anggota Bomba Sukarela semasa bertugas dalam

tempoh lima tahun adalah seramai empat orang iaitu pada tahun 2025 dua orang, 2024 dua orang cedera ringan dan 2021 hingga 2023 tiada yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga jumlah pampasan yang telah pun diberikan kepada Anggota Bomba Sukarela dan Bomba Bantuan adalah melibatkan tuntutan kecederaan parah, kematian anggota disebabkan kemalangan atau penyakit semula jadi yang terkumpul pada tahun 2020 sehingga 2024 adalah sepertimana berikut, iaitu bagi tahun 2019-2020; 17 kes dengan pampasan, nilai pampasan sejumlah RM234,891.00, manakala daripada tahun 2020-2021; 25 kes dengan jumlah pampasan RM260,277.00, 2021-2022; 8 kes dengan nilai pampasan RM98,050.00, 2022-2023; sejumlah 24 kes dengan nilai pampasan RM257,414.30 dan pada tahun 2023-2024; sejumlah 38 kes dengan nilai pampasan RM311,437.45. Manakala jumlah pampasan yang tertinggi diberikan melibatkan tuntutan kemalangan dan kematian Anggota Bomba bantuan ataupun Bomba Sukarela dengan jumlah sebanyak RM25,000 seorang.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Tuan Michael Muih Lihan dan Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad yang turut bertanyakan mengenai status Persatuan Bomba Sukarela (PBS) yang sedia ada sekarang. Adakah mereka ini perlu mendaftar semula dan seterusnya berapakah sasaran pasukan bomba sukarelawan (PBS) baharu yang akan ditubuhkan apabila rang undang-undang ini lulus dan berkuat kuasa kelak.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pendaftaran PBS sedia ada adalah tidak terbatal kerana setelah akta ini berkuat kuasa ia telah pun disifatkan, telah didaftarkan di bawah akta ini. Jumlah bilangan PBS yang direkodkan dan aktif di bawah seliaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sehingga 15 Mac 2025 adalah sebanyak 375 pasukan yang melibatkan keanggotaan seramai 8,877 orang yang masih aktif sehingga sekarang.

Pencapaian ini mencerminkan semangat perpaduan dan komitmen yang tinggi dalam menyokong usaha sukarelawan sekali gus memperkukuhkan jaringan PBS di setiap penjurut tanah air. Bagi negeri Kedah untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad, bilangan PBS di Kedah adalah sebanyak 44 pasukan. Manakala bagi negeri Sarawak untuk menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Michael Muih Lihan, di Sarawak sahaja jumlah PBS pada tahun ini adalah sebanyak 47 pasukan dengan keanggotaan seramai 1,155 orang manakala jumlah PBS rumah panjang pula berjumlah sebanyak lapan pasukan.

Merujuk kepada persoalan yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Michael Muih Lihan, Yang Berhormat Senator Dato Lim Pay Hen, Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual, Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias bin Hamid dan Yang Berhormat

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad mengenai kriteria pendaftaran baharu PBS adalah sepertimana berikut:

Pertama, perlindungan kebakaran di kawasan berkependudukan khusus sepertimana kawasan pedalaman, kawasan rumah panjang, rancangan FELDA dan juga perkampungan atas air.

Kedua, penentuan lokasi berdasarkan jarak PBS dan juga Balai Bomba yang berhampiran.

Ketiga, adalah berdasarkan kajian risiko setempat bagi sesuatu lokasi berdasarkan kepada analisa dan kajian yang dilaksanakan di peringkat negeri.

Seterusnya saya juga ingin merujuk kepada persoalan yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Kementerian akan menyediakan syarat-syarat untuk penubuhan Pasukan Bomba Sukarela melalui peraturan yang akan dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri. Di dalam pindaan ini telah pun dinyatakan bentuk kesalahan yang boleh menyebabkan satu-satu Pasukan Bomba Sukarela itu dibatalkan pendaftarannya sepertimana telah melanggar mana-mana peruntukan akta ini, memungkirkan mana-mana syarat pendaftaran ataupun telah disabitkan atas kesalahan di bawah akta ini. PBS boleh melaksanakan aktiviti untuk menjana sumber kewangan pasukan selagi mana aktiviti tersebut sah di sisi undang-undang.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, PBS ataupun Persatuan Bomba Sukarela sebenarnya didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), maka jumlah sebenar rekod pendaftaran seluruh keseluruhan sebelum berkuat kuasanya di bawah Akta Bomba adalah berdasarkan maklumat ROS. Tahun 2025, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun menyasarkan penubuhan PBS sebanyak 15 pasukan yang baharu untuk seluruh negara.

Bagi usaha menjayakan Dasar Kebombaan Penyelamatan Negara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menyasarkan sebanyak 500 pasukan menjelang tahun 2030. Bagi memastikan penubuhan PBS terus diperkasakan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah merangka pelbagai strategi antaranya meningkatkan kesedaran kepentingan bertindak awal kepada komuniti setempat. Memandangkan keselamatan adalah perkara asas kepada kesejahteraan, maka ia perlu ditangani melalui aktiviti kesukarelawan secara bersama.

Selain itu juga, turut menjawab kepada Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad mengenai penambahan jumlah PBS di kawasan pedalaman, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga memfokuskan penubuhan PBS ini berdasarkan jarak lokasi yang jauh dari balai bomba. Pemilihan kawasan-kawasan khusus sepertimana perkampungan atas air,

FELDA atau lain-lain lokasi yang bersesuaian dan berpanduan kepada risiko semasa serta kepadatan penduduk di sesuatu kawasan.

Menjawab persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas dan juga Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan berhubung inisiatif Jabatan Bomba bagi memastikan PBS mempunyai kemahiran asas secukupnya supaya boleh bertindak sebagai *first respondent* dengan izin, jika berlaku kejadian bencana mahupun kecemasan di kawasan masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan melaksanakan Kursus Asas Pelantikan Pegawai Bomba Sukarela ataupun PeBS bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan anggota PeBS dalam menjalankan tugas-tugas kebombaian serta penyelamatan. Kursus ini dibahagikan kepada dua peringkat utama iaitu kursus asas PeBS bagi PeBS yang baharu dilantik bertujuan memberi pendedahan asas berkaitan tugas-tugas kebombaian, prosedur operasi standard (SOP) serta kemahiran asas pemadaman kebakaran dan penyelamatan. Kursus ini memastikan PABS baharu memiliki kefahaman yang jelas sebelum mereka bertugas di lapangan.

Keduanya, kursus lanjutan kepada PeBS yang bertujuan meningkatkan tahap kemahiran teknikal kepimpinan serta kecekapan dalam operasi kebombaian dan pengurusan kecemasan. Kursus ini membantu memastikan PeBS terus mendapat latihan terkini dan mampu bertindak secara lebih efektif dalam situasi kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan kursus ini adalah sebahagian daripada usaha Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam memastikan PeBS beroperasi dengan tahap profesionalisme yang tinggi, selaras dengan keperluan keselamatan kebakaran serta tanggungjawab sebagai pasukan sokongan dalam sistem kebombaian negara.

■1400

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mui Li Han, Yang Berhormat Senator Tuan Hasbie bin Muda dan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi tujuan memperkasakan PBS ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun berusaha menambah baik keperluan-keperluan pasukan tahun ini melalui beberapa langkah.

Antaranya pertama, kerajaan telah pun memberikan geran tahunan kepada PBS bermula tahun 2019 sebanyak RM1,500 dan jumlah tersebut telah pun ditingkatkan sebanyak RM3,000 pada tahun 2021. Seterusnya pada tahun 2024, geran tahunan telah pun ditambah sehingga RM5,000 bergantung kepada merit keaktifan PBS tersebut.

Kedua, inisiatif Belanjawan 2025, pembaikan balai untuk PBS seluruh negara adalah sebanyak RM3 juta.

Ketiga, pembekalan kelengkapan pakaian semasa operasi ataupun *personal protective equipment* (PPE) seperti mana set pakaian pemadaman lengkap dengan helmet, *glove* dan kasut api bagi membolehkan setiap PBS menghadiri sebarang operasi kecemasan adalah berjumlah RM627,000.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, pengagihan pembekalan peralatan gergaji berantai di bawah pembelian inisiatif Belanjawan 2024 yang lepas sebanyak 57 unit diberikan kepada PBS yang memerlukan di seluruh negara.

Kelima, pengagihan pembekalan pos kawalan bomba di bawah inisiatif Belanjawan 2024 yang lepas, peruntukan berjumlah RM345,000 untuk seluruh negara. Melalui pengagihan ini, PBS berperanan dalam bantuan logistik dan operasi melalui penyediaan PKB di tempat kecemasan atau insiden bencana.

Keenam, pengagihan bot komuniti sebanyak 150 unit kepada PBS di bawah inisiatif Belanjawan 2024.

Ketujuh Tuan Yang di-Pertua, program pengagihan kenderaan *Volunteer Fire Response Vehicle* (VFRV) sebanyak 50 unit secara berperingkat bermula pada tahun 2024 sehingga tahun 2026.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, bagi menjelaskan persoalan Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual berhubung kekeliruan pemilikan dan pengurusan harta tak alih oleh Pasukan Bomba Sukarela. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia, telah dijelaskan di dalam pindaan akta ini dan pengendalian kes adalah dilaksanakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi.

Merujuk kepada persoalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Azahar bin Hassan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak menghalang mana-mana orang untuk membantu bomba semasa kecemasan. Namun, peruntukan ini akan terpakai sekiranya terdapat individu yang mengambil kesempatan melakukan kesalahan semasa kecemasan.

Sebagai contoh, individu tersebut masuk ke dalam kawasan perumahan ataupun rumah bagi tujuan untuk mencuri dengan menyamar sebagai anggota PBS semasa kebakaran. Terdapat juga kes di mana Pegawai Bomba Sukarela yang melakukan kesalahan jenayah dan telah pun dibatalkan keahliannya, namun masih melaksanakan kerja-kerja sebagai PBS. Kesalahan boleh diambil tindakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di bawah pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pasukan sukarela bersekutu selain PBS seperti pasukan pacuan empat- roda, persatuan radio-radio amatur dan lain-lain merupakan *non-government organization* (NGO) yang telah pun wujud untuk membantu pasukan bomba ketika berhadapan dengan bencana banjir besar. Pasukan ini adalah di bawah kawalan rakan agensi bencana iaitu Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang dikenali sebagai Rakan NADMA. Sementara itu, bagi menangani situasi banjir yang biasa, NGO ini sentiasa membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat.

Seterusnya merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias bin Hamid mengenai pematuhan kepada peraturan penyediaan laporan tahunan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, mana-mana pertubuhan di bawah ROS juga perlu mengemukakan laporan tahunan bagi memastikan PBS tersebut adalah aktif.

Justeru di bawah pentadbiran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga, setiap PBS perlulah mengemukakan pelaporan tahunan seperti mana biasa. Ini adalah bagi memastikan PBS yang ditubuhkan itu sentiasa aktif dan memainkan peranan melalui jalinan kerjasama antara PBS dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Selain itu, peranan utama pendaftaran ini juga adalah bagi memastikan penyeragaman pentadbiran dan pengurusan operasi yang standard secara menyeluruh.

Merujuk kepada cadangan penambahbaikan oleh Yang Berhormat Senator Edward Linggu. KPKT, kementerian ini merakamkan ucapan penghargaan atas keprihatinan Yang Berhormat Senator dan akan meneliti kebolehlaksanaan cadangan tersebut terutamanya mengenai kerjasama dengan Jabatan Air Sabah untuk memastikan bekalan air stabil bagi pemadaman kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, mengenai persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad mengenai adakah sekolah persendirian dan sekolah agama rakyat dibenarkan untuk menubuhkan pasukan Kadet Bomba Malaysia.

Untuk makluman, secara umum, keahlian dalam pasukan kadet bomba tertumpu kepada institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta institusi pengajian tinggi (IPT) mengikut garis panduan penubuhan dan pelaksanaan yang telah pun ditetapkan. Namun bagi sekolah persendirian dan juga Sekolah Agama Rakyat (SAR), penyertaannya masih dalam peringkat draf agar ia setara dan diselaraskan dengan garis panduan penubuhan Skwad Bomba Tahfiz.

Menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam berhubung perancangan kerajaan untuk memastikan pasukan Kadet Bomba Malaysia terus relevan dan menarik minat generasi muda khususnya dalam kalangan pelajar IPT dan insentif yang bakal diterima oleh pelajar-pelajar sekiranya menyertai kadet bomba.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pasukan Kadet Bomba Malaysia telah lama bertapak di sekolah dan juga IPT serta dianggap penting kerana ia memainkan peranan utama dalam membentuk kesedaran keselamatan kebakaran. Selain daripada juga meningkatkan disiplin pelajar dan melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, cakna dalam aspek-aspek keselamatan dan juga kecemasan.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad mengenai bilangan pasukan Kadet Bomba Malaysia di IPT awam. Untuk konteks IPT awam, ia dikenali sebagai Pegawai Bomba Bantuan Kor Siswa (PBBKS) dan melibatkan lapan buah universiti awam. Antaranya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan lain-lain.

Di peringkat prasekolah, kita mempunyai Kelab Bomba Cilik (KBOC) yang dulunya dikenali sebagai Kelab 3K. Di peringkat sekolah rendah pula, Bomba Junior telah ditubuhkan pada 16 Januari 2024. Peringkat sekolah menengah pula, Kadet Bomba ditubuhkan dalam tahun 1989, manakala di peringkat IPT kita mempunyai Briged Bomba khususnya untuk diploma dan Kor Siswa Bomba untuk ijazah sarjana muda.

Bagi menjawab persoalan berkaitan insentif pula, pelajar yang menyertai pasukan Kadet Bomba diberikan insentif akademik ataupun pengiktirafan kredit kokurikulum bergantung pada polisi institusi pendidikan. Sijil penyertaan dan juga pengiktirafan kemahiran boleh digunakan sebagai nilai tambah dalam permohonan pekerjaan dan peningkatan peluang kerjaya jika memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh jabatan. Dengan insentif ini Tuan Yang di-Pertua, lebih ramai pelajar akan terdorong dan juga telah pun terdorong untuk menyertai Kadet Bomba, sekali gus membantu melahirkan generasi muda kita yang lebih peka dan cakna terhadap keselamatan, kebakaran dan juga kecemasan.

Seterusnya bagi menjawab persoalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Michael Muih Lihan sekali lagi berkenaan sejauh manakah perancangan kementerian untuk memberi tumpuan bagi menubuhkan lebih banyak pasukan Kadet Bomba Malaysia di kawasan-kawasan pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa komited dalam memperluaskan keahlian pasukan Kadet Bomba Malaysia di

seluruh negara termasuklah kawasan-kawasan pedalaman bagi memastikan lebih ramai pelajar mendapat pendedahan awal terhadap ilmu kebombaian, keselamatan, kebakaran serta aspek-aspek penyelamatan.

Bagi negeri Sarawak, kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengenal pasti beberapa strategi khusus bagi memperluaskan penubuhan pasukan Kadet Bomba Malaysia di kawasan pedalaman. Antaranya adalah pertama, kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri di mana usaha boleh dilakukan untuk mempergiatkan kerjasama dengan KPM dan JPN Sarawak bagi mengenal pasti sekolah-sekolah yang berpotensi menubuhkan pasukan Kadet Bomba Malaysia termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar dan juga di kawasan pedalaman.

■1410

Kedua, penglibatan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) berhampiran di mana balai bomba dan penyelamat yang berhampiran akan memainkan peranan utama dalam membimbing dan melatih pelajar-pelajar yang menyertai pasukan Kadet Bomba Malaysia termasuk mengadakan program-program latihan berkala dan aktiviti-aktiviti kesedaran berkaitan dengan keselamatan kebakaran.

Ketiga melalui program jangkauan komuniti- *outreach programme* kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat akan memperhebatkan program jangkauan komuniti bagi mendekati sekolah-sekolah pedalaman dan menggalakkan penyertaan lebih ramai pelajar serta guru dalam pasukan Kadet Bomba Malaysia.

Ketiga KPKT akan menggerakkan sokongan logistik dan sumber. KPKT akan terus membuat penilaian keperluan penambahan peruntukan bagi menyokong penubuhan pasukan Kadet Bomba Malaysia di kawasan-kawasan pedalaman termasuklah penyediaan kelengkapan asas pakaian seragam dan bahan-bahan latihan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program ini.

Tuan Yang di-Pertua melalui pendekatan ini kementerian yakin dan percaya bahawa lebih banyak sekolah di kawasan pedalaman khususnya termasuklah di Sarawak dapat menubuhkan pasukan Kadet Bomba Malaysia dan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar kita serta komuniti-komuniti setempat dalam aspek keselamatan kebakaran dan kebombaian.

Tuan Yang di-Pertua sebagai menjawab persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair dan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan berkenaan isu kos penubuhan pasukan bomba persendirian sama ada ia ditanggung oleh kerajaan ataupun pemilik premis, suka ingin saya menjelaskan bahawa perkara ini perlu dilihat dalam konteks keperluan dan kemampuan sesebuah entiti perniagaan.

Dimaklumkan dan juga turut menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias bin Hamid bahawa penubuhan persatuan Pasukan Bomba Persendirian ini pada masa ini hanyalah melibatkan premis-premis yang berisiko tinggi dan bernilai besar dalam pelaburan seperti mana Kompleks Bersepadu Kerteh, *Pengerang Integrated Petroleum Complex*, *petroleum chemical* MTBE dan Kawasan Perindustrian Gebeng. Premis seperti ini lazimnya mempunyai kapasiti dan keupayaan kewangan yang mencukupi untuk menubuhkan PBP sebagai langkah pengurusan risiko yang proaktif.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak mempunyai kawalan pengoperasian pasukan tersebut. Namun setelah pindaan akta ini diluluskan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan memastikan latihan dan kelengkapan pasukan ini adalah mematuhi standard yang telah pun ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan khususnya bagi bangunan yang kurang berisiko yang tertakluk dengan penyediaan perakuan Bomba di mana terdapat lebih daripada 9,000 premis maka organisasi keselamatan kebakaran dalam bangunan perlu diadakan dan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko yang bakal berlaku.

Kehadiran PBP di premis-premis tersebut mampu mempercepatkan tindakan awal terhadap insiden kebakaran sekali gus mengurangkan tahap kerosakan dan kerugian. Malah dari sudut komersial langkah ini juga memberi manfaat kepada pemilik premis kepada syarikat insurans lazimnya yang turut menawarkan premium lebih rendah apabila wujud sistem kawalan risiko dalaman yang berkesan seperti mana PBP. Maka secara keseluruhannya ini bukan sahaja pelaburan dalam keselamatan, tetapi pada masa yang sama juga adalah langkah strategik yang digunakan bagi penjimatan dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua selain itu bagi menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar, Yang Berhormat Senator Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual, Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias bin Hamid berkenaan kriteria takrifan serta garis panduan yang diguna pakai dalam menentukan tahap risiko bahawa kebakaran yang memerlukan penubuhan pasukan bomba persendirian, izinkan saya menjelaskan seperti mana berikut.

Penetapan keperluan bagi sesebuah premis untuk menubuhkan PBP akan dibuat berdasarkan laporan analisis risiko kebakaran. Laporan ini selaras dengan kod dan piawaian antarabangsa iaitu *National Fire Protection Association (NFPA) Code and Standard*. Bentuk syarat yang telah pun ditetapkan adalah seperti mana berikut:

- (i) norma keanggotaan;
- (ii) keperluan peralatan asas;

- (iii) *personal protection equipment*;
- (iv) keperluan jentera pemadaman dan penyelamatan;
- (v) kaedah notifikasi;
- (vi) had batasan pengoperasian berdiri sendiri; dan
- (vii) pematuhan *standard operation procedure*.

Tuan Yang di-Pertua kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Rosni bintu Sohar, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias bin Hamid yang menyatakan kepentingan kawal selia ke atas perunding keselamatan kebakaran dan firma perunding keselamatan kebakaran di Malaysia dan kesalahan atau hukuman yang boleh dikenakan kepada mereka jika melakukan kesalahan.

Buat masa ini kawal selia untuk perunding keselamatan kebakaran dan firma keselamatan kebakaran akan diselia oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan menjadikan MS 2780:2023 *Application of Fire Safety Engineering Principles to the Designs of Buildings* dengan izin, sebagai satu asas rujukan utama dalam pelaksanaannya. Daripada segi pendaftaran perunding keselamatan kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengalu-alukan permohonan daripada pemohon yang layak dan mematuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan seperti mana kelayakan akademik dan juga pengalaman.

Sekiranya perunding keselamatan kebakaran telah melanggar mana-mana peruntukan di bawah akta ini atau telah memungkirkan mana-mana syarat perakuan pendaftaran dan ataupun telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah akta ini, pendaftaran perunding keselamatan kebakaran dan firma perundingan keselamatan kebakaran adalah terbatal. Implikasi pembatalan perakuan pendaftaran ini kepada perunding dan firma perunding keselamatan kebakaran adalah amat besar kerana mereka tidak akan dapat lagi memberi perkhidmatan perundingan kerana mereka telah pun disenaraihitamkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair mengenai syarat permohonan pendaftaran sebagai perunding, keselamatan kebakaran, firma perunding keselamatan kebakaran, orang kompeten, kontraktor keselamatan kebakaran dan juga penyedia latihan dan pengajar. Syarat pendaftaran bagi perkara tersebut akan dibuat melalui peraturan yang akan dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri setelah melalui sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh dan badan-badan profesional.

Seterusnya merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias Hamid mengenai jumlah perunding keselamatan kebakaran yang didaftarkan dan kawalan kualiti laporan analisis risiko kebakaran yang disediakan oleh mereka, suka untuk kita maklumkan bahawa jumlah pendaftaran perunding adalah seramai 20 orang dan jumlah pendaftaran firma adalah sebanyak sembilan buah. Pada masa ini jumlah berkenaan adalah mencukupi berpanduan kepada jumlah permohonan sedia ada.

Berhubung pemantauan semasa, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun menetapkan bahawa setiap perunding perlu menghadiri kursus latihan, bengkel dan seminar berkaitan dengan *fire safety engineering* dan hendaklah memperoleh mata *continuous professional development* (CPD) bagi tujuan pembaharuan akaun. Selain daripada itu laporan analisis risiko kebakaran tersebut hendaklah mematuhi ketetapan dan keperluan yang telah pun digariskan dalam MS 2780:2023.

Selain itu, caj perunding keselamatan ini juga tiada kena mengena dengan PBS. Caj perunding keselamatan adalah caj yang dikenakan ke atas pemilik bangunan yang memerlukan penyediaan laporan analisis risiko kebakaran. Caj perunding yang dikenakan untuk perkhidmatan penyediaan laporan analisis risiko kebakaran oleh perunding keselamatan kebakaran adalah bergantung kepada harga pasaran semasa serta persetujuan dengan pemilik premis bangunan yang memerlukan perkhidmatan mereka.

Bagi menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Azhar bin Hasan mengenai mana-mana penyedia latihan yang menjalankan aktiviti latihan berkaitan tugas-tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia hendaklah berdaftar secara rasmi dan mendapatkan lesen dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta memenuhi syarat yang telah pun ditetapkan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, syarikat perlu memastikan tenaga pengajar adalah berkelayakan dan modul latihan yang disediakan memenuhi standard Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kemudahan latihan peralatan perlulah mencukupi dan semua peraturan keselamatan dan garis panduan yang telah pun ditetapkan wajib dipatuhi.

■1420

Untuk makluman, penyediaan latihan yang menjalankan aktiviti latihan berkaitan tugas-tugas anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sahaja wajib berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi menjalankan aktiviti latihan. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Yang Berhormat Menteri, banyak lagi kah?

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Dua muka surat lagi. Sedikit lagi.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Kekangan masa. Ada lagi dua RUU.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Okey. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita ada soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l R. Arunasalam, Yang Berhormat Senator Tuan Azhar, Yang Berhormat Tuan Che Alias yang berkaitan dengan kelengkapan menentang kebakaran ataupun pemasangan. Yang ini kita akan hantar jawapan secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ya, boleh.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Okey. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 yang telah pun diadakan pada hari ini.

Semua pandangan, cadangan, keprihatinan kami sambut baik, *insya-Allah*. Saya juga memohon sokongan berterusan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam meluluskan cadangan pindaan ini kerana wira merah ini sentiasa bersedia menghadapi risiko demi keselamatan orang awam. Mereka juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menyelamatkan nyawa dan harta benda. Pengorbanan mereka perlu mendapat penghargaan yang sewajarnya.

Maka, sehubungan dengan itu, wajarlah wira merah kita diperkasakan supaya kesejahteraan rakyat sentiasa terbela selain daripada meningkatkan motivasi mereka dalam menjalankan tugas-tugas dengan lebih efisien dan juga cemerlang.

*Gagah arjuna tempur di Champa,
Pantang menyerah silat berjaga;
Biar bencana taufan dan gempa,
Wira merah sentiasa siap siaga.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Dr. Hajah Fuziah binti Salleh) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMERANGKAPAN, PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN KARBON 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.25 ptg.

Menteri Ekonomi [Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang bernama Akta Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan ialah Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon atau dengan lebih mudah RUU CCUS yang bertujuan untuk:

- (i) mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dengan pemerangkapan, pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan kekal karbon dioksida;
- (ii) untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan mengurangkan kesan perubahan iklim;
- (iii) memangkinkan pembangunan industri pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon sebagai suatu sumber baharu pertumbuhan ekonomi; dan
- (iv) mengadakan peruntukan-peruntukan lain yang berkaitan dengannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pemerangkapan penggunaan dan penyimpanan karbon atau dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, *carbon capture, utilization and*

storage atau lebih mudah selepas ini dirujuk sebagai CCUS merupakan satu teknologi yang bertujuan untuk memerangkap, mengangkut, mengguna dan menyimpan karbon dioksida daripada punca-punca pelepasan utama.

CCUS adalah salah satu kaedah mitigasi yang penting bagi menyokong penyahkarbon merentasi pelbagai sektor yang akan membantu negara mencapai matlamat perubahan iklim global di bawah Perjanjian Paris. Di bawah Perjanjian Paris, Malaysia telah menetapkan sasaran dengan izin, *nationally determined contributions* (NDCs) untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 45 peratus berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2005 menjelang 2030.

Manakala, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, Malaysia telah menetapkan aspirasi sasaran pelepasan GHG sifar bersih pada tahun 2050. Menyedari pentingnya teknologi CCUS dalam mengatasi impak perubahan iklim, Jemaah Menteri pada 30 Ogos 2023 telah mengiktiraf aktiviti CCUS sebagai salah satu strategi baharu pertumbuhan ekonomi bagi menyokong pembangunan hijau dan rendah karbon.

Pelan Peralihan Tenaga Negara ataupun *National Energy Transition Roadmap* (NETR) yang dilancarkan oleh Kementerian Ekonomi pada bulan Ogos 2023 juga telah mengenal pasti inisiatif CCUS sebagai salah satu daripada enam- pemacu peralihan tenaga. Ini adalah bagi memastikan Malaysia bersedia untuk menghadapi cabaran peralihan tenaga negara dan mencapai aspirasi sifar bersih pada tahun 2050.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menzahirkan aspirasi kerajaan ini, RUU CCUS ini telah digubal berdasarkan prinsip Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan Butiran 1A Jadual Kesembilan, Parlimen diberi kuasa untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama. Butiran 1 berkenaan hal ehwal luar negeri termasuk berkaitan triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain adalah diletakhakkan di bawah Senarai Persekutuan.

Selanjutnya, Perkara 76 (1)(A) Perlembagaan Persekutuan turut menyatakan kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi negeri-negeri dalam hal-hal tertentu seperti melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negara-negara lain atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan.

Justeru, penggubalan RUU CCUS secara dasarnya adalah untuk menyokong obligasi Malaysia di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu dan juga Perjanjian Paris. Perkara ini dinyatakan dengan jelas di bahagian mukadimah RUU CCUS ini.

■1430

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang dihormati sekalian, Malaysia amat bertuah kerana mempunyai potensi tapak penyimpanan karbon dioksida lebih daripada 150 giga tan. Secara amnya, karbon dioksida boleh disimpan secara kekal di dalam dua jenis tapak penyimpanan iaitu satu medan minyak dan gas yang tidak digunakan lagi dengan izin, yang kita panggil *depleted oil and gas fuel*.

Keduanya, dalam ruang takungan air masin bawah dasar laut ataupun dengan izin, yang ini payah sikit nak sebut, dalam bahasa Inggerisnya, *saline aquifers*.

Berdasarkan kajian oleh *Global CCS Institute*, Malaysia dianggarkan mempunyai kapasiti penyimpanan karbon dioksida sebanyak 13.3 giga tan melibatkan medan minyak dan gas tidak digunakan lagi. Manakala, kajian oleh Universiti Teknologi Malaysia menganggarkan Malaysia mempunyai kapasiti penyimpanan sebanyak 140 giga tan untuk tapak penyimpanan berbentuk ruang takungan air masin bawah dasar laut.

Berdasarkan data-data tersebut, Malaysia dianggarkan mempunyai kapasiti penyimpanan karbon dioksida antara yang terbesar di Asia Tenggara. Unjuran ini adalah melebihi daripada keperluan penyimpanan karbon dioksida domestik. Oleh yang demikian, lebih ruang penyimpanan ini boleh dimanfaatkan untuk menawarkan perkhidmatan penyimpanan karbon dioksida yang diperangkap di luar Malaysia. Kedudukan Malaysia yang terletak di dalam kawasan seismik rendah dan juga luar daripada Lingkaran Api Pasifik dilihat sebagai satu kelebihan yang mana ia menjadikan Malaysia sebagai tapak penyimpanan karbon dioksida yang selamat dan mampan.

Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) juga mengesahkan bahawa penyimpanan karbon dioksida dalam dengan izin, *geological formation* adalah selamat dengan kemungkinan ketirisan kurang daripada 0.001 peratus sahaja.

Persidangan ke-28 negara-negara ahli COP28 kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim PBB ataupun UNFCCC- dia banyak sangat segala jenis *abbreviation* yang ada ini dan bertujuan untuk mengelirukan Ahli Dewan pada petang yang memang mengantuk ini... [Ketawa] Yang berlangsung di Dubai dalam tahun 2023 turut menggesa dan mengesyorkan negara anggota untuk melabur dan mempercepatkan penggunaan teknologi rendah karbon seperti CCUS.

Berdasarkan pengalaman di Norway dan Jepun, teknologi CCUS terbukti selamat. Pengurusan karbon dioksida secara selamat dan mematuhi perundangan serta amalan baik yang diterima pakai di peringkat antarabangsa juga akan mengurangkan risiko luar jangka.

Tuan Yang di-Pertua, melalui sesi libat urus Kementerian Ekonomi dengan pihak-pihak berkepentingan, terdapat keperluan agar RUUCCUS ini dan peraturan-peraturan yang berkaitan pengimportan dan penyimpanan karbon dioksida secara kekal di kawasan *offshore* dibangunkan dan dikuatkuasakan selewat-lewatnya pada 31 Mac 2025. Kita akan terlambat sedikit.

Jadi, sasaran sekarang ialah untuk menguatkuasakannya selewat-lewatnya 31 Mei 2025. Ini adalah untuk memastikan Malaysia dapat merebut peluang pelaburan jangka masa panjang. Penggubalan RUUCCUS ini telah dilaksanakan berdasarkan pendekatan keseluruhan negara atau dengan izin, *whole of nation approach*.

Kementerian Ekonomi telah mewujudkan struktur tadbir urus inisiatif CCUS kebangsaan untuk memastikan aktiviti berkaitan CCUS yang akan dilaksanakan adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri. Struktur tadbir urus ini terdiri daripada jawatankuasa pemandu, jawatankuasa teknikal dan lima kumpulan fokus. Struktur tadbir urus ini diterajui oleh Kementerian Ekonomi dengan keanggotaan daripada wakil pelbagai kementerian, jabatan, agensi yang berkaitan juga melibatkan kerajaan-kerajaan negeri, akademik dan juga pemain-pemain industri.

Untuk memastikan penggubalan rangka kawal selia CCUS adalah selari dengan perundangan dan amalan terbaik di peringkat antarabangsa, Kementerian Ekonomi telah melantik *Global CCS Institute* sebagai perunding untuk menjalankan kajian bertajuk dengan izin, '*Malaysia CCUS Legal and Regulatory Framework Assessment and Comprehensive Study*'. Pihak perunding telah membuat perbandingan perundangan mengenai CCUS daripada negara-negara yang telah terlebih dahulu melaksanakan CCUS dan telah pun mempunyai kerangka perundangan domestik seperti Australia, Amerika Syarikat, Kanada dan juga Kesatuan Eropah. RUUCCUS ini telah digubal berdasarkan amalan terbaik CCUS di peringkat antarabangsa dan telah mengambil kira keperluan pengurusan risiko yang cekap.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang dihormati, dalam proses menggubal RUUCCUS ini, Kerajaan Persekutuan dalam semua kerajaan negeri bersetuju bahawa kuasa penggubalan undang-undang berkaitan suatu triti perjanjian atau konvensyen yang hendak dikuatkuasakan di seluruh Persekutuan merupakan kuasa Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 76(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah menyatakan pendirian agar dikecualikan daripada pelaksanaan RUUCCUS ini. Perkara ini adalah berikutan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan

Negeri Sarawak telah merangka dasar dan peraturan sendiri bagi mengawal selia inisiatif CCUS di negeri masing-masing.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kuasa di bawah Perkara 74 dan 76 Perlembagaan, Jemaah Menteri pada 28 Februari 2025 telah bersetuju supaya RUUCCUS dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala, pelaksanaan di Sabah dan di Sarawak boleh dibuat sekiranya terdapat keperluan pada masa akan datang.

Menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan bahawa penetapan pemakaian RUUCCUS di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah tidak disifatkan sebagai mengurangkan, menjejaskan atau memberi kesan negatif kepada kuasa Kerajaan Persekutuan dalam menguatkuasakan kuasa Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia. Ini terutamanya berkaitan kuasa-kuasa yang termaktub dalam semua akta yang sedang berkuat kuasa di seluruh Persekutuan termasuklah Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan juga Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83]. Perkara ini adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan terutama kuasa di bawah Perkara 74 dan 76.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya RUUCCUS ini terbahagi kepada 10 bahagian dan mengandungi 53 fasal. RUUCCUS ini memperuntukkan kawal selia aktiviti CCUS bagi setiap rantaian nilai CCUS daripada pemerangkapan, pengangkutan, penggunaan dan sehingga kepada aktiviti penyimpanan kekal karbon dioksida. Saya akan menghuraikan dengan cepat kesemua 53 fasal yang terkandung dalam RUUCCUS ini seperti berikut:

Bahagian I mempunyai lima fasal yang menyentuh mengenai tajuk-tajuk ringkas pemakaian akta di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Keperluan yang akta ini dibaca secara bersama dengan undang-undang bertulis yang berkaitan, takrif bagi perkataan yang digunakan dalam akta dan juga keperluan untuk melaksanakan amalan pemerangkapan penggunaan dan penyimpanan karbon dioksida yang berhemah.

Bahagian II mengandungi sembilan fasal iaitu fasal 6 hingga fasal 14 yang menerangkan peruntukan berhubung agensi pemerangkapan penggunaan dan penyimpanan karbon Malaysia atau yang akan dipanggil MyCCUS. Ini termasuklah penubuhan keanggotaan fungsi dan kuasa agensi juga berkaitan pembatalan pelantikan dan pengosongan jawatan anggota agensi, tatacara mesyuarat agensi, penyediaan kemudahan oleh kementerian yang bertanggungjawab bagi membolehkan agensi menjalankan operasinya dan juga pelantikan entiti teknikal yang kompeten untuk menasihati agensi mengenai apa-apa perkara teknikal dan pengoperasian CCUS.

Bahagian III menerangkan tentang pemerangkapan karbon. Ia mengandungi dua fasal. Fasal 15 dan 16 yang menerangkan mengenai keperluan untuk membuat pendaftaran dan permohonan bagi mendaftarkan pemasangan peralatan pemerangkapan karbon dioksida.

Bahagian IV menyentuh tentang pengangkutan dan pengimportan karbon dioksida. Juga mengandungi empat fasal iaitu fasal 17 hingga fasal 20. Peruntukan-peruntutannya menyentuh mengenai keperluan untuk membuat pendaftaran dan permohonan untuk mengangkut karbon dioksida, keperluan untuk memastikan karbon dioksida yang diperangkap di luar negara memenuhi kriteria arus karbon dioksida yang dinyatakan di bawah akta dan keperluan untuk mendapatkan permit import untuk mengimport karbon dioksida yang diperangkap di luar negara.

Bahagian V mengenai penggunaan karbon dioksida yang mengandungi tiga fasal iaitu fasal 21 hingga fasal 23 dan memperuntukkan antaranya keperluan untuk membuat pendaftaran dan permohonan untuk menggunakan karbon dioksida yang diperangkap di Malaysia, larangan menggunakan karbon dioksida yang diperangkap di luar negara dan hanya untuk tujuan penyimpanan kekal di Malaysia.

Bahagian VI, peruntukan tentang penilaian dan penyimpanan kekal karbon dioksida di kawasan luar pesisir mengandungi sembilan fasal iaitu fasal 24 hingga fasal 32. Peruntukan-peruntutannya termasuklah keperluan untuk mendapatkan permit bagi melaksanakan aktiviti penilaian luar pesisir tertakluk kepada pertimbangan, syarat dan fi yang ditetapkan oleh agensi. Keperluan untuk mendapatkan lesen bagi mengendalikan tapak penyimpanan kekal karbon dioksida di kawasan luar pesisir tertakluk kepada pertimbangan, syarat dan fi yang ditetapkan oleh agensi.

Keperluan kepada pengendali tapak penyimpanan luar pesisir untuk mematuhi kriteria penerimaan arus karbon dioksida, obligasi yang perlu dipatuhi oleh pengendali tapak penyimpanan luar pesisir sepanjang tempoh pengendalian tapak penyimpanan, semasa penutupan dan selepas penutupan tapak penyimpanan. Keperluan untuk pengendali tapak penyimpanan luar pesisir untuk membayar levi suntikan kepada agensi dan pemindahan obligasi tapak penyimpanan luar pesisir kepada kerajaan di akhir permit yang diberikan kepada pengendali.

Bahagian VII mengandungi lapan fasal iaitu fasal 33 hingga fasal 40. Bahagian ini memperuntukkan perkara yang sama di bawah Bahagian VI Akta ini, namun merujuk kepada penyimpanan kekal karbon dioksida di kawasan daratan. Sungguhpun demikian, bahagian ini tidak memperuntukkan bagi kutipan levi suntikan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, aktiviti penyimpanan karbon dioksida di kawasan daratan hanya dapat diputuskan selepas Kementerian Ekonomi melaksanakan kajian

kebolehsanaan. Kajian ini adalah penting untuk memastikan aspek keselamatan awam dan pengurusan risiko diberi perhatian yang sewajarnya. Penyimpanan kekal karbon dioksida di kawasan daratan hanya akan dikuatkuasakan setelah perbincangan panjang bersama pihak-pihak kerajaan negeri diadakan kelak.

Bahagian VIII adalah mengenai Kumpulan Wang Pengawasan Pasca-Penutupan yang mengandungi empat fasal iaitu fasal 41 hingga fasal 44 dengan peruntukan-peruntukan yang seperti berikut:

- (i) pewujudan dan sumber dana yang akan dimasukkan kepada Kumpulan Wang Pengawasan Pasca-Penutupan;
- (ii) perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan dana daripada kumpulan wang ini;
- (iii) kuasa agensi untuk membuat pelaburan menggunakan dana daripada kumpulan wang ini; dan
- (iv) tanggungjawab agensi untuk menyimpan akaun dan membentangkan penyata akaun yang disahkan juruaudit di Parlimen.

Bahagian IX, mengenai aspek penguatkuasaan yang mengandungi dua fasal iaitu fasal 45 dan fasal 46. Bahagian ini menyentuh mengenai hal-hal yang berhubung dengan pegawai yang diberi kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan di bawah kuasa akta ini.

Akhir sekali, Bahagian X memperkatakan peruntukan am yang mengandungi tujuh fasal iaitu fasal 47 hingga fasal 53. Bahagian ini memperuntukkan perkara-perkara antaranya rayuan kepada Menteri, pendakwaan, perlindungan daripada prosiding undang-undang dan kuasa Menteri untuk membuat peraturan, standard dan garis panduan serta pengecualian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, RUU CCUS ini merupakan komponen penting dalam memastikan Malaysia mendapat manfaat pelaburan dan juga limpahan ekonomi daripada aktiviti CCUS di sepanjang rantai nilai. Berdasarkan laporan *CCS Socioeconomic Benefit 2022* yang disediakan oleh PETRONAS, nilai pelaburan dalam industri CCUS di Malaysia diunjurkan mencapai lebih daripada 200 bilion Dolar dalam tempoh 30 tahun daripada sekarang. Dengan nilai pelaburan ini, ia dijangka dapat menyumbang kepada KDNK sebanyak 200 hingga 250 bilion Dolar secara kumulatif dalam tempoh 30 tahun akan datang.

Ini secara tidak langsung akan memberi limpahan ekonomi kepada beberapa sektor dan industri sedia ada. Industri CCUS juga dijangka dapat mewujudkan sehingga 200,000 peluang pekerjaan baharu ketika aktiviti puncak setahun. Ini boleh merangsang pembangunan bakat dan kemahiran berkaitan dengan izin, *green skills* dalam usaha Malaysia menarik pelaburan berskala tinggi terutamanya dalam teknologi CCUS.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pemerangkapan, pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan kekal karbon dioksida untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan mengurangkan kesan perubahan iklim untuk memangkinkan pembangunan industri pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon sebagai suatu sumber baharu pertumbuhan ekonomi dan untuk mengadakan peruntukan lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 17 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah 6 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim. Sila.

2.47 ptg.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum*, salam Malaysia MADANI, *segulai sejalai* dan salam Ramadan.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 atau ringkasnya RUU CCUS. Rang undang-undang ini merupakan langkah strategik dan penting dalam merealisasikan aspirasi negara untuk mencapai sasaran karbon sifar bersih menjelang tahun 2050. Ia juga melengkapkan pendekatan holistik dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) di mana teknologi CCUS menjadi salah satu daripada enam- pemacu utama ke arah masa depan tenaga bersih negara.

RUU ini bertujuan antara lain untuk menyediakan kerangka perundangan dan komprehensif bagi aktiviti pemerangkapan penggunaan semula dan penyimpanan karbon dioksida, mengawal selia pemerangkapan karbon daripada sektor industri dan fasiliti tenaga, menggalakkan aplikasi semula karbon dalam sektor pertanian, pembinaan dan bahan api sintetik, menyimpan karbon secara selamat dan kekal dalam formasi geologi bawah tanah dan

meningkatkan keyakinan pelabur serta memperkukuhkan pasaran karbon negara dalam ekosistem ekonomi hijau.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan khususnya kepada PMX dan Menteri Ekonomi kita yang di sini kerana telah mengambil pendekatan inklusif melalui sesi libat urus bersama Kerajaan Sarawak baru-baru ini. Yang telah mengambil kira kesiapsiagaan infrastruktur negeri, keperluan teknikal, kerangka undang-undang serta kesesuaian lokasi untuk pelaksanaan teknologi CCUS di Sarawak.

■1450

Pendekatan ini wajar dipuji dan dijadikan contoh teladan kepada mana-mana dasar nasional yang melibatkan pelaksanaan rentas bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Sarawak memiliki kelebihan geologi semula jadi terutamanya di kawasan luar pesisir seperti *Baram Delta*, *Balingian* dan *Miri Basin* yang sangat sesuai bagi pelaksanaan penyimpanan karbon berskala besar.

Sehubungan itu, Kerajaan Sarawak telah melaksanakan pelbagai inisiatif awal termasuk melancarkan pelan hala tuju CCUS Sarawak yang menetapkan arah strategi jangka panjang, melantik PETROS sebagai entiti bertanggungjawab mengurus sumber negeri berkaitan CCUS, menganugerahkan lesen penyimpanan karbon pertama mengikut undang-undang Sarawak serta menggubal peraturan khusus seperti Peraturan Tanah (Penyimpanan Karbon) 2022 dan Peraturan Sumber Alam dan Alam Sekitar (Pengangkutan Gas yang Ditetapkan) 2024 Sarawak.

Dato' Yang di-Pertua, perlu juga diingat bahawa Sarawak menemui dan membangunkan sumber minyak dan gas seawal tahun 1910 di Miri, menjadikan negeri ini pelopor industri petroleum di rantau ini. Semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963, Sarawak merupakan satu-satunya negeri dalam Persekutuan yang telah mempunyai industri minyak dan gas sebagai sebahagian penting dalam ekonominya. Negeri-negeri lain hanya menemui sumber ini beberapa dekad selepas itu.

Walaupun hasil-hasil cukai berkaitan minyak dan gas masih disalurkan kepada Kerajaan Persekutuan, Sarawak tidak pernah alpa dalam tanggungjawabnya untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru, adalah wajar dan adil bahawa kawal selia terhadap sumber semula jadi ini kekal berada dalam bidang kuasa Kerajaan Sarawak. Ini bukan soal keistimewaan, tetapi soal hak yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan dan termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Undang-undang negeri seperti *Sarawak Land Code (Chapter 81)* dan *Oil Mining Ordinance 1958 (OMO)* masih berkuat kuasa dan tidak tertakluk kepada *Petroleum Development*

Act 1974 atau lebih dikenali sebagai *PDA 1974*. Oleh itu, sebarang pelaksanaan projek CCUS di Sarawak mestilah mendapatkan persetujuan bertulis daripada kerajaan negeri dan melibatkan PETROS sebagai pemegang amanah sumber tersebut.

Saya mencadangkan agar dimasukkan peruntukan khusus dalam RUU ini, antaranya, semua projek CCUS di Sarawak dan Sabah tertakluk kepada undang-undang negeri masing-masing, rundingan dan kelulusan bertulis daripada kerajaan negeri hendaklah menjadi syarat mandatori sebelum pelaksanaan projek dan sekiranya berlaku percanggahan antara undang-undang negeri dan Persekutuan, undang-undang negeri hendaklah diberi keutamaan berdasarkan semangat MA63.

Dalam konteks masyarakat tempatan dan komuniti adat, prinsip *free, prior* dan *informed consent* (FPIC) perlu dijadikan prasyarat utama. Sedikit masa?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, boleh. Silakan.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih. Setiap komuniti yang terlibat mesti dimaklumkan lebih awal secara telus dan dalam bahasa yang mereka faham. Mereka juga perlu diberikan manfaat yang setimpal melalui pampasan yang adil, peluang pekerjaan, latihan kemahiran dan pembangunan kontrak tempatan.

Soal liabiliti jangka panjang juga perlu diberi perhatian serius. Sekiranya berlaku kebocoran karbon 10, 20 atau 50 tahun akan datang, siapakah yang bertanggungjawab?

Maka, saya mencadangkan penubuhan sebuah badan pemantau bebas yang bertanggungjawab secara terus kepada Parlimen. Penyediaan laporan tahunan kepada kedua-dua Dewan Parlimen berkaitan status keselamatan dan impak alam sekitar penyimpanan karbon dan penubuhan dana liabiliti karbon yang diurus secara bebas dan ditanggung oleh operator projek bagi menampung risiko jangka panjang .

Dato' Yang di-Pertua, Sarawak berada pada kedudukan strategik untuk menjadi hab penyimpanan karbon serantau. Kita mempunyai landskap geologi yang sesuai, dasar yang progresif, pelaburan strategik serta tenaga kerja mahir. Sekiranya Malaysia berjaya melaksanakan perdagangan karbon antarabangsa dalam tempoh lima tahun akan datang, Sarawak berupaya menjadi peneraju serantau dalam industri ini.

Dalam semangat Malaysia MADANI, marilah kita melangkah ke hadapan secara harmoni dengan menghormati hak, suara dan undang-undang negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia. Hormat terhadap bidang kuasa negeri bukan penghalang kepada pembangunan nasional, sebaliknya adalah asas kepada kejayaan bersama. Tiada dasar nasional akan mencapai kejayaan sebenar tanpa kerjasama erat dan kepercayaan antara Kerajaan

Persekutuan dan kerajaan negeri. Oleh itu, bekerjasama dalam kerangka *federalisme* yang adil, simetri dan berteraskan rundingan adalah kunci kepada kemajuan yang inklusif.

Melangkah ke hadapan dalam pelaksanaan teknologi karbon memerlukan keterbukaan, saling menghormati dan komitmen kepada semangat Persekutuan Malaysia yang sebenar di mana semua pihak duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam menentukan masa depan bersama.

Sebagai penutup, izinkan saya merumuskan bahawa RUU ini terletak pada tiga asas utama iaitu kelestarian untuk semua, keadilan untuk negeri, kepercayaan melalui tadbir urus yang telus. Sedikit pantun sebelum mengundur diri?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: *[Berpantun]*

*Gunung Santubong tinggi menjulang,
Simbol megah Bumi Kenyalang;
Jika hak negeri tetap dijulang,
Malaysia bersatu makin gemilang.*

Dengan itu, saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Tiew Way Keng.

2.57 ptg.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Senator.

Pada hari ini, kita membahaskan Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 yang merupakan langkah penting dalam usaha negara kita untuk menangani ancaman perubahan iklim global. Rang undang-undang ini bukan sekadar suatu keperluan teknikal, tetapi ia adalah sebahagian daripada komitmen kita untuk memastikan masa depan yang lebih mampan untuk generasi yang akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui, sektor tenaga, pengangkutan dan industri adalah penyumbang terbesar kepada pelepasan karbon dioksida yang menjadi punca utama pemanasan global.

Berdasarkan Laporan Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim iaitu IPCC, dengan izin, kita diberitahu bahawa pelepasan gas rumah kaca global perlu dikurangkan sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030 jika kita ingin mengekalkan pemanasan global pada

tahap yang selamat iaitu di bawah 1.5 darjah Celsius berbanding tahap pra-industri. Pada masa ini, jumlah pelepasan karbon dioksida global adalah pada sekitar 40 bilion tan setahun. Dalam konteks Malaysia, sektor tenaga adalah penyumbang terbesar dengan lebih daripada 60 peratus daripada jumlah pelepasan karbon dioksida kita.

Oleh itu, teknologi pemerangkapan karbon iaitu *carbon capture*, dengan izin, yang terkandung dalam rang undang-undang ini akan memainkan peranan utama dalam mengurangkan pelepasan karbon dioksida daripada sumber utama.

Jadi, bagi aspek penggunaan karbon dalam industri, yang saya ingin tekankan adalah karbon yang ditangkap bukanlah hanya boleh disimpan melalui teknologi ini, tetapi dia juga mempunyai potensi besar untuk digunakan semula dalam pelbagai industri.

■1500

Sebagai contoh, karbon dioksida yang ditangkap boleh digunakan dalam penghasilan bahan bakar sintetik, penghasilan bahan pembinaan seperti konkrit dan dalam industri pembuatan bahan kimia. Menurut kajian yang dijalankan oleh *International Energy Agency* (IEA) dengan izin, teknologi penggunaan karbon dapat mengurangkan sehingga 2.6 *gigatons* karbon dioksida setahun menjelang tahun 2030.

Ini lah satu peluang yang besar bagi Malaysia untuk bukan hanya mengurangkan pelepasan karbon, tetapi juga untuk memanfaatkan sumber karbon yang ditangkap sebagai bahan mentah yang bernilai. Inilah peluang bagi negara kita untuk memimpin dalam ekonomi hijau, meningkatkan peluang pekerjaan dan memperkukuh daya saing industri kita di peringkat global.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan isu penyimpanan karbon dan keselamatan alam sekitar. Namun Dato' Yang di-Pertua, kita tidak boleh hanya melihat teknologi pemerangkapan karbon ini sebagai satu solusi yang mudah. Penyimpanan karbon iaitu *carbon storage* dengan izin, memerlukan pemantauan yang lebih teliti dan prosedur yang ketat untuk memastikan ia tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar, tetapi saya tidak nampak dalam rang undang-undang ini secara spesifik bagaimana kita boleh memastikan penyimpanan karbon ini adalah selamat dalam jangka masa yang panjang. Macam mana pula kita boleh memastikan alam sekitar kita dapat dipelihara dengan selamat?

Menurut kajian yang dijalankan oleh *Carbon Capture dan Storage Association*, terdapat lebih daripada 40 projek penyimpanan karbon komersial yang telah dilaksanakan di seluruh dunia dan setiap projek ini memerlukan pengawasan jangka masa yang panjang untuk memastikan bahawa karbon disimpan dengan selamat.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah bagaimana kita nak memastikan pengawasan ini boleh adalah selamat dalam jangka masa yang panjang? Di Malaysia kita perlu memastikan bahawa penyimpanan karbon dijalankan di lokasi yang sesuai dan selamat. Jadi di manakah lokasi itu adalah sesuai dan selamat?

Adakah ia adalah di bawah tanah dalam formasi geologi yang stabil dan macam mana kita nak tentukan keadaan dan tempat itu adalah stabil? Langkah-langkah keselamatan yang ketat perlu diambil bagi mengelakkan kebocoran karbon yang boleh memberi kesan buruk terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Dato' Yang di-Pertua, dalam melaksanakan rang undang-undang ini, kita juga perlu melibatkan kedua-dua sektor. Bukan sahaja daripada sektor kerajaan, tetapi juga daripada sektor swasta. Jadi kami juga menyarankan bahawa bagi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli perlu ada satu sasaran untuk mencapai penglibatan sektor swasta dalam usaha ini. Untuk mencapai sasaran ini, kita perlu dapat sokongan daripada pelaburan besar dalam segi teknologi hijau, termasuk teknologi pemerangkapan dan penyimpanan karbon.

Sektor swasta juga mempunyai tanggungjawab yang sangat penting terutamanya dalam segi penyelidikan dan pembangunan teknologi baharu. Kerajaan perlu menyediakan insentif yang baik dan secukupnya seperti pengurangan cukai ataupun sokongan dasar yang memadai untuk memastikan penglibatan sektor swasta dapat mengambil bahagian secara aktif dalam memajukan teknologi ini.

Ini juga termasuk membina rangka kerja dasar yang memudahkan peraturan dan mengurangkan halangan bagi pelaburan dalam teknologi hijau. Disebabkan masa tidak mengizinkan, saya hanya ingin menggariskan dua perkara sahaja.

Daripada rang undang-undang yang telah dikemukakan, saya dapati bahawa bagi fasal yang ke-9 dan ke-10 yang dirujuk berkenaan dengan anggota-anggota yang dilantik di bawah yang dikatakan ialah perenggan 7, sub (1)(d), yang mana sepatutnya saya ingin nak tanya kementerian, adakah ia sepatutnya adalah di bawah seksyen 7(1)(d)? Perkara yang sama berlaku bagi seksyen yang 10 bagi rang undang-undang ini.

Saya juga ingin mengetengahkan bagi entiti teknikal kompeten yang telah dilantik adalah menurut takrifan di bawah seksyen 2 rang undang-undang berkenaan. Dengan merujuk dengan cara pelantikan yang menumpukan kepada komponen-komponen yang telah digariskan di bawah seksyen 14(1), tetapi sekiranya lantikan ini adalah kita kata mana-mana komponen iaitu daripada pemerangkapan karbon, pengangkutan karbon dioksida, penggunaan karbon dioksida, penyimpanan luar pesisir.

Di sini saya nampak adalah dengan menggunakan perkataan “dan”. “Dan” ialah bermakna maksud *conjunctive* iaitu kena kesemuanya. Sekiranya hasrat kementerian adalah mana-mana komponen adakah penggunaan perkataan “*atau*” adalah lebih sesuai bagi mana-mana komponen yang telah digariskan dalam seksyen 14(1).

Jadi dalam kesimpulan langkah-langkah yang kita kena ambil kepada ke arah masa depan, kita haruslah menyokong rang undang-undang ini supaya kita dapat mengalihkan tenaga dan beralih kepada sumber teknologi hijau, maka saya menyokong. Terima kasih.

Dato’ Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okey terima kasih Yang Berhormat. *Your made RUU very good.*

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

3.06 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato’ Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Akta Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025.

Yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerangkapan, pengangkutan, penggunaan dan penyimpanan kekal karbon dioksida dan mengurangkan kesan perubahan iklim, memangkinkan pembangunan industri berkaitan karbon sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi dan bagi mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berhubungan dengannya.

Penyimpanan karbon merujuk kepada teknologi kompleks untuk memerangkap karbon dioksida yang dihasilkan dalam penjanaan kuasa ataupun aktiviti industri, mengangkutnya dan kemudiannya menyimpan dalam penyimpanan kekal jauh di bawah tanah termasuk di dasar laut.

Dato’ Yang di-Pertua, seperti yang kita- semua maklum, perubahan iklim adalah suatu realiti yang kita sedang alami dan memberi kesan kepada semua rakyat di Malaysia dan juga di seluruh dunia tanpa mengira apa jua latar belakang kita. Kenaikan suhu global, banjir besar yang semakin kerap berlaku dan kesan kepada sektor pertanian serta ekonomi negara menuntut tindakan segera dan strategik.

Oleh itu, saya ingin bertanya adakah teknologi ini iaitu teknologi pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon ini benar-benar mampu menjadi penyelesaian jangka masa panjang dalam mengurangkan kesan perubahan iklim untuk Malaysia? Ia juga menjadi

kebimbangan para aktivis NGO alam sekitar yang teknologi mahal ini boleh membawa risiko kebocoran yang boleh merosakkan biodiversiti marin dan alam sekitar yang lebih besar.

Tambahan pula, pengurusan risiko alam sekitar dan sosial yang berpunca daripada projek CCUS ini, undang-undang yang sedia ada tidak jelas dan terdapat jurang peraturan kawal selia yang perlu ditangani dalam undang-undang CCUS yang dicadangkan. Contohnya, berkenaan dengan keperluan bagi penilaian kesan karbon berkepekatan tinggi kepada alam sekitar. Garis panduan pada masa ini tidak menjelaskan dengan rapi sama ada projek CCCS memerlukan penilaian kesan. Justeru itu, saya pohon penjelasan berkaitan hal ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa CCUS yang dibincangkan bukan sekadar isu teknologi atau pelaburan, tetapi perlu turut melibatkan hak-hak negeri-negeri dalam menjunjung semangat *federalisme*. Projek CCUS bergantung kepada sumber asli negeri terutama bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai sektor industri berat dan juga tenaga.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, kemudahan terminal sedia ada di Kerteh contohnya di Terengganu boleh dijadikan sebagai tapak perintis yang berpotensi. Maka persoalan saya, adakah negeri-negeri ini diberikan sebahagian hak dalam mengawal selia sumber karbon yang akan disimpan di kawasan mereka? Adakah hasil ekonomi daripada CCUS diagihkan secara saksama kepada negeri-negeri yang terlibat?

■1510

Kita bimbang isu-isu yang tidak selesai seperti royalti petroleum pada Terengganu dan Kelantan akan berulang semula pada masa hadapan. Saya juga ingin bertanya, apakah sudah ada perbincangan yang mendalam dengan kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung terutamanya dengan negeri-negeri yang bakal terlibat? Kita tidak mahu CCUS ini menjadi satu lagi contoh di mana Kerajaan Persekutuan melaksanakan dasar tanpa mendapatkan persetujuan dan suara negeri-negeri yang mempunyai kepentingan secara langsung dalam isu ini.

Dato' Yang di-Pertua, hakikatnya teknologi CCUS ini bukan murah. Ia memerlukan pelaburan yang besar untuk pembangunan infrastruktur, operasi dan juga penyelenggaraan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, dari manakah sumber dana untuk membangunkan teknologi ini? Pada pengamatan saya, kos yang tinggi boleh menjadi penghalang kepada syarikat yang ingin melaksanakannya tanpa ada insentif atau subsidi daripada kerajaan. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk menggunakan subsidi yang akan ditarik daripada rakyat dan diberikan kepada syarikat-syarikat ini?

Kita juga tidak mahu CCUS ini menjadi satu lagi projek mega yang hanya menguntungkan syarikat besar sementara rakyat terus menanggung beban ekonomi yang semakin menghimpit.

Untuk itu, saya rasa setakat ini saya menutup perbahasan saya. Sekian, terima kasih dan saya nak mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli Dewan. Maaf zahir dan batin. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

3.12 ptg.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada Menteri yang telah membentangkan akta yang sangat penting ini untuk kita melihat pembangunan negara dipacu oleh karbon yang rendah dan juga membawa negara ke masyarakat antarabangsa di mana kita juga terikat dengan dua konvensyen yang sangat penting dan signifikan ini.

Saya nak mengimbau balik Tuan Speaker. Kalau kita merujuk pada Akta Pembangunan Petroleum 1974, satu ketika waktu Malaysia sedang menuju ke arah pembangunan petroleum di mana hanya setelah 22 tahun kemudian, kita mendapati bahawa ada masalah dari sudut hubungan antara negeri dengan Persekutuan. Saya yakin pihak kementerian telah mengambil kira semua isu tersebut sebab ini pengalaman.

Jadi waktu akta itu dibuat dengan niat suci tadi, tidak ramai yang kemudiannya menyangka ia menjadi satu isu politik apabila hubungan Persekutuan dengan negeri tercabar atas isu-isu tuntutan royalti yang kemudian ditukar kepada ihsan dan sebagainya. Jadi, saya yakin bahawa akta yang kita sedang bahas ini dengan niat yang suci dan untuk membangunkan masa depan ekonomi seperti mana dulu pada tahun 1974, Akta Petroleum dibuat untuk membangunkan ekonomi yang mana pencarian, pengeksploasian semuanya itu diberikan kepada Petronas dan kemudian adanya isu soal royalti yang kemudian menjadi ihsan.

Hingga saat saya berbicara dalam Dewan ini, masih lagi timbul isu-isu seperti pemberian kepada Kerajaan Pusat kepada negeri Terengganu baru-baru ini pun didakwa bahawa itu adalah duit royalti sebenarnya. Jadi, kita terus terjebak dalam pertembungan politik yang tidak sudah-sudah atas niat suci yang awal tadi. Jadi saya amat yakin akta yang sedang kita bahas hari ini perlu mengambil kira apa yang akan berlaku pada masa depan. Apa yang lebih penting daripada itu, isu royalti ini tak habis-habis lagi.

Bagi saya, saya tidak berminat untuk berbincang isu itu secara spesifik, tetapi apa yang menjadi keprihatinan dan *concern* dalam Dewan ini ialah kita juga dengan pengalaman yang kita telah lalui, kena *anticipate* apa yang akan berlaku di hadapan dari sudut hubungan negeri dengan

Persekutuan. Contohnya kalau perbincangan tentang royalti itu disebut kalau tiga batu nautika ke atas itu adalah milik Persekutuan dan bukan milik negeri. Jadi, perbalahan dan perbincangan itu perlu dilihat secara Perlembagaan, secara undang-undang.

Sudah tentulah saya yakin akta yang kita sedang bincang ini, CCUS ini telah mengambil kira semua aspek itu supaya tidak rugi kerana kita tahu bahawa Akta Petroleum diperkenalkan dalam waktu itu tahun 1975. Tak silap saya, negeri Kelantan telah menandatangani kemudian diikuti dengan negeri-negeri di pantai timur. Sudah tentu pada waktu itu, ini satu- sumber untuk membangunkan Kelantan dan Terengganu ketika itu dan *benefit* ekonomi itu boleh dipulangkan kepada orang-orang di negeri Terengganu dan Kelantan termasuklah hari ini kalau kita bicara.

Saya difahamkan Terengganu, Tuan Speaker ya menurut Menteri adalah yang paling akan bermanfaat daripada projek ini kerana di situlah paling banyak akan ada tempat-tempat pemprosesan ini. Jadi, kita tidak mahu ulang balik cerita lama, tuntutan dan tuntutan sehingga hubungan *Federal* dengan hubungan negeri ini jadi terjejas.

Itu saya rasa tanggungjawab kita supaya direkodkan bahawa kita sudah bahas perkara ini, kita sudah bincang di sini. Seperti mana dulu tahun 1974, mungkin waktu itu tidak ada siapa nak bahas sebab niat suci itu nak bangunkan negeri itu dan sebagainya, tapi bila dah berlaku pelbagai peristiwa, maka dakwa-dakwi, tuntutan menuntut sehingga ia menjadi polemik politik dan tidak kembali kepada isu perundangan dan saya difahamkan, isu tuntutan royalti sampai hari ini tidak ada kesudahan dia, tidak ada keputusan mahkamah. Dulu tuntutan, kemudian dari negeri Terengganu sendiri tarik balik dan kemudian benda ini berterusan dan dakwa-dakwi ini sebenarnya tidak baik untuk hubungan antara Persekutuan dengan negeri. Jadi, saya harap akta ini Tuan Speaker mengambil kira semua aspek itu.

Saya kira pengalaman daripada hubungan negeri dengan Persekutuan yang dalam Akta Petroleum itu juga telah memberikan pengalaman kepada akta ini dengan adanya satu klausa iaitu yang saya rasa perlu diambil kira sebagai penting iaitu perundingan. Pihak Menteri berunding dengan pihak negeri. Jadi saya rasa perundingan-perundingan ini sangat penting. Kalau tidak, dia akan ada tuduh-menuduh. Apabila ada tuduh-menuduh, maka imej Kerajaan Persekutuan, imej kerajaan negeri tidak dilihat sebagai satu semangat Perlembagaan, semangat Persekutuan.

Jadi, sebagaimana uniknya isu ini di Sabah dan Sarawak, begitu juga uniknya dalam konteks di Semenanjung. Jikalau ada kita kata isu-isu politik yang sebenarnya kalau kita rujuk kembali secara objektif Tuan Speaker, kita harus kembali kepada pertama, isu perundangan apa dia. Kedua ialah isu ekonomi kepada rakyat tersebut. Isu politik ini saya kira kita boleh jadikan sebagai perkara yang boleh diselesaikan dengan rundingan-rundingan dan klausa dalam akta ini

juga menyebut tentang pihak Menteri berunding dengan kerajaan negeri kalau ada timbul isu-isu yang boleh menjejaskan hubungan.

Sekian, terima kasih Tuan Speaker. Saya menyokong 100 peratus.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

3.19 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera.

Teknologi CCUS merupakan salah satu kaedah utama untuk mengurangkan jumlah karbon dioksida yang dilepaskan ke atmosfera terutama dari industri yang sukar untuk dinyahkarbon seperti industri tenaga simen dan besi keluli. Ramai pakar dan organisasi melihat CCUS ini sebagai alat kritikal untuk mencapai pengurangan pelepasan yang bermakna terutamanya apabila digabungkan dengan teknologi dan strategi lain.

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) telah menetapkan CCUS ini sebagai salah satu dari enam- pemacu peralihan tenaga. Kerajaan menyasar untuk membangunkan tiga hingga enam CCUS dengan kapasiti antara 40 hingga 80 juta tan setahun.

■1520

Tanpa kita sedari atau hanya segelintir sahaja yang menyedari dalam Dewan ini Dato' Yang di-Pertua, mendahului rang undang-undang ini adalah pembangunan projek CCS di persisiran pantai Sarawak oleh PETRONAS Carigali iaitu di medan gas Kasawari dan Lang Lebah yang dijangka beroperasi pada tahun 2026 dan 2028 masing-masing. Medan gas tersebut mempunyai kandungan CO₂ yang tinggi dan teknologi CCS akan digunakan untuk memerangkap CO₂ dari medan pengeluaran gas dan menyimpannya di *depleted fields* ya, dengan izin.

Kasawari akan menjadi projek CCS luar pesisir terbesar di dunia apabila ia mula beroperasi dengan kapasiti yang diunjurkan sebanyak 3.7 juta tan karbon dioksida yang akan ditangkap setiap tahun. Ini menyamai kapasiti yang diunjurkan bagi Projek Gorgon di Australia. Jadi, kejayaan projek ini nanti membuktikan Malaysia ada teknologi dan kapasiti untuk membangunkan industri CCUS. Bukan sahaja sebagai wadah bagi menangani perubahan iklim tetapi pembangunan sektor perindustrian yang baharu yang berteknologi tinggi. Kerajaan perlu melabur dalam penyelidikan dan pembangunan CCUS supaya teknologi ini berkembang mengikut jangkaan dan memenuhi tujuannya untuk mengurangkan emisi karbon.

Dato' Yang di-Pertua, setelah mentelah NETR- punyaanya *complicated document* tersebut, ya. Jadi saya tak hairan mengapa ramai tidak memahami kandungannya, apa dia *you know* sasaran dan sebagainya ya. Saya berpendapat NETR telah melakar strategi dan inisiatif yang menyeluruh untuk mewujudkan ekosistem *entrepreneurial* yang memfasilitasi pembangunan industri ini.

Dato' Yang di-Pertua, atas kesuntukan masa, saya tidak akan menyentuh tentang ekosistem *entrepreneurial* tersebut seperti inovasi penggunaan karbon termasuk peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh CCUS. Saya akan menumpukan kepada beberapa aspek yang menarik minat saya. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa kajian yang dilakukan oleh *Global CCS Institute* dan sebagainya yang telah mengunjurkan kapasiti penyimpanan karbon dioksida di Malaysia sehingga ke-3.5 *gigaton* itu adalah lebih daripada mencukupi daripada apa yang diperlukan oleh Malaysia.

Jadi, adanya *depleted fields* minyak dan gas boleh dibangunkan sebagai kluster dan infrastruktur untuk penangkapan dan penyimpanan karbon boleh dibangunkan sebagai sumber yang dikongsi untuk kegunaan bersama oleh pelbagai pengendali. *This is one step higher*, ya. Pendekatan ini sebenarnya sedang dipertimbangkan sebagai salah satu cara yang paling efisien untuk melaksanakan projek CCS berskala besar terutamanya bila menangani isu kos modal yang tinggi dan keperluan untuk skala infrastruktur.

Dato' Yang di-Pertua, walaupun akta RUU ini tidak terpakai di Sarawak, tetapi saya mengambil contoh kawasan Taman Perindustrian Samalaju dan Kidurong sebagai suatu tempat yang sesuai untuk dilaksanakan infrastruktur untuk CCS yang boleh diguna sama sebab kedua-dua mempunyai industri berat dan juga di Kidurong mempunyai industri *oil* dan *gas* dan juga kimia yang sangat sesuai untuk diusahakan CCS.

Jadi, memandangkan kluster- kawasan tersebut sesuai untuk dibangunkan kluster seperti projek CCUS Porthos di Pelabuhan Rotterdam yang sedang dibangunkan oleh pihak berkuasa Pelabuhan Rotterdam, Gasunie dan EBN untuk mengumpul karbon dioksida daripada industri di kawasan Pelabuhan Rotterdam dan mengangkutnya ke lokasi penyimpanan di bawah laut utara. Di semenanjung, saya melihat Pelabuhan Kemaman di Terengganu boleh dibangunkan sebagai kelompok CCUS. Bagi menggalakkan perusahaan untuk memerangkap karbon, kerajaan perlu memberi insentif yang sesuai seperti *tax credit* dan sebagainya.

Dato' Yang di-Pertua, ramai yang menyuarakan kebimbangan tentang pembiayaan projek CCUS. Saya berharap kementerian dapat memberi penjelasan tentang pembiayaan termasuk *update* ke atas pelaksanaan mekanisme, penepatan harga karbon termasuk cukai karbon dan

skema perdagangan emisi domestik. Begitu juga- minta sedikit masa Dato' Yang di-Pertua. Sekejap.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: ...Boleh. Boleh.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Begitu juga ada yang bimbang bahawa negara asing akan menggunakan fasiliti penyimpanan karbon di Malaysia untuk membuang karbon dari negara mereka dan juga keselamatan operasi CCUS. Saya berpendapat kementerian perlu menangani diseminasi maklumat secara yang mudah untuk difahami supaya tidak menimbulkan kekeliruan orang ramai. Bagi sesuatu yang baharu, adalah amat penting untuk kerajaan mendapatkan *buy in* dengan izin, supaya orang awam memahami dan menyokong sesuatu yang baharu.

Dato' Yang di-Pertua, CCUS di negara-negara seperti Norway, Amerika Syarikat dan Kanada telah menunjukkan keberkesanan dalam memerangkap dan menyimpan karbon dalam pelbagai tahap, tetapi banyak projek berdepan cabaran ekonomi teknikal dan logistik. Keberkesanan jangka panjang CCUS bergantung kepada pelaburan berterusan, kemajuan teknologi, pengurusan risiko dan pengurangan kos untuk memastikan ia dapat dijalankan pada skala yang lebih besar.

Negara-negara Australia, UK dan Belanda masih dalam proses menilai keberkesanan teknologi ini pada skala yang besar. Saya yakin kerajaan mendapat khidmat juru perunding yang terbaik bagi pembangunan CCUS di Malaysia dan saya yakin kerajaan mengambil iktibar daripada pengalaman negara-negara tersebut dalam membangunkan CCUS di Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, NETR menyentuh tentang *energy trilemma* yang memberikan cabaran kepada kerajaan untuk mengimbang tiga matlamat kritikal yang sering bertentangan dalam polisi tenaga dan sistem tenaga. Penyelesaian kepada *trilemma* tenaga juga biasanya merangkumi campuran polisi, inovasi dan pelaburan yang bertujuan untuk menyelaraskan ketiga-tiga objektif ini sebaik mungkin.

Jadi, menjelang tahun 2050, NETR mengunjurkan- ia mengunjurkan bahawa penggunaan gas asli akan menurun daripada 35 peratus pada tahun semasa kepada 21 peratus pada tahun 2025.

Dato' Yang di-Pertua, oleh sebab kesuntukan masa, jadi saya menamatkan perbahasan saya di sini. Ini satu permulaan saya melihat pembangunan ini sebagai satu permulaan yang baharu yang berpotensi memacu Malaysia ke industri berteknologi tinggi. Syukur kita diberkati dengan *geology formation* yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak penyimpanan karbon. Dengan itu Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan.

3.28 ptg.

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 atau CCUS. Saya percaya rang undang-undang ini akan memberi manfaat besar kepada ekonomi negara serta memastikan pengurusan sumber secara optimum dan berasaskan prinsip keberkesanan ekologi.

Dato' Yang di-Pertua, dengan inisiatif CCUS ini, Malaysia berpotensi membina industri baharu berasaskan teknologi mitigasi karbon. Ini membuka peluang kepada pelabur untuk membina infrastruktur dekarbonisasi sekali gus mewujudkan peluang perniagaan yang berdaya maju. Selain itu, dalam pembentangan Belanjawan 2025, kerajaan telah menyatakan komitmen untuk memperkenalkan cukai karbon ke atas industri besi dan keluli serta tenaga menjelang tahun 2026. Langkah ini dijangka akan menggalakkan penggunaan teknologi rendah karbon dan menarik kemasukan industri berat yang berintensiti pelepasan karbon tinggi yang perlu memerangkap dan menyimpan karbon.

■1530

Malaysia juga boleh memanfaatkan bekas lapangan minyak sedia ada sebagai tapak penyimpanan karbon geologi menjadikannya satu pendekatan lestari dan pengurusan sumber asli negara.

Dato' Yang di-Pertua, dalam aspek perundangan, perihal hutan dan tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Saya amat bersetuju Sabah dan Sarawak perlu diberikan autonomi penuh dalam tadbir urus karbon bagi membangunkan model ekonomi hijau yang boleh menjadi sumber pendapatan wilayah ini ataupun negeri-negeri ini. Saya percaya Kerajaan Wilayah Sabah dan Sarawak telah mengambil langkah tersendiri dalam pengurusan aset karbon dan bersedia untuk meneroka peluang ekonomi dalam industri karbon sambil memastikan pemeliharaan biodiversiti dan ekosistem hutan hujan tropika.

Jika pengurusan karbon di Sabah berjaya, bukan sahaja menyumbang kepada pemuliharaan hutan premier, tetapi juga menyediakan dana serta peluang ekonomi kepada komuniti rentan termasuk masyarakat Orang Asal.

Dato' Yang di-Pertua, dalam memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar, kita perlu memastikan bahawa pelaksanaan inisiatif CCUS tidak membawa kesan negatif jangka panjang terhadap kelangsungan ekosistem dan kesejahteraan

sosial. Oleh itu, saya menyokong penubuhan struktur tadbir urus bersepadu yang telah diwujudkan oleh Kementerian Ekonomi bagi memastikan setiap langkah yang diambil adalah selari dengan keputusan Jemaah Menteri dan tidak mendatangkan risiko kepada integriti ekologi dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Saya juga berharap pihak kementerian melalui jawatankuasa atau agensi yang akan menguatkuasakan RUU ini nanti haruslah juga mengambil kira kepentingan, kesejahteraan Orang Asal yang masih ramai menduduki kawasan perhutanan. Janganlah memperdayakan ini menjadi titik hitam yang akan menggugat kelestarian adat istiadat dan aktiviti ekonomi tradisional seperti mereka mencari hasil hutan dan sebagainya. *So, availity* nilai hidup komuniti ini haruslah dilindungi dan dipelihara secara saksama dan adil.

Dato' Yang di-Pertua, pada kesimpulannya, apa pun yang kita lakukan dalam mengurus aktiviti CCUS ini nanti dan dengan izin, *we must adopt the principal of making someone better without making other's worse*. Dato' Yang di-Pertua, akhir kata saya menyokong rang undang-undang ini dengan harapan bahawa pelaksanaannya akan memberi manfaat besar kepada negara. Menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa sebarang inisiatif mitigasi karbon dilakukan dengan penuh tanggungjawab agar keberdayaan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan keutuhan ekologi tetap dipelihara. Itu saja, Dato' Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

3.34 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan masa ini untuk saya berbahas tentang Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 yang dikenali sebagai CCUS 2025.

Dato' Yang di-Pertua, kita sangat bersyukur kerana memiliki keadaan muka bumi yang sangat baik untuk undang-undang ini dilaksanakan pada masa hadapan. Ini lah satu langkah yang bijak, satu langkah yang baik walaupun berbanding negara yang lain sudah ada yang lebih maju daripada kita, tetapi saya percaya kita masih belum terlambat kerana perkara itu muka bumi kita masih ada di sana untuk diterokai.

Dato' Yang di-Pertua, memandangkan kita sudah mengetahui bahawa Sarawak sudah mempunyai undang-undangnya yang tersendiri berkenaan karbon, jadi- dan kita juga tahu bahawa Sarawak dikecualikan dalam pemakaian undang-undang ini. Jadi, saya ingin berbicara

ataupun menyentuh tentang fasal 7 dalam rang undang-undang ini yang berkaitan dengan keanggotaan di mana dalam fasal 7 ini mengatakan bahawa anggota dari luar boleh diambil.

Jadi, persoalan saya kerana rang undang-undang ini ataupun jadi undang-undang nanti berbeza dengan apa yang ada di Sarawak. Jadi, bolehkah akhirnya nanti orang yang dari Sarawak diambil untuk menganggotai jawatankuasa ataupun agensi yang ada dalam undang-undang ini?

Kedua, fasal 12 di mana undang-undang ini- saya baca fasal 12 yang berbunyi, "*Agensi boleh mengundang mana-mana orang lain*", ini yang kedua belas tadi. Saya- yang mula saya cakap tadi adalah fasal 7 dan yang ini adalah tentang orang lain. Jadi, siapakah yang dimaksudkan dengan orang lain yang ada di dalam sini? Apa kriteria-kriteria yang ada, yang dikemukakan ataupun yang ditetapkan oleh kerajaan untuk perkara ini. Saya percaya undang-undang ini sangat penting dan maka, orang yang diserapkan juga dalam agensi juga adalah orang yang penting juga.

Bagi fasal 24 iaitu penilaian dua- pesisir, ini selalu menjadi pertikaian atau polemik di dalam negara ini di mana ada yang mengatakan pesisir pantai ataupun sempadan pantai itu mungkin 200 batu nautika dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah kerajaan menyelesaikan perkara ini? Kemungkinan ini juga boleh menjadi satu isu pada masa depan apabila dia mendatangkan hasil yang boleh membanggakan bagi negeri mahupun Persekutuan ini, maka, sempadan ini juga menjadi satu isu. Bagaimanakah kerajaan akan menyelesaikan perkara ini?

Terakhir daripada saya adalah tentang pendakwaan. Jadi, apakah gambaran kesalahan-kesalahan yang boleh didakwa dalam undang-undang ini nanti apabila ia diluluskan pada hari ini? Jadi, saya dengan ini sangat menyokong perkara ini walaupun pemakaiannya tidak sampai ke Sarawak, tetapi saya juga berharap supaya kerjasama di antara Sarawak dan Persekutuan ini akan lebih akrab kerana pengeksportan ataupun penjualan perkara yang berkaitan dengan karbon ini urusan perdagangan, jadi melibatkan Kerajaan Persekutuan.

Jadi, bagaimanakah Kerajaan Persekutuan untuk membantu Sarawak ataupun Sabah dalam erti kata kerana mereka adalah peringkat negeri saja untuk berurusan dalam bentuk perdagangan? Dengan ini saya menyokong Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okey terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemeraí Anding.

3.38 ptg.

Puan Susan Chemeraí Anding: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahas RUU ini.

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan MADANI, terutamanya Kementerian Ekonomi kerana membawa RUU CCUS ini untuk dibentangkan hari ini. Ia cukup signifikan dan penting untuk negara sebagai satu daripada kerangka perundangan yang strategik untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan daya tahan iklim dengan membolehkan pengurangan pelepasan dalam industri kritikal, menarik pelaburan hijau dan memupuk inovasi. Ia memposisikan Malaysia sebagai pemain proaktif dalam peralihan tenaga pada masa yang sama melindungi kepentingan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini terpakai untuk Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Mengecualikan Sarawak dan Sabah daripada RUU ini lah satu langkah yang sangat tepat memandangkan Sarawak sudah mempunyai kerangka perundangan untuk CCUS tersendiri.

■1540

Jadi, terima kasih kita ucapkan kepada Kerajaan Madani. Sarawak ada *Sarawak's Oil Mining Ordinance* 1958, sebuah undang-undang pra-Malaysia yang memberi kuasa Legislatif pada Sarawak ke atas sumber aslinya sendiri dan ianya mengandungi peruntukan yang spesifik, termasuk aktiviti berkaitan CCUS. Untuk perihal tanah pula, Sarawak juga mempunyai Kanun Tanah nya sendiri yang tidak tertakluk kepada Kanun Tanah Negara seperti di Semenanjung.

Di bawah Kanun Tanah ini, Sarawak mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas tanahnya sendiri. Ini bermakna, sebarang Projek CCUS yang di dalam kawasan sempadan negeri Sarawak, hendaklah tertakluk kepada undang-undang Sarawak. Justeru, pembangunan tapak penyimpanan karbon sama ada luar pesisir ataupun daratan, di mana ia berkaitan dengan penggunaan tanah, maka aktiviti penyimpanan karbon adalah di bawah kuasa Legislatif dan Eksekutif Sarawak sepenuhnya.

Ini termasuk juga tapak simpanan karbon di Pelantar Benua- *Continental Shelf* sebab ini adalah di dalam sempadan negeri. Di mana pada tahun 1954, sempadan Sarawak ditambah untuk merangkumi kawasan Pelantar Benua, termasuk dasar laut dan bawah tanah. Undang-undang relevan ialah *Sarawak (Alteration of Boundaries) Order* 1954.

Kanun Tanah Sarawak juga memperuntukkan bahawa sesiapa yang mahu menggunakan atau menduduki sebarang tanah untuk menyimpan karbon, hendaklah mendapatkan lesen yang sah terdahulu. Perundangan Sarawak juga termasuklah *Land (Carbon Storage) Rules, 2022* yang telah digubal untuk mengawal pembangunan tapak penyimpanan karbon dan perkara yang berkaitan. Buat masa kini, Sarawak sudah mempunyai sasaran untuk mencapai karbon sifar dan sudah menggunakan kekuatan seperti sumber gas asli dan hidrogen untuk memacu peralihan tenaga.

Sehubungan dengan itu, Sarawak sudah menubuhkan PETROS untuk mengurus semua perkara berkaitan sektor minyak dan gas di Sarawak, termasuk CCUS. Tambahan juga, Sarawak sudah melabur dan mengintegrasikan strategi CCUS-nya bersama dengan pembangunan ekonominya sebagai satu komitmen kerajaan yang akan dilaksanakan dengan segera.

Sebagai contoh, Sarawak sudah membangunkan tapak penyimpanan karbon di luar pesisir, seperti yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi, di Kasawari Fields yang merupakan Projek Penyimpanan Karbon Luar Pesisir yang terbesar di dunia. Kasawari Fields ini sebenarnya dioperasikan oleh Petronas.

Akhir kata, pengecualian akan memperkasakan ataupun membolehkan Sarawak untuk berdaya cipta dalam CCUS dan peralihan tenaga, sekali gus mencapai matlamat tenaga hijau dan memposisikan dirinya sebagai hab serantau untuk tenaga bersih iaitu kuasa hidrogen dan CCUS tanpa kekangan daripada undang-undang lain. Dengan membolehkan Sarawak mengurus CCUS-nya sendiri, ini sudah pasti dapat mempercepatkan lagi pelan transisi negeri yang sudah ke hadapan. Saya percaya hubungan baik antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sarawak dapat membolehkan Dasar CCUS Sarawak dan sasaran iklim nasional diselarakan untuk kebaikan dan pembangunan negara bersama. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okey. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

3.45 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terdahulu, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas pembentangan RUU CCUS ini. Tidak dapat disangkal bahawa rang undang-undang ini memainkan peranan yang amat signifikan dalam pembangunan teknologi CCUS, memacu agenda kelestarian dan selaras dengan pelbagai dasar-dasar negara. Terutamanya Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) serta komitmen negara untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

Namun begitu, saya ingin menyuarakan beberapa persoalan berkenaan RUU ini. Yang pertama, saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang Perubahan Iklim Negara- RUU PIN yang menyeluruh perlu diubah serta dimuktamadkan terlebih dahulu atau sekurang-kurangnya selintas dengan RUU CCUS sebelumnya dipertimbangkan untuk diluluskan. Kepentingan RUU PIN ini tidak dapat disangkal kerananya sepatutnya dirangka untuk menetapkan rangka tadbir urus yang lebih menyeluruh dan komprehensif, termasuk teknologi khusus seperti CCUS.

RUU PIN juga berfungsi sebagai prasyarat untuk memastikan penerokaan teknologi ini dapat dilaksanakan secara tersusun dan berkesan, selaras dengan dasar perubahan iklim negara. Dengan itu, saya minta pencerahan status RUU PIN dan adakah RUU CCUS diselaraskan dengan RUU PIN yang akan dibentangkan kelak bagi memastikan keserasian dasar serta kepatuhan terhadap matlamat iklim negara?

Kedua, adakah RUU ini dan sebarang analisis yang menyeluruh terhadap implikasi jangka panjangnya terhadap alam sekitar dan masyarakat telah dilakukan dan dikemukakan untuk konsultasi awam? Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan yang amat besar, terutamanya kerana teknologi penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon CCUS mempunyai risiko tersendiri. Khususnya berkaitan dengan penyimpanan karbon secara kekal, di mana sebarang kebocoran karbon dioksida boleh mengakibatkan kesan buruk yang berpanjangan kepada komuniti serta ekosistem.

Sehubungan dengan itu, adakah Malaysia memiliki kesiapsiagaan teknologi yang mencukupi untuk menerokai bidang ini secara selamat dan berkesan? Bukan itu sahaja Dato' Yang di-Pertua, terdapat kebimbangan bahawa dalam keghairahan Malaysia untuk menempatkan dirinya sebagai hab penyimpan karbon, negara ini berisiko menjadi tapak pelupusan karbon global tanpa rundingan awam yang menyeluruh atau penelitian yang sewajarnya.

Jadi, saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan Malaysia tidak akan berakhir sebagai satu- tapak pelupusan sisa karbon? Ketiganya, adalah penting amat diperlukan untuk melibatkan Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perlindungan sebagai badan pemantauan serta pakar-pakar teknikal daripada organisasi masyarakat sivik sebagai penasihat bebas bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti dan penelitian awam yang menyeluruh terhadap keseluruhan proses.

■1550

Langkah ini akan berperanan sebagai satu mekanisme semak dan imbang yang kritikal dalam memastikan pelaksanaan dasar yang bertanggungjawab dan berkesan. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar rang undang-undang ini dapat memasukkan peruntukan tersebut demi menjamin tadbir urus yang lebih telus, berintegriti dan berkesan. Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

3.51 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullah.* Ramai berbahas hari ini. Daripada 16 orang yang dicatatkan, lapan dari Sabah dan Sarawak yang disebut khusus tidak termasuk dalam rang undang-undang ini. Itu menunjukkan bahawa kita sebenarnya dah jauh ke depan.

Kita dapat berita dari Sarawak tadi, bagaimana mereka telah pun memulakan siri ke arah industri ini lebih awal dengan undang-undang mereka sedia ada. Apa yang penting sekarang ini Menteri ialah kesegeraan kerana kita bukan *compete* dengan Sabah dan Sarawak, tapi kita bersaing dengan dunia. Banyak negara sudah mula mewujudkan industri di negara masing-masing selain daripada yang kita dengar Norway, Jepun, Amerika Syarikat, Brazil, Britain, Australia, Itali dan banyak lagi negara. Qatar pun katanya sudah terlibat sama.

Jadi kalau kita membina satu- industri di Malaysia ini dengan hasrat pemerangkapan ataupun *capture carbon* daripada industri dalaman negara kita, saya rasa tak banyak dia punya karbon yang kita boleh *store*. Jadi ertinya, kita akan dapat menghidupkan industri ini dengan membawa masuk, memindahkan dari luar negara karbon yang telah diperangkap- perangkap perkataannya ya, *correct* ya? Dari luar negara untuk disimpan, ditanam di dalam kawasan Malaysia, tetapi kalau kita terlambat dan negara lain sudah mendahului, jadi saya khuatir ia akan menjadi satu persaingan yang tidak memberikan banyak keuntungan pada Malaysia. Jadi, tarikh yang disebutkan tadi itu di mana kita menyatakan hasrat menjelang 1 Mei kah 31 Mei tadi, itu patut kita laksanakan dengan segera sebab itu kelulusan pada hari ini sangat-sangatlah penting.

Daripada segi isu-isu teknikalnya, daripada segi keselamatannya, saya rasa ia sudah disebut panjang dan lebar. Pengalaman 30 tahun di Norway satu contoh yang baik. Pengalaman berhadapan dengan malapetaka, *natural disaster* seperti di Jepun, di Hokkaido, gempa bumi yang hanya 30 kilometer dari kompleks *storage* yang ada di Tomakomai itu menggambarkan bahawa teknologi yang digunakan adalah tinggi dan selamat.

Jadi, kita bukanlah kata tidak langsung menjangka akan berlaku malapetaka, tetapi setakat kemampuan teknologi manusia pada hari ini, ia boleh melahirkan satu- industri yang selamat. Kerana saya sebut ini di luar sana Menteri, lobi untuk menolak ini, antara isu yang diperkatakan ialah isu keselamatan. Jadi kita tidak boleh menolak mentah-mentah begitu, tetapi mesti diperjelaskan bahawa sejarah ataupun pengalaman yang sedia ada dalam industri ini menjamin keselamatan. Apatah lagi apabila industri semakin maju, makin ke depan dengan *innovation* yang baharu, saya yakin kita akan lebih lagi mencapai tahap keselamatan yang membuatkan Menteri boleh tidur lenalah malam-malam, tak perlu risau. Jadi, ini memerlukan kesegeraan.

Di samping itu, kos. Memang kos awalnya untuk memulakan industri ini cukup tinggi. Ia dikhuatiri tadi tidak ada pemain industri atau pelabur yang mungkin sanggup ke depan dan memerlukan suntikan daripada kerajaan, insentif-insentif cukai dan sebagainya, tetapi saya juga berkeyakinan *as times goes on* dengan izin, daya inovasi kita dan pengalaman kita dan yang lebih penting, *the economy of scale* apabila kita dapat mewujudkan dengan secara besar-besaran, maka kosnya juga akan dapat kita tangani.

Ini sangat bergantung kepada kesegeraan yang saya sebutkan awal tadi. *You did it at your own pray* lah ya. Lambat nanti, kita nak masuk terhegeh-hegeh orang dah *established*, maka untuk kita melayan industri tempatan kita yang menghasilkan karbon ini banyak, tetapi tentulah tidak dapat menjadi sebuah industri yang boleh membawa pulangan yang besar kepada pelabur-pelaburnya.

Jadi, saya mengharapkan kita ambil serius dan kerjasama yang baik dalam negara kita dahulu antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak seperti yang diharapkan tadi, harus diambil kira. Penjelasan daripada awal. Kena bagi penjelasan- bukan penjelasan, beri masa depan yang terang, jelas. Tidak seperti yang dibangkitkan oleh Mujahid tadi, timbul kemudian. Seolah-olah macam tidak dijangkakan, tidak dapat dibaca oleh pemimpin kita di awal industri ini. Oleh sebab kita bermula dengan kesedaran dan dengan pengalaman yang ada dalam industri *oil and gas* kita, jadi saya berharap kita tidak akan mengulangi ataupun menghadapi isu yang sama.

Jadi, kita ucapkan syabas kepada kerajaan atas inisiatif ini. Diharapkan kita akan dapat betul-betul melahirkan 200,000 orang pekerja industri ini. Itu satu jumlah yang besar dan akan memberikan masa depan yang terbaik. Sekian, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

3.57 ptg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bukan sekadar satu dokumen perundangan, tetapi satu peluang besar dan bersejarah untuk kita sama-sama membentuk masa depan negara yang lebih hijau, lebih mampan dan lebih makmur. Ia mencerminkan komitmen kita untuk melindungi alam sekitar, memerangi perubahan iklim dan dalam masa yang sama, membuka laluan kepada pertumbuhan ekonomi yang berteraskan teknologi hijau serta inovasi lestari.

Hari ini kita bukan sahaja menggubal undang-undang. Kita sedang merintis jalan untuk mewariskan sebuah dunia yang lebih selamat, lebih bersih dan lebih sejahtera kepada generasi akan datang. Inilah detik di mana tindakan kita hari ini akan dikenang sebagai langkah berani demi masa depan negara.

Dato' Yang di-Pertua, perubahan iklim merupakan ancaman besar yang dihadapi oleh dunia pada abad ini. Kita telah menyaksikan kesannya di sekeliling kita. Kejadian cuaca ekstrem yang semakin kerap, peningkatan suhu global yang membimbangkan serta kemerosotan ekosistem yang mengancam kelangsungan hidup manusia dan juga alam sekitar. Sekiranya kita tidak bertindak sekarang, kita bakal mewariskan sebuah dunia yang penuh dengan ketidakpastian dan cabaran kepada anak cucu kita. Masa depan mereka bergantung kepada keputusan kita yang kita buat pada hari ini.

Rang undang-undang ini adalah jawapan kita kepada cabaran tersebut. Ini bukan sekadar satu usaha untuk mengurangkan pelepasan karbon, tetapi juga merupakan langkah strategik untuk membuka pintu ke era baharu iaitu era di mana teknologi hijau menjadi tunjang utama pertumbuhan ekonomi negara. Melalui pelaksanaan dasar ini, kita berpeluang mewujudkan industri baharu yang berasaskan inovasi lestari, mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, menarik pelaburan hijau dan memastikan pembangunan negara yang mampan serta kesejahteraan generasi akan datang.

RUU ini bukan sekadar usaha untuk melindungi alam sekitar, tetapi juga membuka ruang kepada peluang ekonomi baharu.

■1600

Industri pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon ataupun dalam bahasa Inggerisnya CCUS berpotensi menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Dengan teknologi hijau seperti CCUS, kita bukan sahaja dapat mengurangkan pelepasan karbon malah mencipta industri baharu yang mampu menjana pelaburan, membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta merangsang inovasi dalam sektor tenaga bersih dan lestari.

Ini juga adalah satu peluang keemasan untuk kita bukan sekadar menjadi pengikut dalam arus pembangunan global tetapi bangkit sebagai pemimpin yang disegani dalam ekonomi hijau dunia. Inilah masa kita untuk berdiri teguh dan membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia bukan sahaja mampu malah bersedia untuk memainkan peranan utama dalam usaha global memerangi perubahan iklim. Kita ada potensi, kita ada kepakaran dan dengan adanya rang undang-undang ini, kita sedang bina landasan kukuh untuk melonjakkan negara ke hadapan.

Dato Yang di-Pertua, teknologi CCUS adalah satu alat penting yang paling berkuasa dalam senjata kita untuk melawan perubahan iklim. Ini membolehkan kita menangkap karbon

dioksida sebelum dilepaskan ke atmosfera, menggunakannya kembali untuk tujuan industri dan menyimpannya secara kekal di bawah tanah- menyimpannya di bawah tanah dengan selamat. Ini bukan sahaja membantu mengurangkan pelepasan gas rumah kaca tetapi turut membuka peluang ekonomi baharu.

Lihat sahaja kepada negara-negara yang membuktikan kejayaan mereka dalam melaksanakan teknologi ini. Contohnya, Norway melalui projek *Sleipner* dan *Snøhvit* telah berjaya menyimpan berjuta-juta tan karbon dioksida di bawah dasar laut utara sejak lebih dua dekad yang lalu. Manakala, Kanada pula melalui Projek Quest di Alberta telah berjaya menangkap dan menyimpan lebih enam juta tan karbon dioksida setakat ini. Projek ini bukan sahaja mengurangkan pelepasan karbon tersebut tetapi turut mewujudkan rantai industri baru serta peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Australia pula, Projek Gorgon boleh diambil sebagai contoh di mana mereka telah melaksanakan salah satu projek CCUS terbesar di dunia. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, Australia menunjukkan bahawa pelaksanaan teknologi ini adalah satu keperluan strategik untuk memastikan kelestarian alam sekitar dan daya saing ekonomi jangka masa panjang. Maka, tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh berada di barisan hadapan bersama mereka. Namun, kita juga sedar bahawa teknologi ini bukanlah satu penyelesaian bersifat magis iaitu serta-merta. Ia menuntut komitmen berterusan, pelaburan yang strategik dan kerjasama erat di antara kerajaan, sektor swasta, komuniti saintifik serta masyarakat keseluruhannya.

Walaupun RUU ini penuh dengan potensi tetapi kita juga tidak boleh memandang rendah cabaran yang ada. Kos pelaksanaan yang tinggi, risiko alam sekitar dan keperluan untuk kawalan selia yang ketat adalah antara isu yang perlu kita tangani, tetapi saya percaya bahawa kita mampu mengatasi cabaran yang kita- kerana kita mempunyai kepakaran sumber dan yang paling penting tekad untuk berjaya. Jadi, apa yang kita lakukan sekarang adalah kerjasama dan komitmen daripada semua pihak kerajaan, industri dan juga rakyat. Justeru itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Nelson W Angang.

4.03 ptg.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua memberi saya ruang untuk turut serta perbincangan RUU ini. RUU ini dibuat adalah untuk keperluan melaksanakan amalan penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon dioksida yang berhemah. Kita sedar,

ancaman kepada kesan perubahan iklim adalah satu cabaran yang dihadapi oleh setiap negara di dunia ini dan setiap negara termasuk negara kita mempunyai tanggungjawab bersama untuk mengurangkan kesan perubahan iklim ini dan mengurangkan pelepasan karbon ke udara.

Dato' Yang di-Pertua, saya akan terus kepada persoalan-persoalan berkaitan dengan RUU ini. Telah dinyatakan oleh Menteri bahawa Malaysia bertuah kerana mempunyai potensi tapak penyimpanan karbon dioksida lebih daripada 150 *gigatonnes*. Daripada ini, sebanyak 13.3 *gigatonnes* adalah melibatkan medan minyak dan gas yang tidak digunakan lagi malah dianggarkan Malaysia mempunyai kapasiti penyimpanan sebanyak 140 *gigatonnes* untuk tapak penyimpanan berbentuk ruangan takungan air masin bawah dasar laut. Persoalan saya, di manakah kawasan-kawasan atau tempat-tempat penyimpanan yang sudah dikenal pasti ini iaitu tapak penyimpanan medan minyak dan gas yang tidak digunakan lagi dan tapak penyimpanan ruang takungan air masin bawah dasar laut?

Saya juga ingin merujuk kepada Bahagian VII yang mengandungi lapan fasal iaitu fasal 33 hingga fasal 40 yang mana bahagian ini merujuk kepada penyimpanan kekal karbon dioksida di kawasan daratan. Daripada penjelasan dari Menteri tadi memberi gambaran bahawa jenis tapak penyimpanan karbon ini adalah kebanyakannya di kawasan luar persisiran pantai. Persoalan saya, di manakah tempat penyimpanan kekal karbon dioksida di kawasan daratan yang berpotensi atau yang telah dikenal pasti sebagai tapak penyimpanan karbon dioksida oleh pihak kerajaan?

Pihak Menteri juga ada menyatakan pentingnya RUU ini untuk dilaksanakan menjelang 31 Mac 2025. Namun, seperti yang dijelaskan sebentar tadi, kita sudah terlewat dan tarikh sasaran terbaru untuk pelaksanaannya adalah pada 31 Mei 2025. Persoalan saya, apakah kesan terhadap kelewatan ini?

Fasal 2 RUU ini mengecualikan Sabah dan Sarawak daripada pemakaian RUU ini memandangkan Sabah telah membuat pindaan terhadap Ordinan Tanah Sabah dan memasukkan peruntukan perundangan berkaitan penyimpanan karbon dan Sarawak juga telah menggubal undang-undangnya sendiri berkaitan dengan pemerangkapan dan penyimpanan karbon.

Sebentar tadi, Menteri ada menjelaskan bahawa pelaksanaan di Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan pada masa hadapan. Saya ingin dapat pengesahan dari pihak Menteri sama ada pelaksanaan nanti di masa hadapan bagi Sabah dan Sarawak dibuat berdasarkan kepada undang-undang pemerangkapan dan penyimpanan karbon bagi negeri Sabah dan Sarawak itu sendiri atau pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meminda RUU ini di bawah fasal 2 di mana pemakaian RUU ini akan dipinda dan melibatkan Sabah dan Sarawak.

Merujuk kepada Perkara 76(1) Perlembagaan Persekutuan yang ada dinyatakan tadi, menyatakan bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang dan bukannya menggunakan perkataan, “hendaklah membuat undang-undang” atau dengan izin, “*Parliament may make laws*” dan bukan “*shall make laws*”. Bermaksud, Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bukannya menghendaki sesuatu undang-undang yang berkaitan di bawah perkara itu mestilah dibuat atau digubal.

Dalam konteks RUU ini dan merujuk kepada fasal 2 dalam RUU ini serta pertimbangan terhadap kewujudan undang-undang negeri Sabah dan Sarawak berkaitan dengan pemerangkapan dan penyimpanan karbon, adakah pihak kementerian bersetuju bagi kedua-dua Sabah dan Sarawak boleh mengguna pakai undang-undang negeri yang dimaksudkan dan hanya perlu diselaraskan dengan RUU ini.

Soalan terakhir saya, selepas RUU ini telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat, Timbalan Perdana Menteri, Dato’ Sri Fadillah Yusof telah menyatakan bahawa undang-undang dari Sabah dan Sarawak ini perlu diselaraskan atau dengan izin, *be harmonized* melalui peraturan untuk memastikan tiada pertindihan. Persoalan saya, apakah tindakan atau usaha yang telah dilakukan setakat ini untuk mengenal pasti peraturan atau *regulation* yang berkaitan dalam menyelaraskan *or to harmonized* RUU ini dengan undang-undang negeri Sabah dan Sarawak berkaitan dengan pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon ini? Itu sahaja persoalan saya, Dato’ Yang di-Pertua. Saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Dato’ Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

4.09 ptg.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Yang di-Pertua untuk peluang berbahas Rang Undang-undang CCUS ini. Rang Undang-undang CCUS menegaskan komitmen Malaysia terhadap tindakan iklim global selaras dengan kewajipan di bawah Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim 1992, disahkan oleh Malaysia pada tahun 1994 dan Perjanjian Paris 2015 dan disahkan oleh Malaysia pada tahun 2016. Dalam usaha mencapai sasaran pelepasan sifar bersih berjalan 2050, rang undang-undang ini merupakan satu langkah penting ke arah mencapai matlamat tersebut.

■1610

RUU CCUS ini terpakai kepada Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan tetapi tidak meliputi Sarawak dan Sabah. Pengecualian ini mengiktiraf kerangka perundangan sedia ada di Sarawak bagi penangkapan penggunaan dan penyimpanan karbon melalui Ordinan

Alam Sekitar (Pengurangan Pengeluaran Gas Rumah Hijau) 2023 dengan izin, *the Environment (Reduction of Greenhouse Gasses Emission) Ordinance 2023* yang digubal dua tahun lebih awal daripada undang-undang ini. Malah, RUU Persekutuan ini mengambil inspirasi daripada Ordinan Perintis Sarawak.

Sejajar dengan perkembangan ini, penyelarasan antara RUU Persekutuan dan undang-undang negeri Sarawak amat penting. Pendekatan yang terkoordinasi diperlukan bagi memastikan pelaksanaan yang lancar sebaik sahaja RUU ini berkuat kuasa.

Pengecualian Sarawak daripada kerangka CCUS Persekutuan bukanlah petanda kelemahan dalam tadbir urus iklim negeri. Sebaliknya, Sarawak telah mendahului Kerajaan Persekutuan dalam menggubal perundangan berkaitan iklim seperti yang terbukti menerusi Ordinan 2023. Ini mencerminkan *precedence* sejarah dalam tadbir urus sumber di mana Sarawak mengekalkan autonomi bidang kuasa ke atas sektor ekonomi dan alam sekitar yang utama. Saya beri beberapa contoh.

Nombor satu, bidang kuasa minyak dan gas. Ordinan Perlombongan Minyak Sarawak 1958 iaitu *Oil Mining Ordinance 1958* telah berubah lebih awal berbanding Akta Pelombongan Petroleum 1966 iaitu *Petroleum Mining Act 1966* di Semenanjung Malaysia yang tidak terpakai di Sarawak dan Sabah.

Kedua, begitu juga Akta Pembangunan Petroleum 1974 iaitu PDA hanya pengawal selia Wilayah Persekutuan dan tidak terpakai ke atas tanah Sarawak kerana hak milik tanah terletak di bawah bidang kuasa negeri. PDA tidak boleh mengatasi hak Sarawak ke atas sumbernya sendiri.

Ketiga, sempadan wilayah Sarawak termasuk pelantar benuanya telah ditetapkan di bawah *Queen's Order in Council 1954* semasa era kolonial. Sebaliknya, Semenanjung Malaysia hanya memperkenalkan undang-undang berkaitan pada 1967 melalui Akta Pelantar Benua 1966 iaitu *Continental Shelf Act 1966*, dengan izin.

Terdapat percubaan terdahulu oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengubal sempadan Sarawak secara unilateral seperti yang berlaku melalui Ordinan Darurat 1969. Ordinan Darurat 1969 pada asalnya digubal untuk menangani pergolakan kaum di Kuala Lumpur. Namun, ia kemudiannya disalahgunakan untuk mengehadkan pelarian Wilayah Sarawak dan Sabah kepada tiga batu *nautical* berbanding had yang diiktiraf antarabangsa dan di dalam Perkara 1 sub *paragraph*- sub Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan iaitu 200 batu nautika.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini dilakukan menerusi dua peringkat eksekutif iaitu Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) No. 7 1969 dan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) No. 10 1969. Kedua-dua perintah ini telah diperluaskan pemakaian Akta Pelantar Benua 1966 ke atas Sarawak dan Sabah tanpa kelulusan Parlimen yang ketika itu digantung sekali gus melanggar Perkara 2B Perlembagaan Persekutuan.

Selepas pembatalan Ordinan Darurat pada November 2011, semua undang-undang eksekutif yang dibuat di bawahnya terbatal enam bulan kemudian iaitu pada April 2012 seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 150 sub Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan. Menyedari implikasi ini, Kerajaan Persekutuan sekali lagi cuba menguasai Pelantar Benua Sarawak dengan menggubal Akta Laut Wilayah 2012 iaitu *Territorial Sea Act 2012*. Namun, undang-undang ini tidak pernah mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja dan Dewan Undangan Negeri Sarawak seperti yang dikehendaki di bawah Perkara 2B Perlembagaan Persekutuan. Satu minit lagi, saya sudah habis- akan habis.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Tuan Robert Lau Hui Yew: Pengecualian Sarawak daripada rang undang-undang ini berpunca daripada kedudukan Perlembagaan berkaitan bidang kuasa negeri, pengurusan tanah, termasuk hak penyimpanan karbon bawah tanah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Sarawak mengawal setiap perkara ini menerusi Kanun Tanah Sarawak 1958 dengan izin, *Land Code 1958*. Manakala, Semenanjung Malaysia menggunakan Kanun Tanah Negara 1965. Tadbir urus alam sekitar pula tidak disenaraikan secara khusus dalam Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan menjadikannya kuasa *residue* yang terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Dengan kesimpulan, kerangka perundangan Sarawak bagi CCUS hidrokarbon dan tadbir urus tanah mengukuhkan lagi autonomi bidang kuasa negeri yang telah lama wujud. Pengiktirafan Kerajaan Persekutuan terhadap autonomi ini jelas melalui pengecualian Sarawak dan Sabah daripada RUU CCUS membuktikan pematuhan terhadap prinsip Perlembagaan dan *precedence* secara bergerak ke hadapan. Penyelarasan antara undang-undang Persekutuan dan negeri amat penting untuk memastikan tindakan iklim yang *cohesive* di peringkat nasional sambil menghormati landskap perundangan unik Sarawak dan Sabah.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri dan Kementerian Ekonomi kerana bekerjasama dengan negeri-negeri dalam memperkenalkan undang-undang ini. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dah pukul 4.17 petang. Buka puasa 7.30. Sesiapa yang nak tunggu dalam Dewan lagi boleh, tapi saya tidak sanggup. Jadi, masih lagi ramai orang nak berbahas *bill* ini sebelum Menteri menjawab. Selepas itu kita ada satu lagi *bill* yang juga ramai orang yang nak berbahas ini.

Jadi, saya minta jasa baiklah Yang Berhormat kalau kita boleh mempercepatkan perbahasan ataupun kalau orang lain dah ulang *point* yang tertentu, tidak payahlah nak ulang lagi supaya kita boleh menjimatkan masa. Saya berharap kita boleh habis paling lewat jam 7 lah... [Ketawa] Kalau tidak, saya kena tangguh Dewan untuk kita buka puasa dulu.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, boleh ringkas juga kalau Menteri jawab. Ringkas kalau boleh. Cepat sikit... [Ketawa] Semua sokonglah.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, sama-samalah kita. Belah pembahas dengan Menteri menjawab, kita cuba jawab dengan lebih ringkas dan tepat dan jimatkan masa. Jadi, sekarang saya jemput Tuan Pele Peter Tinggom. Enam minit ya... [Ketawa]

4.19 ptg.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua kerana sama-sama memberi saya peluang untuk membahaskan RUU ini kerana masa cemburu kepada kita pada hari ini, hari terakhir saya akan hanya merujuk kepada fasal 2 dalam perbahasan saya, Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Pele Peter Tinggom: Dengan mengecualikan pemakaian RUU ini di wilayah Sarawak dan Sabah adalah tepat sekali dari semua aspek. Terima kasih kepada Kerajaan MADANI. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri dan terima kasih kepada semua warga Kementerian Ekonomi.

■1620

Datuk Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah menerangkan secara terperinci berkenaan dengan kuasa Parlimen dan Persekutuan di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan merujuk kepada Perkara 74(1) Jadual Kesembilan, Perkara 76(1)(a) Perlembagaan Persekutuan khususnya berkenaan dengan perlaksanaan triti antarabangsa. Ini saya tidak akan persoalkan kuasa Kerajaan Persekutuan di bawah perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Datuk Yang di-Pertua, walaupun demikian Yang Berhormat Menteri tidak ada menyentuh atau menerangkan kuasa dan bidang kuasa negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan yang sama terutamanya di Sarawak dan Sabah. Perlembagaan Persekutuan sebagai dokumen undang-undang tertinggi di negara kita. Kita boleh membuat penyelidikan ke atas Perlembagaan tersebut. Hanya satu buku, 300 muka surat dan saya punya sudah uzur Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, hanya 300.

Sekarang kita sama-sama merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan pemerangkapan dan penyimpanan karbon di bawah bidang kuasa Persekutuan, negeri atau bersama. Kita teruskan ke Jadual Kesembilan iaitu merangkumi 19 muka surat di belakang sekali kesemuanya di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Datuk Yang di-Pertua, untuk perkongsian secara amnya, Jadual Kesembilan ini yang menyatakan sama ada sesuatu perkara tersebut di bawah bidang kuasa Persekutuan atau bidang kuasa negeri atau bidang kuasa bersama Persekutuan dan negeri. Secara amnya juga, Jadual Kesembilan ini yang menentukan sama ada Parlimen atau Dewan Undangan Negeri ada bidang kuasa untuk meluluskan undang-undang di Dewan masing-masing. Kita rujuk kepada senarai satu iaitu senarai bidang kuasa Persekutuan, Senarai II senarai bidang kuasa negeri, Senarai IIA senarai tambahan bidang kuasa Sabah dan Sarawak dan terakhir Senarai III iaitu senarai bidang kuasa bersama Persekutuan dan negeri.

Datuk Yang di-Pertua, satu- pun tidak dinyatakan disebut, disentuh dan tidak menyatakan pemerangkapan dan penyimpanan karbon adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan ataupun negeri. Saya tidak mempersoalkan pasar triti tadi, tetapi aktiviti pemerangkapan, penyimpanan karbon nanti akan dibuat di atas tanah ataupun di dalam tanah dan di hutan. Justeru itu, ia di bawah bidang kuasa negeri kerana Jadual Kesembilan, Senarai II iaitu senarai negeri, seksyen 2 berkenaan tanah dan seksyen 3 berkenaan hutan adalah di bidang kuasa negeri. Bagaimana pula karbon itu sendiri yang tidak di senarai di bawah bidang kuasa Persekutuan dan bidang kuasa negeri.

Kita rujuk balik kepada Perlembagaan Persekutuan. Kita rujuk kepada Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan "*Badan perundangan sesuatu negeri berkuasa membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak disebut satu persatu dalam mana-mana senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan iaitu yang bukan suatu perkara berkenaan dengan Parlimen berkuasa membuat undang-undang*".

Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menyatakan tanah dan hutan di bawah bidang kuasa negeri dan Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan juga menyatakan karbon yang tidak tersenarai di mana-mana bidang kuasa juga di bawah bidang kuasa negeri, maka negeri dan Dewan Undangan Negeri Sarawak secara khususnya ada kuasa membuat undang-undang berkenaan dengan karbon. Ini diperuntukkan di bawah Perkara 73(b) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan "*Pada menjalankan kuasa perundangan yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan ini, badan perundangan sesebuah negeri boleh membuat undang-undang bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian negeri itu*".

Datuk Yang di-Pertua, fakta yang penting juga di mana Sarawak sudah ada undang-undang berkenaan dengan karbon terlebih dahulu iaitu sebelum RUU yang kita bahaskan sekarang. Untuk perkongsian Dewan yang mulia ini, Sarawak sudah mempunyai undang-undang tanah, hutan, karbon yang tersendiri. Satu, *Sarawak Land Code (Amendment)* yang merangkumi aktiviti penyimpanan karbon. Dua, *Land (Carbon Storage) Rules, 2022 to include airspace and properties above the surface of land, as well as the seabed of the state's continental shelf to provide legal framework for carbon capture, utilisation and storage activities*.

Ketiga, *Sarawak Forests Ordinance (Amendment) 2022* iaitu secara spesifik *section 70 to recognize forest carbon activity including measurement, reporting and verification of carbon store*.

Terakhir adalah Sarawak mempunyai *Environment (Reduction of Greenhouse Gases Emission) Ordinance 2023* dan *Forests (Forest Carbon Activity) Rules 2022* dengan izin. Dengan adanya kedua-dua undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk Persekutuan dan negeri, saya mohon satu perbincangan yang secara khusus yang terperinci untuk memajukan industri karbon di negara kita yang kita cinta ini. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Pele. Walaupun Sarawak tak termasuk dalam ruang lingkup *bill* ini, tapi panjang ucapan YB... [Ketawa]

Sekarang saya jemput Tuan Haji Hussin bin Ismail.

4.26 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Saya mungkin sangat berbeza dengan apa yang sahabat-sahabat sebut. Yang pastinya di antara gembira dan rasa kegelisahan. Gembira kerana kita bersama dunia dalam menangani isu *global warming*. Gelisah kerana sudah nampak berlaku gambaran ketidakadilan bakal timbul. Saya bersama dengan Yang Berhormat Tuan Peter, Yang Berhormat Datuk Mjahid, Yang Berhormat Dr. Wan Martina merasa kebimbangan yang besar di mana duduk negeri dalam CCUS ini.

Yang di-Pertua, tuan-tuan dan Yang Berhormat sekalian, memang kita- semua ini dari negeri. Di sini wakil negeri, di sana *Federal*. *Federal* pun dari negeri, tapi dalam Akta RUU CCUS ini, ada satu kelompokan yang besar, mana duduk negeri dalam undang-undang ini, tapi masa dah diberi, tinggal 4 minit. Saya pun tak tahu, saya ingat saya boleh ada ruang sikit tapi *what to do*, sampailah apa yang mampu.

Timbalan Yang di-Pertua: Haji, kalau ini pandangan yang bernas, walaupun berbeza tujuan dia, saya boleh bagi masa sedikit lagi.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya pasti yang saya sebut, pada fikiran saya bernas. Pada fikiran orang saya tak tahu. Tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati, saya kasihi sekalian, saya merujuk tentang hak negeri. Cakaplah negeri mana pun, *Federal* ada ordinan, ada undang-undang *Federal* tentang tanah, tapi negeri ada undang-undang tanah negeri masing-masing atas tanah, bawah tanah, milik negeri. Air, hutan, dalam laut, bawah dan atas milik negeri. Sebab itu apabila undang-undang ini disebut, dikemukakan, saya tengok di mana negeri. Okey, tak tahulah takut tak bernas.

Tuan-tuan yang dihormati sekalian, hujah saya yang pertama ialah cuba tengok permulaan daripada perbincangan ini sudah menampakkan ketiadaan wakil kerajaan negeri dalam Agensi Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon. Di manakah negeri? Pengerusi dilantik oleh Menteri, Ketua Setiausaha oleh kementerian, Ketua Pengarah oleh Alam Sekitar. Yang lain-lain itu, tidak pun satu mewakili negeri walhal projek di tanah negeri. Kalau dibuat di Terengganu kerana Yang Berhormat Menteri sebut, antara yang paling berpotensi ialah bekas-bekas tapak O&G yang sudah ada. Terengganu dan Kelantan, Sarawak dan Sabah adalah potensi yang terutama. Sarawak seronoklah *alhamdulillah*, Sarawak tak terlibat dalam RUU. Yang Berhormat gelak.

Tapi bagaimana yang lain? Kawan-kawan dari negeri, macam mana kita nak fikir hak negeri, tak pergi ke Terengganu, Perak, Kedah, Kelantan, Pahang. Peruntukan tak diperuntukkan. Saya mohon betul-betul perkara ini diberikan perhatian sebab saya tak nak pisang berbuah dua kali. Jangan kita disengat dalam satu lubang dua kali. Saya sangat bersama dengan Yang Berhormat Datuk Seri Mujahid, agak tak ganggu sayalah.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tiada masa... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Tiada masa, betul... [Ketawa]

■1630

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Okey, saya pergi kepada isu negeri. Contoh yang mudah, kita bercakap tentang tadi tiga batu nautika. Tiga batu nautika ini bukan isu, sudah ada undang-undang yang ditandatangani dalam Konvensyen Geneva, betul Dato? Tahun 1982, tiga batu nautika itu Malaysia menjadi anggota dalam konvensyen itu menandatangani perjanjian itu dan sudah pun ditukar. Saya tak nak baca. Saya ada faktanya di sini. Saya tak nak baca yang peguam mungkin boleh tengok, sudah ditukar pada tahun 1982 bahawa tiga batu nautika sudah ditukar kepada 12 batu nautika.

Nautika, nautika ini tuan-tuan sempadan negeri ke laut itu, kalau ikut dalam perjanjian petroleum ini bukan sekadar situ. Di luar pesisir. Di luar pesisir!

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Jadi ini perjanjian tapi apakah akan berulang? Saya nak laju-lajulah. Okey, saya pergi juga tengok sikit daripada segi fasal 25 dan fasal 34, memberi kuasa kepada agensi untuk mengeluarkan permit penilaian geologi luar pesisir dan daratan. Dua- pesisir dan daratan. Daratan di mana? Daratan itu negeri. Malaysia tak ada negeri. Malaysia negara. Tadi orang sebut bahawa kita sudah pun ada perjanjian begini, perjanjian begitu. Negeri ini dalam undang-undang tubuh, tuan-tuan balik *check* tengok ada undang-undang tubuh negeri, undang-undang.

Kalau di Terengganu sejak tahun 1300 dulu dah ada peruntukan undang-undang yang penuh. Ada... [*Berucap dalam bahasa Arab*] ada undang-undang tubuh negeri dan lain-lain. Kenapakah benda ini boleh disatukan? Semangat *federalisme* memberi hak negeri bukan Terengganu sahaja, semua negeri, untuk menjadikan atas semangat *federalisme*, tapi *Federal* perlu pulangkan nilai semangat *federalisme* itu kepada negeri-negeri dengan penuh keadilan. Adakah saya bercakap- tidak saya tak bercakap mewakili Terengganu ini. Saya bercakap adalah mewakili- saya tak tahu, mungkin tuan-tuan tak iktiraf mewakili negeri *on behalf of* negeri-negeri.

Tuan-tuan, fasal 30 memperkenalkan levi suntikan yang dikenakan ke atas syarikat yang menjalankan penyimpanan karbon. Levi ini juga bertujuan untuk membiayai kawal selia dan pemantauan jangka panjang tapak penyimpanan. Namun siapa yang menentukan kadar levi ini?

RUU ini menyatakan bahawa kadar levi ini akan ditetapkan oleh Menteri selepas mendapatkan syor kepada agensi dan kita tahu bahawa agensi ini langsung tidak mempunyai wakil negeri. Sekali lagi di mana peranan negeri? Datuk Yang di-Pertua, buatlah di negeri. Negeri yang awal kalau nak kira simpanan yang potensi simpanannya, Terengganu. Saya bimbang, saya bimbang seperti kita tolak kereta, kereta lari laju asap pergi dekat kita. Bukan sekadar asap, kanser menanti.

Yang pasti tuan-tuan, dengan realiti yang ada, negeri yang bakal menyumbang, risiko negeri yang tanggung. Berlaku kebocoran, negeri yang tanggung mula-mula, tetapi di mana ruang pulangan kepada negeri? Tak ada peruntukan saya nampak. Kalau tak betul betulkan saya. Saya bimbang juga melalui RUU ini bakal mengulangi ketidakadilan yang telah dilakukan terhadap Kerajaan Negeri Terengganu, negeri Kelantan yang sebelum ini di mana isu royalti petroleum yang terikat dengan suatu perjanjian PDA.

Betul di Sarawak, perjanjian petroleum sudah pun ada akta tahun 50-an. Tahun bila pun akta dia tetap akta. Hari ini buat akta, esok kena pakai sebab itu perjanjian. Kena ingat perjanjian, kita berjanji dengan Allah jadi hukum besar dengan perjanjian. Ini kita buat ini tak ada perjanjian. Kita hanya ikat sebagai satu RUU, implikasi- saya sebut ni Yang Berhormat kata orang Kelantan, orang Terengganu dua-dua itu sekarang sedang menghadapi masalah. Negeri yang kaya dengan

minyak selama ini. Negeri itulah yang sekarang ini masih duduk di *ranking* miskin tertinggi Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Haji Hussin, saya dah berikan 3 minit. Saya tambah 2 minit lagi ya... [Ketawa]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Nak-nak habis dah. Sikit-sikit lagi. Boleh Datuk, sikit lagi. Dua minit, *insya-Allah* saya selesai. Jadi saya harapkan isu-isu kes apa ini yang saya sebutkan itu tolong ambil perhatian. Memang banyak perkara tadi orang lain seronok dari panjang masa. Kami yang ini dapat enam minit. Tak apalah terima.

Timbalan Yang di-Pertua: Pasal tukar pengerusi... [Ketawa]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tukar pengerusi... [Ketawa] saya ada benda-benda yang nak saya rujuk tapi saya tak akan mampu dengan waktu yang ada. Tuan-tuan kita terima tentang Akta Perubahan Iklim, kita gerakkan semua ini, tapi tolong ambil perhatian yang saya sebutkan.

Saya tak dapat, panjang juga poin yang saya nak sebut, tapi saya terima kasih sebab ada sebahagian yang dah sebut tadi. Apa yang saya nak ulangi, saya tak ulang, tapi fasal 19 dan fasal 20 dalam RUU ini membenarkan pengimportan karbon dari luar negara.

Saya bimbang satu- benda. Betul karbon ini jadi aset, tapi jangan sampai satu hari karbon untuk negara kita ini tukang terima karbon dari negara-negara orang. Betul, karbon itu adalah sumber ekonomi- sumber tenaga, tetapi negeri yang pengeluar karbon ini yang tak boleh selamanya nak letak di mana akan dihantar dekat kita.

Antara keuntungan pulangan harga karbon dengan risiko yang bakal kita terima dua perkara ini harus diambil kira. Negeri yang tanggung semua ini. Andai risiko datang apa kesan dan apa pulangan? Sekarang pun tak ada peruntukan bila risiko tanggunglah sendiri. Kita harap, katanya ratus tahun yang akan datang baru ada risiko. Kita mana tahu tenang-tenang dunia yang ada di Malaysia ni sekarang dah bergegar di sini meletupnya di- jadi benda yang kita kata, kita bukan berada dalam lingkaran api. Sekarang kita dah masuk dan risiko pasti kita tanggung.

Akhirnya sahabat-sahabat sekalian, tuan-tuan sekalian dan walaupun RUU ini menetapkan keperluan pematuhan terhadap kriteria penerimaan karbon dioksida. Dulu orang panggil *carbon dioxide* seperti dalam fasal 28 namun masih tidak jelas bagaimana pemantauan yang akan dilakukan secara terus dan telus dan sama ada mekanisme kawalan yang ketat akan benar-benar dilaksanakan.

Bagaimanakah kerajaan bercadang untuk memantau supaya ketelusan dan telusnya ini dan terusnyanya ini jumlah komposisi karbon yang diterima dan disimpan? Apakah mekanisme kawal selia yang akan memastikan Malaysia tidak menjadi destinasi pembuangan karbon bernilai tetapi

berbahaya juga? Yang akhir, bagaimanakah kerajaan boleh menjamin keselamatan penyimpanan karbon dalam jangka panjang yang kesan mungkin daripada kebocoran karbon oleh pelbagai sebab?

Jadi, saya rasa tuan-tuan dalam kegopohan saya bercakap dalam banyak poin yang saya nak ketengahkan bukan sekadar untuk Terengganu, tetapi untuk kita yang menginap di negeri. Seronok, *alhamdulillah*, Sarawak dapat pulangan dan dapat ialah risiko pun ada, tetapi kami di negeri ini, di Terengganu saya bimbang, *last point* Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Haji, Menteri pun orang Terengganu... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya, ya sebab itu saya sebut tadi petroleum dari Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah. REE *biggest deposit* Terengganu saya rasa.

Seorang Ahli: Perak, Perak.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tak apalah, kita bagi dekat Perak, tetapi sekarang kita memerlukan dukungan negeri untuk kita *explore* REE, karbon, sebenarnya kita perlulah dukungan negeri secara padu dan bersepadulah dengan negeri supaya kita semua dapat kebaikan bersama dan juga kalau risiko, kita tanggung bersama *biiznillah* dan kita elak daripada risiko. *Wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, kita dua lagi pembahas, Dato' Kesavadas dan terakhir Tan Sri Hanifah ya. Dato' Kesavadas, silakan.

4.39 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Carbon Capture, Utilization and Storage* (CCUS) merupakan projek perintis di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga sebagai salah satu inisiatif kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida ke atmosfera.

Namun ada yang mengatakan projek ini masih menjadi kontroversi dan mempunyai kesan terhadap risiko ekonomi, alam sekitar dan sosial. Adakah RUU ini telah mengambil kira secara terperinci beberapa isu seperti risiko kebocoran karbon?

Penyimpanan karbon di bawah tanah boleh menghadapi risiko kebocoran, yang mana boleh membebaskan karbon kembali ke atmosfera dan membahayakan komuniti sekitar.

■1640

Karbon dioksida adalah gas yang tidak beracun tetapi boleh menggantikan oksigen apabila dilepaskan dalam jumlah yang besar. Peningkatan kepekatan karbon dioksida di udara yang melebihi 10 peratus boleh menyebabkan nafas sesak dan kehilangan kesedaran dan malah, dalam kes melampau, boleh menyebabkan kematian.

Isu seterusnya, keselamatan. Persoalan saya yang seterusnya adalah RUU ini akan melaksanakan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Impak Sosial (SIA) sebelum projek CCUS ini diluluskan. Penilaian ini penting bagi mengelakkan sebarang insiden yang melibatkan kesihatan rakyat dan alam sekitar. Saya melihat salah satu kekurangan dalam RUU yang dibentangkan ini adalah tiada peruntukan yang jelas bagi penilaian kesan alam sekitar dan sosial yang terperinci.

Seterusnya, bagaimanakah kerajaan akan memastikan keselamatan penyimpanan karbon bawah tanah dalam masa tempoh yang panjang tanpa berlaku kebocoran yang boleh membahayakan rakyat dan alam sekitar? Siapakah yang akan bertanggungjawab menanggung liabiliti bagi sebarang kemalangan yang akan berlaku?

Fasal 8, Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh fasal 8, fungsi dan kuasa agensi. RUU ini mencadangkan penubuhan Agensi Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon Malaysia yang akan mengawal selia industri CCUS ini. Saya ingin menegaskan bahawa penubuhan sebuah agensi yang mempunyai kuasa besar dalam kawal selia industri baharu seperti ini memerlukan tahap ketelusan yang tinggi serta penglibatan pelbagai pihak kuasanya kerajaan negeri yang mempunyai kepentingan langsung dalam soal pengurusan sumber dan tanah negeri.

Maka, saya ingin bertanya, adakah penubuhan agensi ini melibatkan wakil daripada Kerajaan Negeri seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Haji Hussin? RUU ini tidak menyatakan secara jelas sama ada wakil daripada Kerajaan Negeri akan dilibatkan dalam agensi ini. Hal ini menjadi satu kebimbangan utama kerana industri CCUS ini melibatkan penggunaan sumber negeri khususnya dalam penyimpanan karbon di kawasan daratan pesisir negeri-negeri tertentu.

Isu seterusnya, hak negeri. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, tanah dan sumber asli adalah hak negeri. Oleh itu, sebarang projek CCUS yang memanfaatkan tanah antara sumber negeri perlu mendapat persetujuan negeri. Namun, dalam RUU ini tidak dinyatakan dengan jelas peranan Kerajaan Negeri dalam keputusan berkaitan penyimpanan karbon di kawasan negeri masing-masing. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan ada perwakilan rasmi daripada kerajaan negeri dan agensi ini bagi memastikan kepentingan negeri tidak dipinggirkan.

Saya ingin menekankan beberapa perkara. Satu, adakah negeri akan mendapat hasil yang adil daripada projek ini?

Kedua, bagaimanakah hasil CCUS akan dikongsi antara negeri dan Persekutuan?

Ketiga, apakah mekanisme perundingan antara negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam hal ini? Sepatutnya perkara ini perlu diperjelaskan dalam RUU ini bagi memastikan keputusan dibuat secara bersama.

Saya juga mencadangkan kerajaan mewujudkan Majlis Perundingan CCUS negeri-persekutuan bagi membolehkan kerajaan negeri terlibat dalam proses membuat keputusan berkaitan projek CCUS di negeri mereka.

Implikasi kewangan adalah isu yang seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, fasal 5(c), aktiviti pemerangkapan, penggunaan, penyimpanan karbon seperti ini dan termasuklah apa-apa standard yang dikeluarkan oleh mana-mana badan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Soalannya, adakah jaminan kerajaan untuk memastikan bahawa CCUS Malaysia diiktiraf dalam mekanisme *Carbon Border Adjustment Mechanism* (CBAM) Kesatuan Eropah bagi mengelakkan eksport dikenakan takrif karbon yang tinggi? Jika CCUS Malaysia tidak diterima dalam mekanisme CBAM, apakah pelan alternatif kerajaan untuk memastikan daya saing industri tempatan di pasaran global?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, RUU ini mempunyai potensi yang baik untuk pembangunan ekonomi hijau, tetapi kelemahan dalam fasal-fasal tertentu boleh memberi kesan yang tidak baik. Itu pandangan saya sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput pembahas terakhir kita, Tan Sri Anifah.

4.45 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Saya berterima kasih juga dengan Yang Berhormat Menteri yang duduk mendengar keluhan-keluhan Ahli-ahli Senator.

Datuk Yang di-Pertua, isu yang diutarakan, seperti biasa, oleh Yang Berhormat Senator-senator hampir sama. Sabah dan Sarawak tidak bersetuju rang undang-undang ini diperluaskan di Sabah dan Sarawak. Sarawak punya dasar CCUS sendiri, Sabah juga mempunyai undang-undang tanah dan perhutanan sendiri. Oleh itu, saya rasa biar Sabah mengikuti Sarawak untuk memperkasakan sektor CCUS kami sendiri. Habis cerita. *Very simple*.

Oleh sebab Labuan tidak ada orang menyuarakan Labuan, itu sebab saya berdiri untuk memberi sedikit keluhan kerisauan Labuan. Memandangkan rang undang-undang ini terpakai di Wilayah Persekutuan Labuan, adakah cadangan tapak-tapak penyimpanan karbon yang telah dikenal pasti di Labuan? Sekiranya sudah ada tapak, apakah langkah-langkah yang mengelakkan

risiko kebocoran karbon yang boleh mencemar alam sekitar dan laut sekeliling yang akan turut menjejaskan alam sekitar sendiri? Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Tan Sri. Akhirnya, dijemput Menteri menjawab.

4.47 ptg.

Menteri Ekonomi [Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri, sebelum itu. Saya nak tanya, berapa minit Menteri perlu?

Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli: Itulah. Kalau tengok itu, 6 minit dah.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, saya tanya Menteri, berapa minit?

Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli: Masa 6 minit untuk sesuatu yang begitu kompleks begini- kalau saya mohon Datuk Yang di-Pertua, *I think* paling kurang pun dalam 15 ke 20 minit, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Masa 20 minit ya. *Set clock* 20 minit.

Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli: Boleh mula ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli: Terima kasih kepada 17 Senator yang membahaskan. Saya ingat ini dua hari sebelum nak cuti raya dan hari terakhir, sepatutnya hanya lima orang saja yang berbahas. Tambah lagi ini sesuatu yang begitu kompleks dan sudah tentu mengambil masa yang panjang kalau nak dibincangkan dengan teliti.

Sementara saya boleh jawab satu persatu daripada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh 17 Senator yang berucap tadi, saya ingat sebaiknya saya rangkumkan terlebih dahulu kepada beberapa- perkara-perkara kasar. Satu ialah bahagian pertama iaitu kebimbangan mengenai pelaksanaan CCUS, baik daripada segi keselamatan, baik daripada segi kecekapan CCUS ataupun daripada segi adakah ini ada cara yang lebih baik untuk kita mematuhi komitmen kita kepada pematuhan iklim.

Perkara kedua, mengenai soal negeri- Persekutuan, hasil dan sebagainya. Saya ingat kalau saya boleh jawab dua perkara besar itu, itu banyak perkara telah pun dijawab dan saya dengan cepat boleh menjawab perkara-perkara khusus yang ditimbulkan.

Perkara pertama ialah kalau kita lihat bangkangan di luar mengenai CCUS ini ialah selalunya daripada kumpulan-kumpulan alam sekitar yang melihat bahawa CCUS ini adalah satu helah terutamanya oleh industri minyak dan gas yang menggunakan nama kepatuhan alam sekitar sebenarnya untuk memanjangkan industri fosil. Satu hujah yang selalu disebut ialah ini bukan caranya untuk kita mengurangkan karbon, cara yang lebih baik ialah cara semula jadi iaitu dengan menanam pokok kerana CCUS ini mahal, bukankah lebih baik untuk menanam pokok.

■1650

Kalau boleh saya memang nak tanam pokok tetapi kalau melihat kepada data- sebab itu daripada awal saya lihat tadi Senator Haji Hussin berucap, yang lain berucap, saya mengingatkan diri kita bila kita berucap dan membahaskan sesuatu seperti ini, ini adalah sains. Maka, ia mestilah berasaskan fakta sains dan kita kena perlu pastikan pemahaman kita mengenai fakta sains itu paling kurang memadai untuk kita memahami industri ini.

Kerana kalau kita memahami fakta sains, kita tak akan timbulkan atau tanya perkara-perkara tadi. Saya ambil contoh, soal kenapa kita tidak tanam pokok? Kalau berdasarkan data sains untuk Malaysia dan ini maklumat yang boleh kita dapati kerana telah disahkan di peringkat antarabangsa oleh *Bureau Veritas* untuk mengimbangi satu juta tan pengeluaran karbon dioksida, Kita perlu menanam kira-kira 40 juta batang pokok. Berapa sebenarnya yang Malaysia mengeluarkan karbon dioksida? Berapa juta tan setiap tahun? Sebanyak 115 juta tan karbon dioksida setiap tahun daripada kehidupan kita, industri kita dan sebagainya.

Jadi, kalau kita nak mengimbangi kalau kita mengikut ayat tadi yang bahawa sebenarnya CCUS ini tak perlu, tak bagus, mahal, kita tanam pokok sahaja, bolehlah. Sila tanam enam bilion pokok. Kalau kita nak tanam enam bilion pokok, berapa banyak yang kita perlukan tanah di Malaysia ini? Secara anggarannya, 50,000 pokok ini memerlukan 120-50,000 pokok perlukan satu kilometer persegi. Jadi untuk tanam enam bilion pokok, 120,000 kilometer persegi iaitu satu pertiga dari Malaysia. Kecuali kita tutup Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah untuk tanam pokok semuanya dan Senator-Senator berpindah ke negeri lain yang tak perlu tanam pokok, maka kita tidak ada pilihan.

Sebab itu untuk menjawab perkara itu, saya sebut bahawa memanglah CCUS ini bukanlah satu-satunya cara, tetapi kita juga perlu praktikal bahawa kalau kita nak pastikan kegiatan ekonomi kita terus segar, rakyat terus dapat peluang pekerjaan yang baik, maka kita perlu pastikan, kita imbangkan pengeluaran karbon itu selain daripada dengan cara yang semula jadi. Menanam dan mengekalkan pokok itu pun tak cukup maka sebab itulah CCUS adalah satu perkara yang penting dalam dasar negara untuk kita memerangkap karbon. Itu yang pertama.

Kedua, soal keselamatan. Sebenarnya selalu ditanya berkali-kali bahawa ini tak selamat, ini tak selamat, ini tak selamat, kan?... [Ketawa] Kita perlu berasaskan kepada fakta dan sains. Satu-satunya yang saya ingat dalam Dewan Negara tidak dibawa Datuk Yang di-Pertua, tetapi kalau yang di Dewan Rakyat itu diulang berkali-kali tentang satu kejadian di Cameroon mengenai pelepasan karbon yang banyak di satu tasik. Itu sebenarnya bencana alam semula jadi, bukan pun disebabkan oleh satu industri yang melibatkan karbon.

Senator Dr. Hatta tadi, terima kasih kerana mengingatkan kepada Dewan bahawa setakat ini semua projek yang bersabit dengan CCUS ini tidak lagi- masih belum ada insiden dan *insya-Allah*, saya ingat selamat, tidak ada insiden. Paling selalu kita lihat ialah di Norway, telah beroperasi lebih daripada 20 tahun. Sudah pun mencapai lebih daripada 20 juta tan yang disimpan. Kemudian di Tomakomai di Jepun, satu bukti yang baik kerana walaupun dalam kawasan Lingkaran Api Pasifik. Kemudian, ada gempa bumi pada 6.7 *Richter* pun tidak terjejas.

Kalaupun kita ambil keputusan atas dasar ini tidak baik dan sebagainya maka kita akan ketinggalan kerana setakat ini telah ada 35 fasiliti di seluruh dunia yang membangunkan CCUS dengan keupayaan pemerangkapan sebanyak sekitar 45 juta tan. Menjelang tahun 2030, itu akan meningkat kepada 200 fasiliti dan dia akan meningkat kepada 220 juta tan. Kenapakah...? Kerana soal pokok tadi. Kalau kita semata-mata nak melawan soal perubahan iklim ini dengan hanya menanam pokok maka kita- semua kena duduk dalam laut. Jadi, kita tak ada pilihan. Dunia tidak ada pilihan sebab itu ini akan terus berlaku.

Ketiga ialah soal- juga saya lihat dibawa oleh beberapa buah pertubuhan alam sekitar yang menyampaikan memorandum. Saya ingat juga diterima oleh beberapa Ahli Dewan Negara. Salah satu hujah yang dibuat ialah atas dasar sebenarnya teknologi ini tidak berkesan dalam memerangkap karbon. Dia hanya memerangkap sekitar 10 ke-49 peratus karbon sahaja. Itu yang didakwa, diserahkan kepada Dewan Negara. Sebab itu saya kata, kita kena kembali kepada sains dan fakta. Sains dan faktanya ialah kalau kita melihat kepada teknologi pemerangkapan karbon terutamanya yang berasaskan pelarut solven. Kebanyakannya yang menggunakan solvenlah, / *mean base solvent*.

Sebenarnya keupayaan memerangkap ini ialah 85 ke-95 peratus dia boleh perangkap karbon. Kami di kementerian menghabiskan berminggu-minggu cuba cari dekat mana dia dapat 10 ke-49 peratus itu. Dari mana...? Dia *Google* dekat mana ini 10 ke-49 peratus? Akhirnya kita dapat, rupanya 10 ke-49 peratus itu tak ada- bukannya tentang kecekapan memerangkap karbon, tetapi daripada segi kecekapan bersih tenaga apabila ada teknologi pemerangkapan karbon ini terutamanya di loji jana kuasa. Kerana loji jana kuasa bila dia nak perangkap karbon, dia kena gunakan tenaga untuk memerangkap karbon. Jadi, itu dua perkara yang sangat berbeza.

Daripada segi keupayaan memerangkap karbon tidak dipersoalkan, memang boleh perangkap tetapi sudah tentulah kalau kita nak perangkap karbon, kita kena letak membran, kena letak turbin dan sebagainya, dia akan menggunakan tenaga. Maka, loji jana kuasa itu tidaklah seuntung mana kepada pengusaha-pengusahanya sebab itu dikira akan ada *net efficiency* dengan izin, yang lebih rendah. Jadi, saya harap perkara-perkara itu menunjukkan sebenarnya banyak perkara yang kita bahaskan dan bawa sebenarnya lebih kepada perkara-perkara yang tidak sangat berasaskan kepada fakta.

Ini yang saya hendak bawa kepada perkara kedua yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Dewan tadi, soal di mana hak negeri. Berapa untung negeri akan dapat? Kenapakah tidak ada wakil negeri? Kenapakah negeri terdedah dan sebagainya? Sebenarnya saya kecewa kerana kita dah buat sesi libat urus yang banyak dengan negeri-negeri terutamanya negeri-negeri yang terbabit. Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak, malah dengan semua negeri pun kita dah buat. Penyokong utama kepada RUU CCUS ini ialah Kerajaan Negeri Terengganu.

Saya diberi jaminan oleh Menteri Besar Terengganu bahawa semua wakil rakyat daripada PAS dan Perikatan Nasional akan menyokong 100 peratus. Tetapi, saya ingat tak ada *WhatsApp group kot* ataupun tidak diberikan arahan. *Researcher* tersalah tulis ini. Sebab itu tiba-tiba bila sampai di sini, mesej itu tak sampai seperti yang dijanjikan oleh Menteri Besar Terengganu. Sebabnya begini ya, kita tak boleh bandingkan industri minyak dan mineral dengan industri CCUS. Ini kucing dengan burung, tak sama. Di bawah undang-undang sedia ada seperti yang Senator-Senator sebut ini hak negeri dan sebagainya, itu lah tanah dan juga sumber asli.

Ini tanah, betul. Tanah, betul, tetapi dia tak ada sumber asli di dalam itu. Dia ada rongga, rongga. Kalau tidak ada CCUS, maka tanah-tanah itu akan terbiar semata-mata dan tidak ada hasil. Jadi sebab itu yang berlaku terutamanya di negeri Terengganu sekarang, dalam keadaan sebenarnya rizab minyak dan gas itu telah menurun dengan mendadak. Kalau tidak kerana CCUS, bukan sahaja tidak ada hasil kepada negara dan negeri, kesan yang lebih besar ialah Kerteh akan mati.

Jadi, saya tanya berkali-kali, kalau Senator berada- sepatutnya sebagai pimpinan negeri atau berada di dalam kedudukan kami, dalam keadaan ekonomi Pantai Timur terutamanya Terengganu bergantung besar kepada Kerteh, kalau Kerteh mati 10 tahun lagi, apa sebenarnya yang kerajaan negeri akan buat?

■1700

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato', saya tanya apa pulangan kepada negeri.

Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli: Ini, ini nak jawab ini. Ini nak jawab ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan celahan pasal Menteri ada lagi 7 minit.

Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli: Tinggal 7 minit sahaja ya. Jadi sebenarnya kalau ikut kepada negeri macam Terengganu, sebenarnya hasil mineral itu semakin tidak ada pun dan sekarang ini berhadapan pula dengan risiko industri yang akan mati, yang akan ada kesan besar kepada negeri. Oleh sebab itu dengan adanya CCUS, dia akan membolehkan dua perkara.

Pertama, mewujudkan industri baharu yang akan membawa masuk industri-industri lain ke negeri Terengganu. Jadi kalau Senator tanya apa hasilnya- kalau kita nak harap Kerajaan Negeri Terengganu semata-mata bawa masuk industri beratus juta ini mungkin payah, tetapi kalau ada CCUS dan CCUS ini akan menjadi daya tarikan untuk kita nyahkarbon industri-industri berat, industri-industri berat baru masuk ke situ, dari situlah kerajaan negeri akan dapat mengutip cukai pintu, cukai tanah dan yang lain-lain selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan. Itu di atas darat.

Kemudian untuk buat CCUS di pesisir pantai, sudah tentu dia perlukan terminal dan terminal ini sudah tentu perlu bayar kepada kerajaan negeri daripada segi segala bentuk kutipan cukai yang biasa. Oleh sebab itu, CCUS ini memberi nyawa baharu kepada industri berat di Pantai Timur terutamanya Kerteh.

Kalau itu bukan pulangan, saya tak tahu apa lagi pulanganlah. Sedangkan CCUS ini dijangka akan membawa pelaburan 200 ke-250 bilion Dolar dalam tempoh 20 tahun akan datang. Sebahagian besar itu akan pergi pada Terengganu, pelaburan besar 200 bilion Dolar. Itu bukan lagi pulangan? Pulanganlah yang itu. Itulah maksudnya akan membawa kesan kepada ekonomi di pantai timur.

Baik ya. Dengan secara cepat dan saya rasa kita kena berhati-hati jugalah terutamanya Kelantan, Terengganu cerita pasal minyak, royalti dan sebagainya. Kita ada pandangan yang berbeza-beza mengenai tafsiran pelantar benua. Kalau ikut undang-undang tiga batu nautika, itu undang-undang negara. Sarawak ada pandangan lain, Sabah ada pandangan lain, Terengganu ada pandangan lain, Kelantan ada pandangan lain.

Kelantan lain sedikit kerana dalam kes Kelantan itu lebih unik kerana yang dikatakan royalti itu bukan pun dari kawasan di luar pesisir pantai Kelantan. Itu adalah *Joint Development Area* ataupun kawasan antarabangsa yang dituntut oleh Malaysia dan juga Thailand. Oleh sebab tak boleh bersetuju siapa punya maka buat satu- kawasan dipanggil JDA. Ada dua buah blok iaitu A-18 dengan B-17. Sebenarnya ikut undang-undang, bukan milik Malaysia, bukan milik Thailand, apatah lagi milik Kelantan.

Jadi sebab itu saya rasa, kita kena jangan campurkan antara perkara yang bersabit dengan industri minyak dan gas yang undang-undang dan peraturannya sangat berbeza dengan industri CCUS ini. CCUS digubal berdasarkan peraturan dan Perlembagaan sedia ada

berdasarkan tiga batu nautika itu. Kalau contohnya ada yang tidak bersetuju, maka wajarlah undang-undang itu ditukar.

Cuma yang saya selalu sebut dalam tempoh 33 bulan semasa Perikatan Nasional jadi kerajaan, tak timbul langsung soal royalti tiga batu nautika dan undang-undang itu tidak ditukar. Tidak ada tindakan mahkamah kecuali ada tindakan mahkamah yang dibawa ke mahkamah untuk mempersoalkan tiga batu nautika itu. Maka dalam soal CCUS, apa-apa yang dibangunkan di luar tiga batu nautika adalah di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan seperti yang telah pun kita ketahui.

Jadi perkara seperti levi yang ditanya levi dan juga lantikan. Levi ini Datuk Yang di-Pertua, bukannya hasil kepada Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab itu, dalam akta ada satu peruntukan khusus untuk Kumpulan Wang Pasca-Penutupan. Sebabnya, apabila sesuatu fasiliti penyimpanan itu dibangunkan untuk tempoh sehingga permit itu ada- permit itu mungkin 20 tahun, 30 tahun bergantung kepada keadaan geologi itu sehingga tempoh permit itu ada, maka tanggungjawab dan liabiliti itu adalah liabiliti pengusaha. Kalau *PETRONAS*, *PETRONAS* lah. Kalau *Shell*, *Shell* lah. Selepas habis permitnya 20 atau 30 tahun, maka tanggungjawab itu akan diserahkan kepada kerajaan.

Jadi yang ini yang saya nak tanya juga kerajaan-kerajaan negeri yang tanya kenapa levi ini ditentukan oleh Menteri dan kenapa seolah-olah kenapa kami tak dapat hasil. Kalau nak tentukan levi, satu levi itu takkan pergi kepada kerajaan mana-mana, dia masuk satu kumpulan wang amanah.

Keduanya, bila kita bertanggungjawab menentukan levi, maksudnya selepas pasca pemulihan diberikan kepada kerajaan, liabiliti itu juga jadi tanggungan. Dia bukannya katakanlah kalau kerajaan negeri kata, "*Kami nak ada juga dalam sini, kami nak juga levi*", maksudnya kita kena berkongsi tanggungjawab dan liabiliti jika berlaku sebarang insiden selepas itu yang saya rasa tidak ada negeri mana-mana yang bersetuju bahawa "*Kami nak tanggung ini. Ini biarlah Kerajaan Persekutuan semata-mata*".

Jadi levi itu bukan hasil kerana CCUS bukanlah industri mineral seperti yang kita sangka kan. Dia sebenarnya industri gudang gas. Kita bawa gas, kita simpan. *The most*, paling banyak kita boleh dapatkan hanyalah sewaan tahunan sahaja. Levi itu bukan hasil kepada kerajaan, sebaliknya adalah seperti insurans untuk kita menjaga liabiliti apabila telah dipulangkan kepada kerajaan.

Ada beberapa perkara yang ditimbulkan secara khusus. Pertama, kalau Sabah dan Sarawak tadi ada menanyakan mengenai bagaimana bentuk penyelarasan. Memang betul ikut

Persekutuan bergantung kepada tafsiran kita soal tanah dan sebagainya. Maka dipersetujui CCUS untuk Sabah dan Sarawak itu diuruskan oleh Sabah dan Sarawak.

Maksudnya permit siapa nak buat, kena dapatkan permit daripada agensi yang bertanggungjawab di Sabah atau di Sarawak dan bukannya MyCCUS iaitu agensi di peringkat Persekutuan, tetapi ada satu, tetapi dua-dua undang-undang yang ada dan bakal atau telah dibangunkan di Sabah dan Sarawak, ada satu perkara yang tidak boleh diselesaikan oleh bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri mengikut Perlembagaan iaitu mengenai kepatuhan dan juga obligasi kepada *treaty* antarabangsa.

Ini kerana yang berlaku di Sarawak sekarang- kalau saya minta dalam 1 minit sahaja lagi ya. Kalau yang berlaku di Sarawak sekarang, yang dibangunkan hanyalah yang melibatkan penggunaan karbon di lapangan gas sedia ada untuk dipisahkan. Itu yang berlaku di Kasawari.

Ia tidak melibatkan pergerakan ataupun import gas karbon dioksida daripada negara-negara lain. Apabila ia melibatkan import gas daripada negara-negara lain, maka sama ada kerajaan negeri atau badan yang terbabit ataupun operator fasiliti itu perlulah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat kerana obligasi kepada triti antarabangsa itu adalah Kerajaan Pusat. Itu yang pertama.

Kedua, sebenarnya apabila ia melibatkan juga pergerakan karbon merentas sempadan, ia juga akan melibatkan perakaunan karbon dan lain-lain dan juga kita perlu bincang tentang liabiliti. Setakat ini Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak banyak tumpuannya hanyalah kepada lesen dan permit untuk buat tetapi bukan liabiliti selepas 30-40 tahun. Ini kerana undang-undang Persekutuan ini jelas bahawa ia perlu diserahkan kembali kepada Kerajaan Persekutuan dan liabiliti itu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Adakah perkara yang sama ada di Sabah? Adakah perkara yang sama ada di Sarawak? Adakah Kerajaan Sabah sanggup? Adakah Kerajaan Sarawak berkemampuan? Itu adalah bentuk-bentuk penyelarasan yang perlu kita buat dari satu masa ke semasa kerana pelaburan kepada satu hab ini paling kurang RM10 ke RM15 bilion. Kalau pelabur lihat dan pelabur merasakan bahawa undang-undang itu tidak meliputi kesemua rantai daripada import sehingga ke liabiliti, mereka mungkin merasakan mereka tidak yakin untuk melabur.

■1710

Ini adalah sebahagian daripada risiko yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak apabila memilih untuk tidak menjadi sebahagian daripada peraturan Persekutuan buat masa ini dan inilah perkara-perkara yang perlu diselaraskan dalam masa-masa yang akan datang. Jadi, saya ingat masa, kita wajar untuk balik buka puasa dan raya. Ini hari yang terakhir.

Saya ucapkan selamat maju jaya kepada Menteri terakhir yang akan menggulung selepas ini dan saya ingat cukup sekadar itu. Jadi, saya ucap terima kasih kepada 17 Senator yang berbahas. Mana yang saya tidak dapat jawab dengan terus sama ada kita boleh bincang dan DM tepi di luar supaya ia tidak mengambil masa pada hari ini. Sekian, saya mohon supaya rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Negara pada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Fakta sains juga, kalau kita tak buka puasa, nanti ada yang pengsan dalam Dewan... *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Wong Kah Woh) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah di atas lulusnya *bill* ini. Kita sekarang pergi kepada *bill* yang terakhir. Saya nak susun 10 jari, ucapkan selamat menyambut Hari Raya. Kalau ada sesiapa yang hendak menarik diri, silalah... *[Dewan ketawa]* Silalah tunjukkan belas kasihan kepada Menteri kita yang terakhir yang akan menjawab *bill*- Yang akan membentangkan *bill* pada petang ini. Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ILTIZAM KECEKAPAN PERKHIDMATAN KERAJAAN 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membentangkan Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 atau RUU Iltizam yang bertujuan meningkatkan kualiti kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan. RUU ini digubal untuk menyelesaikan isu birokrasi dan menghapuskan peraturan, garis panduan serta arahan pentadbiran yang lapuk atau tidak relevan. Ia juga menyokong pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 sebagai komitmen kerajaan memperkukuh tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat serta komuniti perniagaan. Rangka kerja Iltizam mengandungi dua bentuk reformasi utama.

Pertama, reformasi struktur. Ia menumpukan kepada pengurangan kerenah birokrasi dan beban kawal selia. Kerajaan akan mewajibkan semakan instrumen kawal selia, mengurangkan 25 peratus beban kawal selia dalam masa tiga tahun serta memperkenalkan pendekatan *one in, one out* bagi peraturan. Penarafan prestasi kawal selia juga akan diperkenalkan sebagai merit dalam pemberian peruntukan dan insentif.

Kedua, revolusi proses. Fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan melalui prinsip tadbir urus pintar. Pelaksanaan modul *Government as a Platform* (GaaP) dan dasar *One Door* dan pendekatan *whole-of-nation* melalui *co-creation* dengan rakyat dan komuniti perniagaan akan digunakan. Komitmen Iltizam juga akan dijadikan antara petunjuk prestasi utama atau KPI bagi semua kementerian, jabatan dan agensi. Keseluruhannya, RUU Iltizam ini merupakan anjakan besar ke arah perkhidmatan awam yang lebih cekap, responsif dan mesra rakyat selaras dengan kehendak semasa dan cabaran masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melaksanakan reformasi ke atas kecekapan perkhidmatan kerajaan, maka kerajaan berpendapat pelaksanaan RUU Iltizam ini boleh menyelesaikan permasalahan utama dihadapi oleh rakyat termasuk yang berkaitan dengan urusan harian, perniagaan serta akses kepada perkhidmatan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Mesyuarat, penggubalan RUU Iltizam dibuat di bawah Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama butiran 6(c)(g) Senarai I- Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, RUU Iltizam terdiri daripada 14 fasal yang akan diuraikan seperti yang berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengadakan peruntukan bagi pemakaian akta yang dicadangkan bagi Kerajaan Persekutuan dan entiti Kerajaan Persekutuan. Bagi maksud RUU Iltizam, "*entiti kerajaan*" ertinya:

- (i) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, pihak berkuasa atau agensi, bagi kerajaan atau mana-mana entiti lain dalam perkhidmatan kerajaan;
- (ii) mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan di bawah suatu Akta Parlimen; atau
- (iii) pihak berkuasa tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Manakala bagi maksud "kerajaan", rujukan dibuat kepada Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] yang menyatakan "kerajaan" bererti "Kerajaan Malaysia".

Fasal 3 memperuntukkan bahawa akta yang dicadangkan hendaklah dibaca bersama-sama undang-undang bertulis yang berkaitan dan peruntukan akta yang dicadangkan hendaklah menjadi tambahan kepada peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan itu.

Fasal 4 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi prinsip Iltizam. Prinsip Iltizam menekankan tanggungjawab untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan dengan cekap dan berkesan, menggalakkan budaya kerja beretika yang mengamalkan nilai integriti, akauntabiliti dan telus, melaksanakan reformasi struktur secara berterusan dan mengurangkan beban kawal selia.

Fasal 6 pula bertujuan untuk mengenakan tanggungjawab ke atas entiti kerajaan untuk menjalankan semakan tatacara di bawah instrumen kawal selia mereka dan mengurangkan beban kawal selia sekurang-kurangnya sebanyak 25 peratus setiap tiga tahun. Fasal ini juga mengadakan peruntukan bagi dasar satu masuk, satu keluar- *one in, one out* dengan izin, yang menghendaki sekurang-kurangnya satu instrumen kawal selia yang sedang berkuat kuasa dibatalkan sebelum satu instrumen kawal selia yang baharu boleh dikuatkuasakan.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perwujudan kaedah penarafan untuk mengukur, menilai dan memantau keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan entiti kerajaan.

Fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan dan kuasa Ketua Setiausaha Negara di bawah akta yang dicadangkan yang termasuklah merancang, melaksanakan dan memantau dasar berkaitan dengan prinsip Itizam.

Fasal 9 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan ketua entiti kerajaan di bawah akta yang dicadangkan yang termasuklah memastikan pengurusan dan perkhidmatan entiti kerajaan di bawah seliaannya selaras dengan prinsip Itizam dan menyediakan dan mengemukakan laporan prestasi perkhidmatan secara berkala kepada Ketua Setiausaha Negara.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengemukakan laporan prestasi perkhidmatan oleh ketua entiti kerajaan dan penarafan entiti kerajaan berdasarkan laporan itu. Fasal ini juga memberi Menteri kuasa untuk melantik orang yang mempunyai kelayakan yang sesuai untuk mengemukakan dapatan mengenai prestasi perkhidmatan entiti kerajaan. Entiti kerajaan yang mencapai tahap penarafan tertentu layak untuk mendapat insentif dan pengiktirafan daripada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan mengambil maklum pemisahan kuasa antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dan dalam hal ini.

Fasal 11 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa entiti kerajaan negeri boleh secara sukarela mengemukakan laporan prestasi perkhidmatan kepada Ketua Setiausaha Negara bagi maksud penarafan, selaras dengan prinsip pemisahan kuasa di bawah prinsip federalisme.

Fasal 12 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyediaan Laporan Itizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan oleh Ketua Setiausaha Negara yang perlu disediakan setiap tiga tahun. Laporan Itizam hendaklah dibentangkan oleh Menteri yang bertanggungjawab di Dewan Rakyat dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

Fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian untuk memudahkan pelaksanaan pengurangan beban kawal selia. Fasal ini menyatakan bahawa Menteri yang bertanggungjawab boleh, selepas berunding dengan Ketua Setiausaha Negara melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengecualikan:

- (i) mana-mana entiti kerajaan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana entiti kerajaan; atau
- (ii) mana-mana instrumen kawal selia atau mana-mana bahagian daripada instrumen kawal selia.

Daripada semua atau mana-mana peruntukan, akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu. Fasal ini juga memperuntukkan Menteri boleh membatalkan perintah pengecualian dengan syarat tertentu.

Fasal 14 bertujuan untuk memberi Ketua Setiausaha Negara kuasa untuk mengeluarkan arahan, pekeliling dan garis panduan bagi melaksanakan peruntukan akta yang dicadangkan.

Untuk makluman Ahli Mesyuarat, pada masa ini kerajaan sedang memuktamadkan arahan, pekeliling dan garis panduan yang diperlukan bagi pelaksanaan akta ini. Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan dengan menangani birokrasi, mengurangkan beban kawal selia dan melaksanakan penarafan prestasi perkhidmatan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Di hadapan saya ini ada lapan orang sudah tarik diri, jadi tinggal 10 orang sahaja yang akan berbahas. Itu pun saya akan bagi 5 minit seorang, kalau ada lagi hendak menarik diri kerana melihat kerana belas kasihan kepada Menteri, silakan, saya masih boleh menerima sebarang permohonan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sepuluh orang diberikan masa 5 minit seorang.

Sekarang saya jemput Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

5.24 ptg.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih kepada Tuan Speaker dan terima kasih kepada Menteri secara kebetulan menjadi yang terakhir hari ini di hari yang terakhir. Saya hanya berdiri untuk menyokong sebab sebelum ini saya banyak menyentuh tentang isu birokrasi.

Saya banyak menyentuh tentang- apatah lagi dengan idea-idea baharu dan inovasi yang kerajaan cuba ketengahkan. Kadang-kadang dia jadi sangkut dekat pentadbiran kerana terlalu banyak birokrasi dan lebih penting daripada itu saya mengharapkan akta ini juga mengambil berat soal budaya bekerja kerana itu adalah satu *track* daripada segi perubahan agak lama untuk kita hendak ubah.

Jadi kalau kita sudah ada Itizam ini maka kita juga kena ubah mentaliti daripada segi sudut budaya kerja kerana kita tahu pegawai-pegawai kerajaan mereka nombor satu terikat dengan prosedur, mereka terikat tadi yang kata kawal selia yang sangat ketat. Jadi dengan adanya Itizam ini, kita bersyukur kerana dikatakan mahu mengurangkan 20 hingga 30 peratus kawal selia. Sebenarnya itu satu yang baik, sebenarnya itu akan memberi ruang supaya ada

urusan-urusan tertentu yang memerlukan *fast track* yang memerlukan cepat untuk diluluskan dan mungkin projek tertentu itu ataupun mungkin isu tertentu itu tak banyak orang yang ada.

Jadi kita kata kesungguhan PMX untuk hendak pacu negara ini dengan satu- industri baharu dan juga pendekatan digital dan seterusnya, maka sudah kira pastilah Akta Iltizam ini memang telah tiba tepat pada masanya. Cuma kita harapkan dalam pelaksanaan akta ini, perlu ada juga pembudayaan, *culture* yang lebih efisien dan lebih terbuka dalam melihat cadangan-cadangan dan lebih penting daripada itu saya kira ialah macam mana dalam kita hendak capai tahap Malaysia yang semakin laju hari ini untuk menuju kepada ekonomi pada masa hadapan.

Maka, sudah tentulah pentadbiran awam, perkhidmatan awam kena ikut sama perkembangan itu, kalau tidak kita akan *left behind* dan contohnya baharu tadi kita luluskan CCUS tadi. Begitu sesuatu yang baharu, begitu sesuatu yang mungkin kita tidak biasa dengannya, tetapi kalau pentadbiran di pihak perkhidmatan awam tak dapat sambut satu teknologi yang baharu ini, pendekatan yang baharu ini, kaedah dan cara yang baharu ini dan dia memerlukan kesegeraan juga, maka kita akan *still stuck* dengan cita-cita PMX dan juga negara akan maju ke hadapan, tetapi pentadbiran masih ke belakang.

Jadi saya sokong Datuk Speaker atas Iltizam ini dan Iltizam dalam bahasa Arab maknanya bersungguh-sungguh, bukan main-main. Terima kasih Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih atas ucapan ringkas Datuk Mujahid.

Sekarang saya jemput Prof. Dr. Awang Sariyan.

5.27 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya pun simpati dengan rayuan banyak kali Datuk Yang di-Pertua, jadi takkan memanjangkan kalam *insya-Allah*, tetapi hendak merumuskan bahawa Rang undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 ini adalah satu anjakan penting dalam konteks pemikiran sikap dan tindakan kerajaan dan semua penjawat awam untuk menunjukkan ataupun melonjakkan perkhidmatan kerajaan dan ini bukan sesuatu langkah mekanikal.

Saya suka istilah Iltizam, ini menunjukkan satu pemahaman dan pemikiran besar. Kita tidak bicara hanya soal-soal mekanikal dan teknikal, tetapi soal pemikiran pembinaan watak dan sikap kerana seperti kata Yang Berhormat Datuk Mujahid tadi soal Iltizam merujuk kepada keterlibatan, komitmen dengan bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan dan untuk agama pun perkara ini sangat ditekankan soal tanggungjawab, amanah menerima tanggungjawab itu perlu dilaksanakan dengan cukup berkesan dan cukup rapi.

Saya tak sempat membaca coretan yang telah saya tulis dalam Jawi ini kerana waktunya sangat menghambat kita, tetapi saya kira perkara yang penting yang saya sebut tadi pembinaan sikap, pembinaan watak dalam melaksanakan ini, ini satu sisi yang sangat penting. Soal instrumen, soal mekanisme satu hal tetapi membina watak, membina sikap bukan perkara yang mudah. Oleh sebab itu, marilah sama-sama kita membantu kerajaan dalam soal ini dan juga membantu membina penjawat awam yang betul-betul bertanggungjawab. Jadi, saya kira mekanisme yang telah sedia ada itu perlu dipertahankan dan diperketat.

■1730

Kita sudah ada pelbagai SOP ataupun tatacara operasi standard. Itu barangkali perlu seperti disebut dalam perkara lima tadi itu. Soal piagam pelanggan, soal ganjaran, hukuman, soal- dahulu ada *exit policy* atau dasar pemisah. Ini saya kira perlu diperketat dan ditingkatkan, ditambah baik dalam soal pelaksanaan, tetapi yang juga tidak cukup- tidak kurang penting ialah penyerapan hal-hal ini melalui pendidikan, baik pendidikan formal, sekolah, universiti dan juga latihan dan perkhidmatan. Kerana yang hendak melaksanakan ialah manusia. Manusia ini perlu dibina, Datuk Yang di-Pertua. Saya tidak akan menjangkau seperti yang saya janjikan. Maka, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025. Terima kasih. *Assalamualaikum*. Selamat Hari Raya, maaf zahir batin.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Prof. Memang sangat pendek.

Sekarang saya minta YB Manolan seterusnya, untuk kalau boleh jimatkan masa. Bagi 5 minit, tetapi kalau boleh kurang lagi... *[Ketawa]*

5.31 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan 2025.

Perkhidmatan awam merupakan tulang belakang kepada pentadbiran sesebuah negara. Kualiti dan kecekapan perkhidmatan yang diberikan oleh penjawat awam memberi kesan kepada kehidupan rakyat. Selari dengan hasrat untuk mempertingkatkan sistem penyampaian kerajaan, rang undang-undang ini dirangka bertujuan untuk membawa penambahbaikan terhadap perkhidmatan awam di Malaysia.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri yang bertanggungjawab kerana sempat membentangkan rang undang-undang yang sangat penting ini. Apabila kita bercakap mengenai produktiviti, sudah tentunya penekanan difokuskan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) yang lebih jelas, yang melibatkan juga sistem pemantauan prestasi kerja yang ketat.

Menerusi kemajuan penggunaan teknologi dan automasi, ia dapat diadaptasikan dalam urusan penyampaian urusan perkhidmatan. Bagaimanakah pihak kerajaan menangani cabaran yang dihadapi dalam usaha meningkatkan kecekapan penjawat awam kerana penggunaan teknologi dan automasi rata-ratanya mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual?

Datuk Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memperkenalkan langkah-langkah untuk mencegah ketirisan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah melalui pemantauan digital dan audit berkala. Hasilnya, mekanisme aduan yang lebih responsif dan telus kepada orang awam dapat dilaksanakan. Jadi, bagaimanakah sistem pemantauan digital membantu penyalahgunaan kuasa melalui rang undang-undang ini?

Datuk Yang di-Pertua, daripada aspek hubungan dengan rakyat, penekanan terhadap sikap mesra rakyat, mesra pelanggan, cepat bertindak dan berorientasikan hasil dalam kalangan penjawat awam memastikan sistem maklum balas pelanggan yang lebih sistematik dan berkesan. Apakah antara contoh petunjuk prestasi utama ataupun KPI yang akan dibangunkan kelak dalam aspek ini?

Datuk Yang di-Pertua, program latihan berterusan untuk memperkasa kemahiran penjawat awam agar sejajar dengan keperluan semasa dan masa depan supaya mereka sentiasa bersedia. Pengenalan sistem ganjaran berasaskan prestasi dan sumbangan individu mampu menjadi agenda motivasi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Apakah pihak kementerian merancang mewujudkan konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam sektor awam supaya mereka benar-benar menjadi agen perubahan dalam sistem penyampaian agenda kerajaan apabila akta ini dilaksanakan?

Transformasi perkhidmatan secara digital dapat dibangunkan secara menyeluruh yang memudahkan urusan rakyat. Sebagai contoh, permohonan lesen, bayaran cukai, semakan status dan sebagainya. Ia dapat dilaksanakan melalui talian pada masa kini.

Galakan inovasi dalam sistem kerja juga dapat memperbaiki proses dan penyampaian perkhidmatan, lalu mengurangkan proses birokrasi. Kini, semakin ramai yang menggunakan platform digital. Contohnya, untuk pembayaran cukai jalan dan permohonan pasport dan sebagainya. Contoh, di Australia dan beberapa buah negara lain, permohonan visa pelancong yang hanya menggunakan aplikasi *Electronic Travel Authority* (ETA). Maka, sejauh manakah kementerian memastikan kesiapsiagaan kakitangan awam dalam menghadapi arus kecekapan teknologi yang semakin canggih?

Melalui rang undang-undang ini juga dapat mengurangkan birokrasi dengan proses kerja yang lebih ringkas dan berintegrasi data antara agensi kerajaan. Integrasi sistem dan

perkongsian data membolehkan maklumat diproses dengan cepat tanpa melalui banyak peringkat. Jadi, apa jaminan pihak kementerian supaya orang awam tidak menjadi mangsa birokrasi, terutamanya masyarakat luar bandar dan penduduk di kawasan pedalaman?

Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025. Sebelum itu, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Senator-senator Yang Berhormat. Semoga selamat balik kampung. Selamat Hari Raya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sama-sama. Terima kasih.

Sekarang saya jemput Senator Tuan Abun Sui Anyit.

5.36 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, beri masa kepada saya dan saya ingat juga pesanan Yang di-Pertua di luar Dewan ini. Maka, saya dengan ini memang menyokong.

Sebelum saya terlupa menyokong, saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya, maaf zahir batin kepada rakan-rakan yang ada dalam Dewan ini serta yang ada di luar sana. Ayat pendek saya berkenaan rang undang-undang ini, saya berharap apabila kita ada rang undang-undang ini, tidaklah ada kerajaan yang sengaja untuk melakukan perkara-perkara yang tidak ada iltizam yang baik. Itu sahaja. Dengan ini, saya menyokong.

Timbalan yang di-Pertua: Terima kasih. Sejuk hati saya ada orang hendak mendengar nasihat daripada saya di luar Dewan... *[Ketawa]*

Sekarang saya jemput Puan Anna Bell binti Perian.

5.37 ptg.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan atas usaha membawa Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025. Ini adalah, satu inisiatif yang amat dinanti nantikan dalam memastikan sistem pentadbiran kerajaan yang lebih efisien dan berkesan.

Selama ini, rakyat sering berhadap dengan masalah birokrasi yang melambatkan proses pentadbiran kerajaan. Rungutan mengenai peraturan lapuk, arahan yang tidak relevan lagi serta ketidakcekapan perkhidmatan kerajaan sering menjadi isu yang dibangkitkan. Oleh itu, rang undang-undang ini merupakan satu langkah yang amat penting dalam memastikan tadbir urus kerajaan lebih cekap, berkesan dan responsif kepada keperluan rakyat serta sektor swasta.

Datuk Yang di-Pertua, masalah birokrasi merupakan salah satu punca ketidakcekapan perkhidmatan serta pentadbiran kerajaan yang telah lama berlaku dalam negara ini. Walaupun pelbagai inisiatif telah diperkenalkan bagi menangani isu ini, masalah birokrasi masih menjadi rungutan utama rakyat. Antaranya, prosedur yang rumit dan perlahan, kurang komunikasi antara jabatan, yakni kurangnya koordinasi dan komunikasi antara agensi kerajaan, seterusnya sikap defensif dan kemampuan yang berubah ubah.

Datuk Yang di-Pertua, selain itu, birokrasi yang berlebihan juga memberi kesan kepada sektor perniagaan, di mana syarikat-syarikat kecil dan sederhana sering kali menghadapi kesukaran untuk mendapatkan lesen atau bantuan kerajaan. Maka, sudah tentu akan memberi implikasi kepada pertemuan ekonomi negara.

Justeru, kerajaan perlu mengambil langkah drastik untuk merombak sistem pentadbiran sedia ada, memastikan segala prosedur yang tidak relevan lagi dimansuhkan dan digantikan dengan sistem yang lebih pantas dan berkesan.

Datuk Yang di-Pertua, RUU ini merupakan satu inisiatif yang baik dalam mengatasi masalah birokrasi, masalah peraturan lapuk dan arahan yang tidak munasabah pada masa kini. Melalui RUU ini, kita dapat memastikan peraturan yang sudah tidak relevan dikaji semula dan dihapuskan sekiranya perlu, termasuklah peraturan yang tidak lagi sesuai dengan perkembangan teknologi. Peraturan yang bercanggah antara satu kementerian dengan kementerian lain serta prosedur yang tidak selaras di pelbagai peringkat pentadbiran kerajaan.

Melalui penyemakan dan pemansuhan peraturan lapuk, urusan kerajaan akan lebih lancar dan memudahkan rakyat dan menjadikan sistem pentadbiran lebih mesra dan pantas untuk pengguna. Datuk Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa melalui akta ini, dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan dan keberkesanannya dirasakan oleh segenap rakyat Malaysia dalam urusan seharian mereka.

■1740

Justeru, melalui pendekatan ini, rakyat akan menerima manfaat daripada perkhidmatan yang lebih cekap, berkualiti dan memenuhi keperluan rakyat terhadap sebarang isu yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan.

Datuk Yang di-Pertua, saya juga menyokong penggunaan kecergasan buatan- IA automasi dan integrasi sistem sebagai salah satu langkah penting untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta mengurangkan beban kakitangan awam. Justeru itu, dunia yang semakin digital, negara-negara maju yang telah lama mengadaptasikan teknologi ini bagi memastikan pentadbiran mereka lebih cekap dan responsif. Contohnya seperti di Estonia yang hampir menggunakan semua perkhidmatan yang boleh diakses secara talian tanpa perlu hadir ke

pejabat kerajaan secara fizikal. Maka sudah tentu kaedah ini merupakan satu langkah yang terbaik untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, membolehkan penjawat awam memberi fokus kepada tugas-tugas yang lebih kritikal dan bertambah nilai.

Datuk Yang di-Pertua, RUU ini juga berperanan untuk meningkatkan kualiti penjawat awam sesuai dengan arus kemodenan dan era pendigitalan. Namun dalam usaha merealisasikan revolusi ini, kita perlu memastikan bahawa penjawat awam perlu diberi latihan yang mencukupi dan bersesuaian agar perubahan ini dapat direalisasikan dengan baik dan cekap sekali gus mampu mengadaptasikan situasi seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini.

Datuk Yang di-Pertua, RUU Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 adalah langkah positif untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam, menghapuskan birokrasi dan memperkenalkan teknologi baharu. Walau bagaimanapun, kejayaannya bergantung pada pelaksanaan yang berkesan dan sokongan penuh semua pihak. Saya berharap kerajaan akan memastikan latihan mencukupi untuk penjawat awam dan mewujudkan mekanisme pemantauan yang telus bagi mencapai matlamat ini. Dengan itu, sebelum saya mengakhiri saya punya perbahasan, saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal disambut tidak lama lagi. Dengan itu, saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB.

Sekarang saya jemput Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan.

5.42 ptg.

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua atas peluang ini. Sebenarnya awal-awal tadi, memang ada juga teks saya sudah sedia untuk mahu berucap dan lebih-lebih lagi di Sabah ini memang kita banyak masalah tentang perkhidmatan awam, tetapi oleh sebab saya senada dengan saudara Abun tadi bercakap untuk memenuhi hasrat kita supaya sebaik-baiknya kita dapat balik awal.

Jadi, dalam sebenarnya cuma berpesanlah supaya dalam ekosistem pentadbiran moden yang semakin dinamik sekarang ini yang berorientasikan data. Kerajaan tidak boleh lagi beroperasi dengan sistem birokrasi lapuk yang menghalangkan kemajuan dan dengan wujudnya RUU Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 ini, saya berharap kita dapat merealisasikan matlamat negara dalam memastikan pentadbiran yang cekap, telus dan berorientasikan rakyat. Jadi dengan itu, saya juga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri pada rakan-rakan semua di sini. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih. YB Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini memang amat bekerjasama dengan persidangan kita, tapi jangan lupalah kalau ada bantuan yang diminta oleh YB-YB, tolonglah uruskan dengan baik... *[Ketawa]* Jangan buat tak tahu pula lepas ini.

Sekarang saya jemput Datuk Rosni binti Sohar.

5.44 ptg.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Dewan Negara, juga kepada Menteri. Saya percaya RUU ini berpotensi besar untuk membawa transformasi kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan. Namun, terdapat beberapa persoalan dan cadangan penambahbaikan yang perlu dipertimbangkan dalam membantu memastikan RUU ini bukan sahaja berkesan, tetapi juga memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Datuk Yang di-Pertua, persoalannya, apa fasal 6(1)(b) yang memperuntukkan kewajipan pengurangan beban kawal selia sekurang-kurangnya 25 peratus setiap tahun digubal secara purata tanpa mengambil kira keperluan sektor-sektor tertentu. Setiap sektor atau industri mempunyai keperluan mekanisme kawal selia yang berbeza. Dalam sektor kesihatan misalnya, terdapat peraturan khusus yang perlu dipatuhi untuk memastikan keselamatan pesakit dan kualiti rawatan.

Begitu juga dalam sektor perbankan di mana kawal selia tertentu diperlukan untuk melindungi simpanan rakyat dan mengelakkan daripada aktiviti penipuan. Mengurangkan kawal selia secara kasar tanpa mengambil kira keputusan khusus dalam sektor-sektor ini, mungkin menyebabkan kegagalan sistem dan risiko besar kepada keselamatan awam.

Oleh itu, saya mencadangkan agar setiap sektor dinilai secara spesifik dan bukannya secara umum untuk mengenal pasti peraturan yang boleh dipermudahkan tanpa menjejaskan objektif kawal selia utama. Sebagai contoh, sektor kesihatan, pendidikan dan perbankan memerlukan peraturan yang lebih ketat untuk memastikan keselamatan dan kestabilan sementara, sektor komersial mungkin memerlukan lebih banyak fleksibiliti dalam kawal selia.

Datuk Yang di-Pertua, persoalan yang kedua, melalui fasal 8, Ketua Setiausaha Negara dilihat diberikan kuasa yang sangat luas dalam merancang melaksanakan dan memantau dasar berkaitan kecekapan perkhidmatan kerajaan tanpa melindungi dan menafikan peranan beliau, terlalu banyak kuasa yang diberikan kepada satu orang individu boleh menimbulkan risiko ketidakcekapan atau penyalahgunaan kuasa.

Dalam konteks ini, saya mencadangkan agar kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa atau panel bebas yang terdiri daripada wakil-wakil sektor awam, swasta serta akademik untuk membantu dan memantau aspek pelaksanaan akta ini dalam memastikan ketulusan dan keberagamaan berperspektif dalam membuat keputusan dasarnya. Dengan merujuk panel ini juga boleh memberi nasihat dan menyelaras pelaksanaan supaya tidak terhenti kepada satu orang individu atau kementerian sahaja.

Saya juga ingin merujuk kepada fasal 13. Saya mohon penjelasan, mengapa ada pengecualian dalam situasi mana pengecualian diberikan.

Datuk Yang di-Pertua, persoalan yang ketiga, kaedah penarafan prestasi perkhidmatan kerajaan yang terlalu berfokus kepada angka seperti yang dicadangkan dalam fasal 10 dan fasal 11. Walaupun penarafan adalah cara yang baik untuk mengukur prestasi, saya bimbang bahawa penarafan yang terlalu berfokus pada angka mungkin akan mengabaikan aspek kualiti perkhidmatan dalam jangka masa yang panjang. Ada kemungkinan bahawasanya sesetengah entiti kerajaan akan menumpukan usaha untuk mencapai angka tertentu tanpa memperbaiki proses dalaman dan kualiti perkhidmatan yang sebenarnya.

Untuk konteks ini, saya mencadangkan agar sebarang penarafan perkhidmatan kerajaan dilengkapi dengan kriteria yang lebih holistik, yang tidak hanya mengukur pencapaian angka, tetapi juga aspek keberkesanan jangka panjang, kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan. Indeks kualiti perkhidmatan perlu diperkenalkan untuk memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang kejayaan dan kegagalan dalam sektor awam.

Datuk Yang di-Pertua, saya percaya cadangan-cadangan penambahbaikan yang telah saya lontarkan sebentar tadi adalah penting untuk dipertimbangkan sewajarnya bagi memperbaiki beberapa perkara yang boleh memberi kesan kepada keberkesanan pelaksanaannya. Saya percaya jika RUU ini diperkemas dan diberikan pemurnian, kecukupan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat akan mengalami transformasi yang besar dan menguntungkan rakyat serta negara.

Saya sebelum mengakhirkan, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua, kepada YB Menteri, kepada Yang di-Pertua dan semua Ahli Dewan Negara. Mudah-mudahan kita meraikan hari raya dengan sederhana, *insya-Allah*. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk. Syukur *alhamdulillah*, tadi kita mendapat rintangan yang besar nak menghabiskan sidang ini sebelum buka puasa, tapi sekarang ini jam 5.50, tinggal lagi tiga orang. Ya dan saya juga ingin susun 10- jari minta Menteri kalau boleh

pendekkan jawapan supaya kita boleh habiskan persidangan kita sebelum jam 6.30 petang. Terima kasih.

Sekarang saya jemput Datuk Edward Linggu.

5.49 ptg.

Datuk Edward Linggu Bukut: Terima kasih Datuk Speaker. Terpaksa potong-potong *line* ini... [Ketawa] Terlebih dahulu saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri kerana mengemukakan satu undang-undang iltizam kecekapan. So, kecekapan di sini dengan sekali gus memberi kita satu bayangan bahawa segala-galanya mestilah cekap, bersih dan sebagainya.

■1750

So, dalam masa yang singkat ini Datuk Yang di-Pertua, saya ingin sahaja untuk mengambil kesempatan untuk melibat beberapa isu iaitu antaranya ialah penggunaan pendigitalan dan automasi yang di mana tidak perlu lagi ataupun kurang *physical attendance*-rakyat jelata- untuk pejabat kerana semuanya *online*. Ini adalah satu yang bagus. Cuma mungkin kalau di peringkat luar bandar, di peringkat kampung yang masih kekurangan kemudahan-kemudahan digital dan IT, sudah pasti ini juga memberi satu cabaran. Sesungguhnya dengan penggunaan teknologi ini bukan sahaja tidak perlu hadir, mungkin kita boleh perkenalkan juga *drive thru* satu hari nanti supaya cepat itu perkhidmatan.

Dalam konteks ini Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dia punya *delivery system* dengan harapan selepas kecekapan ini tidak ada lagi rungutan rakyat yang lambat, tidak ada lagi rungutan rakyat yang pegawai tiada di pejabat. Ada tadi Menteri cakap, satu masuk, satu keluar. Harap bukan maksud yang satu itu keluar, satu itu masuk. Jadi, tidak ada di dalam pejabat. Saya harap-harap bukan begitu maksud dia.

Jadi Datuk Yang di-Pertua, harap-harap tidak ada lagi rungutan daripada rakyat dan penyampaian itu lebih cepat. Tidak lagi bilang satu minggu, dua minggu. Kalau boleh, kerja itu serta-merta. Kalau sekarang ini kita boleh minta bikin IC, sekurang-kurangnya kita boleh dapat dalam satu jam dan dua jam dan seterusnya. Jadi, inilah yang semestinya bagus.

Ketiga Datuk Yang di-Pertua, kita beri tumpuan- kita mintalah kerajaan beri tumpuan kepada beberapa buah jabatan yang panas ini seperti hospital. Hospital kalau lapor diri pukul 8 pagi, barangkali pukul 4 petang baharu *kau* habis, baharu dapat ada peluang jumpa doktor dan sebagainya. Begitu juga kalau di Kota Kinabalu ini jabatan-jabatan seperti JPN, panjang betul dia punya baris. Panjang baris tidak apa lagi Yang di-Pertua, kita kadang-kadang dia ini ada nombor, ini nombor pun ada *trick bah* macam mahu dapat itu nombor. Jadi, Yang di-Pertua tahulah apa macam mahu dapat itu nombor.

Ketiga, kadang-kadang dia ini pakai ejen sebab yang tuan badan itu tidak boleh tahan sudah tunggu, dia pakai ejen, pakai wakil dan sebagainya untuk mendapatkan perkhidmatan. So, Yang di-Pertua saya harap ini isu-isu yang pakai orang ketiga, pakai *runner* ini, tidak lagi timbul kerana kita sudah ada ini kecekapan dan sesungguhnya sangat kita alu-alukan. Satu lagi, bila kita cakap *delivery system* ini, saya anggap ada satu yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu polisi satu pintu. Satu pintu saya anggap ini kita boleh *complete the whole transaction* dalam satu- bangunan seperti mana yang selalu kita tahu macam UTC.

Timbalan Yang di-Pertua: *One-stop-center.*

Datuk Edward Linggu Bukut: Di Sabah ini *unfortunately* kita ada tiga sahaja *bah* UTC. Jadi, Timbalan Menteri kasi tambahlah *bah*. Biarlah setiap kawasan Parlimen itu satu UTC. Di Sabah ini juga saya difahamkan kita ada Pusat Komuniti Desa (PKD) yang antara lain dia punya moto PKD ini ialah “Satu Hentian, Pelbagai Perkhidmatan”. Cuma, dia punya perkhidmatan sekadar memberi taklimat, memberi panduan, tetapi perkhidmatan yang macam UTC itu macam belum lagi ada.

Jadi, dalam konteks ini untuk membantu yang perkataan “kecekapan” tadi, kita minta syorkan supaya diguna pakailah ini yang PKD ini untuk membantu khususnya rakyat masyarakat yang di kampung yang masih ada lagi yang belum begitu pandai, boleh dikatakan buta huruf dan tolonglah terutama yang warga-warga emas. Biarlah mereka berurusan di kampung dan tidak perlulah turun di Kota Kinabalu kah ataupun di bandar-bandar yang besar.

Saya fikir itu sudah cukup Datuk Yang di-Pertua dan dengan itu, sudah pasti dengan RUU ini nanti, sistem pentadbiran ini menjadikan lebih moden, cekap, mesra rakyat, membawa perubahan dan kita sebagai pemimpin sudah pasti akan rasa senang dan rakyat akan gembira. Dengan itu, saya mohon menyokong dan kesempatan ini juga, saya pun mahu ucap juga *bah* Selamat Hari Kris- Krismas pula. Selamat Hari Raya Aidilfitri. Sekian, terima kasih... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Terima kasih. Sekarang jam 5.54 petang, tinggal lagi dua orang.

Saya jemput sahabat lama saya, Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh untuk berbahas.

5.54 ptg.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Datuk Yang di-Pertua. Saya tengok ramai yang tarik diri. Maknanya saya mempunyai banyak masa... *[Dewan ketawa]*

Seorang Ahli: ...Jangan buat fasal.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Jangan buat pasal. Datuk Yang di-Pertua, sebenarnya saya nak ucap tahniah kepada PMX kerana telah menggubal rang undang-undang ini. *This* rang undang-undang adalah merupakan- dah *overdue*, dah lama dah sepatutnya diadakan daripada segi *government delivery system* ini. Saya setiap kali saya berucap di sini saya selalu sebut tentang *government delivery system and this is the time*. Tidak ada apa yang hendak dicakapkan lagi tentang undang-undang ini, tapi hanya perlu diluluskan. Itu yang penting

Keduanya, saya hanya nak bercakap beberapa contoh atas kelemahan-kelemahan kita sebelum ini. Saya harap dengan adanya rang undang-undang ini, kelemahan yang berlaku sekarang ini dapat dikurangkan. Dalam akta ini menyebutkan hendak kurangkan 25 peratus. Saya harap boleh capai lebih daripada itu lagi. Itu sangat penting sekali. Saya bersetuju dengan YB Edward tadi iaitu hospital ini adalah satu- pusat yang sangat penting bagi rakyat. Satu- tempat yang sangat penting bagi rakyat, tetapi ia memakan masa yang terlalu amat panjang.

Saya rasa kerugian bagi kerajaan kerana kerajaan *provide the medical service* dengan begitu murah sekali. Bayar RM1, *you* boleh dapat periksa doktor, dapat ubat berbakul-bakul dengan RM1, tetapi apa kredit yang dapat? *What is the* dividen dapat kepada kerajaan? Kadang-kadang *it is a negative* dividen- kerana apa? Kerana tunggu itu terlalu amat lama. *Waiting list* nak jumpa doktor, nak dapat rawatan itu terlalu amat lama. Kita bercakap tentang hospital-hospital di pedalaman, di bandar-bandar kecil. Mungkin itu berlaku, namun di Putrajaya pun berlaku. Mungkin di Labuan tak berlaku *kot* YB? Labuan okeylah, tapi di Putrajaya pun berlaku.

Setiap kali saya pergi ke Hospital Putrajaya, *I* pergi pukul 8 pagi dah sampai, pukul 2 petang belum tentu selesai. Mahu jumpa satu- doktor sahaja. Doktor jumpa pula tidak sampai 15 minit, dia bagi ubat. Ini *personal experience*. So, di tempat lain saya tidak tahu. Putrajaya ini kira pusat hospital yang canggih, tetapi juga makan masa yang panjang. *This is all about time management*. Saya yakin kerajaan yang ada hari ini di bawah PMX dan Menteri Kesihatan yang begitu hebat sekali dengan kecekalan, dengan iltizam yang tinggi, sepatutnya boleh ubah ini semua- perkara-perkara ini. *It's all about time management*. Datuk Yang di-Pertua, itu yang pertama.

Kedua, saya hanya nak bagi contoh-contoh sebab tentang akta ataupun rang undang-undang ini semua okey, semua sepatut dibuat lama dah, tetapi contoh-contoh atas kelemahan kita yang sepatutnya memberi manfaat kepada kerajaan- yang memberi dividen kepada kerajaan, tetapi kadang-kadang ia *backfire* kepada kita- semua. Satu lagi, ialah *human resource management (HR Management)*. Contohnya, *Nurses*, Misi- Misi lebih mudah nak sebut daripada *nurses...* [Ketawa]

Seorang Ahli: ...Jururawat.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Jururawat. Kita orang lama masih “Misi.” Jururawat selalunya mohon untuk pertukaran, *transfer of* tempat dia bekerja atas sebab keluarga, sebab suami kerja, dengan askar pindah ke situ, pindah ke sini, macam-macam sebab. Apa yang berlaku, satu kes yang saya tahu yang datang jumpa saya dan sebelum ini pun dah banyak, dia mohon untuk pertukaran. Dua tahun hanya dapat tahu dalam *online* sedang dalam tindakan Urus Setia apa benda entah. Urus Setia apa entah. Saya pun lupa dah Urus Setia, tapi itu saja. Dua tahun.

You rasa *happy* kah tidak dia? *Do you think we can get dividend out of this for the government?* Tak ada. Sudah tentu dia rasa tak puas hati.

Begitu juga berlaku di kalangan Guru. Guru pun dah lama, dah berlapuk dah pun masalah pertukaran Guru. Ini tak dapat diselesaikan begitu lama sekali. Semuanya ini merugikan kerajaan sebab mereka ini semua adalah pengundi. Minta maaf kalau cakap- kalau politik sikit pun kerana mereka ini semua pengundi. Kalau dia orang tak puas hati dengan kerajaan, kita- *we will face problem*. Itu Datuk Yang di-Pertua yang paling penting.

■1800

Sebab itu saya kata akta ini amat penting sekali dan *it's a long overdue*. Kerajaan, KSN, dalam akta tersebut perlu mengambil tindakan, perlu monitor dengan rapinya untuk mengurangkan kesesakan, kepincangan, sekurang-kurangnya 25 peratus dan saya harap lebih pada itu pun boleh kita buat. Ini yang paling penting.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja bab akta ini. Cuma, saya nak ambil masa dua, tiga minit untuk nak ucap *bye bye*. Saya hari ini merupakan mungkin hari yang terakhir saya berada di Dewan ini kerana tempoh saya tamat bulan depan, 24 April. *Next session* Dewan ini ialah *I think* bulan tujuh. Makna sudah tak sempat. Jadi, saya nak ucap terima kasih terutamanya kepada Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan *of course*, rakan-rakan Senator sekalian.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Dato' Yang di-Pertua, cuma minta penjelasan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Eh, terima kasih pun mencelah juga?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Fasal terima kasihlah yang mencelah.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Silakan... *[Ketawa]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Kalau tak terima kasih, tak mencelah. Tak, saya cuma tanya, adakah ini *the first term* atau pun *second term*?... *[Dewan ketawa]*

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Ini soalan tambahan ini. *First term... [Ketawa]* Ada harapan.

Saya ucap terima kasih *because* menjadi Senator ini merupakan satu *experience* yang terlalu amat berharga bagi saya. Terlalu banyak pengalaman saya dapat, menimba ilmu di sini, mendengar dan membuat sesuatu dalam Dewan ini. Itu tak boleh dibeli di *supermarket*. Tidak ada tempat yang menjual pengalaman seperti ini dan ilmu seperti ini. Hanya berada di sini sahaja. Jadi, saya terima kasih banyak kepada Perdana Menteri, kepada Presiden UMNO yang telah bersetuju untuk melantik saya sebagai Senator.

Cuma harapannya pengalaman ini masih dapat lagi kalau disambung... *[Ketawa]* Jadi, terima kasih kepada Speaker yang *very friendly*. Saya, Senator di sini sudah tiga tahun. *I managed to be the Senator under four speakership*. Okey. Bermula dengan Tan Sri Rais, *and then* Tun Junaidi- *TYT now, and then the late* Mutang Tagal *and now our* Speaker, Dato' Awang Bemee yang sangat-sangat *friendly*, yang selalu bagi masa yang panjang.

Begitu juga Timbalan Speaker, dua orang. Saya berada dalam ini sebagai Senator, dua orang Timbalan Speaker. Yang Berhormat Ali dan sekarang ini Datuk Nur Jazlan. *Thank you very much*, selamat hari raya, maaf zahir dan batin. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dijemput pembahas yang terakhir.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, kali pertama...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *First time I* buat *last*. Biasa *first*.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh. Ini? Okey. *Straight to the point*, ya.

Seksyen 6- seksyen 6(3)- KSN. Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin menyentuh berkenaan dengan seksyen 6(3) dalam RUU ini di mana "*Jika kerajaan mahu memperkenalkan peraturan atau garis panduan baru, mereka mesti membatalkan satu peraturan lama yang berkaitan.*" Peraturan mana yang boleh dibatalkan sebenarnya? Ini akan ditentukan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Saya tidak nafikan bahawa perkara ini perlu dalam mengelakkan pertambahan peraturan secara berlebihan yang membebankan rakyat. Namun, apa yang menjadi kebimbangan saya adalah, satu, iaitu berkenaan risiko kehilangan peraturan yang penting. Jika peraturan lama yang masih penting dipaksa untuk dimansuhkan secara tergesa-gesa bagi memberi laluan kepada peraturan baharu, ini boleh menjejaskan keberkesanan kawal selia tersebut.

Kedua, kuasa tersebut terlalu besar kepada Ketua Setiausaha Negara. KSN mempunyai kawalan untuk menentukan peraturan mana yang perlu dibatalkan dan dia boleh menimbulkan isu ketelusan.

Seksyen 10. Kedua, saya ingin membangkitkan seksyen 10 subseksyen 3 dan 10 subseksyen 6 dan seksyen 11 subseksyen 3 dan 11 subseksyen 5 mengenai dengan laporan prestasi entiti kerajaan sebagai kriteria memperuntukkan kewangan. Apa yang menjadi kebimbangan saya, perkara ini boleh membuka ruang kepada penyelewengan atau diskriminasi politik terutamanya bagi negeri-negeri yang ditadbir oleh pihak Pembangkang kerana Menteri yang diberi kuasa ini boleh menggunakan laporan prestasi sebagai asas pemberian dana itu sendiri kepada mana-mana entiti kerajaan dan kerajaan negeri.

Oleh itu, soalan ini sebenarnya, bagaimana pihak kerajaan akan memastikan diskriminasi politik ini tidak berlaku kerana kalau kita lihat dalam 10(3) dan 11(3) itu kuasa Menteri adalah begitu besar sekali. Dia boleh berunding dengan KSN untuk melantik mana-mana orang dan juga yang mempunyai kelayakan yang sesuai untuk memeriksa dan menilai laporan prestasi perkhidmatan sesuatu entiti kerajaan.

Seksyen 13. Kita lihat dalam seksyen 13 juga berkaitan kuasa menteri memberi pengecualian. Jadi, menteri diberikan kuasa mutlak untuk mengecualikan mana-mana entiti kerajaan daripada pematuhan akta ini. Saya melihat perkara ini akan menimbulkan isu ketelusan dan berat sebelah sekiranya ia dilaksanakan secara tidak adil. Jadi, apakah mekanisme kerajaan dalam memastikan pelaksanaan RUU ini akan dibuat secara adil seperti yang digariskan?

Audit. Seterusnya, RUU ini tidak boleh hanya tertumpu kepada produktiviti pekerja awam semata-mata, tetapi juga bagaimana kerajaan membelanjakan wang rakyat. Laporan Ketua Audit Negara saban tahun mendedahkan pembaziran, ketirisan dan projek yang gagal.

Justeru, saya ingin bertanya apakah langkah yang diambil untuk memastikan setiap sen perbelanjaan kerajaan benar-benar memberi nilai kepada rakyat? Adakah kerajaan bersedia memperkenalkan mekanisme audit yang lebih ketat bagi mengekang pembaziran dan pentadbiran awam?

Isu seterusnya ialah kebajikan penjawat awam. Ini pula berkenaan motivasi dan kebajikan penjawat awam. Kecekapan tidak boleh ditingkatkan hanya dengan mengenakan KPI yang tinggi kepada penjawat awam, tetapi juga perlu mempertimbangkan kebajikan mereka. Jika beban kerja meningkat tanpa ganjaran setimpal, ia hanya akan menyebabkan tekanan kerja dan menjejaskan kualiti perkhidmatan. Oleh itu, kerajaan perlu menjelaskan apakah insentif yang akan diberikan kepada penjawat awam yang menunjukkan prestasi cemerlang. Bagaimanakah kerajaan akan

memastikan bahawa RUU ini tidak disalahgunakan untuk menekan penjawat awam dengan beban kerja yang tidak realistik?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, RUU ini lah satu langkah yang baik, tetapi pelaksanaannya mesti tegas, telus dan tidak membebankan penjawat awam serta rakyat. Saya berharap kerajaan dapat memberikan penjelasan tersebut terhadap isu-isu yang saya bangkitkan sebelum RUU ini diluluskan. Sekian, terima kasih. Cukup 5 minit.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, tambahan. Tiga minit.. [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Rakan-rakan- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Senator yang dihormati, ini merupakan perbincangan saya yang terakhir kerana perkhidmatan saya sebagai Ahli Dewan Negara akan tamat genap satu bulan lagi, 24 April. Hari ini juga menandakan hari terakhir, saya terakhir berucap dari tempat dan Kerusi ini, H4 ini sebagai Senator lantikan Negeri Sembilan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan bagi menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Menteri Pengangkutan yang juga merangkap jawatan Pengerusi DAP Negeri Sembilan dan juga Setiausaha Agong DAP, Anthony Loke Siew Fook, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun bagi peranan dan lantikan sebagai saya- lantikan saya sebagai Senator yang telah saya miliki selama enam tahun yang lalu.

Ia merupakan satu penghormatan yang luar biasa untuk berkhidmat kepada rakyat Negeri Sembilan dan negara yang tercinta ini. Sepanjang masa ini saya berpeluang berkhidmat di bawah pimpinan tiga Yang di-Pertuan Agong, empat Perdana Menteri dan empat Yang di-Pertua Dewan Negara dan dua Timbalan Yang di-Pertua iaitu 4,3,3,2. *Nice number*.

■1810

Masing-masing menyumbang dengan cara mereka sendiri kepada tadbir urus negara kita. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka- semua atas bimbingan dan dedikasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah; dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed dalam memimpin *this August House* ke tahap yang lebih tinggi di persada antarabangsa.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Setiausaha Dewan Tuan Muhd Sujairi dan Puan Adlina Aisyah dan kakitangan-kakitangan Dewan Negara, Bentara-bentara yang sentiasa sudi membantu saya apabila apa-apa bantuan yang diminta. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada rakan-rakan Senator saya dahulu dan sekarang atas keakraban, kebijaksanaan dan komitmen mereka untuk menegakkan prinsip demokrasi kepada kakitangan Parlimen dan semua orang yang telah menyokong kerja saya di belakang tabdir.

Terima kasih atas usaha gigih kamu semua dalam memastikan kelancaran fungsi institusi yang dihormati ini. Paling penting saya berterima kasih kepada orang atau kawan-kawan yang saya telah berkhidmat. Kepercayaan dan aspirasi kamu semua telah menjadi panduan saya. Apabila saya meninggalkan peranan ini, saya berasa sangat syukur yang mendalam dan berharap usaha kolektif kita akan terus mengukuhkan negara tercinta kita.

Saya juga berharap Kerajaan MADANI akan terus memperjuangkan kebajikan rakyat demi mencapai pembangunan yang mampan. Sebelum berpisah, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

*Sungguh meriah di malam raya,
Anak menyusun lampu pelita;
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari disusun maaf dipinta.*

*Bunga mawar di tepi sawah,
Sungguh elok mekar selalu,
Pabila nanti kita berpisah,
Janganlah pernah melupakan aku.*

Sekian. Saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada rakan-rakan Senator yang beragama Islam dan yang lain selamat bercuti. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, bagi pihak rakan-rakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Maaf- silakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: *Okay, you want to take the floor?*

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: *No, no please you take the floor. I thought you were more senior.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Ini bererti *last but two*.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: *[Mencelah]*

6.13 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Okey. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Dato Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi ruang kepada saya- sedikit sahaja ucapan. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Wilayah. Kita bernasib baik sebenarnya orang-orang Labuan *because for the short period of time* Yang Berhormat sudah *somewhat change the landscape of* Labuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk *two great individual*, YB Tan Sri Fatmi dengan YB Kesavadas. Saya apabila pertama kali duduk sebagai Senator, saya dengar ucapan-ucapan YB Dato' Kesavadas ini. Dia memberi- *research- is very well read*, dia *research* dengan teliti. *And then* sampai terlupa nak set menyibuknya orang ini. *Every single topic* dia mesti masuk, *but when I listen*, apabila saya mendengar bahawa *it is full of* fakta termasuk fakta sains.

Satu lagi Tan Sri Fatmi *is an old friend*, tetapi *I feel comfortable he got another term*. So, *insya-Allah. I think you will be back*.

Okay, but carry back to Senator Kesavadas. Dia- I've been attending maybe 100 or even thousands of meeting masa Deputy Minister and Foreign Minister. Now, never I have seen especially among Senators in Parliamentary yang buat homework ini. Dia- when he read the statement ini dia nampak enjoy sekali. He loves his job and he love talking and he loved. This is something very unusual for a man yang- I'm not saying he's old. Is not- sorry Dato'. You not old, aren't you?...

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: *[Mencelah]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: *Okey that's what I want to listen. Because I feel the same when I'm listening to you. Now*, ini satu-satunya Ahli Senator yang *very impressive*. Macam saya katakan saya sudah beberapa *meeting* dan saya rasa sedih sedikit oleh sebab kehilangan seorang kawan, seorang sahabat. *Of course the quality of the debate-nya*.

Saya dengan Timbalan Speaker, Dato Awang Bemee dan Parlimen *before. I can proudly say there's a mud difference between Dewan Rakyat- sorry Menteri- and Dewan Negara. We are more sensible here, we are. I'm proud that... [Dicelah]* True ya. So, you know kita well behaved.

I had several- of other Foreign Ministers and saying what happen to Malaysia apabila melihat gelagat di dalam Dewan.

They cannot deliver the facts and the ideas and opinions dengan apa-apa yang berlaku and all you hear is a voice shouting and screaming. So, this is a- I have enjoyed this short period of time when both these gentleman and Tan Sri Fatmi- don't you laugh because you gonna be back you know. You have to know- because you are the Chairman- mana Dato' Hussin, sudah balik? You're gonna be the Chairman right for this empat buah negeri. So, therefore you have to come back. Okay.

Dato Speaker, thank you very much, Timbalan Speaker. I just- on behalf all of you if I can say Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin. Insya-Allah kita akan bertemu lagi di masa akan datang. Sekian. Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: *Thank you Tan Sri. It's very touching. Thank you, thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah perbahasan mengenai RUU Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025.

Sekarang dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Bagi berapa minit?

6.17 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Dr. Zaliha binti Mustafa]: Berapa?

Tuan Yang di-Pertua: 15.

Dr. Zaliha binti Mustafa: 15 masya-Allah panjang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey panjang ya.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Baik. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Dato Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Iltizam ini. Saya tak perlu sebutkan semua nama itu kerana kita nak pendekkan masa. Saya hanya diberi 15 minit sahaja.

Baik, rang undang-undang ini sudah tentunya akan menjadi sebahagian daripada titik sejarah negara untuk kita kenang lebih kurang lapan tahun daripada sekarang. Kerana apabila lulus nanti rang undang-undang inilah yang akan meletakkan Malaysia dalam kalangan 12 ekonomi paling berdaya saing dalam *World Competitiveness Ranking* dan kedudukan 25 teratas dalam *Corruption Perception Index* menjelang 2033. Jadi, atas sebab ini awal-awal lagi sebelum

saya meneruskan penggulangan, saya sudah juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dalam menyampaikan pandangan yang begitu bernas ya dengan kritikan dan juga cadangan-cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan penggulangan saya dengan isu yang mendapat perhatian sebahagian besar daripada Senator iaitu berkenaan dengan manfaat RUU Itizam. Jadi berkenaan dengan ini, menjawab pertanyaan YB-YB Senator mengenai manfaat RUU Itizam kepada kerajaan dan juga rakyat ini, sukacita saya maklumkan bahawa RUU ini dijangka memberi manfaat yang pelbagai dan secara langsung mahupun secara tidak langsung. Seperti yang pertamanya meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan dan mempercepatkan proses kelulusan serta penyampaian perkhidmatan. Mengurangkan sekurang-kurangnya 25 peratus. Diharap seperti yang YB Senator Mohamad Fatmi sebut tadi lebih tinggi daripada itu beban *clause*-nya setiap tiga tahun.

Seterusnya penarafan kawal selia agensi kerajaan akan mendorong untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. RUU Itizam ini juga pastinya akan dapat menjimatkan operasi kerajaan dan sektor swasta melalui penurunan birokrasi dan juga dokumentasi yang berulang. Seterusnya menurunkan kos pematuhan ataupun *compliance cost* bagi syarikat dan individu, meningkatkan juga ketelusan akauntabiliti dan pemantauan melalui laporan berkala kepada Parlimen dan mengurangkan risiko rasuah serta penyalahgunaan kuasa.

■1820

Manfaatnya secara tidak langsung Yang di-Pertua ialah meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi melalui kelancaran proses perniagaan, seterusnya meningkatkan pelaburan serta daya saing negara, mewujudkan budaya kerja dinamik dalam sektor awam melalui sistem insentif prestasi, mengukuhkan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan dan juga menjadikan perkhidmatan kerajaan lebih mesra rakyat, efisien dan juga tidak membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, RUU Itizam ini digubal berasaskan amalan terbaik global. Pengurangan beban kawal selia sebanyak 25 peratus telah terbukti mampu memberikan impak besar kepada pertumbuhan ekonomi. Sebagai contohnya, kajian di *European Unions* menunjukkan terdapat potensi pertumbuhan ekonomi sebanyak 1.62 peratus hasil daripada pengurangan beban pentadbiran. Di Malaysia, pelaksanaan reformasi di bawah rang undang-undang ini dijangka menjimatkan perbelanjaan kerajaan sehingga RM60 juta dan ia juga menjadi pemangkin kepada perkhidmatan kerajaan digital yang lebih responsif dan berorientasikan penyelesaian.

Jadi, RUU Iltizam juga akan memperkukuhkan daya saing sektor perniagaan dan menarik pelaburan sekali gus meningkatkan kedudukan Malaysia dalam indeks *Ease of Doing Business* serta *World Competitiveness Report* (WCR) memandangkan 60 peratus daripada indikator WCR adalah berdasarkan persepsi komuniti perniagaan terhadap persekitaran tadbir urus negara.

Isu kedua yang saya ingin sentuh Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan menyentuh tentang kuasa KSN. Jadi, saya ingin menyebut di sini perkara ini telah disentuh oleh YB Senator Datuk Rosni dan juga YB Dato' Kesavadas.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tadbir urus pelaksanaan iltizam yang bertujuan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam ini adalah merentasi sektor awam khususnya di peringkat Persekutuan termasuklah di peringkat negeri dan juga PBT. Hal ini memerlukan penetapan peranan KSN sebagai peneraju agar dasar pelaksanaannya diterima dan dipatuhi oleh entiti kerajaan.

Justeru, RUU Iltizam juga telah memperuntukkan tanggungjawab kepada KSN untuk merancang, melaksanakan dan memantau dasar berkaitan iltizam. Walau bagaimanapun, perlu difahamkan juga bahawa peruntukan ini tidak memberikan kuasa sepenuhnya kepada Ketua Setiausaha Negara kerana masih terdapat mekanisme kawalan yang akan memastikan keseimbangan kepada KSN dalam melaksanakan tugasnya.

Selain itu, kawalan kuasa KSN dalam pelaksanaan iltizam ini juga dapat dilihat melalui mekanisme pelaporan berkala oleh Menteri kepada Parlimen. Laporan Iltizam yang disediakan akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan hal ini memastikan pelaksanaan dasar Iltizam sentiasa berada dalam landasan yang betul sejajar dengan kepentingan negara. Dalam hal ini, walaupun RUU Iltizam memperuntukkan peranan yang luas kepada KSN namun kuasa ini tidak bersifat mutlak. Pendekatan musyawarah dan konsultasi boleh dilaksanakan melibatkan pihak pemegang taruh yang berkecuali serta pemantauan peringkat eksekutif akan memastikan keseimbangan dalam pelaksanaan tanggungjawab KSN di bawah RUU ini.

Isu ketiga yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan kesiapsiagaan penjawat awam yang menjadi keprihatinan. Contohnya, Yang Berhormat Tuan Manolan tadi. Semangat pengenalan RUU Iltizam ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan, bukan untuk menambah beban kerja perkhidmatan awam ataupun penjawat awam. Ini dapat dilihat melalui cara utama untuk mencapai matlamat RUU ini dengan mengurangkan kerenah birokrasi juga menghapuskan prosedur yang tidak relevan dan menstrukturkan semula bentuk kawal selia yang menyulitkan kerja harian penjawat awam.

Dengan pelaksanaan RUU ini, penjawat awam akan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih efisien kerana proses tidak perlu akan dikurangkan ataupun dihapuskan.

Penggunaan teknologi, yang ini termasuk dalam pelaporan akan mempercepat penyampaian perkhidmatan dan tugas berulang atau bertindan akan juga diminimumkan.

Sistem *One-In, One-Out* yang diperkenalkan memastikan bahawa setiap instrumen kawal selia atau prosedur baharu yang diperkenalkan perlu disertai dengan pembatalan instrumen kawal selia lama yang berkaitan hal perkara yang sama dan ini memastikan bahawa sebarang perubahan tidak menambah beban kerja. Sebagai contoh, jika satu- instrumen kawal selia berkaitan permohonan lesen contohnya Yang Berhormat baharu diperkenalkan maka satu-instrumen kawal selia yang lama berkaitan permohonan lesen yang tidak lagi relevan perlu dibatalkan.

Jadi, pendekatan ini juga telah berjaya dilaksanakan di beberapa buah negara luar seperti United Kingdom, di Australia dan juga di Korea Selatan yang telah pun membuktikan bahawa dalam- ia dapat mengurangkan beban kerja penjawat awam serta meningkatkan juga kecekapan pentadbiran.

RUU Iltizam ini memperkenalkan sistem automasi yang ramai juga telah menyebut tentang teknologi seperti kecerdasan AI dan juga integrasi sistem untuk mengurangkan tugas-tugas manual dan yang berulang yang sering menjadi beban kepada penjawat awam. Jadi, kita dah ada juga di beberapa buah agensi. Contohnya, sistem *MyBorderPass* di KLIA telah mempercepatkan pemeriksaan imigresen menggunakan kod QR, mengurangkan juga beban kerja Pegawai Imigresen, begitu juga di Perbadanan Putrajaya di bawah seliaan saya juga, kawalan saya sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

Permohonan permit bagi Kelulusan Merancang (KM) juga telah kita tambah baik prosesnya daripada ratusan hari sebelum ini kepada 48 hari dan kini dipercepatkan lagi kepada tujuh hari mulai 1 Oktober 2024 yang lalu dengan penggunaan sistem OSC 4.0 dan pelbagai lagi sebenarnya agensi yang telah melaksanakan kecekapan ini dan saya kira selepas daripada ini akan banyak lagi kita lihat.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Rosni tadi tentang mengurangkan instrumen kawal selia. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memahamkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengapa kerajaan berhasrat untuk mengurangkan instrumen kawal selia. Instrumen kawal selia merangkumi peraturan, arahan, pekeliling, garis panduan, prosedur dan proses kerja yang dikeluarkan oleh entiti kerajaan. Walaupun bertujuan memastikan pentadbiran yang teratur, ada kalanya instrumen ini menjadi terlalu kompleks atau tidak lagi relevan menyebabkan kos pematuhan tinggi dan melambatkan juga proses pentadbiran serta perniagaan.

Untuk menangani isu ini, kerajaan memperkenalkan beberapa mekanisme utama bagi mengurangkan beban kawal selia ini. Kebanyakannya sudah saya sebut tadi. Jadi, pertamanya RUU Iltizam ini menetapkan bahawa setiap instrumen kawal selia perlu disemak setiap tiga tahun sekali bagi memastikan ia masih relevan dan juga berkesan.

Kedua, kerajaan menetapkan sasaran mengurangkan beban selia sebanyak 25 peratus tadi. Jadi, dalam tempoh tiga tahun. Jadi, berdasarkan kajian antarabangsa, menunjukkan bahawa langkah ini boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara.

Ketiga, RUU Iltizam memperkenalkan pendekatan *One-In, One-Out* tadi yang mana setiap kali instrumen kawal selia baharu diperkenalkan, satu yang lama- instrumen kawal selia yang lama, yang sedia ada perlu dibatalkan.

Keempat, kerajaan boleh menggunakan *Standard Cost Model* atau SCM untuk mengira kos pematuhan serta instrumen kawal selia dan menentukan sama ada ia perlu dikekalkan, diubahsuai ataupun dimansuhkan. Jadi, model ini memastikan pengurangan beban kawal selia dilakukan secara sistematik tanpa menjejaskan kepentingan awam. RUU Iltizam juga memastikan setiap kementerian dan juga agensi perlu melaporkan pencapaian mereka dalam mengurangkan beban kawal selia dan laporan ini akan dibentangkan kepada Dewan Rakyat untuk memastikan ketelusan serta keberkesanan pelaksanaan reformasi ini.

Hal ini sudah tentunya selaras dengan pelaksanaan audit sektor kerajaan di mana Laporan Ketua Audit Negara hanya dibentangkan di Dewan Rakyat sahaja. Berkenaan dengan pengecualian akta Yang Berhormat Senator Datuk Rosni dan juga Dato' Kesavadas juga telah menyebut tadi. Jadi, RUU Iltizam ini memperuntukkan mekanisme pengecualian bagi memastikan pelaksanaan reformasi kawal selia tidak mengganggu operasi kritikal kerajaan terutamanya dalam sektor yang melibatkan keselamatan, kepentingan negara dan situasi luar jangka. Fasa pengecualian ini memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab selepas berunding dengan Ketua Setiausaha Negara.

Jadi, dia tidak dibuat hanya dengan suka-suka tapi dia ada prosedur-prosedur tertentu dan untuk mengecualikan mana-mana entiti kerajaan atau sebahagian daripadanya serta mana-mana instrumen kawal selia atau sebahagian daripadanya daripada pemakaian RUU Iltizam ini. Pengecualian ini bertujuan memberikan fleksibiliti dalam pelaksanaan tanpa menjejaskan fungsi penting kerajaan.

■1830

Walau bagaimanapun, Menteri juga boleh membatalkan pengecualian tersebut sekiranya terdapat keperluan untuk menyelaraskan semula sesuatu peraturan dengan objektif reformasi iltizam. Jadi, beberapa situasi membolehkan sesuatu entiti kerajaan atau instrumen kawal selia

dikecualikan daripada pemakaian RUU ini. Sebagai contoh, instrumen kawal selia dalam sektor kesihatan dan juga keselamatan boleh dipertimbangkan untuk pengecualian melalui permohonan kepada Menteri.

Ringkasnya, tiada sebarang pekeliling, prosedur dan peraturan yang terkecuali daripada pemakaian RUU Itizam ini termasuklah Peraturan Mesyuarat yang kita gunakan dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Terakhir, saya ingin menyentuh tentang tadbir urus RUU Itizam dan pemantauan. Juga ada Senator yang menyentuh tentang hal ini. Berkenaan dengan tadbir urus RUU Itizam ini dalam pelaksanaannya, koordinasi antara kementerian akan diputuskan dan diselaraskan oleh Ketua Setiausaha Negara. Selain itu, sistem penarafan kawal selia akan digunakan sebagai mekanisme pemantauan yang lebih *granular* di mana agensi kerajaan yang berjaya mengurangkan kerenah birokrasi serta meningkatkan kecekapan akan diberi insentif dan juga pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit tadi yang disentuh, sebelum saya mengakhiri. Saya ada lagi berapa minit?

Tuan Yang di-Pertua: Ada 1 minit 15 saat.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa: Oh, satu minit. Baik, kalau 1 minit, saya buat penutupanlah. Baik, saya tutup dulu, Yang di-Pertua.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semua menyokong Rang Undang-undang Itizam Kecekapan Perkhidmatan ini dan bersama-sama kita mencipta sejarah dalam pembaharuan tadbir urus untuk rakyat bagi kerajaan. Penggubalan RUU Itizam ini merupakan antara reformasi terbesar perkhidmatan awam sejak Merdeka lagi.

Oleh yang demikian, sokongan terhadap RUU ini sudah pastinya akan menampilkan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebagai pendukung kepada usaha kecekapan perkhidmatan kerajaan. Jadi, langkah ini juga selari dengan agenda Kerajaan MADANI yang menjunjung tatakelola baik untuk menarik pelaburan dan menyediakan ekosistem ekonomi Malaysia yang lebih sihat.

Jadi, saya kira, Yang Berhormat semua, jika ada isu-isu lagi yang saya tidak menjawab pada hari ini, saya mohon untuk menjawab secara yang bertulis. Jadi, sebagai penutupnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan 'pantun' dua rangkap iaitu...

*Dulu beratur panjang berjela,
Menunggu dokumen sampai terlena,
Kini sistem lebih sempurna,
Kerja selesai tiada sengsara.*

*RUU Iltizam nama diberi,
Reformasi bukan sekadar janji,
Kecekanan diberi kepuasan dinikmati,
Rakyat gembira tidak terperi.*

Jadi, sekian, terima kasih. Saya mengucapkan selamat hari raya kepada semua dan maaf zahir dan batin. Terima kasih... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perpaduan (Puan Saraswathy a/p Kandasami) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah*. Pujian dan syukur kepada Allah SWT. Pada hari ini, Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kelima Belas Majlis Dewan Negara selesai bersidang selama 12 hari di sepanjang bulan Ramadan bermula 3 Mac 2025.

Syabas dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian bagi membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan dan telah menimbang serta memutuskan sebanyak 10 rang undang-undang termasuk Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 yang diputuskan melalui Undi Belah Bahagian dan telah mendapat lebih daripada dua pertiga sokongan daripada keahlian Dewan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya nyatakan bahawa Dewan yang mulia ini telah menjalankan tanggungjawabnya melalui komitmen yang sangat tinggi dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menzahirkan kewibawaan serta menjalankan peranan semak dan imbang terhadap proses penggubalan undang-undang negara.

Selain itu, peranan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara juga terus diperkukuh dan dua buah Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara telah dibentangkan pada sesi kali ini iaitu Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti dan Antirasuah dan Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang. Usaha ini bukanlah usaha yang kecil. Ahli-ahli jawatankuasa telah menjalankan satu lagi komponen dan fungsi legislatif dalam proses semak dan imbang terhadap kuasa-kuasa eksekutif khususnya kepada isu-isu yang telah diteliti.

Saya mengesyorkan agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat meneliti dan menggunakan input daripada laporan penyata yang telah dibentangkan sama ada sebagai asas perbahasan ataupun fahaman dan pengetahuan atau dalam menimbang suatu rang undang-undang, dan juga berharap pihak kerajaan dapat memberi respons ke atas syor-syor yang telah diusulkan oleh Jawatankuasa Pilihan ini dan memberikan maklum balas dalam enam bulan selaras dengan terma rujukan Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah diluluskan oleh Majlis.

Pastinya penglibatan yang sangat aktif amat membanggakan dan meningkatkan lagi kredibiliti Dewan yang mulia ini. Saya ingin juga menyarankan agar momentum ini dapat diteruskan agar ia dapat benar-benar menonjolkan fungsi Dewan ini sebagai *the Upper House*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah dan akan menamatkan tempoh penggal perkhidmatan. Diucapkan selamat maju jaya dan jasa Yang Berhormat akan dikenang oleh negara.

Penghargaan ini khususnya saya rakamkan buat Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad yang menamatkan tempoh perkhidmatannya pada 20 Mac yang lalu. Seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menamatkan tempoh sepanjang April hingga Julai 2025 iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim. Didoakan Ahli-ahli Yang Berhormat terus sihat dan panjang umur serta moga masih ada ruang dan kesempatan untuk bertemu lagi di Dewan yang mulia ini. Untuk yang satu penggal sahajalah sebab di bawah Perlembagaan kita hadnya dua penggal. So, YB Kesavadas, kita ucapkan selamat sihat dan hidup maju jaya selepas menjadi Ahli Dewan Senat.

Tidak saya lupa juga untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Pentadbiran Parlimen Malaysia

khususnya kepada Setiausaha Dewan Negara yang telah mengetuai dan melancarkan sesi mesyuarat pada kali ini dengan baik dan teratur... *[Tepuk]* Juga kepada media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang akan pulang ke kawasan masing-masing, selamat pulang ke destinasi dengan selamat dan berhati-hatilah di jalan raya. Semoga kita berkesempatan untuk berjumpa lagi.

Akhir kata, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang meraikannya. Saya juga seperti Yang Berhormat Menteri tadi dan Yang Berhormat Dato' Kesavadas ingin mengakhiri ucapan saya dengan beberapa rangkap pantun. Saya harap pantun ini sama standard dengan yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

*Sinaran senja nan mempesona,
Pulang ke sarang si burung kedidi;
Mesyuarat selesai penuh bermakna,
Moga manfaat kekal abadi.*

*Aidilfitri hampir menjelang tiba,
Mengerat jalinan keluarga yang jitu;
Salam dihulur maaf didamba,
Moga bertemu di lain waktu.*

*Mekar seroja di Taman Botani,
Harum mewangi bunga kekwa;
Sidang ditutup dengan harmoni,
Selamat hari raya setulus jiwa... *[Tepuk]**

Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. *Adjourn sine die.*

[Dewan ditangguhkan pukul 6.42 petang]